Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur



LAPORAN TAHUNAN
2022

www.dbkl.gov.my



LAPORAN TAHUNAN
2022

www.dbkl.gov.my

© Hakcipta Terpelihara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Pentadbiran
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Wiayah Persekutuan

Telefon : 03-26179851
Faksimile : 03-26949151
Emel : jptd@dbkl.gov.my

Imbas kod QR untuk memuat turun Laporan Tahunan DBKL 2022 atau boleh melayari Portal Rasmi DBKL
https://www.dbkl.gov.my/laporan-tahunan-dbkl/

ISI KANDUNGAN

01 Latar Belakang Organisasi

Isi Kandungan	iii
Perutusan Datuk Bandar Kuala Lumpur	iv
Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur	vi
Pengurusan Tertinggi	vii
Ketua Jabatan	viii
Carta Organisasi DBKL	x
Info DBKL	xii
Visi, Misi, Objektif	
Slogan	
Fungsi	
Piagam Pelanggan	

02 Sektor Datuk Bandar 1

Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan	2
Jabatan Perancangan Korporat	10
Jabatan Audit Dalam	36
Jabatan Integriti	51

03 Sektor Perancangan Bandaraya 59

Jabatan Perancangan Infrastruktur	60
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan	73
Jabatan Kawalan Bangunan	85
Jabatan Perancangan Bandaraya	104

04 Sektor Pengurusan 143

Jabatan Pengurusan Maklumat	144
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	154
Jabatan Pentadbiran	187
Jabatan Kewangan	201
Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	212
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	218

05 Sektor Pembangunan Sosio-Ekonomi 239

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	240
Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan	260
Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan	267
Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	282
Jabatan Penguatkuasaan	329

06 Sektor Pengurusan Projek 351

Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran	352
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	375
Jabatan Pengangkutan Bandar	397
Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi	424
Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan	430
Jabatan Ukur Bahan	461

07 Laporan Penyata Kewangan 467

DBKL mahu merealisasikan visi Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang mampan, berdaya huni, berdaya tahan, selamat, sejahtera dan inklusif untuk semua. DBKL berpegang teguh kepada janji untuk memastikan "***No One is Left Behind***".

DATUK SERI MAHADI BIN CHE NGAH
Datuk Bandar Kuala Lumpur



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Alhamdulillah, segala pujian dan syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah rahmat dan izinNya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah berjaya melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan cekap, efisien dan cemerlang sepanjang tahun 2022 yang diterjemahkan dalam buku Laporan Tahunan ini.

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab merancang dan mentadbir urus ibu negara Kuala Lumpur, DBKL terus menyampaikan perkhidmatan berkualiti dengan ikhlas dan berpaksikan integriti yang tinggi bagi merealisasikan visi Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang mampan, berdaya huni, berdaya tahan, selamat, sejahtera dan inklusif untuk semua. DBKL berpegang teguh kepada janji untuk memastikan *"No One is Left Behind"*.

Laporan Tahunan DBKL 2022 ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai tata kelola, usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh DBKL sepanjang tahun 2022 dalam merealisasikan visi tersebut, demi manfaat dan kesejahteraan warga Kuala Lumpur.

Tahun 2022 menyaksikan aktiviti ekonomi semakin rancak dengan pembukaan sempadan negara semenjak April 2022. DBKL tidak putus-putus memberi galakkan kepada pertumbuhan ekonomi di ibu negara bagi memastikan ekonomi negara kembali pulih dan terus berkembang rancak. Galakkan ekosistem ekonomi yang efisien adalah penting dalam meningkatkan lagi daya tarikan Kuala Lumpur.


Laporan Tahunan ini juga menyediakan analisis ringkas mengenai pencapaian dan prestasi setiap jabatan yang pasti akan mendorong warga kerja DBKL untuk mengambil tindakan penambahbaikan pada masa akan datang.

Sesungguhnya, tahun 2022 juga menyaksikan Kuala Lumpur kembali bergerak dengan progresif menerusi pelaksanaan lebih banyak aktiviti. Aktiviti *new urban content* semakin banyak dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan penduduk Kuala Lumpur terus dijaga. Dengan kemunculan lebih ramai pelancong asing, *Team DBKL* terus komited menyediakan infrastruktur yang lebih selesa kepada semua.

Sesungguhnya, kejayaan yang ada pada hari ini adalah hasil usaha dan komitmen yang tinggi daripada kakitangan dan warga kerja *Team DBKL*. Justeru, saya menyeru seluruh DBKL untuk terus mengekalkan momentum dalam melaksanakan tugas dengan penuh amanah, berintegriti dan efektif pada tahun yang akan datang bagi membentuk Kuala Lumpur yang lebih baik.

Akhir kata, saya mewakili Pengurusan Tertinggi DBKL ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada *Team DBKL*. Semangat dan iltizam dalam menjaga dan mentadbir urus Bandaraya Kuala Lumpur terserlah dalam komitmen yang telah dipamerkan. Semoga dengan penerbitan Laporan Tahunan DBKL 2022 ini dapat dijadikan panduan dan rujukan buat kita semua dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.



DATUK SERI HAJI MAHADI BIN CHE NGAH
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Ahli Lembaga Penasihat
DBKL 2022


Dato'setia Diraja Dato'Abdul Ghani bin Haji Pateh Akhir


Tan Sri Mazlan bin Mansor


Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar


Datuk Seri Zainal Abidin bin Mohd Rafique


Datuk Nicole Wong Siaw Ting


Datuk Rajah AL Symon


Datuk Lau Beng Wei


Dato' Ismail bin Ngah


Dato' Tpr. Dr. Dolbani bin Mijan


Dato' Shabaruddin bin Ibrahim


Kapten (B) Datuk Muhammad Suhaimi bin Yahya


Datin Rashidah binti Mohd Sies


Encik Azhar bin Yahya


Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani


Encik Abdul Halim bin Abdul Aziz

Pengurusan Tertinggi
DBKL 2022



Datuk TPr Sulaiman bin Mohamed
Pengarah Eksekutif (Perancangan)



Khairul Anuar bin Mhd Juri
Pengarah Eksekutif (Pengurusan)



Datuk Haji Azmi bin Abdul Hamid
Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi)



Datuk Sr Haji Kamarulzaman bin Mat Salleh
Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek)

Ketua Jabatan
DBKL 2022



Nasrul Zaki bin Mohd Yunus
Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan




Zurida binti Hashim
Jabatan Perancangan Korporat




Nor Azlina binti Mohd Saad
Jabatan Audit Dalam



Abdulamin bin Abdillah
Jabatan Integriti



Zulkurnain bin Hassan
Jabatan Perancangan Bandaraya



Nor Fajariah binti Sulaiman
Jabatan Perancangan Infrastruktur



Mohd. Muzammer bin Jamaluddin
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan



Norizan binti Sulaiman
Jabatan Kawalan Bangunan



Badrul Hisham bin Baharuddin
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia



Mohamad bin Hamim
Jabatan Kewangan



Sr Mohd Helmi bin Mohd Sany
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta



Muhamad Azwal bin Ab. Azis
Jabatan Pengurusan Maklumat



Saifol Mazli bin Ahmad
Jabatan Pentadbiran



Norhaslinda binti Nordin
Pengetua Institut Latihan DBKL




Ismadi bin Sakirin
Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar



Zulkifli bin Muhammad
Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan



Umi binti Ahmad
Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar



Osman bin Ismail
Jabatan Penguatkuasaan



Khairul Azmir bin Ahmad
Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan



Norzaini binti Noordin
Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan



Mohamad Yasin bin Jamaludin
Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran



Nasri bin Ahmad
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal



Zulkifli bin Endut
Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi




Yu Chuan Hock
Jabatan Pengangkutan Bandar



Zulyazri bin Ismail
Jabatan Ukur Bahan

Carta Organisasi
DBKL 2022



JABATAN UNDANG-UNDANG DAN PENDAKWAAN
NASRUL ZAKI BIN MOHD YUNUS

JABATAN INTEGRITI
ABDULAMIN BIN ABDILLAH

PENGARAH EKSEKUTIF
(PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI)
DATUK HAJI AZMI BIN ABDUL HAMID

- **ISMADI BIN SAKIRIN**
  Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar
- **ZULKIFLI BIN MUHAMMAD**
  Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja
- **DR. UMI BINTI HAJI AHMAD**
  Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar
- **OSMAN BIN ISMAIL**
  Jabatan Penguatkuasa
- **KHAIRUL AZMIR BIN AHMAD**
  Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan

PENGARAH EKSEKUTIF
(PENGURUSAN PROJEK)
DATUK SR KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH

- **NORZAINI BINTI NOORDIN**
  Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan
- **MOHAMAD YASIN BIN JAMALUDIN**
  Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran
- **NASRI BIN AHMAD**
  Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal
- **LAr. HJ. ZULKIFLI BIN ENDUT**
  Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi
- **YU CHUAN HOCK**
  Jabatan Pengangkutan Bandar
- **ZULYAZRI BIN ISMAIL**
  Jabatan Ukur Bahan

Wangsa Maju, Lembah Pantai, Titiwangsa, Batu, Seputeh, Cheras, Bandar Tun Razak, Bukit Bintang, Kepong, Segambut, Setiwangsa

INFO DBKL 2022

VISI

Bandar Raya Sejahtera Untuk Semua Menjelang Tahun 2030

MISI

Untuk mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan ibu kota Kuala Lumpur menerusi program pembangunan fizikal, sosio-ekonomi, kawalan perancangan dan perkhidmatan perbandaran secara terancang dan selaras berteraskan tadbir urus yang cemerlang.

OBJEKTIF

Memastikan dan mempercepatkan pelaksanaan pencapaian status bandar raya bertaraf dunia yang unggul dan cemerlang.

SLOGAN

Bersedia Menyumbang, Bandar Raya Cemerlang

LATAR BELAKANG

Bermula daripada sebuah pekan kecil, Kuala Lumpur telah mengalami pelbagai evolusi sehingga menjadi ibu kota Malaysia. Pada 1 April 1961, hal ehwal perbandaran Kuala Lumpur ditadbir oleh perbadanan tunggal (Sole Corporation) yang di ketuai oleh Pesuruhjaya Ibu Kota. Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur dianugerahkan taraf bandar raya dan seterusnya diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974.

FUNGSI

1. Memberi perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sampah.
2. Memberi perkhidmatan kesihatan awam dan mengawal pencemaran.
3. Mengurus pengindahan bandar.
4. Membina dan menyelenggara jalan, mengadakan prasarana pengangkutan serta mengurus sistem lalulintas.
5. Membina dan menyelenggara sistem perparitan dan sungai.
6. Merancang dan mengawal pembangunan bandar.
7. Membina dan mengurus perumahan awam.
8. Mengurus, mengawal dan menempatkan semula setinggan.
9. Menguruskan dan mengawal hal ehwal penjaja dan peniaga kecil.
10. Mengeluar dan mengawal lesen perniagaan.
11. Merancang dan melaksanakan aktiviti sukan, kebudayaan dan pelancongan.

PIAGAM PELANGGAN

1. Merancang pembangunan ibu negara dengan cekap, efisien, teratur, terkawal dan telus untuk menjadikan bandar raya maju dan berdaya saing melalui kelulusan perintah pembangunan, pelan bangunan dan kerja tanah dalam tempoh ditetapkan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
2. Memudah dan menggalakkan urusan perniagaan serta menjamin keselamatan pengguna melalui pengamalan aktiviti perniagaan berkualiti bagi menjana pertumbuhan ekonomi berprestasi tinggi di ibu kota.
3. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam dan prasarana yang berkualiti, mencukupi, efisien, mesra pengguna dan mudah sampai bagi memenuhi keperluan warga kota.
4. Mengadakan aktiviti sosial/pembangunan komuniti setempat bersama persatuan penduduk/Badan Bukan Kerajaan mengikut jadual di setiap kawasan/Parlimen sekurang-kurangnya 2 kali sebulan untuk membentuk budaya masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.
5. Memastikan maklum balas awal kepada pengadu diberikan dalam tempoh 24 jam dan maklum balas mengenai status pelaksanaan tindakan ke atas aduan diberikan selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari daripada tarikh penerimaan aduan dan membuat susulan sehingga selesai.
6. Memastikan semua perkhidmatan online dapat dicapai secara berterusan (24 jam x 7 hari).
7. Mengurus kutipan hasil dengan cekap dan berbelanja dengan berhemah.
8. Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan secara adil, telus dan berterusan bagi kesejahteraan dan keselamatan warga kota melalui notis-notis yang dikeluarkan.
9. Memastikan modal insan dibangunkan secara berterusan untuk melahirkan warga kerja yang kompeten.
10. Menyedia, mengurus dan menyenggara kemudahan awam (stadium, kompleks sukan/ pusat komuniti, masjid/surau, taman rekreasi, pasar, pusat penjaja, perpustakaan, tandas awam, perhentian bas/teksi, tanah perkuburan dan krematorium)

Sektor Datuk Bandar

www.dbkl.gov.my

LAPORAN TAHUNAN
DBKL 2022

Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan ditubuhkan sekitar tahun 1960-an dikenali dengan nama Bahagian Pendakwaan dan diletakkan di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1970-an, ia dikenali pula dengan nama Bahagian Undang-Undang dan masih berada di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1973, ia dijadikan sebuah jabatan yang tersendiri dengan nama Jabatan Undang-Undang dan ditukar pula kepada Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang pada tahun 1976. Mulai 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan.

1.2 Unit-Unit di Jabatan

Mengikut Carta Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedia ada, Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan diletakkan di bawah seliaan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan terbahagi kepada tujuh (7) Unit utama seperti berikut:-

1. Unit Kontrak
2. Unit Penswastaan
3. Unit Guaman Sivil
4. Unit Gubalan dan Kajian Undang-Undang
5. Unit Pendakwaan
6. Mahkamah
7. Unit Pentadbiran

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan pada tahun 2022 adalah seramai tujuh puluh satu **(71)** orang **(diisi)** manakala satu **(1)** orang **(kekosongan)**. Pecahan kumpulan dan gred adalah seperti berikut :

Kategori	Tetap	Kontrak	Kekosongan	Jumlah
JUSA C (V7)	1	-	-	**1**
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	10	-	-	**10**
Kumpulan Sokongan 1 (Gred 17 – 40)	49	-	N19 (1)	**49**
Kumpulan Sokongan 1 (Gred 1-16)	10	N1 (1)	-	**11**
Jumlah	**70**	**1**	**1**	**72**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Menyediakan perundangan yang progresif dan efisien bagi membantu Datuk Bandar Kuala Lumpur kearah menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur bandaraya bertaraf dunia.

2.1 Misi

Menjaga kepentingan Datuk Bandar Kuala Lumpur dari segi undang-undang.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Penggubalan

(1) Dokumen Perundangan

i. Menyediakan draf pertama perundangan dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja dari tarikh arahan diterima, sekiranya maklumat yang diterima adalah lengkap.

(2) Dokumen Kontrak

ii. Menyediakan draf kerja dokumen kontrak dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh permohonan bertulis penyediaannya dikemukakan oleh jabatan-jabatan.

3.2 Pendakwaan

i. Menyemak aduan mahkamah yang diterima dari Jabatan Pelaksana dan mengemukakan sebarang ulasan kepada Jabatan Pelaksana dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh aduan lengkap diterima.

ii. Memaklumkan keputusan kes kepada jabatan-jabatan yang berkenaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh keputusan diterima dari Mahkamah.

3.3 Sivil

i. Melantik panel peguam untuk mewakili Datuk Bandar dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh terima saman kes litigasi sivil terhadap Datuk Bandar.

ii. Memaklumkan keputusan kes-kes mahkamah kepada jabatan-jabatan yang berkenaan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh keputusan diterima.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (CUSTOMER FOCUS)	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun IDB : 2 Hari Jabatan : 2 Hari	100 %
	2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	100 %
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (TRANSPARENCY)	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2022	100 %
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023 sebelum 31 Disember 2022	100 %
	5.	Menyelesaikan AP58 pada bulan Mei 2022	Memastikan pembayaran melibatkan AP58 dijelaskan pada Mei 2022	100%

KRA	Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian
PENGGUBALAN DAN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG	6.	Penambahbaikan kaedah dan tatacara pengurusan tatatertib di peringkat jabatan dan peringkat rayuan	Pelaksanaan Konvensyen Tatatertib peringkat DBKL	100%
	7.	Menggubal undang-undang kecil baru dan mengemukakan cadangan tersebut kepada KWP	(i) Undang-Undang Kecil Fi (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2022	100%
SEMAKAN INSTRUMEN/ DOKUMEN PERUNDANGAN	8.	Semakan perjanjian untuk penambahbaikan perjanjian	Menyemak dan menambahbaik template Perjanjian Penggantian / Pemasangan Tiang Lampu Berintegrasi Sistem Pemancar Telekomunikasi oleh Jabatan Pelaksana Template Perjanjian yang disemak akan memfokuskan kepada terma-terma berkaitan dengan pemasangan dan penggantian tiang-tiang lampu berintegrasi sistem pemancar telekomunikasi yang turut merangkumi syarat-syarat kelayakan, hak pendudukan dan tanggungjawab pihak syarikat.	100 %
	9.	Penyediaan template pindaan Perjanjian Jual Beli penjualan harta tak alih milik Datuk Bandar Kuala Lumpur	Menyediakan template pindaan Perjanjian Jual Beli penjualan harta tak alih milik Datuk Bandar Kuala Lumpur	100%
KHIDMAT PERUNDANGAN MELALUI PENGAUDITAN	10.	Kertas Kajian Implikasi Pandemik Terhadap Pelaksanaan Perjanjian-Perjanjian Datuk Bandar Kuala Lumpur	Menyemak dan meneliti peruntukan-peruntukan di dalam Perjanjian-Perjanjian DBKL apabila berlakunya pandemik dan kesan terhadap pelaksanaan Perjanjian-Perjanjian tersebut bagi kedua-dua pihak di dalam Perjanjian-Perjanjian tersebut.	100 %
	11.	Prosedur Permohonan Milikan Kosong Susulan Penghakiman Ingkar Terhadap Unit-Unit Perumahan Awam Dengan Tunggakan Sewa	Sasaran : Jabatan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Pengukuran : Jenis-Jenis Permohonan Jangkaan Keberkesanan Permohonan Risiko Permohonan	100 %
	12.	Kaedah Pemantauan Status Kes Sivil	Sasaran : Jabatan-Jabatan DBKL Pengukuran : Database Kes-Kes Sivil Terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur Laporan Status Kes Panel Peguam	100 %

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi-fungsi perundangan untuk pengurusan pentadbiran Bandar Raya Kuala Lumpur yang lebih mantap dan berkesan seperti berikut:

i) Memberi nasihat undang-undang kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan di dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

ii) Penggubalan dan penyemakan semua perundangan yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

iii) Menyediakan dokumen-dokumen kontrak dan instrumen-instrumen perundangan.

iv) Menjalankan pendakwaan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

v) Menyelaraskan dan meneliti kes-kes berkaitan tuntutan sivil.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit

5.2.1 Unit Kontrak

Memberi nasihat undang-undang berhubung perkara-perkara yang berbangkit daripada kontrak yang dimasuki oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan daripada instrumen perundangan yang telah disediakan/digunapakai.

i. Mendraf dan menyemak instrumen perundangan seperti kontrak-kontrak, memorandum persefahaman, akujanji, notis-notis dan lain-lain.

ii. Menyertai rundingan mengenai terma-terma dan syarat-syarat perjanjian.

iii. Menyimpan dan menyenggara data-data dokumen kontrak yang telah ditandatangani di dalam *Agreement Management Systems* (AMANS).

iv. Menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan di jabatan-jabatan dalaman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian-Kementerian

v. Mengkompaunkan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh DBKL.

5.2.2 Unit Penswastaan

i. Memberi nasihat undang-undang berhubung perkara-perkara yang berbangkit daripada perjanjian usahasama yang dimasuki oleh Datuk Bandar dan instrumen perundangan yang telah disediakan/ digunapakai.

ii. Mendraf dan menyemak instrumen perundangan seperti perjanjian usahasama, perjanjian pajakan, perjanjian pertukaran tanah, perjanjian jual beli, notis-notis dan lain-lain.

iii. Menyertai rundingan mengenai terma-terma dan syarat-syarat perjanjian.

iv. Menyimpan dan menyenggara data-data dokumen perjanjian yang telah ditandatangani.

v. Menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan di jabatan-jabatan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kementerian-kementerian.

vi. Menganggotai dan menghadiri mesyuarat-mesyuarat, Jawatankuasa Pengurusan Pelupusan Tanah DBKL, Jawatankuasa Teknikal Projek-Projek Penswastaan DBKL, Jawatankuasa Projek-Projek Penswastaan dan Jawatankuasa Pandu Projek-Projek Penswastaan DBKL.

vii. Menghadiri dan memberi nasihat kepada Lembaga Tatatertib DBKL dalam menjalankan prosiding tatatertib.

viii. Mengkompaunkan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh DBKL.

5.2.3 Unit Guaman Sivil

i. Memberi nasihat perundangan mengenai isu-isu berbangkit berkaitan tuntutan-tuntutan yang diterima atau dibuat oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

ii. Mengurus dan menyelaras kes-kes tindakan sivil yang dibawa oleh mana-mana pihak terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur atau oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur terhadap mana-mana pihak.

iii. Menghadiri prosiding pengurusan kes, sebutan, sesi mediasi dan perbicaraan kes-kes sivil bersama panel peguam DBKL di Mahkamah.

iv. Menganalisa dan mengkaji impak keputusan kes-kes dan mengesyorkan pindaan proses/ prosedur kerja jabatan-jabatan serta penyelesaian di luar.

v. Menguruskan pelantikan panel peguam DBKL dan menganalisa prestasi panel peguam DBKL secara tahunan.

vi. Menghadiri dan memberi nasihat kepada Lembaga Tatatertib DBKL dalam menjalankan prosiding tatatertib.

vii. Mengkompaunkan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh DBKL.

5.2.4 Unit Gubalan dan Kajian Undang-Undang

i. Memberi nasihat perundangan mengenai isu-isu berbangkit berhubung tadbir urus DBKL.

ii. Menggubal dan menyemak perundangan.

iii. Memberi pendapat tentang penggubalan perundangan.

iv. Menyediakan draf perundangan dalam Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris.

v. Menjalankan kajian dan penyelidikan undang-undang untuk tujuan merancang, menyemak semula dan menggubal perundangan yang efektif, mencukupi dan sesuai dengan kehendak semasa.

vi. Mengkaji semula perundangan yang lapuk dan usang.

vii. Menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan.

viii. Menghadiri dan memberi nasihat kepada Lembaga Tatatertib DBKL dalam menjalankan prosiding tatatertib.

ix. Mengkompaunkan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh DBKL.

5.2.5 Unit Pendakwaan

i. Mengendali pendakwaan di Mahkamah Majistret Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

ii. Memberi nasihat perundangan dan arahan kepada jabatan-jabatan DBKL yang melaksanakan fungsi-fungsi penguatkuasaan berhubung dengan penyiasatan dan pendakwaan.

iii. Menghadiri dan memberi nasihat kepada Lembaga Tatatertib DBKL dalam menjalankan prosiding tatatertib.

iv. Memberi latihan perundangan kepada jabatan-jabatan penguatkuasaan DBKL.

v. Memastikan aduan dan kertas siasatan yang disediakan oleh jabatan-jabatan penguatkuasaan DBKL adalah teratur dan mengikut peruntukan undang-undang.

vi. Menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan.

vii. Mengkompaunkan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh DBKL.

2.5.6 Mahkamah

i. Mengurus pemfailan aduan kes-kes tindakan penguatkuasaan dan tuntutan sivil untuk perbicaraan di Mahkamah Majistret Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

ii. Menyedia laporan harian kes-kes yang dikendali di Mahkamah Majistret Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan mengemukakan laporan tersebut kepada Ketua Hakim Mahkamah Sesyen.

iii. Menghantar kutipan denda harian ke Perbendaharaan Malaysia.

iv. Menghadiri mesyuarat-mesyuarat bersama pihak kehakiman (*judiciary*).

2.5.7 Unit Pentadbiran

i. Mengurus hal ehwal pentadbiran Jabatan.
ii. Mengurus kewangan dan belanjawan Jabatan.
iii. Melaksana fungsi pengurusan personel di peringkat Jabatan.
iv. Mengurus perkara-perkara berkaitan pengurusan kualiti dan isu-isu integriti Jabatan.
v. Menerima, merekod dan mengurus surat-surat Jabatan dan surat-surat yang diterima oleh Jabatan.
vi. Mengurus perolehan, merekod inventori dan pelupusan aset jabatan.
vii. Mengurus aduan awam dan pelaporan kepada jabatan berkaitan.
viii. Mengurus latihan, kursus, lawatan dan peperiksaan kakitangan Jabatan.
ix. Mengurus hal-hal berkaitan peralatan ICT Jabatan.

5.3 Aktiviti-Aktiviti Unit

Projek Penswastaan

Pada tahun 2022, sebanyak tiga belas (13) dokumen perjanjian yang telah ditandatangani di antara Datuk Bandar Kuala Lumpur dan pihak pemaju dan/atau syarikat yang melibatkan projek-projek penswastaan DBKL. Senarai lengkap perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani tersebut adalah seperti berikut :

Bil.	Tarikh Perjanjian Ditandatangani	Nama Perjanjian	Nama Pemaju dan/atau Syarikat
1.	7 Februari 2022	Perjanjian Tambahan (Kepada Master Agreement - Perubahan Saham Pemegang Saham)	Retro Highland Sdn. Bhd.
2.	9 Mac 2022	Perjanjian Tambahan (Kepada Perjanjian Penswastaan bertarikh 21.6.2012 - Perubahan Saham Pemegang Saham)	Amona Development Sdn. Bhd.
3.	25 Mac 2022	Perjanjian Tambahan Kedua (Kepada Perjanjian Penswastaan bertarikh 21.6.2012 - Parcel 8 (McD))	Amona Development Sdn. Bhd.
4.	13 April 2022	Perjanjian Tambahan Kelima (Kepada Perjanjian Usahasama bertarikh 26.7.1994)	Pancaran Nilai Sdn. Bhd.
5.	18 April 2022	Perjanjian Tambahan (Kepada Perjanjian Usahasama bertarikh 28.2.1990 – Lanjutan Masa & Consideration to DBKL)	Coneff Corporation Sdn. Bhd.
6.	29 April 2022	Perjanjian Jual Beli 843 Unit Kediaman Fasa 1A Seri Pahang Blok A	Bangsar Hill Park Development Sdn. Bhd.
7.	29 April 2022	Perjanjian Jual Beli 3 Unit Komersil Fasa 1A Seri Pahang Blok A	Bangsar Hill Park Development Sdn. Bhd.
8.	24 Jun 2022	Perjanjian Tambahan (Kepada Perjanjian Jual Beli bertarikh 29.5.2017)	Wayfield Construction Sdn. Bhd.
9.	17 Ogos 2022	Perjanjian Tambahan Ketiga (Kepada Perjanjian Penswastaan bertarikh 21.6.2012 – Pematuhan Kepada Peraturan 5(5)(a), 10 dan 11 Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989	Amona Development Sdn. Bhd.
10.	21 November 2022	Perjanjian Tambahan (Kepada Perjanjian Jual Beli bertarikh 9.4.2019)	SkySierra Development Sdn. Bhd.
11.	12 Disember 2023	Perjanjian Jual Beli (Penjualan Tanah)	Willowcrest Management Sdn. Bhd.
12.	22 Disember 2022	Perjanjian Tambahan Keempat (Kepada Perjanjian Penswastaan bertarikh 21.6.2012 – Perubahan Komponen Pembangunan dan Tempoh Penyiapan)	Amona Development Sdn. Bhd.
13.	30 Disember 2022	Perjanjian Jual Beli 700 Unit Council Home	Wayfield Construction Sdn. Bhd.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM 5,139,400.00	98.78
Perbelanjaan	RM 5,048,912.00	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
3 - 6 Julai 2022	• Jabatan Wilayah Persekutuan • Pengarah Eksekutif Pengurusan • Jabatan-Jabatan Dalaman DBKL	Bengkel Untuk Memuktamadkan Cadangan Draf Undang-Undang Kecil Fi (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2022	Memukatamadkan Draf Undang-Undang Kecil Fi (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2022
13 - 16 Julai 2022	• Pengarah Eksekutif Pengurusan • Jabatan-Jabatan Dalaman DBKL	Bengkel Pengurusan Due Diligence & Kawalan Kontrak Berkaitan ICT	Menambahbaik template perjanjian-perjanjian ICT
4 - 7 Disember 2022	• Datuk Bandar Kuala Lumpur • Pengarah-Pengarah Eksekutif • Jabatan-Jabatan Dalaman DBKL	Bengkel Penyediaan Perjanjian Facilities Management & Maintanance	Menyediakan satu draf perjanjian penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan infrastruktur di DBKL.

GAMBAR AKTIVITI BAGI TAHUN 2022

- **13 - 16 JULAI 2022**

  Bengkel Pengurusan DUE Diligence & Kawalan Kontrak Berkaitan ICT Di Raja Hotel, Alor Setar, Kedah



- **4 - 7 DIS 2022**

  Bengkel Penyediaan Perjanjian Facilities Management & Maintanance Di Hotel Double Tree Hilton, JB



- **Bengkel Untuk Memuktamadkan Cadangan Draf Undang-Undang Kecil Fi (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2022**



Jabatan Perancangan Korporat

1.0 LATARBELAKANG

1.1 Jabatan Perancangan Korporat (JPRK) berperanan merancang, mengurus serta melaksanakan usaha-usaha mempertingkatkan imej korporat dan profesionalisme DBKL bagi memastikan imej korporat dan profesionalisme DBKL berada pada tahap yang unggul dan cemerlang.

1.2 Empat bahagian di jabatan ini, ialah:

i. Bahagian Promosi dan Media
- Unit Media
- Unit Promosi & Fotografi

ii. Bahagian Pengurusan Acara Dan Perhubungan Antarabangsa
- Unit Majlis Rasmi & Protokol
- Unit Perhubungan Antarabangsa

iii. Bahagian Khidmat Pelanggan dan Aduan Awam
- Unit Khidmat Pelanggan
- Unit Aduan Awam dan Pusat Panggilan Setempat

iv. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

1.3 Bilangan pegawai dan kakitangan jabatan:

Bil	Kategori	Jumlah
1	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	**10**
2	Kumpulan Sokongan I (Gred 17-40)	**58**
3	Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	**6**
	Jumlah	**74**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Ke arah mempertingkatkan imej DBKL yang positif melalui komunikasi yang cekap dan berkesan dengan *stakeholders*.

2.2 Misi

Merancang, mengurus dan melaksanakan usaha-usaha mempertingkatkan imej DBKL yang positif.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Memastikan jemputan media dibuat selewat-lewatnya 24 jam sebelum majlis/ program/ aktiviti berlangsung.
3.2 Memastikan kenyataan media disediakan selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum aktiviti.
3.3 Memastikan maklum balas terhadap permohonan lawatan dari dalam dan luar negara diberikan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.
3.4 Memastikan maklum balas penerimaan aduan diberikan dalam tempoh 24 jam kepada pengadu.
3.5 Memastikan urusan pelanggan di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan DBKL diselesaikan dalam tempoh 15 minit.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	Bil.	KPI Tahun 2022	Sasar	Pencapaian (Januari - Disember 2022)
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN *(CUSTOMER FOCUS)*	1	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan (IDB : 2 Hari, Jabatan : 2 Hari)	100%	100%
	2	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022	100%	100%
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS *(TRANSPARENCY)*	3	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	95%	89%
	4	Mengemukakan Perancangan Perolehan 2023	100%	100%
	5	Menyelesaikan isu yang melibatkan AW58 pada bulan Mei 2022	100%	100%
PENINGKATAN IMEJ KORPORAT	6	Menyebar luas perkhidmatan, inisiatif dan sumbangan DBKL kepada pihak berkepentingan	100%	100%
	7	Melestarikan hubungan baik antara DBKL dengan pihak media	100%	100%
	8	Mengadakan penglibatan umum (*public engagement*) dalam hubungan antara DBKL dan warga kota	100%	100%
	9	Memantapkan kolaborasi DBKL dengan peringkat antarabangsa	100%	100%
	10	Menyediakan Pelan Strategik Komunikasi	100%	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi utama jabatan adalah seperti berikut:

5.1.1 Menjalinkan hubungan dan kerjasama DBKL dengan warga kota,agensi kerajaan, agensi swasta dan kedutaan asing bagi mempertingkatkan persefahaman dan perkhidmatan yang diberi.

5.1.2 Menyediakan dan menyebarkan maklumat yang positif dan tepat mengenai DBKL serta memberi maklum balas ke atas isu berbangkit kepada media massa.

5.1.3 Menyelaras lawatan luar dan dalam negeri dengan teratur dan berkesan.

5.1.4 Membantu dan memudahcara pelanggan dalam mendapatkan perkhidmatan, maklumat dan khidmat nasihat.

5.1.5 Mengurus aduan awam DBKL dengan cepat dan tepat.

5.1.6 Menyelaras majlis rasmi DBKL dengan teratur dan cekap

5.2 Fungsi bahagian:

5.2.1 BAHAGIAN PENGURUSAN MEDIA DAN PROMOSI

UNIT PROMOSI DAN FOTOGRAFI

i. Menguruskan penerbitan bahan bercetak dan bahan audiovisual bagi tujuan promosi dan publisiti.
ii. Menyelaras, memantau dan mengemaskini portal dan media sosial DBKL.
iii. Merancang dan melaksana pelan promosi bagi program dan kempen DBKL.
iv. Menyediakan bahan promosi (*story board/story telling*) dan merancang pemasaran serta penyebaran bahan promosi.
v. Menguruskan proses rakaman gambar dan video bagi program dan aktiviti DBKL.

UNIT MEDIA

i. Menyediakan strategi komunikasi untuk isu uatam DBKL.
ii. Menyelaras sidang media, kenyataan media, maklumbalas media dan permohonan temubual media dengan DBKL.
iii. Mengurus krisis komunikasi yang bertujuan menangkis tanggapan negatif terhadap DBKL dan menyebarkan maklumat positif kepada warga kota.
iv. Mengadakan hubungan baik dengan media.

5.2.2 BAHAGIAN PENGURUSAN ACARA DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

UNIT PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

i. Menyelaras kunjung hormat delegasi luar negara ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur
ii. Menjadi perantara dan membantu komunikasi DBKL dengan agensi luar di platform antarabangsa.
iii. Menyelaras hubungan pelbagai hala melibatkan persatuan antarabangsa yang disertai DBKL.
iv. Menyelaras hubungan dua hala dalam program/aktiviti yang melibatkan Bandaraya Berkembar dan *City to City* (C2C).
v. Membantu menyelaras program utama antarabangsa yang melibatkan DBKL.

UNIT MAJLIS RASMI DAN PROTOKOL

i. Menyelaras pengurusan majlis rasmi dan protokol dengan bertindak sebagai penasihat kepada penganjuran majlis melalui mesyuarat penyelarasan/persiapan majlis rasmi/raptai.
ii. Mengurus dan menyelaras pemasangan gegantung bendera bagi perayaan awam serta lawatan pembesar Negara luar dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain agensi.

5.2. BAHAGIAN KHIDMAT PELANGGAN DAN ADUAN AWAM

UNIT KHIDMAT PELANGGAN

i. Melayani pelanggan yang berurusan meliputi pertanyaan, aduan, cadangan dan maklumbalas berhubung perkhidmatan DBKL kepada pelanggan yang hadir secara bersemuka di Kaunter Khidmat Pelanggan.
ii. Meneliti, memproses dan mengkaji aduan yang diterima daripada pelbagai sumber seperti emel dbkl.dbkl.gov.my, dan menjawab aduan melalui panggilan telefon jika ada.
iii. Menyediakan analisa tahap kepuasan pelanggan serta mengemukakan cadangan penambahbaikan untuk seluruh Jabatan DBKL.
iv. Menyelaras sesi bersama pelanggan melalui Hari Bertemu Pelanggan dengan kerjasama jabatan-jabatan yang berkaitan.
v. Menyelaras dan melaksanakan naziran ke atas mutu perkhidmatan dan penyampaian pelanggan DBKL.
vi. Menguruskan penyediaan baju korporat kakitangan kaunter di semua Jabatan DBKL.

vii. Menyelaras kursus untuk petugas kaunter bersama Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB).

viii. Bertanggungjawab untuk menyelaraskan program '*Mystery Shopping*' bagi menilai tahap kualiti penyampaian perkhidmatan kakitangan petugas kaunter jabatan-jabatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

ix. Membantu menyelaras lawatan daripada delegasi dalam dan luar negara ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

UNIT ADUAN AWAM & PUSAT PANGGILAN SETEMPAT

i. Menyelaras penerimaan aduan awam melalui pelbagai saluran seperti Talian Bebas Tol (1-800-88-3255), Chatbot, KLCares, emel, surat, sistem i-Tegur KPKT, Biro Pengaduan Awam (BPA) dan lain-lain yang dimasukkan ke dalam Sistem pengaduan Awam Kuala Lumpur (ADU@KL).

ii. Memantau dan mendapatkan maklum balas terhadap aduan yang dikemukakan daripada Jabatan-jabatan Pelaksana secepat mungkin atau selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan aduan.

iii. Memantau urusan penyelarasan aduan di peringkat jabatan dikendalikan dengan efisyen dan berterusan.

iv. Meneliti dan menyelaras maklumat terkini prestasi pengurusan aduan awam di DBKL dan mengemukakan laporan kepada pihak pengurusan tertinggi.

v. Mengkaji dan mengenalpasti penambahbaikan kepada sistem aduan DBKL.

vi. Menyelaras lawatan tapak untuk mengenalpasti dan menyelesaikan aduan daripada wargakota.

5.2.4 PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

i. Mengurus dan mengawal selia aktiviti pentadbiran dan pengurusan kewangan Jabatan.

ii. Mengurus dan mengawal selia hal ehwal pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia jabatan.

iii. Menyelaras aktiviti inovasi kualiti dan pembangunan Jabatan.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2021 (RM)	Peratus (%)
Peruntukan yang diluluskan	RM8,429,600.00	89%
Perbelanjaan	RM6,043,367.00	
Pindaan 2022	RM6,611,000.00	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

7.1 Unit Media

Bil	Aktiviti	Jumlah
1	Sidang Media	26
2	Temubual Bersama Pengurusan Tertinggi DBKL dan Ketua Jabatan	8
3	Liputan Media (*Note to Editor*)	62
4	Kenyataan Media (*Press Release*)	97
5	Maklumbalas Media (*Press Rebuttal*)	82

Program dan aktiviti yang melibatkan Unit Media sepanjang tahun 2022

7.1.1 AKTIVITI BERSAMA MEDIA SEPANJANG TAHUN 2022

Beberapa program melibatkan bersama media mahupun dengan kakitangan lain-lain jabatan sebaik sahaja Perintah Kawalan Pergerakan dilonggarkan. Program-program yang diadakan ini bertujuan untuk mengekalkan hubungan baik di antara DBKL dengan pihak media serta warga DBKL sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan mereka. lain-lain jabatan sebaik sahaja Perintah Kawalan Pergerakan dilonggarkan. Program-program yang diadakan ini bertujuan untuk mengekalkan hubungan baik di antara DBKL dengan pihak media serta warga DBKL sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan mereka.

Di antara program-program sepanjang tahun 2022 adalah Sembang Santai Aidil Fitri Bersama Top Fans Facebook DBKL, Malam Penghargaan Media 2022 dan Bengkel Pelan Strategik Komunikasi DBKL.

7.1.2 SEMBANG SANTAI AIDIL FITRI BERSAMA *TOP FANS FACEBOOK* DBKL

Program ini dianjurkan bagi menghargai penglibatan dan peranan yang dimainkan oleh *top fans* di FB DBKL. Mereka ini terdiri daripada kakitangan DBKL yang aktif berinteraksi melalui medium facebook DBKL. Seramai 100 orang *Top Fans* telah dipilih secara rawak dan diraikan dalam majlis ini. Program sembang santai ini dihadiri oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Pengarah-Pengarah Eksekutif DBKL, turut dimeriahkan dengan cabutan hadiah bertuah kepada mereka yang hadir. Program ini telah dianjurkan di **Jibby by The Place, Desa Park City** pada **19 Mei 2022.**

7.1.3 MALAM PENGHARGAAN MEDIA 2022

Program ini merupakan aktiviti tahunan Unit Media dimana aktiviti jamuan makan malam dan santai bersama pihak media dengan Datuk Bandar, Pengurusan Tertinggi, dan Ketua-Ketua Jabatan DBKL yang telah diadakan pada 2 September 2022, bertempat di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur. Bertemakan *retro dan groovy,* majlis telah dihadiri seramai 150 pengamal media cetak dan media elektronik.

7.1.4 BENGKEL PELAN STRATEGIK KOMUNIKASI DBKL

Unit Media telah mengatur dan melaksanakan satu bengkel Pelan Strategik Komunikasi pada 13 hingga 14 Disember 2022 bertempat di Asian Institute of Chartered Bankers (AICB), Kuala Lumpur. Peserta bengkel terdiri daripada pelbagai jabatan dalaman DBKL yang berjumlah 40 orang. Bengkel ini bertujuan untuk mengumpul data dan maklumat daripada pelbagai jabatan dalaman DBKL untuk tujuan mendokumentasikan satu pelan komunikasi yang akan dijadikan bahan rujukan dan panduan.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
UNIT MEDIA (JABATAN PERANCANGAN KORPORAT)
TEL : 03-2617 9812 FAKS : 03-2694 1373 E-MAIL : akhbar@dbkl.gov.my

(41) DBKL/JPRK/100-2/1-45 Jld.7

NOTA KEPADA PENGARANG / PENERBIT – **(Metro Desk / General Desk)**

LIPUTAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN
JEJAK PAHLAWAN & KIOSK D'TEBING

Program mengenai perkara yang tersebut di atas akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh	:	**1 Mac 2022 (Selasa)**
Masa	:	**8:00 malam**
Tempat	:	**Lobi Menara DBKL 1,** **Jalan Raja Laut,** **50350 Kuala Lumpur.**

2. Perasmian program ini akan disempurnakan oleh **YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Wilayah Persekutuan.**

3. Sehubungan dengan itu, **WARTAWAN** & **JURUGAMBAR MEDIA** dijemput hadir untuk membuat **liputan.** Pihak Media diingatkan untuk **mematuhi SOP** seperti **pemakaian pelitup muka** dan menjaga **penjarakan fizikal** sewaktu membuat liputan.

Sekian.

UNIT MEDIA
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
28 Februari 2022
26 Rejab 144

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
UNIT MEDIA (JABATAN PERANCANGAN KORPORAT)
TEL : 03-2617 9812 FAKS : 03-2694 1373 E-MAIL : akhbar@dbkl.gov.my

(51) DBKL / JPRK / 100 - 2 / 1 / 51 Jld. 5

MAKLUMBALAS MEDIA

Pengarang
The Star - Metro
u.p. Grace Chen

KACAU GANGGU PENJAJA DI JALAN KUANTAN

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merujuk kepada soalan tersebut dan ingin memaklumkan mengenainya.
DBKL sedia maklum berkaitan kesesakan lalu lintas yang berlaku di sekitar Taman Tasik Titiwangsa terutamanya pada setiap hujung minggu ekoran warga kota menjadikan kawasan tersebut sebagai tempat untuk beriadah bersama keluarga.

Sehubungan dengan itu, DBKL melalui Jabatan Penguatkuasaan kerap kali membuat pemantauan dan tindakan di sekitar lokasi tersebut bagi memastikankeadaan lalu lintas di kawasan tersebut berjalan lancar dan penjaja-penjaja mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.

Berdasarkan statistik tindakan penguatkuasaan bermula Januari sehingga September 2022 sebanyak **6 tindakan sita penjaja** telah dilaksanakan di sepanjang Jalan Kuantan di bawah peruntukan **Undang-Undang Kecil PelesenanPenjaja (WPKL) 2016** dengan **2 Notis Kesalahan** telah dikeluarkan di bawah akta yang sama. Di samping itu, sebanyak **7 tindakan pindah halangan** telah dilaksanakan di sekitar kawasan tersebut.

Berkaitan isu penjaja basikal di sekitar Taman Tasik Titiwangsa, pihak DBKL telah mengadakan satu perbincangan bersama Persatuan Peniaga-Peniaga KecilTaman Tasik Tititwangsa dan juga Pengusaha Basikal Tapak A Taman Titiwangsa bagi mencari penyelesaian terhadap isu lambakan penjaja basikal di sekitar kawasan taman.

Hasil perbincangan tersebut, pengusaha basikal bersebelahan Stadium Titiwangsa telah diarahkan berpindah ke lokasi baharu yang telah ditetapkan namun mereka gagal berbuat demikian dengan alasan tapak baharu tidak mendapat sambutan daripada pengunjung taman. Teguran lisan telah diberikan kepada pengusaha basikal tersebut dan tindakan yang lebih tegas akan diteruskan sekiranya pengusaha basikal di lokasi tersebut masih berdegil.

Sekian.

Unit Media
Jabatan Perancangan
Korporat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
4 Oktober 2022
8 Rabuilawal 1444H

-Tamat-

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
UNIT MEDIA (JABATAN PERANCANGAN KORPORAT)
TEL : 03-2617 9812 FAKS : 03-2694 1373 E-MAIL : akhbar@dbkl.gov.my

(75) DBKL / JPRK / 100 - 2 / 1 / 51 Jld. 3

KENYATAAN MEDIA

(Untuk Siaran Serta Merta)

BAZAR AIDIL FITRI 2022
LORONG TUANKU ABDUL RAHMAN

Saya ingin merujuk kepada aduan pihak peniaga Bazar Aidil Fitri Lorong Tuanku Abdul Rahman berhubung dengan pemasangan pagar besi di sekitar bazar berkenaan.

Dimaklumkan bahawa Bazar Aidil Fitri Lorong Tuanku Abdul Rahman akan mula beroperasi pada 9 April hingga 2 Mei 2022. Lokasi bazar ini bermula dari Kompleks Campbell sehingga ke persimpangan Masjid India. Sejumlah 206 petak perniagaan dengan ukuran khemah berbagai warna bersaiz 8'x8' disediakan.
RASIONAL PEMASANGAN PAGAR BESI

Bazar Aidil Fitri di lokasi ini sentiasa mendapat perhatian dan menerima kunjungan orang ramai setiap kali ianya diadakan. Sebagai contoh, menjelang akhir Ramadhan tahun lepas, iaitu tahun 2021, semasa dalam tempoh PKPD pun, jumlah pengunjung tertinggi pada satu hari boleh mencapai angka 20,000 orang, walaupun dengan pematuhan terhadap SOP yang ketat yang menjadi keutamaan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Pada tahun ini, berdasarkan kepada situasi semasa COVID-19 yang berada di fasa peralihan endemik, DBKL menjangkakan bilangan pengunjung ke bazar ini jauh lebih ramai berbanding tahun lepas. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, DBKL perlu memastikan operasi bazar ini berjalan dengan lancar, teratur dan semua pihak mematuhi SOP kawalan COVID-19 yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Pemasangan pagar besi di bazar ini adalah atas sebab-sebab berikut:

i. Menggunakan kaedah yang sama dipakai pada tahun lepas, yang ternyata kaedah ini berjaya mengawal pematuhan pengunjung kepada SOP yang ditetapkan.
ii. Kawalan pengunjung ke bazar adalah penting bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19.
iii. Dengan adanya pagar besi ini, ia memudahkan kawalan oleh pihak DBKL.; dan
iv. Sekiranya tiada pagar, pemantauan menjadi sangat sukar dan bercelaru apabila bilangan pengunjung yang hadir ke bazar adalah ramai.

Namun begitu, DBKL sentiasa terbuka kepada pandangan dan cadangan- cadangan yang baharu. Sehubungan itu, berdasarkan kepada situasi semasa, DBKL telah berbincang dan memutuskan untuk mengubah kedudukan pagar besi yang telah dipasang di sekeliling bazar. Pagar besi hanya akan ditempatkan di pintu masuk sahaja.

Untuk itu, DBKL akan menyediakan 5 pintu masuk di mana pengunjung boleh berkunjung ke bazar melalui mana-mana 5 pintu masuk tersebut. Pintu-pintu masuk ini akan dikawal oleh kakitangan DBKL dan dibantu oleh RELA.

Semua pengunjung dikehendaki sentiasa memakai pelitup muka dan mengimbas MySejahtera di pintu masuk.

KESIAPSIAGAAN DBKL

DBKL sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan terutamanya dalam aspek keselamatan. Melalui penggunaan CCTV, kawalan di lapangan oleh anggota penguatkuasa DBKL, penempatan Bilik Gerakan dan maintenance team yang bertugas dan berada di lapangan 24 jam.

Penggunaan alat pembesar suara juga disediakan bagi memastikan maklumat dapat disampaikan kepada semua pihak yang berada di bazar.

Seramai 400 kakitangan DBKL yang terlibat dalam menguruskan Bazar Aidil Fitri ini.

NASIHAT DAN INGATAN

Saya ingin menasihatkan semua peniaga dan pengunjung supaya memberikan kerjasama dengan mematuhi segala arahan dan SOP yang telah ditetapkan.

Adalah diharapkan, peniaga boleh berniaga dalam suasana yang selesa dan terbaik, manakala pihak pengunjung boleh membeli belah barangan keperluan Hari Raya dengan selesa dan selamat. Dan yang penting lagi ialah tidak berlakunya tularan COVID-19.

Aspek keselamatan dan keselesaan semua pihak adalah menjadi keutamaan DBKL dalam menguruskan Bazar Aidil Fitri ini.

Bazar ini bukan sahaja terkenal dan menjadi tumpuan pengunjung tempatan malahan merupakan salah satu daya tarikan pelancong luar negara juga.

Sekian.
YBhg. Datuk Seri Haji Mahadi bin Che Ngah
7 April 2022
5 Ramadan 1443H

GAMBAR AKTIVITI BAGI TAHUN 2022

15 MEI 2022

Sembang Santai Aidli Fitri Bersama Top Fans Facebook DBK, Jibby by The Place, Desa Park City



2 SEPTEMBER 2022

Malam Penghargaan Media 2022, Hotel Mandarin Kuala Lumpur





13 – 14 DISEMBER 2022

Bengkal Pelan Strategik Komunikasi DBKL, AICB, Kuala Lumpur





7.2 Unit Majlis Rasmi & Protokol

Unit Majlis Rasmi dan Protokol, Jabatan Perancangan Korporat telah terlibat dengan pelbagai acara rasmi yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan mahupun anjuran bersama di antara DBKL dan agensi-agensi kerajaan serta bukan kerajaan.

Sepanjang tahun 2022, unit ini telah terlibat secara langsung dalam 151 majlis rasmi di mana 143 ialah anjuran jabatan-jabatan di dalam DBKL dan 6 majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi-agensi kerajaan serta 2 acara majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi bukan kerajaan.

Unit ini juga terlibat secara langsung dalam menyelaraskan urusan pemasangan gegantung (bunting) bendera dan memastikan penyediaan hiasan serta kebersihan di laluan-laluan protokol apabila Bandaraya Kuala Lumpur menerima kunjungan Pembesar-Pembesar Luar Negara. Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2022 dan Sambutan Hari Kemerdekaan 2022, unit ini telah menyelaras urusan pemasangan gegantung *(bunting)* bendera di laluan-laluan protokol sekitar Kuala Lumpur.

Selain itu, unit ini juga menjalinkan kerjasama yang erat bersama pihak Jabatan Wilayah Persekutuan dalam mengendalikan beberapa acara rasmi tahunan seperti Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan (Sambutan Bulan Kemerdekaan).

Bulan	Bilangan Majlis Rasmi			
	Anjuran DBKL	Anjuran Bersama Agensi Kerajaan	Anjuran Bersama Agensi Bukan Kerajaan	**Jumlah**
JANUARI	4	-	-	**4**
FEBRUARI	14	-	-	**14**
MAC	19	-	-	**19**
APRIL	15	1	1	**17**
MEI	9	1	-	**10**
JUN	11	-	1	**12**
JULAI	13	1	-	**14**
OGOS	13	2	-	**15**
SEPTEMBER	23	-	-	**23**
OKTOBER	6	-	-	**6**
NOVEMBER	11	-	-	**11**
DISEMBER	4	1	-	**5**
JUMLAH	**143**	**6**	**2**	**151**

Bilangan majlis rasmi anjuran DBKL dan anjuran bersama agensi luar yang di bantu oleh unit majlis rasmi, Jabatan Perancangan Korporat

- **Majlis Sambutan Ulang Tahun yang Ke 50 Tahun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**





7.3 Unit Promosi Dan Fotografi

Unit Promosi dan Fotografi merupakan salah satu unit di dalam Jabatan Perancangan Korporat dan diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja penerbitan bahan bercetak dan digital serta mempromosikan aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Produk yang dilaksanakan setiap tahun antaranya adalah:

7.3.1 Menguruskan penerbitan bahan bercetak mengenal perkhidmatan DBKL seperti risalah, diari tahunan dan kalendar.

7.3.2 Menyelaraskan promosi aktiviti/program DBKL seperti Banner/Bunting, Buku Aturcara, Coffee Table Book, Video/Montaj, Kad Perayaan dan reruai promosi.

7.3.3 Menyelaras, memantau dan mengemas kini portal dan media sosial DBKL.

7.3.4 Merancang dan melaksanakan penerbitan karya kreatif seperti iklan amal untuk makluman awam (PSA) bagi tujuan informasi dan publisiti DBKL.

7.3.5 Merancang dan melaksanakan kempen-kempen untuk tujuan penyebaran nilai-nilai murni dalam kakitangan penjawat awam di DBKL.

7.3.6 Menjalankan aktiviti fotografi rasmi bagi acara/program DBKL.

- **Kempen Promosi Tahun 2022**

Bil	Aktiviti Promosi Tahun 2022
1.	Kempen KL Bebas Asap Rokok
2.	1 Komuniti 1 Kitar Semula
3.	KL Smart City
4.	Sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan
5.	Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur
6.	Program Aspirasi Keluarga Malaysia
7.	COBKL
8.	Projek Mural dan Lorong Belakang
9.	Kempen Tenaga Lestari
10.	Sambutan Hari Wilayah
11.	Kempen Bas GOKL

- **Diari dan Buku Nota Harian DBKL 2022**

  Jabatan Perancangan Korporat telah menerbitkan Diari Tahunan sebanyak 7000 naskah tahun 2022. Tujuan diari ini diterbitkan adalah bagi menghargai pegawai dan kakitangan DBKL yang telah berkhidmat dengan DBKL. Selain itu, unit ini turut menerbitkan sebanyak 4000 naskah buku nota khas untuk diedarkan kepada kakitangan sokongan.

- **Kalendar Meja Tegak 2022**

  Pada tahun 2022, unit ini telah menerbitkan sebanyak 7000 unit kalender Meja (Tegak) untuk edaran kepada kumpulan sokongan 1 serta edaran kepada pelawat-pelawat dari agensi luar ke DBKL.



Contoh Diari DBKL 2022

- **Portal dan Media Sosial DBKL**

  Pada tahun 2022, Unit Promosi dan Fotografi telah diberi tanggungjawab untuk menjadi ahli jawatankuasa pengurusan kandungan yang diketuai oleh pengarah, Jabatan Perancangan Korporat. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengemas kini maklumat berita, acara terkini dan pengurusan semasa di dalam portal. Proses mengemaskini portal ini telah dibuat pada setiap hari oleh Pegawai Teknologi Maklumat yang ditempatkan di Jabatan ini. Bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah terkini dan tepat, pegawai akan mendapatkan kerjasama daripada unit lain termasuklah Unit Media di Jabatan Perancangan Korporat dan Jabatan Pengurusan Maklumat. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk mempromosikan kempen dan aktiviti DBKL melalui penghasilan pelbagai reka bentuk grafik sebagai bahan kempen dan membuat perkongsian di media sosial DBKL.





- **Program Sambutan Jubli Emas Bandaraya Kuala Lumpur**

  Sepanjang tahun 2022, sebanyak 50 program dan aktiviti telah di atur bagi meraikan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur. Program dan aktiviti telah disusun oleh DBKL dengan melibatkan penyertaan warga kota Kuala Lumpur agar sambutan ini dapat dirasai secara inklusif dan menyeluruh, Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur telah bermula secara rasmi pada 25 Oktober 2021 melalui Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur di Mayor's Courtyard, Jalan Tangsi. Logo, lagu dan maskot rasmi sambutan telah dilancarkan dalam majlis tersebut sebagai pengenalan sambutan ini kepada warga kota. Majlis ini juga menandakan







100 hari sebelum hari ulang tahun ke-50 bandar raya Kuala Lumpur yang akan disambut pada 1 Februari 2022. Program pertama yang dilaksanakan adalah Pertandingan Menulis Artikel Sejarah Kuala Lumpur. Sebanyak 33 manuskrip artikel telah diterima dan 5 artikel telah diberikan penghargaan oleh para juri. Kemuncak sambutan ini adalah Sambutan Ulang Tahun ke-50 Bandar Raya Kuala Lumpur yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri pada 5 Februari 2022 di Panggung Anniversari, Taman Botani Perdana Kuala Lumpur diikuti dengan Festival Gendang dan Tari (GENTA) edisi khas Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur. Program-program yang telah di susun telah rancak dilaksanakan termasuklah penganjuran Festival Oh! Kuala Lumpur di Panggung Aniversari Taman Botani Perdana. Festival ini telah menyediakan pelbagai aktiviti untuk golongan belia Kuala Lumpur seperti aktiviti flying fox, wall climbing, melukis graviti dan pertandingan B-Boy Dance.

Seterusnya, Festival KL Dulu telah diadakan dengan menyediakan pelbagai aktiviti dan forum yang menceritakan evolusi dan perkembangan Kuala Lumpur dari dahulu sehingga sekarang. Forum penceritaan sejarah, festival permainan tradisional, wayang pacak dan pertandingan ratu kebaya adalah antara pengisian yang dilaksanakan sepanjang festival ini. Festival ini juga telah menggamit memori warga kota terhadap kehidupan warga kota pada 50 tahun yang lalu.

Bagi peminat-peminat seni foto pula, satu pertandingan fotografi Kuala Lumpur bertemakan foto jalanan telah diadakan dan telah mendapat sambutan yang hebat dalam kalangan warga kota. Foto-foto yang diterima dalam pertandingan ini akan dipamerkan dalam satu pameran foto yang akan berlangsung sekitar Disember 2022 nanti. Selain pertandingan foto, DBKL juga telah menganjurkan pertandingan video pendek dan skesta yang telah disertai oleh warga kerja DBKL. Pertandingan ini telah menjadi platform kepada warga kerja mencungkil bakat melalui penceritaan video dan lakonan berkaitan dengan Kuala Lumpur.

Pelbagai program dan acara telah berlangsung melibatkan pelbagai lapisan masyarakat untuk sama-sama meraikan ulang tahun ke-50 bandar raya Kuala Lumpur sepanjang tahun 2022 ini. Bagi menandakan penutup kepada sambutan ini, pada 29 September 2022 telah diadakan Majlis Pelancaran Buku dan Kapsul Masa Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur. Kapsul masa ini mengandungi amanat Datuk Bandar ke-13 kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur tahun 2047 sempena Sambutan Jubli Intan Bandar Raya Kuala Lumpur kelak. Semoga bandar raya ini akan terus makmur dan sejahtera dan menjadi antara bandar raya bertaraf dunia yang disegani. Dirgahayu Bandar Raya Kuala Lumpur.




Emas Bandar Raya Kuala Lumpur
© DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR


1972 BANDAR RAYA 2022
50
KUALA LUMPUR
KAPSUL MASA
© DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR


TRIVIA DBKL
SIRI JUBLI EMAS:
KENALI MASKOT JUBLI EMAS SI GOMBAK DAN SI KLANG
BENTUK FIZIKAL
Arusan air mengalir yang melambangkan usaha dan tekad tanpa henti.
POSISI
Sentiasa berada di atas penggerak berada yang bersifat futuristik dan sentiasa bermotivasi untuk terus maju kehadapan.
WARNA
Tona kebiruan yang melambangkan keceriaan perpaduan dan positif dalam mengharungi segala bentuk cabaran di ibu kota.
EKSPRESI WAJAH
Reaksi wajah yang sentiasa mesra dan berkeyakinan tinggi.
WATAK DAN PERWATAKAN
Si Gombak & Si Klang adalah pasangan maskot kembar yang dimanifestasikan daripada unsur abstark Sungai Klang dan Sungai Gombak. Si Gombak dan Si Klang berperwatakan ceria dan tegas, sentiasa sedia berkhidmat untuk memastikan kelestarian bandar raya Kuala Lumpur bertaraf dunia.
#KL50 #DirgahayuBandarRayaKualaLumpur


TRIVIA DBKL
SEJARAH PENUBUHAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang menjalankan kerja urus tadbir di Kuala Lumpur, sejarah awalnya bermula dengan tertubuhnya Lembaga Sanitari Kuala Lumpur pada tahun 1890 dan merupakan penguasa tempatan pertama yang telah ditubuhkan di negara ini. Selaras dengan pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896, Kuala Lumpur telah dijadikan sebagai pusat pentadbiran.
Pada tahun 1948, Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk dan Kuala Lumpur yang merupakan ibu negara telah diberikan status bandar. Sehubungan dengan itu Lembaga Perbandaran Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada 15 Mac 1948.
Pada tahun 1951, Pilihanraya Majlis Kuala Lumpur telah diadakan dan hasil daripada pilihanraya tersebut Majlis Perbandaran Kuala Lumpur telah ditubuhkan.
KUALA LUMPUR MUNICIPAL COUNCIL
DAHULU
SEKARANG
Pada tahun 1960, satu akta telah diperkenalkan iaitu Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 atau dikenali oleh Akta 190 yang telah memindahkan pentadbiran Kuala Lumpur daripada kerajaan negeri ke kerajaan persekutuan.
Selaras dengan penggubalan akta tersebut, bandar raya Kuala Lumpur akan diuruskan oleh Suruhanjaya Ibu kota di bawah pimpinan Persuruhjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. Jawatan ini telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.
Pada tahun 1972 Kuala Lumpur telah dinaik taraf sebagai sebuah bandar raya dan selaras daripada pengiktirafan ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah ditubuhkan bagi menggantikan Suruhanjaya Ibu Kota.
Jawatan Persuruhjaya Ibu Kota telah ditukarkan kepada jawatan Datuk Bandar. Sejak 1972 sehingga hari ini bandaraya Kuala Lumpur telah ditadbir oleh 13 orang Datuk Bandar.
#KL50 #DirgahayuBandarRayaKualaLumpur

- **Grafik**

Perkara	Huraian	
Poster Perayaan	• Tahun Baru Cina • Hari Raya Aidilfitri • Hari Natal • Hari Deepavali	• Hari Raya Aidiladha • Hari Wesak • Hari Thaipusam
Poster Peristiwa	• Tahun Baharu • Maulidur Rasul • Hari Malaysia • Hari Kemerdekaan • Hari Nuzul Al-Quran	• Hari Menyambut Ramadhan • Hari Wilayah Persekutuan • Hari Polis • Hari Menyambut Ramadan
Poster Kempen	• Kempen KL Bebas Asap Rokok • 1 Komuniti 1 Kitar Semula • KL Smart City • Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur • Program Aspirasi Keluarga Malaysia • COBKL	• Projek Mural dan Lorong Belakang • Kempen Tenaga Lestari • Kempen Bas GOKL • Kempen Sifar Plasik • C40 City Bloomberg Philantrophies 2022
Poster Acara, Program dan Aktiviti DBKL	• Majlis Apresiasi DBKL 2021 • Piala Dunia • Buku Belanjawan • Majlis Surat Tawaran Penyewa	• Poster Nilai Bersama • Majlis Pecah Tanah BTR • Majlis Pelancaran Buku dan Kapsul Masa • Mou DBKL dan MBKT
Poster Pemakluman	• Makluman Kaunter Bayaran Operasi • Notis Penutupan Jalan • Kempen membayar Cukai Taksiran secara atas talian	• Kenderaan Mikromobiliti Atas Jalan Raya • Bazar Aidilfitri
Poster Ucapan	• Penganugerahan Pingat • Kenaikan Pangkat	• Pencapaian dan Kejayaan • Kematian Kakitangan DBKL

- **Video DBKL**

Bagi meningkatkan imej korporat DBKL kepada warga kota pada peringkat tempatan dan antarabangsa, Unit Promosi dan Fotografi telah mengambil inisiatif untuk menyediakan montaj, video korporat & promosi bagi DBKL. Antara video yang telah disediakan oleh unit ini bagi tahun 2022 ialah:

Bil	Video Promosi Tahun 2022
1.	Video Pelaksanaan Promosi Sistem ICT DBKL
2.	Video Perjalanan Sebuah Memori (Jubli Emas)
3.	Video Promosi Karnival Ohh Kuala Lumpur
4.	Video Promosi Jalan Thambipillay
5.	Video Promosi D'Tebing
6.	Video Promosi Festival KL Dulu
7.	Video Promosi Bas GOKL Coach Wanita
8.	Video Promosi KL Car Free Morning – Plogging
9.	Video Promosi Diskaun Kompaun
10.	Video Promosi KL Bebas Asap Rokok
11.	Video Promosi Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Perlis
12.	Video Promosi KL Big Band Tribute to Kuala Lumpur
13.	Video Promosi Iftar@Kuala Lumpur
14.	Video Promosi Hari Raya Aidilfitri DBKL
15.	Video Promosi Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur
16.	Video Promosi: Borak World Cup 2022 bersama Figura Sihat







Contoh-contoh Poster

7.4 Unit Khidmat Pelanggan dan Aduan Awam

Bahagian Perhubungan Pelanggan dan Aduan Awam merangkumi unit Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) dan Unit Perhubungan Pelanggan (*1Serve*), Jabatan Perancangan Korporat. Namun Unit Perhubungan Pelanggan ini telah ditukar nama kepada Unit Khidmat Pelanggan selepas pemansuhan Dasar Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) pada pertengahan tahun 2018 yang lalu. Fungsi dan peranan bahagian ini meliputi 3 perkara utama iaitu sebagai Pusat Panggilan Setempat, pengurusan dan pemantauan aduan awam serta pengurusan perkhidmatan pelanggan DBKL.

Penerimaan Panggilan Melalui Panggilan Melalui Talian Bebas Tol 1-800-88-3255 Bertempat Di Pusat Panggilan Setempat (Call Center)

Pada tahun 2022 iaitu dari Januari sehingga Disember, Unit Aduan Awam dan Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) telah pun menerima sebanyak 32,265 Panggilan.

Penerimaan Dan Penyelesaian Aduan

Pada tahun 2022, unit Aduan Awam dan Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) telah pun menerima sebanyak 29,232 aduan. Janaan data terkini seperti di Lampiran 1 menunjukkan sebanyak 28,635 (97.96%) aduan telah diselesaikan. Manakala, sebanyak 597 (2.04%) aduan masih di dalam tindakan. Semua Jabatan disasarkan untuk menyelesaikan semua aduan-aduan tertunggak selewat-lewatnya pada bulan Mac 2023.

Jadual 4: Statistik Penerimaan Aduan Mengikut 5 Kategori Tertinggi

Kategori	Terima	Peratus (%)
Kemudahan Awam (Jalan rosak/ berlubang)	3,331	11.4%
Pokok (Penyelenggaraan pokok)	2,441	8.35%
Kemudahan Awam (Lampu Jalan (rosak)	1,882	6.64%
Sistem Saliran dan Perparitan (Parit runtuh/pecah)	935	3.2%
Binatang (Binatang Berkeliaran)	826	2.83%

- **Lawatan Tapak bersama Agensi luar, Jabatan dalaman DBKL serta pengadu**



- **Lawatan Tapak Bagi Isu Lorong Kecemasan Dijadikan Tapak Pertanian Beralamat Di No. 94 Jalan Wan Malini 1, Bandar Baru Sri Petaling Pada 17 Februari 2022**



- **Laporan Lawatan Tapak Bagi Isu Persempadanan Kawasan Penyelenggaraan Aduan Kerosakan Lampu Jalan Di Lot 1 Jalan Ipoh, Pekan Batu 7 pada 15 Jun 2022**



- **Lawatan Tapak Bagi Isu Pembersihan/ Naiktaraf Saliran Longkang Di Jalan Rejang 14, Taman Setapak Jaya Pada 20 Ogos 2022**



- **Lawatan Tapak Bagi Isu Kesilapan Papan Tanda Nama Jalan Di Lorong Ayer Panas 1, Taman Ayer Panas Pada 29 Jun 2022**



7.5 Unit Perhubungan Antarabangsa

Unit Perhubungan Antarabangsa berperanan menyelaras lawatan luar negara, kunjung hormat ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur, program-program antarabangsa dan mesyuarat antarabangsa yang terpilih. Pada tahun 2022, Unit Perhubungan Antarabangsa kembali menerima lawatan dan kunjungan dari luar negara selepas Kerajaan Malaysia mula melonggarkan sekatan berhubung lawatan yang dikenakan sepanjang penularan wabak Covid-19. Program dan aktiviti antarabangsa telah berjaya dilaksanakan dengan lancar disamping pematuhan SOP. Berikut merupakan statistik kunjung hormat yang telah berlangsung serta program, persidangan dan mesyuarat yang disertai:

Jadual 1: Statistik Jumlah Lawatan Dalam Negeri, Lawatan Luar Negara dan Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar pada Tahun 2022

Perkara	Bilangan Lawatan	Bilangan Pelawat
Jumlah Lawatan Luar Negeri	-	-
Jumlah Kunjung Hormat Kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur	18	18
JUMLAH	**18**	**18**

Jadual 2: Senarai Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi tahun 2022

Bil.	Tarikh	Kunjung Hormat
1.	13 Januari 2022	Kedutaan Azebaijan
2.	16 Februari 2022	Kedutaan Croatia
3.	24 Februari 2022	Kedutaan Romania
4.	01 Mac 2022	Kedutaan Ireland
5.	03 Mac 2022	Kedutaan Kazakhstan
6.	17 Mac 2022	Kedutaan Austria
7.	13 April 2022	InvestKL
8.	18 April 2022	The Japan Council Of Local Authorities For International Relation (J.CLAIR)
9.	20 Mei 2022	UK's Climate Chance Envoy COP26 Regional
10.	05 Julai 2022	Special Advisor To The Governor On Technical Affairs, Tokyo Metropolitan Government
11.	09 Ogos 2022	Dean Of Latin American And Caribbean Countries (GRULAC)
12.	09 Ogos 2022	Dean Of Latin American And Caribbean Countries (GRULAC) Chile
13.	09 Ogos 2022	Dean Of Latin American And Caribbean Countries (GRULAC) Cuba
14.	09 Ogos 2022	Dean Of Latin American And Caribbean Countries (GRULAC) Peru
15.	09 Ogos 2022	Dean Of Latin American And Caribbean Countries (GRULAC) Colombia
16.	12 September 2022	Kedutaan Denmark
17.	16 November 2022	Kedutaan Bahrain
18.	15 Disember 2022	Kedutaan Sri Lanka

Jadual 3: Program / Persidangan / Mesyuarat yang disertai sepanjang tahun 2022

No.	Nama Aktiviti / Program	Kementerian/Agensi
1.	2022 BPC Roundtable Osaka on 19th January 2022 with the theme Towards the Construction of Sustainable Cities~ Business Partner Cities Developing with the SDGs	Penganjur : Osaka City Peserta : Datuk Bandar Kuala Lumpur dan MATRADE Ketua Projek : IDB
2.	ASEAN Mayors Forum Event-ASEAN City Leaders Dialogue: Finding Breakthrough and Stepping Up Climate Commitments Post-COP26 on 17th January 2022	Penganjur : ASEAN Mayor Forum Secretariat & UCLG ASPAC Peserta : Datuk Bandar Kuala Lumpur Ketua Projek : IDB
3.	Virtual Talk Communicating Science with Public: Urban Air and Water Quality on 9th February 2022 with Dr. Nora Savage	Penganjur : Local Agenda 21, Ecoknights & Kedutaan Amerika Syarikat Ketua Projek : JPRB Peserta : Pihak berkepentingan LA21
4.	Forum SDG – The Nordic Way! on 8th March 2022	Penganjur : Embassies of Finland, Norway and Sweden in cooperation with DBKL and Urbanice Malaysia Ketua Projek : JPRB Peserta : Datuk Bandar Kuala Lumpur
5.	GCoM National Training Workshop on Climate Change Mitigation in Malaysia 21-22 March 2022	Penganjur : GCoM Ketua Projek : IDB Peserta : Datuk Bandar Kuala Lumpur & Mala
6.	Second Forum of Mayors will be held on 4-5 April 2022 “Recovering from the COVID-19 pandemic while advancing the implementation of the SDGs”	Penganjur : United Nations Economic Commission for Europe (UNECE) Peserta : Datuk Bandar Kuala Lumpur
7.	Kuala Lumpur City Hall delegation working visit to attend ‘Landmark Meeting’ with UNESCO World Book Capital in Tbilisi, Georgia on 10th of April 2022 until 16 April 20	Penganjur : UNESCO World Book Capital Peserta : Datuk Sulaiman (PEPR), Puan Hasliza & En. Izzat Haziq
8.	DBKL delegation working visit in Baku, Azerbaijan on 16 April-19 April 2022	Penganjur : BAKU CITY Peserta : Datuk Sulaiman (PEPR) & En. Izzat Haziq
9.	Lawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur ke “United Nations Economis anda Social Commission for Asia and Pacific (UNESCAP)” High Level Meeting pada 25 April – 30 April 2022	Penganjur : UN (ESCAP) Peserta : Datuk Bandar Kuala Lumpur
10.	Majlis Makan Malam Sempena Sambutan Jubli Emas Kuala Lumpur on 14th June 2022	Penganjur : **JPRK** Peserta : Ambassador and Head of International Organization
11.	Major Climate Change Event (GCOM) on 15th August 2022	Penganjur : **KOTA KINABALU CITY HALL** Peserta : Datuk Bandar Kuala Lumpur
12.	Lawatan Gabenor, Tokyo Metropolitan Government ke Kuala Lumpur 1 September 2022	Penganjur : DBKL Peserta :
13.	9th CityNet Congress di CCEC, Bangsar South pada 20 September sehingga 23 September 2022	Penganjur : DBKL & CityNet Peserta : 300 Delegasi daripada seluruh negara Asia Pasifik
14.	12th Isfahan International Tourism & Hndicrafts Exhibition on 2th October – 6 October 2022	Penganjur : Iran Peserta : En.Azwal,En. Izwan Razif, En. Shukri Rahim, En. Wan Izuddin
15.	DBKL delegation ke Daejeong, UCLG World Congress 9 Oktober sehingga 16 Oktober 2022	Penganjur : UCLG Peserta : Puan Zurida & En. Shahlan
16	DBKL Delegation to Uzbekistan 14 Oktober sehingga 24 Oktober 2022	Penganjur : Uzbekistan Peserta : Pepu, En.Nazam (JUP) & Em. Saiful
17.	Breakfast with Ambassador Croatia at Lake Garden 6 November 2022	Penganjur : DBKL Peserta : Ambassador croatia
18.	Specialist Dispatch Project for Kuala Lumpur City Hall 28 November sehingga 2 Disember 2022	Penganjur : J.CLAIR Peserta : DBKL

- **KONGRES CITYNET KE-9 TAHUN 2022**


Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama Kementerian Wilayah Persekutuan telah berjaya menganjurkan Kongres CityNet ke-9 Tahun 2022. Acara tersebut telah berlangsung dari **20 September 2022 sehingga 23 September 2022** selama **4 hari** bertempat di **Hotel VE dan Connexxion Conference and Event Centre,Kuala Lumpur.** Penganjuran kongres CityNet ke-9 ini pada awalnya telah dirancang diadakan pada November 2021 terpaksa ditangguhkan ke tahun 2022 akibat pendemik COVID-19.

Seramai 300 orang dengan pecahan peserta adalah 150 orang ahli CityNet dan 150 orang jemputan tempatan. Ahli-ahli CityNet terdiri daripada bandar raya dan agensi pihak bekepentingan bandar dari negara-negara Asia Pasifik melibatkan Korea Selatan, Vietnam, Fiji, Thailand, China, Filipina, India, Nepal, Sri Lanka, Bangladesh, Pakistan, Indonesia dan Jepun.

Sepanjang penganjuran kongres tersebut selama 4 hari, mesyuarat-mesyuarat CityNet dan program berjaya diatur dan dilaksanakan seperti **41st Executive Committee (ExCom) Meeting, 9th General Council, Cluster Meeting, National Chapter Meeting dan 42nd Executive Committee (ExCom) Meeting**. Kongres turut melibatkan program berbentuk **forum antarabangsa** iaitu **SDG Declaration, SDG Awards, sesi parallel, City Talk, lawatan sosial,** dan **lawatan teknikal**. Daripada aktiviti yang dirancang ini **41st Executive Committee (ExCom) Meeting, 9th General Council, Cluster Meeting, 42nd Executive Committee (ExCom) Meeting dan sesi parallel** telah diadakan secara **hybrid** bagi membolehkan peserta yang tidak dapat hadir secara fizikal menyertai melalui dalam talian

9th CityNet Congress 20th - 23rd September 2022 PROGRAMME CITYNET

MYT	Day 1 Sept. 20 (Tue)	Day 2 Sept. 21 (Wed)	Day 3 Sept. 22 (Thu)	Day 4 Sept. 23 (Fri)	
08:00-09:00		Registration (08:00-09:00)			
09:00-10:00	Registration (09:00-10:00)	Opening Ceremony (09:00-10:00)	Registration (09:00-10:00)	Registration Registration	
10:00-11:00	41st ExCom *CityNet Members Only *Online streaming	SDG Session 1. Online Course Launch 2. 9th Congress Declaration 3. SDG Awards (10:00-12:30)	9th General Council *CityNet Members Only *Online streaming (10:00-13:00)	42nd ExCom *CityNet Members Only (10:00-12:00) *Online streaming	City Talk (10:00-12:00)
11:00-12:00	(10:00-12:00)				
12:00-13:00	Lunch			Lunch	
13:00-14:00	(12:00-14:00)	Lunch (12:30-14:00)	Lunch (13:00-14:30)	(12:00-14:00)	
14:00-15:00	41st ExCom *CityNet Members Only (14:00-15:30)			Free and Easy (14:00-15:00)	
15:00-16:00		Parallel Session Part 1 (14:30-16:00) Break (16:00-16:30) Part 2 (16:30-17:30)	Cluster & National Chapter Meetings *CityNet Members Only *Upon request (14:30-16:30)	Technical Visit (15:00-17:00)	
16:00-17:00	Free and Easy (15:30-16:30)				
17:00-19:00	Social Tour (16:30-19:00)	Free and Easy (17:30-19:45)	Free and Easy (16:30-19:45)		
19:45-21:30	Welcoming Dinner (19:45-21:30)	Seoul Night (19:45-21:30)	Farewell Dinner (19:45-21:30)		





Special Advisor to The Governor on Technical Affairs, Tokyo Metropolitan Government 05 Julai 2022



Datuk Bandar menerima kunjungan hormat daripada kedutaan Sri Lanka pada 15 Disember 2022



Datuk Bandar menerima kunjungan hormat daripada "Ambassador of Latin American And Caribbean Countries (GRULAC)" 09 Ogos 2022



Kongres CityNet ke di CCEC, Bangsar South pada 20 September sehingga 23 September 2022



Forum SDG - The Nordic Way!
8 Mac 2023



Breakfast with Ambassador Croatia at Lake Garden
6 November 2023



GCoM National Training Workshop on Climate Change Mtigition in Malaysia pada 21-22 March 2022

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

8.1 Sambutan Jubli Emas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang ke-50.

8.2 Tempat pertama Anugerah SDG sempena Kongres CityNet Ke-9.

Jabatan Audit Dalam

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Jabatan Audit Dalam (JAD) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Julai 2011 dan diletakkan di bawah sektor Datuk Bandar Kuala Lumpur.

1.2 JAD dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu 4 Bahagian Sektor Audit yang akan melaksanakan pengauditan di DBKL dan 1 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan seperti di **Carta 1** di bawah. Pecahan Bahagian berkenaan adalah seperti berikut:-

i. Bahagian Audit Sektor Pembangunan Sosioekonomi
ii. Bahagian Audit Sektor Perancangan
iii. Bahagian Audit Sektor Pengurusan Projek
iv. Bahagian Audit Sektor Pengurusan
v. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

1.3 JAD diterajui oleh Pengarah Gred WA54 bersama dengan dua puluh lapan (28) orang pegawai dan kakitangan lain pelbagai gred. Pecahan perjawatan adalah seperti berikut:-

Bil	Kategori	Jumlah
1	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	**5**
2	Kumpulan Sokongan I (Gred 17-40)	**21**
3	Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	**3**
	Jumlah	**29**

2.0 VISI DAN MISI JABATAN

2.1 Visi

Menjadi penyumbang utama ke arah pemantapan tadbir urus dan kawalan dalaman bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

2.2 Misi

Memberikan perkhidmatan audit yang profesional dan bebas dengan mengeluarkan laporan audit yang seimbang kepada pelanggan audit.

3.0 PIAGAM PELANGGAN JABATAN

3.1 Menyediakan Rancangan Audit Tahunan selewat-lewatnya pada 31 Disember setiap tahun;

3.2 Memaparkan penemuan audit prestasi kepada pelanggan audit (*audit client*) dalam tempoh 14 hari selepas *Exit Conference*;

3.3 Mengemukakan Laporan Audit Khas kepada Pengurusan Tertinggi / pelanggan audit (*audit client*) dalam tempoh 3 bulan dari arahan diterima daripada Pengarah; dan

3.4 Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) sebanyak 4 kali setahun.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 KPI Jabatan

<table>
<tr><th>KRA</th><th>Bil</th><th>KPI</th><th>Sasaran</th><th>Pencapaian Tahun 2022</th></tr>
<tr><td rowspan="2">MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (CUSTOMER FOCUS)</td><td>1.</td><td>Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan.</td><td>Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun.</td><td>OT - 100%

Sehingga 31 Disember 2022, seramai 29 pegawai dan kakitangan Jabatan Audit Dalam telah mencapai 4 hari berkursus.<table><tr><th>KUMPULAN</th><th>JUMLAH</th></tr><tr><td>Pengurusan & Profesional</td><td>5/5</td></tr><tr><td>Sokongan I</td><td>21/21</td></tr><tr><td>Sokongan II</td><td>3/3</td></tr><tr><td>JUMLAH</td><td>29/29</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022.</td><td>Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan. (Berpandukan sasaran KWP)</td><td>-

Tiada aduan yang diterima.</td></tr>
<tr><td rowspan="4">MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (TRANSPARENCY)</td><td>3.</td><td>Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah.</td><td>Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2022.</td><td>OT - 100%

Sehinga 31 Disember 2022 sejumlah 98% (RM616,014) telah dibelanjakan daripada keseluruhan peruntukan RM630,800</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023.</td><td>Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023 sebelum 31 Disember 2022.</td><td>OT - 100%

Jabatan telah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023 pada 11 Oktober 2022.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Menyelesaikan isu yang melibatkan AP58.</td><td>Memastikan pembayaran melibatkan AP58 dijelaskan pada Mei 2022.</td><td>OT - 100%

Tiada isu yang melibatkan AP58.</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Melaksanakan pengauditan iaitu Audit Prestasi, Audit Penampilan, Audit Susulan, Audit Penyata Kewangan, Audit ICT Audit Konsultansi dan Audit Khas.</td><td>Enam belas (16) tajuk audit dilaksanakan.</td><td>ST - 100%

Pengauditan bagi 18 tajuk telah selesai dilaksanakan.<table><tr><th>AUDIT</th><th>TAJUK</th></tr><tr><td>Audit Prestasi</td><td>2</td></tr><tr><td>Audit Penampilan</td><td>5</td></tr><tr><td>Audit Susulan</td><td>3</td></tr><tr><td>Audit Penyata Kewangan</td><td>2</td></tr><tr><td>Audit ICT</td><td>2</td></tr><tr><td>Audit Konsultansi</td><td>1</td></tr><tr><td>Audit Khas</td><td>3</td></tr><tr><td>JUMLAH</td><td>18</td></tr></table></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>KRA</th><th>Bil</th><th>KPI</th><th>Sasaran</th><th>Pencapaian Tahun 2022</th></tr>
<tr><td></td><td>7.</td><td>Melaksanakan pengauditan terhadap Pengurusan Kewangan berdasarkan Indikator Kawalan Indeks Akauntabiliti (AI) ke atas 25 Jabatan dan Pejabat Pengurusan Tertinggi. Tiga (3) elemen kawalan adalah seperti berikut:-

Kawalan Perbelanjaan (Pembelian Terus)
Kawalan Perbelanjaan (Pengurusan Panjar Wang Runcit)
Kawalan Pengurusan Aset & Stor (Pengurusan Stor)</td><td>Tiga (3) elemen Kawalan.</td><td>OT - 100%

Pengauditan Kawalan Perbelanjaan (Pembelian Terus dan Pengurusan Panjar Wang Runcit) ke atas 25 Jabatan telah diadakan mulai Mac hingga Oktober 2022.

Laporan Prestasi Penarafan Indeks Akauntabiliti telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) Bil.3/2022 pada 26 Julai 2022 dan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) Bil.4/2022 pada 22 November 2022.

Pengauditan Kawalan Pengurusan Aset & Stor (Pengurusan Stor) ke atas 90 stor Jabatan telah diadakan mulai November hingga Disember 2022. Laporan Prestasi Penarafan Indeks Akauntabiliti telah an dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA) Bil. 1/2023 pada 10 Januari 2023.</td></tr>
<tr><td></td><td>8.</td><td>Menyelesaikan penemuan audit di dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2 Tahun 2019.

Jabatan Auditi: Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB)

Tajuk: Pengurusan Pelaksanaan Pembangunan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (PBRKL 2020)

Tarikh LKAN dibentang di Parlimen: 28 September 2021</td><td>Enam belas (16) penemuan audit berstatus selesai.</td><td>OT - 100%

Sehingga 31 Disember 2022 status AG's Dashboard adalah seperti berikut: -

<table><tr><th>STATUS</th><th>ISU</th></tr><tr><td>Hijau (Selesai)</td><td>16</td></tr><tr><td>Kuning (Dalam Tindakan)</td><td>-</td></tr><tr><td>JUMLAH</td><td>16</td></tr></table></td></tr>
<tr><td></td><td>9.</td><td>Mewujudkan dokumen Manual Audit Dalam selaras dengan piawaian amalan profesional audit dalam seperti yang digariskan oleh Badan Profesional iaitu Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM) dan Perbendaharaan Malaysia.</td><td>Dokumen Manual Audit Dalam disediakan dan diluluskan untuk digunapakai.</td><td>ST - 100%

Manual Audit Dalam telah diluluskan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 26 September 2022.
Manual Audit Dalam akan digunapakai mulai tahun 2023.</td></tr>
</table>

KRA	Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian Tahun 2022
	10.	Sesi perkongsian ilmu oleh Pasukan Pemeriksa Projek DBKL.	Dua (2) sesi *luncheon talk*.	**OT - 100%** Dua (2) sesi perkongsian ilmu iaitu *luncheon talk* oleh Pasukan Pemeriksa Projek DBKL telah diadakan pada 22 dan 23 Jun 2022 di Dewan Megapuri, Tingkat 30, Menara DBKL 1.
	11.	Mengemaskini dua (2) Garis Panduan iaitu: - Garis Panduan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Datuk Bandar Kuala Lumpur 2022. Garis Panduan Penetapan Bagi Jabatan Yang Menjaga dan Menyelenggara Bangunan Milik DBKL dan Elemen-Elemen Rekabentuk Bandar di Kuala Lumpur.	Dua (2) Garis Panduan dikemaskini dan diluluskan untuk digunapakai.	**ET - 100%** Penggunaan Garis Panduan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Datuk Bandar Kuala Lumpur 2022 berkuatkuasa pada 1 Mac 2022. Penggunaan Garis Panduan Penetapan Bagi Jabatan Yang Menjaga dan Menyelenggara Bangunan Milik DBKL dan Elemen-Elemen Rekabentuk Bandar di Kuala Lumpur berkuatkuasa 1 Mac 2022.
	12.	Mengadakan sesi *Change Management* Sistem Audit & Paparan Susulan (SAPs).	Dua (2) sesi *Change Management* yang melibatkan 25 Jabatan dan Pejabat Pengurusan Tertinggi.	**ST - 100%** Empat (4) sesi *Change Management* yang melibatkan 25 Jabatan dan Pejabat Pengurusan Tertinggi telah diadakan pada 22 hingga 25 Ogos 2022 di IDB.

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi Jabatan

5.1.1 Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi;

5.1.2 Mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa;

5.1.3 Mengkaji aktiviti organisasi diuruskan secara berhemah, cekap dan berkesan;

5.1.4 Mengkaji aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;

5.1.5 Memberi nasihat / pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT;

5.1.6 Melaporkan kepada Datuk Bandar hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan diambil oleh pengurusan terhadap perkara yang dibangkitkan;

5.1.7 Menyediakan Rancangan Audit Tahunan untuk kelulusan Datuk Bandar dan;

5.1.8 Membentangkan Rancangan Audit Tahunan di Mesyuarat Jawatankuasa Audit.

5.2 Fungsi Bahagian - Bahagian Jabatan

5.2.1 Bahagian Audit Sektor Pembangunan Sosioekonomi / Sektor Perancangan / Sektor Pengurusan Projek / Sektor Pengurusan

i. Melaksanakan Audit Prestasi bagi Projek / Aktiviti / Program Jabatan di bawah Sektor Pembangunan Sosioekonomi / Sektor Perancangan / Sektor Pengurusan Projek / Sektor Pengurusan dan Lain – Lain Jabatan yang dijalankan secara Rancangan Tahunan daripada aspek berikut:-

- Menilai keberkesanan, kekukuhan dan kecukupan struktur kawalan dalaman. Kualiti dan pembaikan berterusan ditekankan dalam proses kawalan organisasi.
- Mengkaji kepatuhan terhadap polisi, perancangan, prosedur-prosedur, undang-undang dan peraturan-peraturan.
- Menilai dari segi ekonomi dan kecekapan penggunaan sumber-sumber yang digunakan serta mencadangkan pembaikan dalam operasi.
- Menentukan sejauh mana objektif dan sasaran yang ditetapkan untuk operasi atau program tercapai dengan cara yang efektif, efisyen dan ekonomikal dalam kekangan kos yang efektif dan sejajar dengan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

ii. Melaksanakan Auditan Susulan bagi Penemuan Audit yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit / isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara bagi memastikan tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah dilaksanakan;

iii. Melaksanakan Audit Pengurusan Kewangan melalui Indeks Akauntabiliti (AI); dan

iv. Melaksanakan lain-lain jenis pengauditan seperti Audit Penampilan, Audit Penyata Kewangan, Audit ICT, Audit Konsultansi dan Audit Khas.

5.2.2 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

i. Menjalankan fungsi pengurusan personel JAD seperti HRMIS, kebajikan dan kesihatan & keselamatan pekerja;

ii. Melaksanakan pengurusan kualiti dan integriti seperti ISO, EKSA, Penarafan Bintang Star Rating (KPKT), Penarafan Indeks Akauntabiliti (AI) dan Audit Nilai SPAN;

iii. Menguruskan fail-fail dan surat-surat Jabatan;

iv. Menguruskan persediaan mesyuarat di Jabatan dan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (MJKA);

v. Mengurus inventori dan aset Jabatan selaras dengan Perintah Tetap Pengurusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur Tahun 2016;

vi Menguruskan latihan, kursus, lawatan dan peperiksaan kakitangan Jabatan;

vii. Mengurus kewangan dan belanjawan JAD selaras dengan prosedur dan peraturan yang berkuatkuasa; dan

viii. Menguruskan perolehan JAD.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM630,800	98
Perbelanjaan	RM616,014	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

Sepanjang tahun 2022, JAD telah mengadakan pelbagai program dan aktiviti termasuk aktiviti kemasyarakatan serta lawatan kerja audit bersama agensi - agensi yang berkaitan.

7.1 Program / Bengkel / Kursus

Bil.	Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
1.	15 Januari 2022	Jabatan & Jabatan Dalaman DBKL	Bengkel Pengemaskinian Garis Panduan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal DBKL 2015 (Kumpulan Teknikal) di Hotel Concorde, Kuala Lumpur.	Menyemak garis panduan sedia ada iaitu Garis Panduan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Datuk Bandar Kuala Lumpur 2015.
2.	25 Januari 2022	Jabatan	Program Pengukuhan Integriti di kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan di Bilik Mesyuarat Jabatan Audit Dalam, Menara DBKL 2.	Memperkukuhkan dan membudayakan nilai-nilai integriti.
3.	27 Januari 2022	Jabatan & Agensi Luar (FINAS & ASWARA)	Sesi Penjurian Pertandingan Video Pendek Sempena Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur di Bilik Mesyuarat Jabatan Audit Dalam, Menara DBKL 2.	Mempromosi program sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur di kalangan pegawai dan kakitangan DBKL.
4.	8 - 11 Februari 2022	Jabatan & Jabatan Dalaman DBKL	Bengkel Pengemaskinian Garis Panduan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal DBKL 2015 (Kumpulan Kerja) di Movenpick Hotel & Convention Centre, Sepang, Selangor.	Menyediakan Garis Panduan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Datuk Bandar Kuala Lumpur 2022.
5.	5 Mac 2022	Jabatan	Pertandingan Bowling Jabatan Audit Dalam di kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan di Ampang Superbowl, Ampang Point, Selangor.	Memperkukuh budaya kerja berpasukan.
6.	19 Jun 2022	Jabatan & Jabatan Dalaman DBKL	Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Pelan Mitigasi Banjir di Hotel Concorde, Kuala Lumpur.	Menyediakan maklum balas ke atas pemerhatian audit oleh Jabatan Audit Negara (JAN) terhadap Pengurusan Mitigasi Banjir Kuala Lumpur.
7.	22 - 23 Jun 2022	Jabatan & Jabatan Dalaman DBKL	Program *Luncheon Talk* Pasukan Pemeriksa Projek DBKL di Dewan Megapuri, Tingkat 30, Menara DBKL 1.	Memberikan pendedahan kepada pegawai-pegawai DBKL dari aspek pengurusan projek, perintah tetap pengurusan perolehan, prosedur kewangan dan garis panduan serta peraturan yang digunapakai khususnya dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan.
8.	23 Ogos 2022	Jabatan, Jabatan Dalaman DBKL & Agensi Luar (IKRAM)	Kursus *Introduction to Non - Destructive Concrete Testing for Auditing Purposes & Road* anjuran Tetuan IKRAM *Training Infrastructure Development Institute* (ITiDi) di Kajang, Selangor.	Meningkatkan kefahaman Pasukan Pemeriksa Projek mengenai penggunaan alat-alat teknikal dalam membuat pengauditan kekukuhan pembinaan bangunan dan infrastruktur.

Bil.	Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
9.	1 - 2 September 2022	UAD, KWP bersama DBKL & Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan	Persidangan Tahunan Audit Dalam Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama Agensi Tahun 2022 di Pulse Grande Hotel, Putrajaya.	Perkongsian ilmu pengetahuan dan idea serta pengalaman melaksanakan pengauditan sesama agensi.
10.	11 - 14 September 2022	Jabatan & Jabatan Dalaman DBKL	Kursus Pengauditan Bagi Pasukan Pemeriksa Projek DBKL 2022 di Hotel Thistle Johor Bahru, Johor.	Meningkatkan pemahaman khususnya mengenai pengauditan terhadap projek pembinaan bangunan dan infrastruktur.
11.	11 - 13 Oktober 2022	Jabatan & Agensi Luar (*Institute Internal Auditors Malaysia*)	Kursus Garis Panduan Pematuhan *International Profesional Practices Framework* (IPPF) di IDB.	Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan berkenaan IPPPF dalam melaksanakan kerja - kerja pengauditan.
12.	22 November 2022	Jabatan & Jabatan Dalaman DBKL	Sesi Pemberian Anugerah Penarafan 5 Bintang bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) Tahun 2022 oleh Datuk Bandar kepada Ketua Jabatan di Tingkat 29, Bilik Lembaga, Menara DBKL 1.	Memastikan Jabatan mematuhi pengurusan kewangan dan mengukuhkan Sistem Kawalan Dalaman Jabatan bagi mengelakkan sebarang penyelewengan, pembaziran dan salah guna kuasa.
13.	28 - 30 November 2022	Jabatan	Bengkel Gerak Kerja JAD 2023 di Bayview Hotel, Melaka.	Merangka program dan menyusun atur gerak kerja-kerja pengauditan sepanjang tahun 2023.

7.2 Lawatan Audit

Bil.	Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
1.	28 Februari 2022	Jabatan & Agensi Luar (JAN)	Lawatan fizikal bagi Pengauditan Pengurusan Mitigasi Banjir Kuala Lumpur (PMBKL) bersama Jabatan Audit Negara (JAN).	Pelaksanaan Pengauditan Terhadap Pengurusan Mitigasi Banjir Kuala Lumpur.
2.	14 - 15 Mac 2022	Jabatan & Agensi Luar (JAN)	Lawatan fizikal bagi Pengauditan Pengurusan Mitigasi Banjir Kuala Lumpur (PMBKL) bersama Pengarah Audit Prestasi Jabatan Audit Negara (JAN).	
3.	21 Julai 2022	Jabatan, Jabatan Dalaman DBKL & Agensi Luar (JAN)	Lawatan Tapak bersama Jabatan Audit Negara ke tapak projek Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Induk dan Saliran di Sungai Belongkong, Taman Melati, Kuala Lumpur.	
4.	27 Julai 2022	Jabatan, Jabatan Dalaman DBKL & Agensi Luar (SKS Coachbuilders Sdn Bhd.)	Lawatan Kerja bagi Perkongsian Konsep Teknologi Bas Elektrik GKL ke Depoh Bas oleh Tetuan SKS Coachbuilders Sdn Bhd di Puchong, Selangor.	Perkongsian tentang teknologi bas elektrik di dalam perkhidmatan pengangkutan awam di Kuala Lumpur.

7.3 Program / Aktiviti Kemasyarakatan

Bil.	Tarikh	Program	Lokasi	Objektif
1.	28 April 2022	Program Plogging dan Gotong-Royong Sempena Kempen Cuci Kuala Lumpur (Kempen Cuci@KL)	Jalan Lebuh Pasar, Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.	Memastikan kawasan persekitaran pusat bandar raya Kuala Lumpur terutama kawasan *hotspot* banjir dalam keadaan bersih dengan melaksanakan tindakan pencegahan / segera membersihkan (*Plogging*) serta gotong royong bagi mengelakkan kejadian banjir kilat.
2.	12 Mei 2022		Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.	
3.	19 Jun 2022		Jalan Raja Abdullah, Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.	
4.	26 Jun 2022		Jalan Pudu, Jalan Brunei, Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.	
5.	17 Julai 2022		Brickfields, Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.	
6.	24 Julai 2022		Bandar Seri Permaisuri, Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.	
7.	31 Julai 2022		Setapak Indah, Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.	
8.	7 Ogos 2022		Jalan Maarof, Bangsar, Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.	
9.	14 Ogos 2022		Desa Pandan, Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.	
10.	21 Ogos 2022		Jalan Raja Laut dan kawasan sekitar *River of Life* (RoL).	
11.	28 Ogos 2022		Desa Sri Hartamas, Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.	
12.	11 September 2022	Program Gotong Royong Penanaman Pokok Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2022	Taman Rekreasi Ayer Panas, Kuala Lumpur.	Program sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2022 dan ke arah Masyarakat Rendah Karbon 2030.

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

8.1 Pembangunan Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPs)

Projek Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPs) telah disiapkan pada 25 Oktober 2022 mengikut keperluan skop dan spesifikasi projek yang telah ditetapkan. Sistem SAPs ini telah diserahkan oleh Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM) kepada Jabatan Audit Dalam (JAD) dan mula *Go Live* pada 1 November 2022. Sistem SAPs akan diperluaskan penggunaannya di semua Jabatan dan Pejabat Cawangan mulai 1 Januari 2023. Berikut adalah aktiviti - aktiviti utama sepanjang tempoh pembangunan Sistem SAPs: -

Bil.	Tarikh	Aktiviti Utama Projek
1.	21 & 22 Februari 2022	Bengkel Kajian Keperluan Pengguna (URS) Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPs) di Hotel Primiera, Kuala Lumpur.
2.	20 - 21 Jun 2022	Sesi *User Acceptance Test* (UAT) Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPs) di Bilik Latihan UMKB, Menara DBKL 1.
3.	3 - 4 Ogos 2022	Sesi *Provisional Acceptance Test* (PAT) Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPs) di Bilik Latihan UMKB, Menara DBKL 1.

Bil.	Tarikh	Aktiviti Utama Projek
4.	22 - 25 Ogos 2022	Sesi *Change Management* dan Latihan Penggunaan Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPs) di IDB.
5.	4 - 5 Oktober 2022	Sesi *Final Acceptance Test* (FAT) Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPs) di Bilik Latihan UMKB, Menara DBKL 1.
6.	1 November 2022	Sesi Penyerahan Projek Pembangunan Sistem Audit dan Paparan Susulan (SAPs) di Bilik Mesyuarat Tingkat 3, Menara DBKL 1.

Sesi UAT



Sesi FAT



Sesi Change Management dan Latihan Penggunaan





Sesi FAT




8.2 Kuatkuasa Penggunaan Garis Panduan / Perintah Tetap / Prosedur Kerja

Pada tahun 2022, Jabatan Audit Dalam telah mengemaskini dokumen garis panduan sedia ada dan mewujudkan dokumen baru seperti manual audit dalam dan perintah tetap. Butiran dokumen adalah seperti berikut: -

Bil.	Tarikh	Dokumen	Objektif
1.	1 Mac 2022	Kuatkuasa penggunaan Garis Panduan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Datuk Bandar Kuala Lumpur 2022 mulai 1 Mac 2022.	Menjadi sumber rujukan utama kepada Jabatan dalam merancang, melaksanakan projek pembangunan fizikal dan menyelenggara bangunan.
2.	1 Mac 2022	Kuatkuasa penggunaan Garis Panduan Penetapan Bagi Jabatan Yang Menjaga dan Menyelenggara Bangunan Milik DBKL dan Elemen-Elemen Rekabentuk Bandar di Kuala Lumpur mulai pada 1 Mac 2022.	
3.	26 September 2022	Kuatkuasa penggunaan Dokumen Manual Audit Dalam selaras dengan piawaian amalan profesional audit dalam seperti yang digariskan oleh Badan Profesional iaitu *Institute of Internal Auditors Malaysia* (IIAM) dan Perbendaharaan Malaysia mulai tahun 2023.	Memastikan prosedur pelaksanaan Audit Dalam adalah seragam dan teratur mengikut manual prosedur kerja yang ditetapkan.
4.	1 Oktober 2022	Kuatkuasa penggunaan Dokumen Perintah Tetap Pasukan Pemeriksa Projek Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (PPPDBKL) mulai pada 1 Oktober 2022.	Memberi panduan umum dan rujukan kepada Pasukan Pemeriksa Projek Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (PPPDBKL) dalam melaksanakan pengauditan.









Garis Panduan dan Prosedur Kerja yang telah diluluskan

8.3 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI)

Pada tahun 2022, Jabatan Audit Dalam (JAD) telah melaksanakan penarafan bintang ke atas 25 Jabatan dan Pejabat Pengurusan Tertinggi bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) bagi tiga (3) elemen kawalan seperti berikut:

i. Kawalan Perbelanjaan (Pembelian Terus)

ii. Kawalan Perbelanjaan (Pengurusan Panjar Wang Runcit)

iii. Kawalan Pengurusan Aset & Stor (Pengurusan Stor)

Penarafan bagi Elemen Kawalan Perbelanjaan (Pembelian Terus) adalah seperti berikut:-

Penarafan bagi Elemen Kawalan Perbelanjaan (Pengurusan Panjar Wang Runcit) adalah seperti berikut:-

BIL.	JABATAN	MARKAH	PENARAFAN	BIL.	JABATAN	MARKAH	PENARAFAN
1	PPT	100.0%	★★★★★	14	JKAS	97.3%	★★★★★
2	JPEP	100.0%	★★★★★	15	JKAWS	97.2%	★★★★★
3	JPM	100.0%	★★★★★	16	JKB	96.9%	★★★★★
4	JPB	100.0%	★★★★★	17	JKKPS	96.5%	★★★★★
5	JAD	100.0%	★★★★★	18	JPPPB	96.4%	★★★★★
6	JPIF	100.0%	★★★★★	19	JPKKB	96.2%	★★★★★
7	JPLR	99.6%	★★★★★	20	JPK	96.0%	★★★★★
8	JUP	99.5%	★★★★★	21	JP	95.6%	★★★★★
9	JKME	99.5%	★★★★★	22	JPSM	95.6%	★★★★★
10	JKEW	99.4%	★★★★★	23	JPRB	95.0%	★★★★★
11	JIT	99.0%	★★★★★	24	JPPH	93.3%	★★★★★
12	JUB	98.8%	★★★★★	25	JPRK	93.3%	★★★★★
13	JPPP	97.4%	★★★★★	26	IDB	92.1%	★★★★★

Penarafan bagi Elemen Kawalan Perbelanjaan (Pengurusan Panjar Wang Runcit) adalah seperti berikut:-

BIL.	JABATAN	MARKAH (%)	PENARAFAN	BIL.	JABATAN	MARKAH (%)	PENARAFAN
1	JAD	100	★★★★★	14	PDB	83	★★★★
2	JPPPB	96	★★★★★	15	JPRB	83	★★★★
3	JPM	95	★★★★★	16	JP	82	★★★★
4	JKB	95	★★★★★	17	JPRK	80	★★★★
5	JPPP	95	★★★★★	18	JPKKB	80	★★★★
6	JUP	91	★★★★★	19	JKEW	78	★★★
7	JPLR	90	★★★★★	20	JUB	76	★★★
8	JKAWS	87	★★★★	21	JPB	75	★★★
9	JKME	87	★★★★	22	JPIF	75	★★★
10	JPSM	86	★★★★	23	JPPH	69	★★
11	JIT	86	★★★★	24	JPEP	66	★★
12	IDB	86	★★★★	25	JPK	63	★★
13	JKAS	84	★★★★	26	JKKPS	63	★★

Penarafan AI bagi Elemen Kawalan Pengurusan Stor Tahun 2022 adalah seperti berikut:-

BIL.	JABATAN	JUMLAH MARKAH	PENARAFAN
1.	JPK	77%	★★★
2.	JKAS	75%	★★★
3.	JPKKB	72%	★★★
4.	JPB	72%	★★★
5.	JPLR	66%	★★
6	JKAWS	63%	★★
7.	JKKPS	57%	★
8.	JP	50%	★
9.	JPPH	41%	★
10.	IDB	33%	★

Pada 22 November 2022 satu sesi pemberian Anugerah Penarafan 5 Bintang bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) Tahun 2022 kepada Ketua Jabatan telah diadakan.

- **Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan**



- **Jabatan Kawalan Bangunan**



- **Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan**



- **Jabatan Pengurusan Maklumat**



8.4 Penganjuran Pertandingan Video Pendek Sempena Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur

Jabatan Audit Dalam (JAD) telah menganjurkan Pertandingan Video Pendek Sempena Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur yang telah diadakan mulai 1 November 2021 hingga 21 Januari 2022. JAD juga telah mengadakan sesi penjurian pada 27 Januari 2022 dan senarai pemenang telah dimaklumkan melalui platform Intranet DBKL pada 8 Februari 2022.



Poster Pertandingan Video Pendek Sempena Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur



Sesi Penjurian Pertandingan Video Pendek

Senarai keputusan pertandingan bagi **Kategori Jabatan** adalah seperti berikut: -

Bil.	Hadiah	Pemenang	Ketua Kumpulan
1.	Tempat Pertama	JPLR	LAr. Khairul Amin bin Mirsa Hussain
2.	Tempat Kedua	JKKPS	Muhammad Adli bin Abu Jazid Javis
3.	Tempat Ketiga	JKEW	Mohd Bilal bin Disa
4.	Saguhati	JPLR	LAr. Khairul Amin bin Mirsa Hussain
5.		JKAWS	Ir. Rusnida binti Talib
6.		JKKPS	Nur Fatin Nadhirah binti Mohd Khirzam
7.		JKB	Mohd Ridzuwan Firdaus bin Mat Rashid
8.		JP	Alfian bin Mohd Noor Affindee

Senarai keputusan pertandingan bagi **Kategori Terbuka** adalah seperti berikut: -

Bil.	Hadiah	Pemenang	Jabatan
1.	Tempat Pertama	Nor Syafiekah binti Husin	JKAWS
2.	Tempat Kedua	Mohammad Adzim Firdaus bin Sharif	JKAWS
3.	Tempat Ketiga	Muhammad Afifi bin Azri	JKAWS
4.	Saguhati	Mohd Samsul Hairi bin Senin	JPM
5.		Rashidah binti Ibrahim	JPKKB
6.		Azizul Hakim bin Hassan	JPRK
7.		Muhammad Firdaus bin Zainal Abidin	JKAS
8.		Mohd Rushdan bin Mohd Ishak	JPPP

8.5 Rancangan Audit Tahunan (RAT) yang telah dilaksanakan pada Tahun 2022

Ringkasan Tajuk Rancangan Audit Tahunan (RAT) Tahun 2022 adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Pengauditan	Bilangan	Catatan
1.	Audit Prestasi	2	Rujuk Jadual 1
2.	Audit Penampilan	5	Rujuk Jadual 2
3.	Audit Susulan	3	Rujuk Jadual 3
4.	Audit Penyata Kewangan	2	Rujuk Jadual 4
5.	Audit Pengurusan Kewangan	3	Rujuk Jadual 5
6.	Audit ICT	2	Rujuk Jadual 6
7.	Audit Konsultansi	3	Rujuk Jadual 7
8.	Audit Khas	3	Rujuk Jadual 8
	Jumlah Keseluruhan	**23**	

Jadual 1

Bil.	Tajuk Audit Prestasi	Auditi
1.	Pengauditan ke atas Piagam Pelanggan Jabatan	Semua Jabatan
2.	Pengauditan Pengurusan Tempat Letak Kereta DBKL	JPPH

Jadual 2

Bil.	Tajuk Audit Penampilan	Auditi
1.	Pengauditan Pengurusan Rumah Rehat DBKL • Rumah Rehat Batu Ferringi, Pulau Pinang	JPSM
2.	Pengauditan Pengurusan Rumah Rehat DBKL • Rumah Rehat A Famosa Resort, Melaka	JPSM
3.	Pengauditan Pengurusan Taman Permainan Kanak-Kanak di Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR)	JPKKB
4.	Pengauditan Pengurusan Lif di Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR)	JPKKB
5.	Pengauditan Perkhidmatan Perunding Telekomunikasi	JPEP

Jadual 3

Bil.	Tajuk Audit Susulan	Auditi
1.	Pengauditan Pelaksanaan Penyelenggaraan ke atas Projek Penambahbaikan dan Pengindahan Sungai di Kawasan *Presint 7 River of Life* (RoL)	JPPPB JPLR JKME
2.	Pengauditan Pengurusan Rumah Rehat DBKL Rumah Rehat Port Dickson, Negeri Sembilan	JPSM
3.	Pengauditan Pengurusan Rumah Rehat DBKL Rumah Rehat Johor Bahru, Johor	JPSM

Jadual 4

Bil.	Tajuk Audit Penyata Kewangan	Auditi
1.	Aset Alih	JKEW
2.	Baki Awal & Baki Akhir 2021 bagi Aset dan Liabiliti	

Jadual 5

Bil.	Tajuk Audit Pengurusan Kewangan	Auditi
1.	Kawalan Perbelanjaan (Pembelian Terus)	Semua Jabatan
2.	Kawalan Perbelanjaan (Pengurusan Panjar Wang Runcit)	
3.	Kawalan Pengurusan Aset & Stor (Pengurusan Stor)	

Jadual 6

Bil.	Tajuk Audit ICT	Auditi
1.	Pengauditan Pengurusan Sistem *Mobile Intergrated Service* (MOBIS)	JPM & Jabatan Pengguna
2.	Pengauditan Pengurusan Sistem Kuala Lumpur *Sport, Event and Facilities* (KLSPEF)	

Jadual 7

Bil.	Tajuk Audit Konsultansi	Auditi
1.	Garis Panduan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Datuk Bandar Kuala Lumpur	JPEP & Jabatan Pelaksana
2.	Garis Panduan Penetapan Bagi Jabatan Yang Menjaga & Menyelenggara Bangunan Milik DBKL dan Elemen-Elemen Rekabentuk Bandar di Kuala Lumpur	
3.	*Due Diligence* Terhadap Projek-Projek ICT DBKL	JPM

Jadual 8

Bil.	Tajuk Audit Khas	Auditi
1.	Cadangan Mempertingkatkan Sistem Perparitan Utama dan Kerja – Kerja *Pipe Jacking* di Kawasan Tadahan Sungai Toba, Segambut Bahagia, Kuala Lumpur (2020/A146)	JKAWS
2.	Audit Khas Terhadap Majlis Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2022	JP
3.	Kerja-kerja Menaiktaraf Parking Berbumbung Motorsikal di Jalan Lebuhraya Salak (Lebuhraya Hubungan Timur Barat) Kuala Lumpur (2021/C014)	JPB

Jabatan Integriti

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Bermula sebagai sebuah unit di bawah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM), Jabatan Integriti (JIT) ditubuhkan pada 1 Ogos 2015 selaras keputusan kerajaan. Bertindak sebagai *focal point* pengurusan isu berkaitan integriti di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

1.2 Bahagian-Bahagian/ Unit-Unit di Jabatan

JIT dibahagikan kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:

i. Bahagian Pengurusan;

ii. Bahagian Pencegahan; dan

iii. Bahagian Operasi.

JIT melaksanakan enam (6) fungsi utama iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pematuhan, pengurusan aduan, pengesanan dan pengesahan dan tatatertib.

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Kategori	Jumlah
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	**9**
Kumpulan Sokongan I (Gred 17- 40)	**13**
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	**4**
JUMLAH	**26**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Memperkukuh tahap integriti dan akauntabiliti yang telus dalam kalangan warga DBKL ke arah tadbir urus yang cemerlang.

2.2 Misi

Melaksanakan fungsi pengurusan integriti yang berkesan berasaskan amalan terbaik.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Memastikan semua maklumat/ aduan yang diterima dibawa ke Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh penerimaan.

3.2 Mengemukakan surat pemakluman keputusan Lembaga Tatatertib Bebas dan Rayuan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh prosiding.

3.3 Mengeluarkan surat jemputan Kursus Pengukuhan Integriti dalam tempoh lima (5) hari bekerja sebelum tarikh program.

3.4 Memastikan hebahan pesanan integriti bagi pemahaman dan penghayatan nilai kepada warga DBKL sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 KPI Jabatan

KRA	Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian 2022
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (*CUSTOMER FOCUS*)	1.	Kehadiran **4 hari** berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan.	**Semua** pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus **4 hari** setahun.	100%
	2.	Mensasarkan **100%** penyelesaian aduan awam dalam tempoh **14 hari** pada tahun 2022.	Menyelesaikan **100%** aduan yang diterima pada setiap bulan.	100%
MEMPERKUKUH TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	3.	Pengurusan peruntukan **perbelanjaan** yang berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya **95%** perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2022.	100%
	4.	Mengemukakan **perancangan perolehan** bagi tahun 2023.	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022 **sebelum 31 Disember 2022**.	-
	5.	Menyelesaikan AP58 pada bulan Mei 2022	Memastikan pembayaran melibatkan AP58 dijelaskan pada Mei 2022	100%
MEMPERKUKUH TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	6.	Menyiapkan **Kertas Pengesanan dan Pengesahan (KPP)** dalam tempoh yang ditetapkan.	Memastikan **90%** KPP disiapkan dalam **tahun semasa**	100%
	7.	Memastikan **Kertas Pertimbangan** disediakan dalam tempoh yang ditetapkan.	Memastikan **90% Kertas Pertimbangan** disediakan dalam tahun semasa.	100%
	8.	Melaksanakan **program pengukuhan** integriti.	Mengadakan sekurang-kurangnya **18** program setahun.	100%
	9.	Aktiviti **naziran** di jabatan-jabatan DBKL.	Mengadakan sekurang-kurangnya **10** naziran setahun.	100%
MEMPERKUKUH TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*).	10.	Mengadakan **Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah** (JAR) peringkat DBKL.	Memastikan Mesyuarat JAR diadakan sekurang-kurangnya **3** kali setahun.	100%
	11.	Memastikan inisiatif **Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)** di bawah tindakan **Jabatan Integriti** dilakanakan dalam tempoh yang ditetapkan.	Sekurang-kurangnya **50%** dari **sasaran inisiatif** OACP Jabatan Integriti dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

5.1.1 Memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan di organisasi;

5.1.2 Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;

5.1.3 Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa;

5.1.4 Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan sewajarnya diambil;

5.1.5 Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;

5.1.6 Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/ maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi; dan

5.1.7 Melaksanakan fungsi urusetia Lembaga Tatatertib.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/ Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Unit Pengukuhan Integriti

i. Merancang, menyelaras dan melaksanakan program kesedaran, latihan, seminar dan pendidikan bagi meningkatkan amalan nilai-nilai murni, etika dan integriti.

ii. Mewujudkan jaringan kerjasama jabatan-jabatan di organisasi dan agensi luar untuk membentuk program pengukuhan integriti.

5.2.2 Unit Tadbir Urus

i. Menyemak, menyelia dan menyelaras penambahbaikan dasar, sistem dan prosedur DBKL bagi memastikan tadbir urus organisasi yang baik.

ii. Menjalankan fungsi Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR).

iii. Merancang dan melaksana Sambutan Hari Integriti DBKL.

5.2.3 Unit Pematuhan

i. Menyelia dan menyemak tahap pematuhan organisasi terhadap dasar, undang-undang, sistem dan prosedur kerja yang sedang berkuatkuasa serta mengesyor penambahbaikan.

5.2.4 Unit Pengesanan dan Pengesahan

i. Menjalankan pengesanan dan pengesahan pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

5.2.5 Unit Aduan

i. Mengurus dan menapis maklumat/aduan salah laku dan pelanggaran tatatertib di DBKL.

ii. Mengedar dan memantau maklumat/aduan yang bersifat pentadbiran untuk tindakan dalaman DBKL.

iii. Mengurus dan mengambil tindakan punitif ke atas laporan kes daripada SPRM.

5.2.6 Unit Tatatertib

i. Memantau dan memastikan pematuhan Kaedah-Kaedah Pegawai DBKL (Kelakuan & Tatatertib) 1989 dan Kaedah-Kaedah Pegawai Penguatkuasa DBKL (Kelakuan & Tatatertib)1992 oleh organisasi.

ii. Menjalan fungsi Urusetia Lembaga Tatatertib Bebas dan Rayuan DBKL.

iii. Memantau dan menjadi rujukan jabatan-jabatan menjalankan fungsi Urusetia Lembaga Tatatertib Jabatan.

5.2.7 Unit Pentadbiran dan Kewangan

i. Mengurus hal ehwal pentadbiran, kewangan, aset dan sumber manusia jabatan.

ii. Menyelaras Laporan Tahunan jabatan.

iii. Menjalankan fungsi urusetia Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), ISO, *Star Rating*, Keselamatan, OSHA, EKSA dan lain-lain di jabatan.

6.0 BAJET

Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM157,400.00	95.37
Perbelanjaan	RM150,113.90	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
1	Pelbagai Jabatan	Forum Perdana Ehwal Islam sempena Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur 2022	Mengukuhkan kefahaman agama warga DBKL khususnya dan warga kota amnya melalui pembudayaan ilmu sebagai paksi keutuhan individu dalam mendepani arus revolusi 4.0.
2	Pelbagai Jabatan	Kursus Kem Jana Integriti (KEJATI)	Memotivasikan kakitangan DBKL ke arah pemikiran yang lebih positif terhadap perubahan dan memberi panduan yang tepat dalam mencapai budaya kerja yang cemerlang dan berintegriti.
3	Jabatan Integriti	Sesi Kunjungan Hormat ke Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) Suruhanjaya Pencegahan Rasiuah Malaysia	Berkongsi maklumat dengan (BPIA) khususnya berkaitan dengan kaedah pelaksanaan Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam (Public Service Corruption Ranking) serta pengiraannya.
4	Pelbagai Jabatan	Bicara Mufti (Siri 1)	Meningkatkan kefahaman peserta berkaitan dengan isu-isu integriti semasa umat Islam dalam aqidah dan media sosial, memotivasikan kakitangan DBKL kea rah pemikiran yang lebih positif terhadap perubahan dan memberi panduan yang tepat dalam mencapai budaya kerja yang cemerlang dan berintegriti.
5	Jabatan Integriti	Kursus Penambahbaikan Proses Kerja JIT	Merancang penambahbaikan proses kerja JIT dalam pelbagai aspek perkhidmatan bagi tahun 2022, menyusun dan mengemaskini perihal dasar kualiti, perancangan program pengukuhan, pencegahan serta penyeragaman proses kerja di setiap bahagian dan unit supaya mampu menawarkan perkhidmatan yang terbaik untuk DBKL khususnya.
6	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan	Tumbuk Rusuk (Siri 1)	Memahami konsep akauntabiliti, amanah, tanggungjawab serta sumbangan setiap individu kepada organisasi.
7	Jabatan Integriti	Sesi Kunjungan Hormat ke Unit Integriti, Lembaga Pertubuhan Peladang	Berkongsi pengalaman Unit Integriti (LPP) dalam melaksanakan program-program pencegahan dan kaedah pelaksanaan peraturan Polisi Tiada Hadiah.
8	Pelbagai Jabatan	Program Transformasi Sahsiah Diri	Melestarikan nilai-nilai murni sebagai teras dalam menjalankan tugas dan kehidupan, membentuk modal insan berasaskan pendekatan nilai-nilai murni di kalangan pegawai dan kakitangan DBKL serta membentuk jati diri pegawai dan kakitangan DBKL yang kukuh berasaskan nilai-nilai integriti yang tinggi.
9	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan	Tumbuk Rusuk (Siri 2)	Memahami konsep akauntabiliti, amanah, tanggungjawab serta sumbangan setiap individu kepada organisasi.

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
10	Jabatan Penguatkuasaan	Pengurusan Integriti dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam	Menyuburkan nilai-nilai integriti yang Rabbani dalam diri setiap kakitangan bagi pembangunan insan dan fizikal secara seimbang dan mampan.
11	Jabatan Kawalan Bangunan	Cakna Integriti Bersama Jabatan Kawalan Bangunan	Melestarikan nilai-nilai integriti dan mengukuhkan budaya integriti di DBKL, memberi kefahaman dan penerangan berkaitan isu-isu integriti yang berlaku di dalam DBKL dan memupuk kesedaran dan tanggungjawab dalam memerangi rasuah dan tatakelakuan yang bercanggah dengan niali-nilai integriti.
12	Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan	Cakna Integriti Bersama Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan	Melestarikan nilai-nilai integriti dan mengukuhkan budaya integriti di DBKL, memberi kefahaman dan penerangan berkaitan isu-isu integriti yang berlaku di dalam DBKL dan memupuk kesedaran dan tanggungjawab dalam memerangi rasuah dan tatakelakuan yang bercanggah dengan niali-nilai integriti.
13	Jabatan Pengangkutan Bandar	Cakna Integriti Bersama Jabatan Pengangkutan Bandar	Melestarikan nilai-nilai integriti dan mengukuhkan budaya integriti di DBKL, memberi kefahaman dan penerangan berkaitan isu-isu integriti yang berlaku di dalam DBKL dan memupuk kesedaran dan tanggungjawab dalam memerangi rasuah dan tatakelakuan yang bercanggah dengan niali-nilai integriti.
14	Jabatan Perancangan Bandar	Cakna Integriti Bersama Jabatan Perancangan Bandar	Melestarikan nilai-nilai integriti dan mengukuhkan budaya integriti di DBKL, memberi kefahaman dan penerangan berkaitan isu-isu integriti yang berlaku di dalam DBKL dan memupuk kesedaran dan tanggungjawab dalam memerangi rasuah dan tatakelakuan yang bercanggah dengan niali-nilai integriti.
15	Pelbagai Jabatan	Kursus Santun Insani	Membina kesedaran integriti untuk membentuk keperibadian yang utuh di kalangan pemimpin pelapis DBKL dengan memantapkan nilai positif dan pengukuhan nilai spiritual, meningkatkan kesedaran dan komitmen dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab serta membentuk budaya dan ekosistem integriti yang utuh di kalangan warga DBKL.
16	Majlis Persatuan Penduduk Wilayah Persekutuan KL	Dialog SPRM bersama MPPWPKL	Membudayakan nilai-nilai integriti dan melestarikannya di dalam rangkaian perkhidmatan DBKL khususnya melibatkan komuniti, memberikan kefahaman dan penerangan yang tuntas kepada Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan KL (MPPWPKL), membangkitkan kesedaran dan tanggungjawab dalam memerangi rasuah di dalam struktur komuniti WP dan menyemai nilai-nilai integriti dan anti rasuah setiap lapisan masyarakat dalam pengurusan dan pembangunan WP
17	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan	Tumbuk Rusuk (Siri 3)	Memahami konsep akauntabiliti, amanah, tanggungjawab serta sumbangan setiap individu kepada organisasi.
18	Pelbagai Jabatan	Integriti Di Hatiku (Siri 1 & 2)	Memastikan kedudukan DBKL di dalam Public Service Corruption Ranking dapat ditambahbaik, memastikan integriti dibudayakan dalam kalangan pegawai dan kakitangan DBKL yang terlibat dalam perolehan kerajaan serta memastikan pelaksanaan pengurusan perolehan yang cekap dan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan.

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
19	Pelbagai Jabatan	Tumbuk Rusuk (Siri 4)	Memahami konsep akauntabiliti, amanah, tanggungjawab serta sumbangan setiap individu kepada organisasi.
20	Jabatan Penguatkuasaan	Kursus Kecemerlangan Integriti	Meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang kepentingan integriti, membudayakan amalan nilai-nilai murni dan integriti serta melestarikan amalan nilai-nilai murni dan integriti dalam kehidupan.
21	Pelbagai Jabatan	Kursus U-Turn Program	Meningkatkan motivasi diri dan pembinaan nilai diri yang unggul, memupuk dan menghayati nilai-nilai murni dan meningkatkan keyakinan diri dan personaliti yang cemerlang.
22	Pelbagai Jabatan	Bicara Mufti (Siri 2)	Meningkatkan kefahaman peserta berkaitan dengan isu-isu integriti semasa umat Islam dalam aqidah dan media sosial, memotivasikan kakitangan DBKL kea rah pemikiran yang lebih positif terhadap perubahan dan memberi panduan yang tepat dalam mencapai budaya kerja yang cemerlang dan berintegriti.
23	Jabatan Integriti	Retreat Jabatan Integriti	Merancang hala tuju, menyusun dan mengemaskini perancangan program-program bahagian dan unit di JIT.

PROGRAM YANG DILAKSANAKAN TAHUN 2022

10 Februari 2022

Forum Perdana Ehwal Islam
Dewan Mestika, Institut Dewan Bandaraya (IDB)





22 April 2022

Program Transformasi Sahsiah Diri – Transformasi Integriti Inspirasiku
Biro Pelancongan, Jalan Tangsi





31 Mei 2022

Kunjung Hormat CeIO Bank Simpanan Nasional (BSN)
- Jabatan Integriti





10 Jun 2022

Kunjung Hormat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Jabatan Integriti





25 Julai 2022

Kunjung Hormat Jabatan Integriti (JIT) ke Unit Integriti
- Majlis Perbandaran Sepang





13 Oktober 2022

Kunjung Hormat Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)
- Jabatan Integriti





Sektor Perancangan Bandaraya

www.dbkl.gov.my

LAPORAN TAHUNAN
DBKL 2022

Jabatan Perancangan Infrastruktur

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Perancangan Infrastruktur (JPIF) telah ditubuhkan pada 1 Julai 2011 dengan fungsi utamanya adalah untuk merancang dan mengawal pembangunan infrastruktur di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. JPIF adalah gabungan daripada beberapa bahagian dalam Jabatan Kerja Awam dan Saliran yang berfungsi melakukan kerja-kerja perancangan infrastruktur dan kawalan pembangunan.

1.2 Bahagian-Bahagian / Unit-Unit di Jabatan

Jabatan ini mempunyai tiga (3) bahagian utama seperti berikut:

1.2.1 Bahagian Pembangunan

1.2.1.1 Unit Kawalan Pembangunan
1.2.1.2 Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan
1.2.1.3 Unit Permit Angkut Bahan

1.2.2 Bahagian Perancangan

1.2.2.1 Unit Perancangan Jalan dan Saliran
1.2.2.2 Unit Kemudahan Pengangkutan Awam

1.2.3 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Kategori	Jumlah
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	17
Kumpulan Sokongan I (Gred 17- 40)	47
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	12
JUMLAH	**76**

2.0 VISI DAN MISI JABATAN

2.1 Visi

Mewujudkan perancangan dan kawalan pembangunan infrastruktur yang efisien di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2.2 Misi

2.2.1 Mengawal kerja-kerja pembangunan infrastruktur melalui kelulusan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan, Pembetung Pintu Masuk dan Perakuan Aliran Sirkulasi Dalaman dan Tempat Letak Kereta.

2.2.2 Merancang pembangunan infrastruktur jalan dan perparitan dengan bertanggungjawab memproses, menyemak dan menyediakan ulasan berkaitan dengan serahan tanah rizab jalan di peringkat kebenaran merancang.

2.2.3 Memastikan infrastruktur jalan dan perparitan yang dibina oleh pihak pemaju mematuhi pelan kelulusan dengan baik dan berfungsi dengan sempurna.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Mengemukakan kertas perakuan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Jalan & Perparitan bagi projek yang berskala besar dan sederhana kepada Urusetia Pusat Setempat (OSC) dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diterima daripada OSC.

3.2 Meluluskan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Jalan & Perparitan dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.

3.3 Memproses dan mengeluarkan surat pengesahan bagi Borang G17 dalam tempoh 7 hari bekerja bagi projek berisiko rendah dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.

3.4 Memproses dan mengeluarkan surat pengesahan bagi Borang G17 dalam tempoh 14 hari bekerja bagi projek berisiko sederhana dan tinggi dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dan pemeriksaan akhir dijalankan.

3.5 Mempertimbangkan laporan kajian TIA dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan laporan TIA yang lengkap.

3.6 Memproses permohonan pemberian alamat premis dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan.

3.7 Memproses dan mengeluarkan surat perakuan pematuhan keperluan teknikal tempat letak kereta dan edaran lalulintas dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap bagi menyokong kelulusan Pelan Bangunan.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian Tahun 2022
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN *(CUSTOMER FOCUS)*	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun. IDB : 2 Hari Jabatan : 2 Hari	100%
	2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP).	99.8%
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS *(TRANSPARENCY)*	1.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2022.	96.5%
	2.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023 sebelum 31 Disember tahun 2022.	*Tiada program atau projek untuk tahun 2023 bagi perancangan perolehan.*
	3.	Menyelesaikan isu yang melibatkan AP58.	Memastikan pembayaran melibatkan AP58 dijelaskan pada Mei 2022.	100%
MELAKSANAKAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR MAMPAN	1.	Menyiapkan Deraf Laporan Akhir Kajian Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040.	Memuktamadkan kajian dalam tempoh 3 bulan. Hasil kajian perlu diselaraskan dengan PITKL 2040.	Telah disiapkan pada bulan September 2022 dan Laporan Akhir dalam proses cetakan.

KRA	Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian Tahun 2022
	2.	Menjalankan lawatan pemantauan tapak bina yang sedang melaksanakan kerja tanah bagi tapak projek berskala besar dan/ atau berisiko.	2 kali sebulan bagi setiap tapak projek berskala besar dan/ atau berisiko yang sedang menjalankan kerja tanah.	100% Lawatan tapak setiap projek skala besar / berisiko telah dibuat sebanyak 2 kali sebulan.
	3.	Menyiapkan Garis Panduan senarai semak kriteria penilaian ke atas laporan TIA yang dikemukakan oleh perunding.	Garis Panduan siap dan diluluskan oleh Ketua Sektor untuk digunapakai.	Garis panduan telah siap dan digunapakai di peringkat Jabatan.
	4.	Kajian Penambahbaikan terhadap Permohonan Permit Laluan Lori Angkut Konkrit.	Mendapat persetujuan daripada mesyuarat JKPS untuk cadangan penambahbaikan.	Kajian terhadap penambahbaikan permit laluan lori angkut bahan telah disiapkan pada Ogos 2022 manakala Bengkel Kajian Penambahbaikan Fee dan Deposit Serta Laluan Bagi Lori Angkut Bahan telah diadakan pada 3 - 5 September 2022 dan dibentangkan kepada PEPR dan PEPP.
	5.	Penyediaan Deraf Awal Garis Panduan Penyenggaraan Cerun Di Kawasan Tanah Bermilik Di Kuala Lumpur.	Deraf awal garis panduan siap dan mendapat persetujuan daripada Ketua Sektor.	Bengkel Deraf Awal Garis Panduan Pengenggaraan Cerun di kawasan Tanah Bermilik telah diadakan pada 21-23 September 2022 dengan penglibatan beberapa wakil jabatan dalaman dan agensi luaran. Hasil daripada bengkel, deraf awal garis panduan telah disediakan dan rumusan deraf garis panduan telah di bentangkan kepada Pengarah Eksekutif (Perancangan) dalam sesi penutup bengkel tersebut.

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

5.1.1 Memproses permohonan pelan kerja tanah dan jalan & perparitan untuk kelulusan JKPS.

5.1.2 Memberi ulasan kepada keperluan serahan jalan dan saliran berdasarkan pelan perancangan jalan JPIF dan Stormwater Management Asset Inventory System (SMAIS) terhadap cadangan projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.1.3 Membuat kawalan pembangunan terhadap kelulusan pelan kelulusan kerja tanah, jalan & perparitan, sistem pengurusan air hujan (MSMA) bagi pengeluaran sokongan G17 (Jalan & Perparitan) untuk pengeluaran CCC.

5.1.4 Memproses permohonan permit angkut bahan dan memproses permohonan pemulangan wang cagaran permit angkut bahan.

5.1.5 Memproses permohonan pemberian alamat, penamaan nama jalan, serta pengisytiharan jalan awam.

5.1.6 Memproses pelan permohonan tempat letak kereta, hentian bas dan teksi, jejantas serta laluan penjalan kaki berbumbung.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/ Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Unit Kawalan Pembangunan

5.2.1.1 Memproses perakuan permohonan pelan kelulusan kerja tanah, jalan dan perparitan untuk pertimbangan dan kelulusan OSC.

5.2.1.2 Menyelaras pemprosesan permohonan melalui sistem KLIS & OSC 3.0 plus.

5.2.1.3 Membuat lawatan tapak untuk pemeriksaan kerja-kerja jalan perparitan dan sistem pengurusan air hujan sebelum surat pengesahan G17: Jalan dan Perparitan disyorkan.

5.2.1.4 Mengkoordinasi serahan jalan dan parit yang telah siap dibina selepas tamat tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) sebelum diserahkan kepada DBKL.

5.2.1.5 Menyemak, menganalisa dan mengulas laporan geoteknik selaras dengan kehendak perancangan pembangunan.

5.2.2 Unit Perancangan Jalan Dan Saliran

5.2.2.1 Menyemak dan mengulas keperluan serahan tanah bagi cadangan rizab jalan dan saliran selaras dengan kehendak perancangan pembangunan.

5.2.2.2 Menyemak, menganalisa dan mengulas laporan kajian impak trafik dan laporan geoteknik selaras dengan kehendak perancangan pembangunan.

5.2.2.3 Menyemak dan mengesahkan permohonan pelan pra-hitungan selaras dengan kehendak Jabatan, Agensi dan Perintah Pembangunan.

5.2.2.4 Menyediakan pengiraan penentuan kadar caj sumbangan pemaju berkaitan binaan infrastruktur berdasarkan janaan trafik pembangunan.

5.2.2.5 Menyelaras kepada pelaksanaan langkah-langkah inisiatif bagi mencapai modal split yang disasarkan dalam PITKL 2040.

5.2.3 Unit Kemudahan Pengangkutan Awam

5.2.3.1 Memberi ulasan teknikal pematuhan tempat letak kereta untuk Permohonan Kebenaran Merancang dan permohonan Pelan Bangunan (B1) yang diterima daripada OSC.

5.2.3.2 Memproses pelan untuk perakuan tempat letak kereta bagi pembangunan yang telah mempunyai Perintah Pembangunan dan permohonan Pelan Bangunan.

5.2.3.3 Memproses permohonan pejalan kaki berbumbung, jejantas pejalan kaki dan hentian bas/ teksi untuk pertimbangan dan kelulusan OSC.

5.2.3.4 Menyelaras pelan tindakan bagi Pelan Induk Pejalan Kaki dan Berbasikal Kuala Lumpur.

5.2.4 Unit Alamat Dan Pengisytiharan Jalan

5.2.4.1 Memproses permohonan Nombor Premis bagi tujuan pemberian alamat pada setiap unit premis / pembangunan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.2.4.2 Memproses dalam menyediakan pemberian Nama Jalan untuk kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan.

5.2.4.3 Memproses serahan jalan bagi tujuan Pengisytiharan Jalan Awam di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.2.5 Unit Permit Angkut Bahan

5.2.5.1 Memproses permohonan permit angkut bahan.

5.2.5.2 Memproses permohonan pemulangan wang cagaran permit angkut bahan.

5.2.6 Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

5.2.6.1 Mengurus hal ehwal pentadbiran dan sumber manusia jabatan.

5.2.6.2 Mengurus kemajuan kerjaya perkhidmatan kakitangan.

5.2.6.3 Mengurus penilaian prestasi dan tatatertib.

5.2.6.4 Mengurus latihan, kursus, seminar, aktiviti sosial dan kebajikan kakitangan.

5.2.6.5 Mengurus penempatan latihan praktikal dari IPTA/ IPTS.

5.2.6.6 Menyelenggara Infrastruktur, perkakasan, perisian sistem komputer.

5.2.6.7 Hal ehwal keselamatan Jabatan.

5.2.6.8 Mengurus hal ehwal aset inventori jabatan.

5.2.6.9 Menyediakan bajet tahunan.

5.2.6.10 Merancang, mengurus dan mengawal perbelanjaan.

5.2.6.11 Mengurus penyediaan dokumen tender, kontrak, sebutharga dan pembelian.

5.2.6.12 Menyelaraskan pelaksanaan KPI jabatan.

5.2.6.13 Menyelaras pelaksanaan MS:ISO.

5.2.6.14 Menyelaras pelaksanaan EKSA.

5.3 Bahagian Pembangunan

Bahagian Pembangunan adalah terlibat dengan permohonan kelulusan pelan dan permit angkut bahan bagi projek pembangunan di bawah skop Pelan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan, OSC (Kediaman Kecil), sistem pengurusan air hujan, sirkulasi dalaman, pemberian alamat dan pengisytiharan jalan.

5.3.1 Unit Kawalan Pembangunan

Unit Kawalan Pembangunan berperanan memproses dan menyemak pelan bagi kelulusan Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan, Pelan Pembetung Pintu Masuk dan Sokongan G17 untuk memastikan selaras dengan kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 serta mematuhi garis panduan jabatan.

5.3.1.1 Permohonan Pelan

Sepanjang tahun 2022 sebanyak **321** permohonan telah diproses melibatkan permohonan Kelulusan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Jalan dan Perparitan yang melibatkan 10 kawasan di sekitar Kuala Lumpur.

5.3.2 Pemeriksaan bagi Sokongan G17 (Jalan dan Perparitan)

Sebanyak **131** pengeluaran surat Sokongan G17 (pemeriksaan akhir) bagi pengesyoran pengeluaran CCC telah dikeluarkan sepanjang tahun 2022. Ianya meliputi pengeluaran surat sokongan G17 bagi projek berskala rendah, sederhana dan tinggi di sekitar Kuala Lumpur.

Jenis Permohonan	Kawasan Pembangunan										Jumlah
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
Pelan Kerja Tanah	16	23	13	19	17	8	11	27	13	22	**169**
Pelan Jalan & Perparitan	13	14	16	22	15	10	5	24	10	23	**152**
Sokongan G17	19	8	12	13	7	15	8	22	12	15	**131**

Statistik Permohonan Kelulusan dan Pengeluaran Kelulusan Kerja Tanah, Jalan & Parit dan Surat Sokongan G17 bagi Tahun 2022

5.4 Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan

Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan berfungsi sebagai unit yang memproses dan memberi kelulusan bagi permohonan alamat, penamaan jalan dan pengisytiharan jalan.

5.4.1 Pemberian Alamat

Memproses dan meluluskan permohonan nombor bangunan untuk tujuan pemberian alamat pada setiap bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 31.

Pada 2022, sebanyak **129** permohonan telah diterima meliputi permohonan bagi pembangunan Kondominium, Pangsapuri, Rumah Pangsa, Banglo, Rumah Teres, Rumah Kedai/ Pejabat, Hotel, Sekolah dan Dewan.

Bil. Permohonan	BULAN												JUMLAH
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
	13	5	14	16	6	12	7	18	12	3	11	12	**129**

Statistik Pemberian Alamat Tahun 2022

5.4.2 Pemberian Nama Jalan

Pemberian nama jalan yang baru disiapkan oleh pemaju dan nama-nama jalan lama yang kurang sesuai untuk dikekalkan melalui satu Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JTNGWPKL) dan diangkat untuk pengesyoran dan kelulusan ke mesyuarat Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 29.

Pada tahun 2022 sebanyak **8** batang jalan baru telah dinamakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan Kementerian Wilayah Persekutuan.

5.4.3 Pengisytiharan Jalan Awam

Mengisytiharkan jalan-jalan persendirian kepada jalan awam selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 13.

Pada 2022, sebanyak **19** batang jalan yang dibina oleh pihak pemaju telah disytiharkan kepada jalan awam.

5.5 Unit Permit Angkut Bahan

Unit Permit Angkut Bahan berperanan memproses permohonan permit angkut bahan yang dikemukakan oleh pihak jurutera perunding projek pembangunan dan pengusaha lori.

5.5.1 Permohonan permit

Bil	Bulanan	Lori Tanah			Lori Bahan Binaan			Lori Konkrit		
		Permohonan	Kelulusan	Permit	Permohonan	Kelulusan	Permit	Permohonan	Kelulusan	Permit
1	Januari	18	14	82	75	69	218	40	31	135
2	Febuari	20	14	42	103	91	210	7	5	26
3	Mac	24	22	62	97	93	204	7	7	51
4	April	14	8	33	87	78	260	16	11	67
5	Mei	19	14	44	87	74	172	3	3	8
6	Jun	19	16	37	96	80	175	4	3	34
7	Julai	18	13	39	101	93	216	1	1	37
8	Ogos	24	12	47	117	91	267	1	0	0
9	September	20	17	43	111	100	172	0	0	0
10	Oktober	16	14	47	90	91	193	0	0	0
11	November	16	13	43	113	97	275	2	1	3
12	Disember	19	14	31	102	95	173	30	23	72
JUMLAH		**227**	**171**	**550**	**1179**	**1052**	**2535**	**111**	**85**	**433**

JUMLAH PERMOHONAN	**1517**
JUMAH KELULUSAN	**1308**
JUMLAH PELEKAT PERMIT YANG DIKELUARKAN	**3518**

Sebanyak **1517** permohonan telah diterima dan sebanyak **1308** permohonan yang telah diluluskan sepanjang tahun 2022 merangkumi permit angkut bahan bagi lori tanah, lori bahan binaan dan lori konkrit.

5.6 Bahagian Perancangan

Bahagian Perancangan adalah terlibat dengan perancangan serahan bagi tujuan rezab jalan dan saliran, pelan pra-hitungan, kajian impak trafik, kemudahan tempat letak kereta, kemudahan jejantas pejalan kaki dan kemudahan pejalan kaki berbumbung.

5.6.1 Unit Perancangan Jalan dan Saliran

Bertanggungjawab memberi ulasan yang berkaitan dengan serahan tanah bagi tujuan rezab jalan & saliran dan ulasan kajian impak trafik bagi permohonan kebenaran perancangan. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab memproses permohonan pengesahan pelan pra-hitungan dan melaksanakan kajian perancangan rangkaian jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.6.2 Ulasan Perancangan Jalan dan Saliran

Memberi ulasan berkaitan serahan tanah bagi tujuan rizab jalan dan ulasan penilaian kajian impak trafik kepada Jabatan Perancangan Bandaraya.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak **669** ulasan telah dikeluarkan untuk pertimbangan kelulusan perancangan.

Perkara	Kawasan Perancangan										Jumlah Keseluruhan
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
Jumlah Ulasan	120	48	42	91	87	45	98	34	58	46	**669**

Statistik Ulasan Perancangan Jalan dan Saliran Tahun 2022

5.6.3 Ulasan Pelan Pra-Hitungan 2022

Memproses dan memberi ulasan terhadap permohonan pengesahan pelan pra-hitungan yang tidak mematuhi Senarai Semak Permohonan Kelulusan Pra-hitungan kepada jurukur yang dilantik oleh pemaju.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak **47** permohonan telah diproses dan dikeluarkan ulasan.

Perkara	Kawasan Perancangan										Jumlah Keseluruhan
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
Jumlah Pengesahan	7	6	6	9	2	5	4	2	1	5	**47**

Statistik Ulasan Pelan Pra-Hitungan 2022

5.6.3.1 Pengesahan Pelan Pra-Hitungan

Memastikan pelan pra-hitungan teratur dan selaras dengan Perintah Pembangunan untuk pengesahan ketua jabatan.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak **68** permohonan telah disemak dan disahkan teratur dengan Kelulusan Perintah Pembangunan untuk pengesahan.

Perkara	Kawasan Perancangan										Jumlah Keseluruhan
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
Jumlah Pengesahan	10	9	7	10	5	5	5	1	3	13	**68**

Statistik Pengesahan Pelan Pra-Hitungan 2022

5.6.4 Perancangan Rangkaian Jalan

Melaksanakan perancangan susun atur jajaran rangkaian jalan sedia ada dan jalan baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.6.5 Pelan Perancangan Jalan

Mengemaskini Pelan Perancangan Jalan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sedia ada dengan menggunakan perisian AutoCAD.

5.6.6 Ulasan Penilaian Laporan Kajian Impak Trafik

Memproses Laporan Kajian Impak Trafik (TIA) yang dikemukakan oleh perunding bagi pertimbangan cadangan pembangunan di peringkat perancangan melalui Jawatankuasa yang terdiri daripada wakil jabatan teknikal dalaman iaitu Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB), Jabatan Kejuruteraan Awam & Saliran (JKAWS) dan Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB).

Sepanjang tahun 2022, sebanyak **36** laporan TIA telah dinilai.

BILANGAN PERMOHOHAN DAN PEMBENTANGAN MENGIKUT BULAN BAGI TAHUN 2022

Bulan	Jumlah Permohonan	Jumlah Pembentangan
Januari	3	3
Februari	2	2
Mac	2	2
April	6	6
Mei	1	1
Jun	2	2
Julai	7	7
Ogos	3	3
September	4	4
Oktober	1	1
November	0	0
Disember	5	5
Jumlah Keseluruhan	**36**	**36**

5.7 Unit Kemudahan Pengangkutan Awam

Berperanan dalam memproses dan memperakukan pelan-pelan berkaitan Tempat Letak Kereta, Perhentian Bas/ Teksi, Pelan Jejantas Pejalan Kaki dan Pejalan Kaki Berbumbung yang perlu dibina di bawah Projek Pembangunan yang dijalankan oleh pihak swasta dan kerajaan.

5.7.1 Ulasan Tempat Letak Kereta (TLK)

Penyediaan ulasan Tempat Letak Kereta bagi Permohonan Kebenaran Perancangan mengulas TLK dari segi pematuhan syarat-syarat berpandukan Garis Panduan TLK JPIF.

Jumlah ulasan TLK terhadap pemohonan Pelan Kebenaran Perancangan pada tahun 2022 adalah sebanyak **729** ulasan.

5.7.2 Memperakukan Pelan-Pelan TLK

Pelan-pelan TLK untuk perakuan TLK disemak terlebih dahulu dari segi pematuhan Garis Panduan JPIF dan pematuhan kepada syarat TLK dalam Perintah Pembangunan untuk sokongan kepada Pelan Bangunan.

5.7.3 Kemudahan Pengangkutan Awam

Kemudahan Pengangkutan Awam seperti laluan pejalan kaki berbumbung, jejantas dan bas '*layby*'. Dikemukakan oleh pemohon samada ianya adalah syarat Perintah Pembangunan atau secara (*Corporate Sosial Responsibility*) oleh pemaju.

Bil	Perkara	Jumlah Permohonan	Jumlah Kelulusan
1	Perakuan keperluan penyediaan TLK	120	120
2	Kelulusan Jejantas, Laluan Pejalan Kaki Berbumbung, Hentian Bas dan Teksi	25	25
3	Pematuhan syarat Perintah Pembangunan untuk pengesyoran CCC	40	40
Jumlah Keseluruhan		**185**	**185**

Bilangan Permohonan dan Perakuan Tempat Letak Kereta dan Kemudahan Pengangkutan Awam Tahun 2022

5.8 Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

Bahagian ini bertindak sebagai penyelaras antara pentadbiran DBKL dengan bahagian-bahagian lain di jabatan bagi melaksanakan tugas-tugas yang menyentuh soal peraturan atau memerlukan kerjasama antara bahagian-bahagian. Bahagian ini juga berperanan untuk memastikan kerja-kerja jabatan dapat dilaksanakan dengan lancar serta bertanggungjawab ke atas tugas-tugas pentadbiran am jabatan.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM1,890,200.00	96.95%
Perbelanjaan	RM1,832,679.19	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
7 Februari 2022	- Pengarah Eksekutif (Perancangan) - Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) - Jabatan Dalaman DBKL : i. Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB) ii. Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB) iii. Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi (JPLR) iv. Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB) v. Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan (JPPP) vi. Jabatan Kewangan (JKEW) - Agensi Luaran : i. *Center For Innovative Planning and Development* (Universiti Teknologi Malaysia) ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah Fakulti Alam Bina dan Ukur (Universiti Teknologi Malaysia)	Seminar Pelan Induk Pejalan Kaki Dan Basikal Kuala Lumpur 2019-2028	Tujuan penganjuran seminar ini adalah untuk mengimbas semula butiran-butiran cadangan Pelan Induk Pejalan Kaki dan Berbasikal Kuala Lumpur kepada para pembuat keputusan dan para pelaksana dalam DBKL secara rentas jabatan. Objektifnya adalah untuk menjelaskan inti pati dan arah tuju pelan induk supaya para pembuat keputusan dan para pelaksana dapat memahami serta dapat bertindak di atas kapasiti masing-masing untuk menterjemahkan cadangan pelan induk ke dalam bentuk pelaksanaan. Manakala output daripada seminar ini adalah menyasarkan satu bentuk persefahaman secara kolektif dan inklusif di antara pembuat keputusan dan pelaksana dalam merangka gerak kerja pelaksanaan Pelan Induk Pejalan Kaki dan Berbasikal Kuala Lumpur serta dapat mengharmonikannya dengan pelan-pelan pembangunan lain untuk pelaksanaan secara bersepadu.

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
27 Jun 2022	- Pegawai dan Kakitangan Jabatan Perancangan Infrastuktur yang terlibat. - Jabatan Dalaman DBKL : i. Jabatan Kerja Awam dan Saliran (JKAWS) ii. Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan (JUP)	Program Sesi Taklimat dan Lawatan Kerja Wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya	i. Mewujudkan punca kuasa yang lebih jelas dan teratur bagi setiap kes-kes kejadian tanah dan cerun runtuh di atas tanah milikan. ii. Pemudahcara dalam mengambil tindakan segera di tapak kejadian. iii. Memberikan kesedaran kepada pemilik tanah persendirian dalam memastikan penyelenggaraan cerun dan tanah berbukit dilakukan secara berjadual. iv. Menyebarkan maklumat & pengetahuan untuk memantau tanda-tanda awal kegagalan cerun. v. Mewujudkan kesedaran terhadap bahaya dan risiko di kawasan cerun yang mempunyai tanda-tanda kegagalan melalui penglibatan komuniti secara langsung dalam aktiviti pemantauan dan penyenggaraan cerun.
3 hingga 5 September 2022	- Pegawai dan Kakitangan Jabatan Perancangan Infrastuktur yang terlibat. - Jabatan Dalaman DBKL : i. Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) ii. Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB) iii. Jabatan Kerja Awam dan Saliran (JKAWS) iv. Jabatan Kewangan (JKew) v. Jabatan Penguatkuasaan (JPK) vi. Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan (JUP) - Agensi Luaran : i. Polis DiRaja Malaysia (PDRM) ii. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) iii. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)	Bengkel Penambahbaikan Fi Permit Lori	i. Penetapan baru terhadap bayaran fi dan deposit permit lori angkut bahan bagi tujuan cadangan penggubalan Undang-Undang Kecil Angkut Bahan Binaan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1997 sedia ada. ii. Memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih efisien dan berkesan dengan menambahbaik kekurangan dan kelemahan dalam peruntukan UUK sedia ada, terutamanya dari segi kawalan dan penguatkuasaan. iii. Memperincikan lagi peruntukan sedia ada dan menyelaraskan semula peruntukan berdasarkan beberapa perundangan subsidiary terkini yang telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara (JPN).
21-23 September 2022	- Pengarah Eksekutif (Perancangan) - Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) - Jabatan Dalaman DBKL : i. Jabatan Kejuruteraan Awam & Saliran (JKAWS) ii. Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) iii. Jabatan Penguatkuasaan (JPK) iv. Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar (JKAS) v. Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan (JUP) vi. Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB) vii. Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta (JPPH) viii. Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal (JKME)	Bengkel Penyediaan Draf Awal Garis Panduan Penyelenggaraan Cerun Di Kawasan Tanah Bermilik Di Kuala Lumpur	Objektif mewujudkan Garis Panduan Penyenggaraan Cerun Tanah Milikan ini adalah seperti berikut : i. Mewujudkan punca kuasa yang lebih jelas dan teratur bagi setiap kes-kes kejadian tanah dan cerun runtuh di atas tanah milikan. ii. Pemudahcara dalam mengambil tindakan segera di tapak kejadian. iii. Memberikan kesedaran kepada pemilik tanah persendirian dalam memastikan penyenggaraan cerun dan tanah berbukit dilakukan secara berjadual. iv. Menyebarkan maklumat & pengetahuan untuk memantau tanda-tanda awal kegagalan cerun.

Tarikh	Penglibatan	Program / Aktiviti	Objektif
	- Agensi Luaran : i. Jabatan Kerja Raya Malaysia (Unit Cerun) ii. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (Unit Kejuruteraan) iii. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iv. Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) v. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) vi. Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan (JPSWPKL) vii. Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (BOMBA) (Unit Kejuruteraan) viii. Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd.		v. Mewujudkan kesedaran terhadap bahaya dan risiko di kawasan cerun yang mempunyai tanda-tanda kegagalan melalui penglibatan komuniti secara langsung dalam aktiviti pemantauan dan penyenggaraan cerun.
27 Oktober 2022	- YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur serta Pengurusan Tertinggi DBKL - Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai Kanan Jabatan Dalaman DBKL - Wakil agensi kerajaan yang terlibat - Perunding TIA - Persatuan-persatuan berkaitan	Majlis Pelancaran Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040 (PITKL 2040)	Majlis pelancaran ini bertujuan untuk menghebahkan secara meluas kepada pihak berkepentingan seperti agensi/ jabatan pelaksana, perunding-perunding yang menyediakan Kajian Impak Trafik (TIA) dan pemaju terhadap kandungan PITKL 2040.

8.0 PENCAPAIAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

Tarikh	Acara	Pencapaian / Keputusan
27 Oktober 2022	Melancarkan PITKL 2040	Memuktamadkan dan melancarkan PITKL untuk menjadi rujukan



Seminar Pelan Induk Pejalan Kaki dan Basikal Kuala Lumpur 2019-2028









Program Sesi Taklimat Dan Lawatan Kerja Wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya









Bengkel Penambahbaikan Fi Permit Lori









Bengkel Penyediaan Draf Awal Garis Panduan Penyelenggaraan Cerun Di Kawasan Tanah Bermilik Di Kuala Lumpur





Majlis Pelancaran Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040 (PITKL 2040)

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP) bertanggungjawab menyelaras serta memantau projek-projek pembangunan yang merangkumi aktiviti seperti penyediaan peruntukan projek pembangunan, pengemaskinian status projek dan pengagihan sumber kewangan yang telah diluluskan kepada Jabatan Pelaksana.

Selain itu, Jabatan ini turut memainkan peranan sebagai penyelaras bagi projek-projek penswastaan DBKL disamping terlibat juga di dalam pelaksanaan permohonan bagi pembinaan struktur telekomunikasi dan juga penyelarasan serta pemantauan setinggan di Kuala Lumpur

1.2 Bahagian-Bahagian/Unit-Unit di Jabatan

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP) terbahagi kepada 2 bahagian utama iaitu:

i. Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan
ii. Bahagian Penswastaan

Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan

Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan merangkumi 4 unit utama seperti berikut:-

i. Unit Pentadbiran Dan Kewangan
ii. Unit Belanjawan dan Pemantauan Projek Kerajaan
iii. Unit Pemantauan Projek DBKL (JPPPB)/ Projek Khas DBKL Dan Telekomunikasi
iv. Unit Pemantauan Projek DBKL (Selain JPPPB) Dan Pengurusan Pembangunan

Bahagian Penswastaan

Bahagian Penswastaan pula merangkumi 2 unit utama seperti berikut:-

i. Unit Penswastaan 1
ii. Unit Penswastaan 2

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan di Jabatan ini adalah seramai 62 orang dan pecahan mengikut kategori adalah seperti berikut:-

Bil	Kumpulan	Jumlah
1.	Pengurusan & Profesional	**17**
2.	Sokongan B	**10**
3.	Sokongan C	**27**
4.	Sokongan D	**7**
	JUMLAH	**61**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi Jabatan

Ke arah merancang pembangunan sosioekonomi yang mampan dan dinamik bagi mencapai negara maju dan masyarakat sejahtera.

2.2 Misi Jabatan

Mencapai satu bentuk pembangunan yang seimbang melalui perancangan ekonomi bandar yang menyeluruh dan bersepadu selaras dengan dasar pembangunan negara

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Piagam Pelanggan Jabatan mengandungi 5 perkara:-

i. Mengemukakan laporan prestasi kemajuan projek di bawah pembiayaan kerajaan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) setiap bulan.

ii. Memastikan permohonan pelepasan unit kuota bumiputera diberi maklumbalas dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh mesyuarat.

iii. Memberi maklumbalas terhadap permohonan pembelian tanah, pajakan tanah dan projek usahasama dalam tempoh 7 hari bekerja selepas keputusan mesyuarat di peringkat pengurusan diterima.

iv. Memproses dokumen dan pelan-pelan cadangan pembangunan untuk tujuan kebenaran perancangan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima.

v. Menguruskan dokumen yang melibatkan *sub-sale* dalam tempoh masa 14 hari bekerja selepas dokumen lengkap diterima

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 KPI Jabatan

Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian
1	Kehadiran **4** hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan (IDB : 2 Hari, Jabatan : 2 Hari)	Semua pegawai dan kakitangan jabatan menghadiri kursus di peringkat jabatan **4** hari setahun	100%
2	Mensasarkan **100%** penyelesaian aduan awam dalam tempoh **14** hari pada tahun 2022	Menyelesaikan **100%** aduan yang diterima pada setiap bulan (berpandukan sasaran KWP)	100%
3	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya **95%** perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2022	100%
4	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023 sebelum 31 Disember 2022.	100%
5	Menyelesaikan AP58 pada bulan Mei 2022	Memastikan pembayaran melibatkan AP58 dijelaskan pada Mei 2022.	100%
6	Pulangan hasil melalui projek usahasama diterima oleh DBKL sebelum akhir disember 2022	Memastikan **90%** pulangan hasil melalui projek usahasama iaitu sebanyak **RM 5 juta** (tunai dan *in kind*) diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2022	100%
7	Pulangan hasil melalui projek penjualan tanah diterima oleh DBKL sebelum akhir disember 2022	Memastikan **90%** pulangan hasil melalui projek penjualan tanah daripada **RM 89 juta** (tunai dan *in kind*) diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2022	28.08%
8	Pulangan hasil melalui projek pajakan diterima oleh DBKL sebelum akhir disember 2022	Memastikan **90%** pulangan hasil melalui projek pajakan daripada **RM 6.7 juta** diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2022	100%

Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian
9	Perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan dibelanjakan dalam tempoh yang ditetapkan	Memastikan prestasi perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan mencapai **95%.**	92.35%
10	Mengunci masuk maklumat projek pembangunan ke dalam sistem Myprojek setiap bulan	Memastikan **100%** maklumat projek pembangunan di kunci masuk ke dalam SPP2 setiap bulan	100%
11	Senarai projek kecil yang diterima dan diluluskan dilaksanakan.	Memastikan **95%** daripada peruntukan. Projek kecil yang diterima dan diluluskan dapat dilaksanakan.	100%
12	Laporan outcome untuk projek DBKL	Menyelaraskan penyediaan laporan outcome bagi **10** projek yang dilaksanakan oleh DBKL	100%
13	Pulangan hasil bagi yuran pemprosesan permohonan telekomunikasi yang diterima oleh DBKL sebelum akhir Disember 2022	Memastikan **90%** pulangan hasil bagi yuran pemprosesan permohonan telekomunikasi iaitu sebanyak RM7 juta yang diterima oleh DBKL	99.85%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi Jabatan

i. Menyelaras penyediaan bajet pembangunan dan pengagihan sumber kewangan bagi projek-projek pembangunan kepada Jabatan Pelaksana.
ii. Menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan dan penswastaan DBKL
iii. Menilai kemajuan dan pencapaian projek pembangunan dan penswastaan;
iv. Mengenalpasti dan membuat kajian penyelidikan sosio ekonomi; dan
v. Menyelaras tindakan dan maklumbalas dengan institusi sosial dan politik serta agensi-agensi kerajaan dan swasta di luar DBKL.

5.2 Fungsi Bahagian dalam Jabatan

5.2.1 Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan

i. Mengurus tadbir hal-hal berkaitan pentadbiran dan kewangan Jabatan..
ii. Menyelaras dan memproses permohonan bagi pembinaan struktur-stuktur telekomunikasi di Kuala Lumpur.
iii. Merangka dan menyedia pelaporan Outcome bagi projek-projek pembangunan DBKL yang telah dilaksanakan.
iv. Merancang, memantau, menyelaras, menyedia dan mengagih peruntukkan bajet pembangunan bagi projek-projek pembangunan yang ingin dilaksanakan.
v. Menyelaras pembangunan infrastruktur Projek Kecil dan Projek Khas.
vi. Menguruskan isu-isu berkaitan struktur dan kependudukan setinggan.
vii. Mengurus serta memantau kedudukan hartanah unit-unit kuota bumiputera serta menyelaras permohonan pelepasan unit-unit kuota bumiputera

5.2.2 Bahagian Penswastaan

i. Mengkaji permohonan-permohonan projek daripada syarikat swasta dan seterusnya mendapatkan kelulusan pentadbiran dan kerajaan.
ii. Menyelaras permohonan pemberimilikan tanah kerajaan/DBKL untuk dibangunkan secara penswastaan.
iii. Menentukan hala tuju/dasar/garis panduan kesesuaian tanah untuk dibangunkan projek penswastaan melalui penjualan tanah, usahasama land swap dan pajakan
iv. Medium pengantara wargakota bagi urusan-urusan permohonan unit-unit Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP).
v. Memproses permohonan pindah milik bagi unit kediaman/komersil yang belum memiliki status strata
vi. Menyelaras proses pindahmilik dan penjualan semula
vii. Menyelaras projek penjualan tanah/usahasama/pembangunan semula.

6.0 BAJET

6.1 Bahagian Pentadbiran Dan Pembangunan

Unit Pentadbiran dan Kewangan berperanan dalam mengurus tadbir hal-hal berkaitan pentadbiran dan kewangan Jabatan. Pada tahun 2022, Bajet Mengurus Tahunan Jabatan adalah sebanyak RM 6,935,200.00 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 6,661,506.00 telah dibelanjakan untuk kegunaan jabatan merangkumi perkara-perkara berkaitan emolumen, perkhidmatan dan bekalan.

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM 6,935,200.00	96.05%
Perbelanjaan	RM 6,661,506.00	

Bahagian Pembangunan pula berperanan dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan prestasi fizikal projek pembangunan serta menyelaras permohonan bajet pembangunan DBKL. Bahagian ini juga menyelaraskan projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat.

Terdapat tiga (3) unit di bahagian ini iaitu:

i. Unit Belanjawan dan Pemantauan Projek Kerajaan
ii. Unit Pemantauan Projek DBKL (selain JPPPB) dan Pengurusan Pembangunan
iii. Unit Pemantauan Projek DBKL (JPPPB)/Projek Khas DBKL dan Telekomunikasi

6.1.1 Unit Belanjawan dan Pemantauan Projek Kerajaan

Pada tahun 2022, peruntukan asal bagi projek/program pembangunan adalah sebanyak **RM681,618,600.** Bagaimanapun, Belanjawan Pembangunan DBKL bagi tahun 2022 telah mengalami pindaan peruntukan menjadikan jumlah terbaharu sebanyak **RM563,225,000**.

Jadual 6.1.1.1 di bawah menunjukkan prestasi kewangan mengikut sumber pembiayaan bagi tahun 2022.

Jadual 6.1.1.1 : Prestasi Kewangan Mengikut Sumber Pembiayaan Bagi Tahun 2022

Sumber Pembiayaan	Keseluruhan		
	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek
DBKL	5,431,454,074	427,835,900	454
RMKe-11	1,105,877,200	69,839,200	10
GREATER KL	1,124,978,729	13,052,600	10
SWASTA	150,000,000	13,800,000	2
LAIN-LAIN	84,446,301	38,697,300	8
JUMLAH	**8,015,756,304**	**563,225,000**	**484**

Manakala, Jadual 6.1.1.2 pula menunjukkan peruntukan pembangunan mengikut sumber pembiayaan dan status projek.

Jadual 6.1.1.2 : Peruntukan pembangunan mengikut sumber pembiayaan dan status projek 2022

Sumber Pembiayaan	Pelaksanaan / Siap			Perancangan			Keseluruhan		
	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek
DBKL	3,501,728,475	275,100,200	225	1,929,725,599	152,735,700	229	5,431,454,074	427,835,900	454
RMKe-11	1,105,877,200	69,839,200	10	0	0	0	1,105,877,200	69,839,200	10
GREATER KL	1,243,978,729	13,052,600	10	0	0	0	1,243,978,729	13,052,600	10
SWASTA	150,000,000	13,800,000	2	0	0	0	150,000,000	13,800,000	2
LAIN-LAIN	79,846,301	38,697,300	5	4,600,000	0	3	84,446,301	38,697,300	8
JUMLAH	**6,081,430,705**	**410,489,300**	**252**	**1,934,325,599**	**152,735,700**	**232**	**8,015,756,304**	**563,225,000**	**484**

Pada tahun 2022, prestasi keseluruhan perbelanjaan projek pembangunan mencatat **92.35%** dengan jumlah perbelanjaan sebanyak **RM520,133,655.** Jadual 6.1.1.3 seperti di bawah menunjukkan prestasi perbelanjaan projek pembangunan mengikut jabatan.

Jadual 6.1.1.3 : Laporan Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan Mengikut Jabatan Pelaksana Bagi Tahun 2022


Nama Jabatan	Bil Projek	Peruntukan 2022 (RM)	Bil Projek	Pindaan Peruntukan 2022 (RM)	Perbelanjaan Sebenar Sehingga 31 Dis 2022 (RM)	Baki Peruntukan	Peratus Belanja (%)
JPPPB	158	184,021,900	207	121,174,400	115,057,561	6,116,839	94.95
JKAWS	92	254,162,100	109	239,563,600	226,865,333	12,698,267	94.70
JPB	22	17,840,200	24	5,293,000	4,910,859	382,141	92.78
JPLR	57	25,320,300	61	9,258,500	9,117,620	140,880	98.48
JPKKB	51	35,851,900	51	31,258,300	30,535,333	722,967	97.69
JKME	15	20,510,000	15	10,851,900	10,321,259	530,641	95.11
JPPH	11	111,212,500	13	96,947,000	74,741,129	22,205,871	77.09
JPEP	3	30,900,000	3	48,878,300	48,584,561	293,739	99.40
JPIF	1	1,800,000	1	0	0	0	0
JUMLAH	**410**	**681,618,600**	**484**	**563,225,000**	**520,133,655**	**43,091,345**	**92.35**

Jika dilihat dari Jadual 6.1.1.4 di bawah, jelas menunjukkan projek berstatus pelaksanan dan siap mendahului jumlah keseluruhan projek pembangunan DBKL bagi tahun 2022.

Jadual 6.1.1.4 : Prestasi Status Projek Bagi Tahun 2022

Jabatan Pelaksana	Keseluruhan Mengikut Peruntukan (Pelaksanaan Dan Siap)				Keseluruhan Mengikut Peruntukan (Perancangan)			
	Pindaan Peruntukan Bil. 2/2021		Perbelanjaan Mengikut Peruntukan	Peratus Belanja	Bil.Projek	Pindaan Peruntukan Bil 2/2021	Perbelanjaan Mengikut Peruntukan	Peratus Belanja
	Bil. Projek	(RM)	(RM)	%		(RM)	(RM)	%
JPPPB	134	120,039,400	114,128,548.00	95.08	73	1,135,000.00	929,013.00	81.85
JKAWS	50	233,748,000	222,190,647.00	95.06	59	5,815,600.00	4,674,686.00	80.38
JPB	17	5,293,000	4,910,859.00	92.78	7	-	-	-
JPLR	37	9,258,500	9,117,620.00	98.48	24	-	-	-
JPKKB	30	31,258,300	30,535,333.00	97.69	21	-	-	-
JKME	7	9,151,900	8,623,259.00	94.22	8	1,700,000.00	1,698,000.00	99.88
JPPH	12	75,457,000	74,741,129.00	99.05	1	21,490,000.00	-	-
JPEP	3	48,878,300	48,584,561.00	99.40	-	-	-	-
JPIF	1	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	**291**	**533,084,400**	**512,831,956.00**	**96.20**	**193**	**30,140,600.00**	**7,301,699.00**	**24.23**

Jika dilihat dari aspek kategori status projek, status pelaksanaan mencatat peratusan sebanyak **96.2%**, manakala di peringkat perancangan projek adalah sebanyak 24.23%. Kebanyakan projek-projek yang dilaksanakan pada tahun 2022 adalah projek-projek sambungan seperti naiktaraf dan membina infrastruktur jalan raya, naiktaraf dan penggantian lif-lif di PPA/PR, pengindahan bandar dan lain-lain lagi yang perlu diteruskan pelaksanaannya.



Carta 6.1.1.5 : Pecahan Status Projek Bagi Tahun 2022

6.1.2 Unit Pemantauan Projek DBKL (selain JPPPB) dan Pengurusan Pembangunan

i. Seksyen Penyelarasan Projek-Projek Kecil

Seksyen ini bertanggungjawab menyelaras peruntukan dan pelaksanaan projek-projek kecil berkaitan infrastruktur dengan kos yang tidak melebihi **RM200,000.00.** Penyelarasan projek melibatkan kerjasama dan input daripada Pejabat-pejabat Cawangan di 11 Parlimen. Berikut adalah perincian:

Jadual 6.1.2.1 : Prestasi perbelanjaan Projek-projek Kecil (Infrastruktur)

Bil	VOT	Projek / Peruntukan	Bilangan projek	Jumlah perbelanjaan (RM)
1	B0212220	Projek-projek Kecil	43	1,357,134.62

Sebanyak 11 Projek-projek Kecil (Infrastruktur) telah diluluskan pada tahun 2022 dengan jumlah sebanyak RM1,357,134.62. Prestasi pelaksanaan adalah seperti berikut:

Jadual 6.1.2.2 : Prestasi Pelaksanaan Projek Kecil Infrastruktur 2022 Mengikut Pejabat Cawangan

Bil	Pejabat Cawangan	Jumlah		Jabatan			JUMLAH
		Projek	Siap	JPPPB	JKAWS	JPLR	
1	KEPONG	5	5	5	-	-	5
2	CHERAS	-	-	-	-	-	-
3	SEGAMBUT	4	4	2	2	-	4
4	SEPUTEH	2	2	1	1	-	2
5	WANGSA MAJU	14	14	8	4	2	14
6	BANDAR TUN RAZAK	2	2	2	-	-	2
7	BUKIT BINTANG	-	-	-	-	-	-
8	BATU	3	3	2	1	-	3
9	TITIWANGSA	3	3	2	1	-	3
10	LEMBAH PANTAI	2	2	2	-	-	2
11	SETIAWANGSA	8	8	5	3	-	8
	JUMLAH	**43**	**43**	**29**	**12**	**2**	**43**

ii. Seksyen Kuota Bumiputera

Pada tahun 2022, sebanyak **6** siri Mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Unit Kuota Bumiputera telah diadakan yang melibatkan permohonan daripada **35** pemaju bagi permohonan pelepasan unit kuota bumiputera iaitu sebanyak **3,387 unit**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **1,645 unit** telah dilepaskan mengikut prosedur pelepasan unit kuota bumiputera.

Bil	Pemaju	Unit Bumiputera	Unit Pelepasan	Baki Unit
1	Pembinaan Angkasa Permai Sdn Bhd	40	20	20
2	Opus Development Sdn Bhd	183	91	92
3	O&C Makok Isola Sdn Bhd	38	11	27
4	Aikbee Development Sdn Bhd	57	17	40
5	Ibarat Duta Sdn Bhd	93	46	47
6	CL Elite Sdn Bhd	21	21	0
7	Kerjaya Property Sdn Bhd	338	169	169
8	Matrix Concepts Sdn Bhd	72	36	36
9	Bon Estates Sdn Bhd	10	10	0
10	Inter Sky Development Sdn Bhd	277	83	194
11	Impianika Development Sdn Bhd	403	202	201
12	SDB Damansara Sdn Bhd (RN)	2	2	0
13	SDB Damansara Sdn Bhd (PK)	9	9	0
14	OCR Noble Land (The Pano) Sdn Bhd	63	32	31
15	Nusmetro Property Sdn Bhd (PK)	1	1	0
16	Nusmetro Property Sdn Bhd (RN)	17	17	0
17	Goldhill Achiever Sdn Bhd	5	5	0
18	Alfankro Development Sdn Bhd	118	59	59
19	Kerjaya Property Sdn Bhd	168	134	34
20	Gita Kasturi Sdn Bhd	51	26	25
21	Modern Age Development Sdn Bhd	13	13	0
22	Milik Harta Sdn Bhd	53	27	26
23	Aikbee Development Sdn Bhd	35	35	0
24	Cipta Klasik (M) Sdn Bhd	98	98	0
25	CL Elite Developer Sdn Bhd	10	8	2
26	Selangor Properties Sdn Bhd	28	28	0
27	Country Annexe Sdn Bhd	308	92	216
28	Ampang Avenue Development Sdn Bhd	100	80	20
29	SkyLuxe Development Sdn Bhd	49	49	0
30	CL Elite Developer Sdn Bhd	2	2	0
31	Sime Darby Brunsfield Resort Sdn Bhd	45	23	22
32	Stellar 8 Sdn Bhd	172	52	120
33	MRCB Seputeh Land Sdn Bhd	193	58	135
34	Core Precious Development Sdn Bhd	210	63	147
35	Dwitasik Sdn Bhd	26 *(39,077sqft)*	26 *(39,077sqft)*	0
36	Natural Domain Sdn Bhd	11	0	11
37	Besteel Engtech Sdn Bhd	68	0	68
Jumlah		**3,387**	**1,645**	**1,742**
Jumlah Mengikut %		**100%**	**48.57%**	**51.43%**

6.1.3 Unit Pemantauan Projek DBKL (JPPPB)/Projek Khas DBKL dan Telekomunikasi

Struktur Telekomunikasi yang terdapat di Kuala Lumpur sehingga Disember 2022 adalah sebanyak **2624**. Perincian Struktur telekomunikasi tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Kategori	Bilangan
1	Tiang Lampu Dwifungsi	708
2	Atas Tanah	154
3	Atas Bumbung / Bangunan	1,762
4	Mobile (MBTS)	0
5	Atas Papan Iklan	0
	JUMLAH	**2,624**

Bagi Struktur Tiang Lampu Dwifungsi, sebanyak **40 syarikat** telah dilantik oleh DBKL untuk melaksanakan projek ini yang memfokuskan kepada penggantian tiang lampu sedia ada kepada tiang lampu berintegrasi sistem pemancar telekomunikasi atau tiang dwifungsi yang mana JKME sebagai jabatan yang bertanggungjawab memproses dan memantau. Struktur tiang lampu ini melibatkan bayaran sewaan sebanyak **RM800.00 sebulan** untuk setiap tapak/tiang.

Di samping itu, untuk memastikan urusan memproses permohonan membina struktur telekomunikasi oleh Jabatan-Jabatan berjalan lancar, DBKL telah melantik syarikat perunding telekomunikasi iaitu Akar Kordinasi Sdn. Bhd. (AKSB). Prestasi kutipan hasil Tahun 2022 bagi bayaran memproses permohonan struktur telekomunikasi adalah seperti berikut

Jadual 6.1.3.1 - Prestasi Kutipan Bagi Tahun 2022

Bulan	Kutipan (RM)		
	Jumlah (RM)	DBKL (50%)	AKSB (50%)+SST
Januari	2,023,400.00	1,011,700.00	1,072,402.00
Februari	702,900.00	351,450.00	372,537.00
Mac	593,900.00	296,950.00	314,767.00
April	1,048,600.00	524,300.00	555,758.00
Mei	122,300.00	61,150.00	64,819.00
Jun	1,017,900.00	508,950.00	539,487.00
Julai	424,700.00	212,350.00	225,091.00
Ogos	81,000.00	40,500.00	42,930.00
September	79,900.00	39,950.00	42,347.00
Oktober	46,800.00	23,400.00	24,804.00
November	84,000.00	42,000.00	44,520.00
Disember	65,300.00	32,650.00	34,609.00
JUMLAH (RM)	**6,290,700.00**	**3,145,350.00**	**3,334,071.00**

6.2 Bahagian Penswastaan

Bahagian ini bertanggungjawab mengendalikan dan menyelaras projek-projek penswastaan DBKL khususnya melibatkan projek pembangunan tanah – tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur yang berpotensi untuk dimajukan dan menjanakan hasil jangka panjang kepada DBKL dari segi pulangan projek, hasil cukai pintu dan penyewaan premis. Sehingga bulan Disember 2022, JPEP mengendalikan sebanyak **148** projek penswastaan dengan pulangan terkumpul dianggarkan sebanyak **RM 5,893,779,520.62** yang mana terimaan hasil bagi sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak **RM 63,926,939.81.**

Status pelaksanaan dan pulangan projek penswastaan bagi sepanjang tahun 2022 adalah seperti di jadual berikut:-

Jadual 6.2.1 - Bilangan Projek Penswastaan Bagi Tahun 2022

Bil	Kategori	Jumlah
1	Usahasama dan Pembangunan Semula	36
2	Pajakan Tanah	26
3	Penjualan tanah	86
	JUMLAH KESELURUHAN	**148**

Jadual 6.2.2 – Pecahan Projek Penjualan Tanah Mengikut Kategori Bagi Tahun 2022

Bil	Kategori	Jumlah
1	Selesai Pulangan & Pindahmilik Tanah	72
2	Belum Selesai - Telah Tandatangan Perjanjian	9
3	Belum Selesai - Belum Tandatangan Perjanjian	5
JUMLAH KESELURUHAN		**86**

Jadual 6.2.3 – Pecahan Terimaan Pulangan Projek Penswastaan Bagi 2022

Bil	Status Projek	Terimaan Sehingga Disember 2022 (RM)
1	Usahasama	22,492,511.19
2	Penjualan Tanah	33,886,478.26
3	Pajakan	7,547,950.36
	JUMLAH KESELURUHAN	**63,926,939.81**

RESIDENSI WILAYAH (dahulu dikenali sebagai RUMAWIP)

Permohonan Residensi Wilayah (RW) tidak lagi diselaraskan oleh DBKL bermula April 2018, semua permohonan pembelian unit projek RW telah dipusatkan di KWP bagi memastikan pemantauan rapi dan proses permohonan dikawal selia sepenuhnya oleh KWP. Walaubagaimanapun, JPEP sentiasa mengemaskini rekod penjualan unit RW di bawah projek penswastaan dan penjualan tanah DBKL di bawah seliaan JPEP sahaja. Status penjualan unit RW sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Jadual 6.2.4 Penjualan Unit Projek Residensi Wilayah

		STATUS JUALAN 19 PROJEK RESIDENSI WILAYAH SEHINGGA DISEMBER 2022					
BIL	**PROJEK**	**PEMAJU**	**JUMLAH UNIT**	**JUMLAH UNIT TERJUAL**		**BAKI**	
1	RESIDENSI AKASIA PERMAISURI	DWITASIK SDN BHD	200	200	100%	0	0.00%
2	RESIDENSI DESA SATUMAS	GARUDA SEARAH SDN BHD	1,346	1,346	100%	0	0%
3	RESIDENSI DESAMAS	ERA ECOLAND SDN BHD	323	323	100%	0	0%
4	RESIDENSI ENESTA KEPONG	THRIVEN AMONA AMONA SDN BHD	254	254	100%	0	0%
5	RESIDENSI GURNEYMAS	ERA ECOLAND SDN BHD	274	274	100%	0	0%
6	RESIDENSI HIJAUAN LUMAYAN	DANAU LUMAYAN SDN BHD	512	512	100%	0	0%
7	RESIDENSI INSPIRASI SETAPAK	ALMAVENTURES DEVELOPMENT SDN BHD	900	900	100%	0	1%
8	RESIDENSI JALILMAS	SINERJUTA SDN BHD	1,050	1,050	100%	0	0%
9	RESIDENSI KEPONGMAS	SINERJUTA SDN BHD	1,514	1,514	100%	0	0%
10	RESIDENSI KEPONGMAS 2	UJANA MUTIARA SDN BHD	324	324	100%	0	0%
11	RESIDENSI KUCHAIMAS	UJANA MUTIARA SDN BHD	478	478	100%	0	0%

BIL	PROJEK	PEMAJU	JUMLAH UNIT	JUMLAH UNIT TERJUAL		BAKI	
12	RESIDENSI PANDANMAS 2	FABER VISTA SDN BHD	1,920	1,920	100%	0	0%
13	RESIDENSI PV9 @ VISTA WIRAJAYA	AMBANANG DEVELOPMENT SDN BHD	438	438	100%	0	0%
14	RESIDENSI RAMPAI II	PANCARAN NILAI (M) SDN BHD	308	308	100%	0	0%
15	RESIDENSI RAZAKMAS	ASET KAYAMAS SDN BHD	427	427	100%	0	0%
16	RESIDENSI TASIKMAS	UJANA MUTIARA SDN BHD	463	463	100%	0	0%
17	RESIDENSI VISTA WIRAJAYA	AMBANANG DEVELOPMENT SDN BHD	515	515	100%	0	0%
18	RESIDENSI WANGSAMAS	ERA ECOLAND SDN BHD	441	441	100%	0	0%
19	SKYAWANI 3 RESIDENCES	SKY SANCTUARY DEVELOPMENT SDN BHD	1,905	1,905	100%	0	0%
		JUMLAH	**13,592**	**13,592**	**100%**	**0**	**0%**

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
7 Januari 2022	Pegawai dan Kakitangan yang telah disenaraikan	Sukarelawan Misi Bantuan Banjir	• Meringankan beban masyarakat yang ditimpa bencana. • Memupuk nilai persaudaraan serta menanamkan sifat kemanusiaan semangat sukarelawan.
28 April 2022	Semua Pegawai dan Kakitangan	Program Gotong Royong @ Kuala Lumpur	• Menjadikan kawasan sekitar Kuala Lumpur City Center sentiasa kekal bersih, ceria dan Indah.
25 Mei 2022	Semua Pegawai dan Kakitangan	Sambutan Hari Raya Aidilfitri	• Mengukuhkan persefahaman dan kerjasama antara pegawai dan seluruh kakitangan jabatan.
1 Jun 2022 Hingga 3 Jun 2022	48 orang Pegawai dan kakitangan	Bengkel Perancangan dan Penyediaan Laporan Penilaian Outcome Projek-Projek Pembangunan DBKL Siri 1/2022	• Petunjuk Prestasi Utama (KPI) jabatan bagi menilai projek-projek pembangunan yang berjaya atau gagal. • Melibatkan penilaian outcome ke atas sepuluh (10) projek pembangunan DBKL iaitu: a) Cadangan Menaiktaraf Jalan Ipoh Dari Jalan Selayang Lama ke Bulatan Batu Caves, K.L (kos RM34.9 juta) b) Cadangan Projek Tebatan Banjir di Jalan Universiti Malaya, Kuala Lumpur Secara Design and Build (kos RM24.5 juta) c) Penggantian Lantena Lampu – Lampu Jalan LED dan Tiang Dekoratif – Jalan Duta/Jalan Mahameru (kos RM3 juta) d) Mempertingkatkan laluan basikal dan laluan pejalan kaki di Seksyen 2 dan sebahagian jalan 2/27A dan jalan 1/27A, Wangsa Maju (kos RM1.5 juta) e) Membina kemudahan untuk pejalan kaki ke stesen transit. (kos RM2 juta) f) Membina tempat letak kereta Taman Tasik Metropolitan Kepong (kos RM40 juta) g) Naiktaraf Taman Awam Danau Kota, Kuala Lumpur (kos RM3.4 juta) h) Membina Tempat Letak Kereta PA Sri Sabah (kos RM28.6 juta) i) Naiktaraf Perpustakaan Kuala Lumpur & Perpustakaan Kanak – Kanak/ Dataran Merdeka (kos RM33 juta)
21 Jun 2022	215 orang pegawai dan kakitangan	Majlis Pecah Tanah Council Home (Kuarters DBKL) oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan	• Arahan oleh Pengurusan Tertinggi DBKL. • Menyediakan kemudahan kepada pegawai dan kakitangan. Menjadi simbolik kerja-kerja pelaksanaan di tapak sudah bermula.

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
5 September 2022	77 orang pegawai dan kakitangan	Taklimat Garis Panduan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Datuk Bandar Kuala Lumpur	• Memastikan pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan pengurusan projek memahami proses kerja, dokumen digunapakai dan tanggungjawab jabatan. • Memastikan pembangunan fizikal di Kuala Lumpur dilaksanakan secara teratur mengikut dasar dan peraturan secara komprehensif bagi mencapai visi Bandar Raya Sejahtera Untuk Semua Menjelang 2030.
12 Oktober 2022 hingga 14 Oktober 2022	47 orang pegawai dan kakitangan	Bengkel Perancangan dan Penyediaan Laporan Penilaian Outcome Projek – Projek Pembangunan DBKL Siri 2/ 2022	• Petunjuk Prestasi Utama (KPI) jabatan bagi menilai projek – projek pembangunan yang berjaya atau gagal. • Melibatkan penilaian outcome ke atas sepuluh (10) projek pembangunan DBKL iaitu: a) Cadangan Menaiktaraf Jalan Ipoh Dari Jalan Selayang Lama ke Bulatan Batu Caves, K.L. b) Cadangan Projek Tebatan Banjir di Jalan Universiti Malaya, Kuala Lumpur Secara *Design and Build*. c) Cadangan penggantian Lampu Jalan dan Tiang Dekoratif pelbagai fungsi di sebahagian Jalan Duta (Dari Persimpangan Jalan Parlimen/Jalan Mahameru hingga persimpangan Istana Negara Baru) Kuala Lumpur. d) Cadangan mempertingkatkan laluan basikal dan laluan pejalan kaki di Seksyen 2 dan sebahagian jalan 2/27A dan jalan 1/27A, Wangsa Maju Kuala Lumpur. e) Cadangan kerja-kerja membina laluan pejalan kaki berbumbung dari stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) Bank Negara ke Menara Jabatan Kerja Raya (Blok G) untuk tetuan Dean Bandaraya Kuala Lumpur. f) Membina satu (1) Blok 7 Tingkat berserta Mezzanin Tempat Letak Kereta Bertingkat, Dewan Serbaguna dan gerai di atas sebahagian Lot 67619 di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) Mukim Batu, Kuala Lumpur. g) Cadangan pembangunan semula Taman Tasik Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur. h) Pembangunan Taman Awam Danau Kota, Setapak, Kuala Lumpur. i) Membina Tempat Letak Kereta PA Sri Sabah. j) Cadangan Pengubahsuaian dan menaiktaraf Perpustakaan Kuala Lumpur & Perpustakaan Kanak-Kanak.
31 Oktober 2022 hingga 3 November 2022	40 orang pegawai dan kakitangan	Bengkel Pindaan Prosedur Kerja Penswastaan Bil. 1/2022	• Menyediakan satu prosedur penswastaan yang lebih baik dan telus setelah mengambilkira kesemua justifikasi bagi prosedur projek usahasama DBKL. • Membuat semakan semula ke atas prosedur penjualan tanah DBKL pindaan terkini yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 berdasarkan teguran Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jawatankuasa Kira – Kira Wang Negara (PAC Parlimen) pada tahun 2020 sekiranya masih perlu ditambahbaik.
16 November 2022	687 orang pegawai dan kakitangan jabatan dalaman DBKL	Majlis Penyerahan Surat Tawaran Penyewaan / Menduduki Residensi Sg. Udang, Segambut	• Membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki kediaman sendiri.

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

Tarikh	Acara	Keputusan
4 Oktober 2022	Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan	Peratus pencapaian borang soal selidik (Senarai Semak Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan (Borang KPKK 7 (Pin.2021) – **80.16%** Tahap keselamatan Perlindungan di JPEP DBKL – **Baik**
22 hingga 26 Ogos 2022	Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	Peratus pencapaian – **91.54%** Kategori – **Cemerlang**
Mac – April 2022	Indeks Akauntabiliti (AI)	Pengurusan Panjar Wang Runcit Fasa 1, Pembelian Terus Fasa 2 Peratus pencapaian – **83%** Kategori – **Baik** Kawalan Pengurusan Perolehan Fasa 2 (Pembelian Terus) – **100%**

Jabatan Kawalan Bangunan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan



Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) adalah salah satu jabatan di bawah Sektor Perancangan dan diterajui oleh Pengarah Eksekutif (Perancangan). JKB adalah jabatan yang diberi tanggungjawab melaksanakan kawalan bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui perwakilan kuasa yang diberikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 1971] dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 serta pindaan-pindaan yang berkuatkuasa.

1.2 Bahagian-Bahagian/ Unit-Unit di Jabatan

1.2.1 Seksyen Pentadbiran
- 1.2.1.1 Unit Pentadbiran
- 1.2.1.2 Unit Inovasi dan Kualiti

1.2.2 Seksyen Kawalan Bangunan Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Selatan

1.2.3 Unit Pemantauan Permohonan

1.2.4 Seksyen Pemantauan Pembinaan

1.2.5 Seksyen Pematuhan dan Permit
- 1.2.5.1 Unit Pendakwaan
- 1.2.5.2 Unit Aduan
- 1.2.5.3 Unit Lesen
- 1.2.5.4 Unit Telco

1.2.6 Seksyen Urbanisasi dan Forensik Bangunan
- 1.2.6.1 Unit Forensik Bangunan
- 1.2.6.2 Unit Urbanisasi Bandar
- 1.2.6.3 Unit Aksesibiliti Bandar

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Kategori	Jumlah
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	**20**
Kumpulan Sokongan I (Gred 17- 40)	**121**
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	**14**
Kakitangan MyStep	**3**
JUMLAH	**158**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Ke arah menjadikan jabatan terunggul dalam mencapai hasrat DBKL sebagai bandar raya sejahtera untuk semua menjelang tahun 2030 dari aspek pembangunan.

2.2 Misi

Memberikan perkhidmatan yang efisien, cekap dan telus dari segi kawalan bangunan untuk semua warga kota Kuala Lumpur.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Piagam Pelanggan Jabatan

Mengeluarkan Kelulusan Pelan Bangunan (KPB)/ Kebenaran Mendirikan Bangunan (KMB) dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

a) Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 17 bagi permohonan kediaman kecil dan sederhana (Sekatan Dalaman) dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

b) Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 17 bagi permohonan kerja kecil dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

c) Mengeluarkan Permit di bawah Undang-Undang Kecil 18 bagi permohonan binaan sementara di tapak binaan / bangunan dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

Mengeluarkan surat sokongan lesen dalam tempoh 14 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

Mengeluarkan Sijil Penyempurnaan Pemeriksaan (Pemeriksaan Bangunan secara Berkala) dalam tempoh 14 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

Mengeluarkan surat kelulusan Kerja Lebih Masa (KLM) dalam tempoh 7 hari dari tarikh pematuhan sepenuhnya.

Melaksanakan audit akses OKU bagi projek berskala besar dalam tempoh 3 bulan dari tarikh CCC diterima.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	Bil.	KPI	Sasaran	Pencapaian
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (*CUSTOMER FOCUS*)	1	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan.	Semua pegawai dan kakitangan jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun.	**OT: 100%**
	2	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022.	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan. (Berpandukan sasaran KWP)	**BT: 99%**
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	3	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2022.	**OT: 95%**

KRA	Bil.	KPI	Sasaran	Pencapaian
	4	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023.	Keseluruhan jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023 sebelum 31 Disember 2022.	Jabatan tidak terlibat dengan perancangan perolehan.
	5	Menyelesaikan isu yang melibatkan AP58.	Memastikan pembayaran melibatkan AP58 dijelaskan pada Mei 2022.	Jabatan tidak terlibat dengan AP58
BANDARAYA TADBIR URUS CEKAP	6	Semua pembinaan (skala besar & sederhana) mematuhi Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1985.	i) Melaksanakan lawatan tapak untuk pemantauan tapak bina dalam tempoh 3 bulan selepas Kebenaran Mendirikan Bangunan (KMB) dikeluarkan. ii) Tindakan terhadap penyelewengan iii) Tindakan terhadap pembinaan siap tanpa CCC.	**OT: 97%**
BANDARAYA TADBIR URUS CEKAP	7	Semua binaan sementara mempunyai permit Undang-Undang Kecil Bangunan 18 diperbaharui dalam tempoh 14 hari	Memastikan tindakan diambil bagi binaan sementara tamat tempoh permit di tapak bina dengan mengeluarkan surat peringatan/ notis/ kompaun.	**OT: 99%**
	8	Menyiasat aduan/ kesalahan kacau ganggu pembinaan yang mempunyai kelulusan diambil tindakan setelah siasatan dilaksanakan di tapak bina dalam tempoh 7 hari	Memastikan tindakan 100% diambil bagi setiap aduan/ kesalahan dengan mengeluarkan surat peringatan/ notis/ kompaun bagi kesalahan di bawah Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985.	**BT: 88%**
MENGGALAKKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG	9a	Menyediakan, mengemaskini dan melancarkan garis panduan/ kajian semula dan kertas dasar yang berkaitan dengan bangunan-bangunan di WPKL.	Memastikan semua garis panduan/ kajian semula mendapat kelulusan dan melaksanakan majlis pelancaran bagi: i) Garis Panduan Asrama Sementara Pekerja Di Tapak Binaan. ii) Garis Panduan Papan Dendeng (Pagar Perlindungan Sementara) Tapak Pembinaan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. iii) Garis Panduan Permit Bagi Kerja-kerja Kecil Bangunan.	**ET: 100%**
	9b	Menyediakan, mengemaskini dan melancarkan garis panduan/ kajian semula dan kertas dasar yang berkaitan dengan bangunan-bangunan di WPKL.	Menyediakan, mengemaskini dan melancarkan garis panduan baru iaitu Laporan Dilapidasi.	**OT: 100%**
Melaksanakan Tindakan Penguatkuasaan Selaras Dengan Peruntukan Undang-Undang Yang Terpakai	10	Melaksanakan pemeriksaan berkala terhadap bangunan melebihi 5 tingkat dan berusia 10 tahun ke atas supaya mematuhi Kehendak-kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.	Mengeluarkan 200 surat pemberitahuan/ notis kepada pemilik bangunan yang telah dikenalpasti bagi kawasan: i) Utara ii) Tengah iii) Selatan	**ET: 100%**
	11a	Tindakan terhadap bangunan usang/ terbiar di sekitar kawasan Kuala Lumpur bagi mematuhi Kehendak- kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.	Mengeluarkan 400 notis atau kompaun terhadap kesalahan yang dikenalpasti pada bangunan usang/ kotor/ terbiar/ merbahaya di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dikeluarkan notis/ kompaun kepada pemilik bangunan.	**ST: 100%**

KRA	Bil.	KPI	Sasaran	Pencapaian
	11b	Tindakan terhadap bangunan usang/ terbiar di sekitar kawasan Kuala Lumpur bagi mematuhi kehendak-kehendak Akta Kerajaan Tempatan1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.	Melaksanakan 12 program urban taskforce bersepadu secara berkala sebulan sekali untuk pemotongan pokok liar diatas bangunan.	**OT: 100%**
	12	Program pengindahan bangunan usang di sekitar kawasan Kuala Lumpur bagi mematuhi Kehendak-kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.	Melaksanakan 4 program pengindahan (Mural) di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).	**ET: 100%**
Melaksanakan Tindakan Penguatkuasaan Selaras Dengan Peruntukan Undang-Undang Yang Terpakai	13	Pemeriksaan Bangunan bagi pematuhan kemudahan akses OKU di bawah Seksyen 124A, Undang-Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan 1985.	Pelaksanaan audit akses terhadap 30 bangunan bagi pematuhan kemudahan akses OKU yang telah dikenalpasti bagi kawasan: i) Utara ii) Tengah iii) Selatan	**ET: 100%**
PENCAPAIAN KESELURUHAN				**98%**

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Kawalan bangunan merangkumi aspek kelulusan, pemantauan pembinaan dan pemantauan pematuhan sebelum, semasa dan selepas bangunan siap dibina. Antara lain proses kawalan melibatkan pengeluaran kelulusan pelan bangunan, kebenaran mendirikan bangunan, permit kerja pengubahsuaian, permit bangunan sementara, permit struktur pemancar telekomunikasi, permit kerja perobohan bangunan, permit kerja lebih masa, pemantauan tapak bina dari peringkat kerja pembinaan dimulakan sehingga Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan PSP.

Dalam aspek pemantauan pematuhan, JKB melaksanakan tindakan fizikal dan undang-undang terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan dibawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985. Di samping itu, JKB turut mengambil tindakan terhadap aduan awam, pembinaan menyeleweng dari pelan lulus serta mengambil bahagian dalam menjalankan operasi-operasi khas yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Kekukuhan struktur dan integriti bangunan-bangunan tinggi dalam WPKL dipantau dengan melaksanakan Penguatkuasaan Pemeriksaan Berkala mengikut Seksyen 85A Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Pindaan Akta A1286) dengan mengeluarkan notis kepada pemunya bangunan-bangunan tinggi yang melebihi 5 tingkat supaya mengemukakan Laporan Pemeriksaan Bangunan Visual/Struktur Secara Berkala setiap 10 tahun selepas CF atau CCC dikeluarkan.

Bangunan usang dan terbiar turut dikawalselia supaya dibersihkan atau dibaikpulih oleh pemunya dan program mengecat bangunan diselaraskan bagi memastikan semua bangunan dalam Bandaraya Kuala Lumpur bersih dan teratur.

Struktur organisasi jabatan terdiri daripada 3 bahagian utama:

- Bahagian Kawalan Bangunan
- Bahagian Pemantauan Tapakbina, Permit dan Forensik Bangunan
- Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Kualiti

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/ Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Seksyen Pentadbiran

Seksyen Pentadbiran terbahagi kepada dua (2) unit iaitu Unit Pentadbiran dan Unit Inovasi dan Kualiti.

5.2.1.1 Unit Pentadbiran bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pentadbiran jabatan, perjawatan dan perkhidmatan kakitangan, pengurusan kewangan jabatan serta menterjemah dasar-dasar pengurusan dan pentadbiran yang dilaksanakan pengurusan tertinggi DBKL.

5.2.1.2 Unit Inovasi dan Kualiti pula menjalankan pengurusan kualiti dan inovasi peringkat jabatan. Unit terlibat dalam menyelaras penyediaan kursus dan latihan kepada kakitangan serta garis panduan baharu jabatan. Selain daripada itu, unit ini juga memantau dan memastikan jabatan mematuhi sistem kualiti yang ditetapkan dan jabatan turut menghasilkan ciptaan-ciptaan inovasi.

5.2.2 Seksyen Kawalan Bangunan Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Selatan.

Kawalan Bangunan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibahagikan kepada 10 kawasan mengikut Zon Utara, Tengah dan Selatan selaras dengan Zon Perancangan. Aktiviti kawalan bangunan merangkumi kerja-kerja memproses permohonan untuk pengeluaran kelulusan pelan dan kebenaran mendirikan bangunan, pemantauan tapak bina dan pembinaan bangunan dari permulaan kerja sehingga perakuan siap dan pematuhan (CCC) dikeluarkan PSP. Selain daripada itu, pemantauan dan tindakan undang-undang turut diambil terhadap kesalahan-kesalahan yang dikenalpasti mengikut Akta dan Undang-Undang Kecil dengan menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang berkaitan dengan bangunan.


5.2.3 Unit Pemantauan Permohonan

Unit Pemantauan Permohonan bertanggungjawab menyelaras permohonan Pelan Pembangunan untuk diagihkan kepada Kawasan Teknikal yang selayaknya. Permohonan akan diterima melalui Sistem Pengurusan Permohonan (AMS), Sistem Br1D dan Sistem KLIS yang terbahagi kepada 5 jenis kategori iaitu Projek Besar (B) dan Projek Sederhana (S), Kediaman Kecil (KK), permohonan melalui KLIS, Permit Binaan Sementara (BS) dan Permit Kerja Kecil (PK).

Pelan pembangunan yang telah diproses oleh kawasan teknikal akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat untuk proses kelulusan.

5.2.3.1 STATISTIK PERMOHONAN KELULUSAN PELAN YANG TELAH DITERIMA PADA TAHUN 2022 MENGIKUT KATEGORI

Sebanyak 4287 bilangan permohonan dari pelbagai kategori telah diproses oleh unit ini manakala 2057 daripadanya telah diluluskan sepanjang tahun 2022.



Carta 1 : Statistik permohonan kelulusan pelan yang telah diterima pada tahun 2022 mengikut kategori

5.2.4 Seksyen Pemantauan Pembinaan

Pemantauan tapak bina dilaksanakan secara berjadual bagi memastikan Aspek 3K iaitu keselamatan, kebersihan dan keselesaan di tapak bina dan kawasan persekitaran semua projek yang diluluskan sentiasa dipatuhi dengan menjalankan lawatan secara berjadual sekurang-kurangnya 1 kali dalam tempoh 3 bulan selepas KMB dikeluarkan. Lawatan pemantauan dilaksanakan secara Berkala sehingga CCC dikeluarkan oleh PSP dan dibuat lawatan akhir untuk pengesahan.


5.2.4.1 Kerja Pembinaan Melebihi Waktu Biasa (Kerja Lebih Masa-KLM)

Pembangunan yang pesat dan berterusan serta permintaan tinggi terhadap industri harta tanah di dalam Kuala Lumpur telah memaksa pemaju dan kontraktor untuk mengambil langkah-langkah proaktif seperti berkerja lebih masa dan berterusan untuk menyiapkan sesuatu pembangunan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pihak berkuasa perlu menangani isu tersebut kerana aktiviti pembinaan tidak terkawal akan mengganggu penduduk dan persekitaran sekeliling secara amnya.

Tempoh waktu yang dibenarkan oleh DBKL untuk kerja-kerja pembinaan adalah dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang dari Isnin hingga Sabtu. Hari Ahad dan cuti am tidak dibenarkan sebarang aktiviti pembinaan. Kebenaran Kerja Lebih Masa (KLM) ini adalah dengan syarat-syarat yang tertentu bagi tujuan mempercepatkan pembinaan.

5.2.4.1.1 STATISTIK PERMOHONAN KEBENARAN YANG DIPROSES OLEH UNIT KERJA LEBIH MASA TAPAK BINA DAN PEROBOHAN BANGUNAN SEPANJANG TAHUN 2022

Sebanyak 175 bilangan permohonan baru dari pelbagai kategori telah diproses oleh unit ini sepanjang tahun 2022, manakala 283 bilangan kelulusan telah dikeluarkan sepanjang tahun 2022 merangkumi kelulusan lewat yang dibawa daripada tahun 2021.



Carta 2 : Statistik permohonan kebenaran yang diproses oleh unit kerja lebih masa tapak bina dan perobohan bangunan sepanjang tahun 2022

5.2.4.2 Pasukan *Task Force* Tapak Bina JKB

Pasukan *Task Force* Tapak bina JKB ini ditubuhkan oleh Jabatan Kawalan Bangunan bagi memantau kerja-kerja yang dilakukan di tapak bina supaya mematuhi tempoh masa KLM yang dikeluarkan dan menangani aduan-aduan awam berkaitan kesalahan kerja lebih masa di tapak bina. Pasukan *Task Force* Tapak bina ini menjalankan aktiviti pemantauan tapak bina selepas

waktu pejabat iaitu dari pukul 7.00 petang sehingga 12.00 tengah malam pada hari biasa dan dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang pada hari Ahad dan cuti am. Tindakan tutup tapak secara fizikal turut diambil jika tapak bina melanggar tempoh masa KLM.

Pasukan *Task Force* Tapak Bina beroperasi mengikut Zon Tengah, Zon Selatan dan Zon Utara bagi menangani aduan awam yang diterima dan tapak pembangunan yang sering didapati menjalankan kerja lebih masa di tapak bina *(hot spot)*. Kakitangan yang menganggotai Pasukan *Task Force* Tapak Bina secara pengiliran adalah seramai 39 orang dan dibahagikan kepada 18 kumpulan mengikut zon kawasan.

Jadual 1 : Statistik bilangan tapak bina dan bilangan pemantauan tapak bina

	Perkara	Zon	Bilangan	Jumlah
	Tapak bina dipantau	Utara	72 Tapak bina	220 Tapak bina
		Tengah	73 Tapak bina	
		Selatan	75 Tapak bina	
	Perkara	**Bilangan**		**Jumlah Pemantauan Tapak**
1.	**Purata tapak bina dipantau** (setiap malam dan hari Ahad/Cuti Umum)	25 Tapak bina/hari		25 bilangan pemantauan tapak bina dilakukan setiap hari
2.	**Purata tapak bina dipantau** (setiap bulan)	25 tapak x 30 hari = 750 tapak bina		750 bilangan pemantauan tapak bina dilakukan setiap bulan
3.	**Purata tapak bina dipantau** (Januari hingga Disember 2022)	750 tapak x 12 bulan = 9000 tapak bina		9000 bilangan pemantauan tapak bina dilakukan dari Januari hingga Disember 2022

5.2.5 Seksyen Pematuhan dan Permit

Seksyen Pematuhan dan Permit terbahagi kepada empat (4) unit iaitu Unit Pendakwaan, Unit Aduan, Unit Lesen dan Unit Telco.

5.2.5.1 Unit Pendakwaan


Unit Pendakwaan bertanggungjawab untuk menyelaras tindakan undang-undang di bawah Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 / Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 terhadap bangunan/binaan menyeleweng dari pelan kelulusan, menduduki tanpa CF/CCC, usang, terbiar dan pelaksanaan pemeriksaan berkala. Bilangan notis yang telah dikeluarkan sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak 973 oleh pelbagai unit.

Jadual 2 : Notis Yang Dikeluarkan Sepanjang Tahun 2022 Mengikut Pecahan Unit

Fail / Unit	Tapak Bina Fail BP	ISPAA/ Tindakan Fail Aduan	Unit Telco	Unit Urbanisasi	Unit Forensik Bangunan	Unit Aksesibiliti Bandar	Jumlah Notis
BILANGAN NOTIS	42	2	0	699	230	0	**973**

5.2.5.1.1 STATISTIK KOMPAUN YANG TELAH DIKELUARKAN SEPANJANG TAHUN 2022

Jumlah kutipan kompan sebanyak RM1,175,200.00 telah dikutip dan pembayaran yang tidak dijelaskan akan diambil tindakan. Pengeluaran kompaun ini akan dipantau dengan mengadakan mesyuarat bersama pihak pemaju/ pemilik bersama PSP. Jadual 4 menunjukkan sebanyak 189 bilangan kompaun yg telah dikeluarkan sepanjang tahun 2022 mengikut pelbagai kesalahan.



Carta 3 : Statistik kompaun yang telah dikeluarkan sepanjang tahun 2022

Jadual 3 : Statistik Jumlah Kesalahan Mengikut Seksyen Bagi Pengeluaran Kompaun (Akta 133)

Bulan / Akta / UUK / Seksyen		Kesalahan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
Akta, Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)	46(1)	Meletakkan halangan di tempat awam dengan berdekatan di tapak binaan.				1	1								**2**
	47(2) (a)	Meletakkan sisa bahan binaan di tempat awam semasa pembinaan.											1		**1**
	47(1)(a)	Meletakkan bahan bahan binaan di atas bahu jalan													
	70 @ 70(9) @ 72(1)	Bangunan didirikan tanpa kebenaran	1			1	1								**3**
	70(13)(a)	Memulakan pendirian@memulakan semula bangunan melanggar subseksyen (9)	2	1		3	2	1	1		3	2	1	2	**18**
	70(13) (b)	Melencong daripada mana-mana pelan atau penentuan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan tanpa mendapat kebenaran bertulis dahulu daripada pihak berkuasa tempatan													
	70(13) (c)	Mendirikan sesuatu bangunan bersalahan dengan Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil dibawahnya	1				1				1				**3**

Bulan / Akta / UUK / Seksyen		Kesalahan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
	70(13)(d)	Tidak mematuhi perintah atau arahan bertulis oleh PBT	11	7	11	6	12	10	3	11	7	4	4	9	**95**
	79	Membina petak, galeri dan sebagainya dalam banguan tanpa kelulusan													
	80	Mendirikan pejabat/bangsal/kabin tanpa permit	2	5	1	1		6	5	3	1	2	4	5	**26**
	82(1)	Tidak menyelenggara papan dendeng atau pagar keselamatan dengan baik dan memuaskan	1		2							1			**4**
	82 (2)(a)	Tidak menyelenggara papan dendeng mengikut garis panduan yang ditetapkan		1				2	3		1		2		**9**

Jadual 4 : Statistik Jumlah Kesalahan Mengikut Seksyen Bagi Pengeluaran Kompaun (UUKB (WPKL)1985)


Bulan / Akta / UUK / Seksyen		Kesalahan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985	18	Mendirikan bangsal, peranca, pelantar kerja, papan dendeng tanpa permit sementara.											1		**1**
	26	Gagal mendepositkan suatu salinan perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap						5							**5**
	46(1)	Tidak mempamerkan papan tanda di tapak bina													
	47	Tidak memasang pelantar perangkap di sepanjang bahagian luar dinding						1	1						**2**
	48	Tidak menyelenggara jaring keselamatan	3					2		2	1	1	2		**11**
	87	Membenarkan kotoran di tapak													
JUMLAH			**21**	**14**	**14**	**12**	**17**	**27**	**13**	**16**	**14**	**10**	**15**	**16**	**189**

5.2.5.2 Unit Aduan

Unit Aduan bertanggungjawab menyelaras dan memantau aduan awam untuk diambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan sepertimana ketetapan yang perlu dicapai/dipenuhi dalam *Key Performance Indicator* (KPI) JKB setiap tahun. Aduan awam yang diterima adalah melalui sistem Adu@KL dan juga secara manual seperti surat, aduan bersemuka (walk-in), telefon, emel dan sebagainya.

5.2.5.2.1 STATISTIK ADUAN YANG DITERIMA MELALUI SISTEM ADU@KL DAN FAIL MANUAL SEPANJANG TAHUN 2022

Sebanyak 568 aduan diterima melalui Adu@KL dan 134 diterima secara manual. Aduan telah dijawab mengikut tempoh kecuali 8 aduan melebihi daripada tempoh 14 hari selaras dengan *KPI* jabatan.



Carta 4 : Statistik aduan yang diterima melalui sistem adu@kl dan fail manual sepanjang tahun 2022

5.2.5.3 Unit Lesen

Unit Lesen bertanggungjawab membantu memberikan pengesyoran bagi permohonan lesen premis baru melalui sistem e-Lesen dan mengeluarkan surat sokongan bagi permohonan lesen premis (rayuan) yang dimohon di Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan. Pengesyoran yang diberikan adalah berpandukan Akta, Undang-Undang Kecil dan Garis Panduan seperti berikut:

i. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

ii. Undang-undang Kecil Bangunan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985 dan

iii. Garis Panduan yang berkaitan

Terdapat dua jenis permohonan lesen premis baru iaitu permohonan lesen premis baru ekspress dan bukan ekspress.

i. **Permohonan lesen premis baru (ekspress) –** permohonan lesen premis yang tidak dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Premis (JKPP)

ii. **Permohonan lesen premis baru (bukan ekspress) –** permohonan lesen premis yang diterima dalam proses untuk pertimbangan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Premis (JKPP)

5.2.5.3.1 STATISTIK PENGESYORAN BAGI PERMOHONAN LESEN PREMIS BARU MELALUI SISTEM E-LESEN TAHUN 2022


Carta 5 menunjukkan sebanyak 2202 bilangan permohonan lesen baru ekspress dan sebanyak 495 permohonan lesen baru bukan ekspress. Secara keseluruhannya sebanyak 2697 permohonan lesen baru telah diproses untuk pengesyoran jabatan.



Carta 5 : Statistik pengesyoran bagi permohonan lesen premis baru melalui sistem e-lesen tahun 2022

5.2.5.3.2 STATISTIK PENGELUARAN SURAT SOKONGAN RAYUAN LESEN PREMIS (RAYUAN) BAGI TAHUN 2022

Pengeluaran surat sokongan rayuan lesen premis dibahagikan mengikut zon iaitu zon utara, tengah dan selatan. Pada tahun 2022, jumlah keseluruhan pengeluaran surat sokongan bagi permohonan lesen premis (rayuan) adalah sebanyak 674 yang meliputi pengesyoran tetap, sementara dan tolak.



Carta 6 : Statistik pengeluaran surat sokongan rayuan lesen premis (rayuan) bagi tahun 2022

5.2.5.4 Unit Telco

Fungsi Unit Telco di Jabatan Kawalan Bangunan ialah melaksanakan memproses dan mengeluarkan permit sementara bagi struktur telekomunikasi di bawah kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan. Kawalan dan pemantauan juga dilaksanakan mengikut syarat-syarat garis panduan KPKT 2002 serta garis panduan Rekabentuk DBKL dan di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 / Akta Jalan Parit & Bangunan 1974.

Permit sementara struktur telekomunikasi merangkumi struktur dibina atas tanah dan juga di atas bumbung, dikeluarkan bagi permohonan baru dan pembaharuan/lanjutan permit.

Jadual 5 : Statistik pembaharuan / lanjutan permit sementara telco

PEMBAHARUAN / LANJUTAN PERMIT SEMENTARA DIKELUARKAN SECARA PUKAL ATAS SYARIKAT TELEKOMUNIKASI (TELCO) -TAHUN 2022	
Jumlah syarikat telekomunikasi (Telco) yang berdaftar dengan Unit Telco, JKB.	40
Jumlah permit yang dikeluarkan kepada syarikat telekomunikasi (Telco).	40
Jumlah tapak yang telah mempunyai permit (Pembaharuan Permit).	1796

Jadual 6 : Statistik permohonan baharu permit sementara telco

PERMOHONAN BAHARU PERMIT SEMENTARA TAHUN 2022	
Jumlah syarikat telekomunikasi (Telco) baharu yang berdaftar dengan Unit Telco, (JKB).	5
Jumlah permohonan / tapak diterima oleh JKB.	245
Jumlah permit tapak telah dikeluarkan.	77
Jumlah permohonan dalam proses pematuhan (pematuhan dokumen, rayuan pengurangan denda, lawatan tapak dan sebagainya).	133
Jumlah permohonan ditangguh (telah bayar tetapi dokumen tidak lengkap).	0
Jumlah tapak telah dihantar ke JPK untuk tindakan penguatkuasaan.	6
Pemohonan yang ditolak.	22
Jumlah permohonan dibatalkan (pemohon menarik balik permohonan).	7

5.2.6 Seksyen Urbanisasi dan Forensik Bangunan


Seksyen Urbanisasi dan Forensik Bangunan terbahagi kepada tiga (3) unit iaitu Unit Forensik Bangunan, Unit Urbanisasi Bandar dan Unit Aksesibiliti Bandar.

5.2.6.1 Unit Forensik Bangunan

Unit Forensik Bangunan, Jabatan Kawalan Bangunan bertanggungjawab untuk melaksanakan pematuhan terhadap Pemeriksaan Bangunan Secara Berkala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi memastikan penguatkuasaan dilaksanakan secara terancang dan menyeluruh, unit ini menjalankannya mengikut kawasan-kawasan yang telah ditetapkan secara berperingkat. Selain itu, pemeriksaan berkala ini juga telahpun didokumentasikan sebagai salah satu prosedur ISO jabatan yang bertujuan memastikan semua proses kerja dilaksanakan secara sistematik dan terkawal.

5.2.6.1.1 STATISTIK PENGELUARAN SURAT, NOTIS DAN SIJIL SEPANJANG TAHUN 2022

Sebanyak 494 surat pelbagai kategori, 124 notis dan 95 sijil telah dikeluarkan unit ini sepanjang tahun 2022.




Carta 6 : Statistik pengeluaran surat sokongan rayuan lesen premis (rayuan) bagi tahun 2022

5.2.6.2 Unit Urbanisasi

Fungsi Unit Urbanisasi adalah memastikan langkah-langkah tindakan penguatkuasaan bangunan kotor/ usang/ terbiar/ hampir runtuh/ merbahaya/ dan mendatangkan kacau ganggu kepada orang awam dilaksanakan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Unit Urbanisasi juga terlibat secara langsung dalam program pengindahan bandar. Arahan pelaksanaan Program Pengindahan Bandar ini diterima melalui 2 cara iaitu arahan dari Pentadbiran Tertinggi DBKL/ KWP atau kerjasama diantara NGO/ pihak swasta/ persendirian/ IPT dan lain-lain yang menawarkan diri untuk menaja / menjadi sukarelawan atau menyelaras.

5.2.6.2.1 STATISTIK BILANGAN NOTIS/ SURAT PERINGATAN SEPANJANG TAHUN 2022

Sebanyak 220 surat pelbagai kategori, dan 705 notis telah dikeluarkan unit ini sepanjang tahun 2022.



Carta 8 : Statistik bilangan notis/ surat peringatan sepanjang tahun 2022


5.2.6.3 Unit Aksesibiliti Bandar

Unit Aksesibiliti Bandar (UAB), Jabatan Kawalan Bangunan bertanggungjawab untuk melaksanakan pemeriksaan bangunan bagi pematuhan kemudahan aksesibiliti disediakan bagi orang awam khususnya Orang Kurang Upaya (OKU) seperti yang termaktub di bawah Seksyen 124A, Undang-Undang Kecil Bangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1985.

Seksyen ini menyatakan kehendak mandatori bagi penyediaan kemudahan aksesibiliti ke atas bangunan bagi OKU untuk akses keluar masuk bangunan.

5.2.6.3.1 STATISTIK PENGELUARAN SURAT MAKLUMAN/NOTIS PEMATUHAN DAN SIJIL SEPANJANG TAHUN 2022

Sebanyak 97 surat pelbagai kategori dan 63 notis telah dikeluarkan unit ini sepanjang tahun 2022.



Carta 9 : Statistik pengeluaran surat makluman/notis pematuhan dan sijil sepanjang tahun 2022

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM1,063,000.00	95%
Perbelanjaan	RM1,006,875.00	


6.2 Perbelanjaan Pembangunan

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM -	-
Perbelanjaan	RM -	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022



Lawatan Tapak bagi Keselarasan antara Laporan Pemeriksaan Visual dan Pemeriksaan Visual Sebenar di Tapak
Tarikh: 21 Mac 2022
Lokasi: Menara 3 Petronas









Audit Kemudahan Akses bagi Golongan OKU bersama Kementerian Pengangkutan Malaysia
Tarikh: 24 Mei 2022 dan 27 Julai 2022
Lokasi: Stesen-stesen Monorel, LRT dan Hab Bas di sekitar Kuala Lumpur





Majlis Sesi Pandangan Awam Bagi Pengemukaan Laporan Dilapidasi (Dilapidation Report) Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tarikh : 9 Jun 2022
Lokasi : Bilik Gerakan Menara DBKL 1






Majlis Pelancaran Garis Panduan Jabatan Kawalan Bangunan yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Haji Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur
Tarikh : 9 September 2022
Lokasi : Hotel Maya Kuala Lumpur





Majlis Perasmian Program Pengindahan Bandar (Mural) Dengan Kerjasama NGO Dan Jabatan Kawalan Bangunan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk TPr Sulaiman bin Mohamed, Pengarah Eksekutif (Perancangan)
Tarikh : 7 Oktober 2022
Lokasi : Hotel STEG Kuala Lumpur







Operasi Urban Task Force Tindakan Pembersihan Tumbuhan Liar Pada Bangunan
Tarikh : Sepanjang tahun 2022
Lokasi : Di sekitar Kuala Lumpur


7.1 Program Pengindahan Bandar oleh Unit Urbanisasi, JKB




Mural dan Naiktaraf Lorong Belakang Di Sekitar Q Hotel (STEG Hotel), Jalan Tiong Nam Oleh Sweet Boundaries Sdn. Bhd
Lokasi : Jalan Tiong Nam
Status : Projek siap Jun 2022




Mural *Here For Good* oleh Standard Chartered
Lokasi : No. 55 Jalan Dang Wangi
Status : Projek siap Julai 2022




Mural *Here For Good* oleh Standard Chartered
Lokasi : No. 358 Jalan Tuanku Abdul Rahman
Status : Projek siap Julai 2022




Mural *Here For Good* oleh Standard Chartered
Lokasi : Tembok Penahan Jalan Sultan Ismail
Status : Projek siap Julai 2022



Mural *Here For Good* oleh Standard Chartered
Lokasi : No. 51 Jalan Sultan
Status : Projek siap Julai 2022



Mural Chow Kit *Art Sanctuary* oleh Adzarul Buqory
Lokasi : Plaza Chow Kit Baru
Status : Projek siap September 2022



Mural Chow Kit *Art Sanctuary* Oleh Adzarul Buqory
Lokasi : No. 24 Jalan Chow Kit
Status : Projek siap September 2022



Mural Chow Kit *Art Sanctuary* Oleh Adzarul Buqory
Lokasi : No. 467 Jalan Tuanku Abdul Rahman
Status : Projek siap September 2022

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

Tarikh	Acara	Keputusan
Januari 2022	Pertandingan Video Pendek Jubli Emas Antara Jabatan DBKL 2022	Saguhati
Mac 2022	Pertandingan Bowling Jubli Emas Antara Jabatan DBKL 2022	Saguhati
Julai 2022	Pertandingan *Treasure Hunt* Jubli Emas Antara Jabatan DBKL 2022	Saguhati
Julai 2022	Pertandingan Sketsa Pendek Jubli Emas Antara Jabatan DBKL 2022	Saguhati
Julai 2022	Penarafan Indeks Akauntabiliti Antara Jabatan DBKL 2022	Penarafan Lima Bintang
Disember 2022	Liga Futsal Antara Jabatan DBKL 2022	Johan (Kategori Wanita) Piala Presiden Kelab Sukan DBKL
Disember 2022	Liga Futsal Antara Jabatan DBKL 2022	Naib Johan (Kategori Lelaki) Piala Presiden Kelab Sukan DBKL

Jabatan Perancangan Bandar

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Perancangan Bandar telah ditubuhkan pada tahun 1984. Melalui Penstrukturan semula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 Ogos 2015, Jabatan Perancangan Bandar telah digabungkan dengan Jabatan Perancangan Fizikal dan terbentuklah Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB).

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 melalui perkhidmatan perancangan yang dinamik.

2.2 Misi

Merancang pembangunan Kuala Lumpur berdasarkan Pelan Pembangunan yang berkualiti serta perkhidmatan Kawalan Perancangan yang cekap, efektif dan telus.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

i. Menyemak semula Pelan Struktur Kuala Lumpur dalam tempoh 10 tahun selepas pelan diwartakan.
ii. Menghasilkan draf semakan Pelan Struktur Kuala Lumpur dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pelantikan perunding.
iii. Menghasilkan draf semakan sebahagian daripada Pelan Tempatan yang telah diwartakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh arahan Datuk Bandar.
iv. Mengeluarkan keputusan kepada pemohon bagi cadangan pembangunan yang diterima di Urusetia Pusat Setempat tidak melebihi dari tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengikut jenis permohonan seperti Jadual 1.
v. Mengeluarkan kelulusan pelan pembangunan landskap dalam tempoh 45 hari daripada tarikh permohonan diterima.
vi. Mengeluarkan perakuan ke atas permohonan tanah kerajaan kepada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) Kuala Lumpur dalam tempoh 30 hari dari tarikh menerima surat permohonan daripada PTGWP.
vii. Mengeluarkan data perancangan tidak terperingkat dalam tempoh 14 hari dari tarikh menerima permohonan.
viii. Mengeluarkan Perintah Pembangunan dalam tempoh 15 hari selepas pemohon mematuhi senarai semak Pasca JKTPS/JKPS.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	Bil.	KPI	Sasaran	Pencapaian
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN *(CUSTOMER FOCUS)*	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	100%	100%
	2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022	100%	100%

KRA	Bil.	KPI	Sasaran	Pencapaian
MENINGKATKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS *(TRANSPARENCY)*	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	100%	100%
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023	100%	100%
	5.	Menyelesaikan isu yang melibatkan AP58	100%	100%
KUALA LUMPUR BANDAR RAYA MILIK WARGA KOTA	6.	Mendapatkan kelulusan pewartaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040)	100%	100%
	7.	Mengemukakan draf akhir Pelan Tempatan Kuala Lumpur (PTKL2040) bagi mendapatkan kelulusan pewartaan	100%	100%
	8.	Mempertingkatkan kualiti kesejahteraan hidup	100%	100%
	9.	Program LA21KL	100%	100%
KUALA LUMPUR BANDAR RAYA SALING BERSARING	10.	Pembangunan Modul Analisis Spatial Perancangan di dalam *City Planning System (*CPS 2.0)	100%	100%
	11.	Menyertai program pengiktirafan berkaitan Bandar Mampan di peringkat negara/ antarabangsa	100%	100%
KUALA LUMPUR BANDAR RAYA TADBIR URUS CEKAP	12.	Garis panduan perancangan Jabatan Perancangan Bandaraya	100%	100%

Jadual 1 : Tempoh Pemprosesan Cadangan pembangunan

Bil	Jenis Permohonan	Tidak Melibatkan Proses Pelawaan Bantahan (Kaedah 5)	Melibatkan Proses Pelawaan Bantahan (Kaedah 5)
i	Permohonan 4 serentak	111 hari	139 hari
ii	Permohonan 3 serentak (yang melibatkan perihal tanah)	111 hari	139 hari
iii	Permohonan 3 serentak (yang tidak melibatkan perihal tanah)	80 hari	108 hari
iv	Permohonan 2 serentak (yang melibatkan perihal tanah)	108 hari	139 hari
v	Permohonan 2 serentak (yang tidak melibatkan perihal tanah)	80 hari	108 hari
vi	Kelulusan Kebenaran Perancangan	57 hari	108 hari

5.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

i. Pengurusan Pelaksanaan Pelan Struktur Kuala Lumpur
ii. Pengurusan Pelaksanaan Pelan- pelan Tempatan
iii. Kawalan Perancangan Pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
iv. Urus Setia Pusat Setempat (OSC) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
v. Penyediaan Garis Panduan Perancangan
vi. Menyelaras Ulasan Perakuan Perancangan Bagi Permohonan dan Penyewaan Tanah Kerajaan, PTP dan DBKL
vii. Perancangan Bandar Mampan
viii. Pengurusan Maklumat dan Data Perancangan

6.0 PERJAWATAN JABATAN PERANCANGAN BANDARAYA

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Perancangan Bandaraya yang diisi adalah seramai **298** orang seperti Jadual 6.1.

Jadual 6.1 : Perjawatan Jabatan Perancangan Bandaraya

Kategori	Status Jawatan		Jumlah
	Tetap	Kontrak	
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 - Jusa B)	45	-	**45**
Kumpulan Pelaksana (Gred 17 - 40)	222	-	**222**
Kumpulan Pelaksana (Gred 1 - 16)	25	6	**31**
Jumlah	**292**	**6**	**298**

Jabatan Perancangan Bandaraya mempunyai tiga (3) sektor yang berperanan melaksanakan perancangan dan pengurusan bandaraya seperti di **Carta 1**. Sektor berkenaan ialah:-

i. Sektor Perancangan Fizikal
ii. Sektor Kawalan Pembangunan
iii. Sektor Penyelidikan & Penyelarasan Pembangunan

7.0 LAPORAN KEWANGAN DAN BAJET MENGURUS

Jumlah Peruntukan mengurus Jabatan Perancangan Bandaraya bagi tahun 2022 adalah berjumlah RM5,543,900.00. Perbelanjaan adalah berjumlah **RM5,398,584.00** iaitu 97% dari keseluruhan peruntukan. Baki peruntukan tidak dibelanjakan ialah RM145,316.000. Ringkasan seperti Jadual 3.

Jadual 7.1 : Status Peruntukan dan Perbelanjaan

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM5,543,900.00	97%
Perbelanjaan	RM5,398,584.00	

8.0 PENCAPAIAN DAN AKTIVITI MENGIKUT SEKTOR

8.1 SEKTOR PERANCANGAN FIZIKAL

Fungsi utama Sektor ini adalah mengurus penyediaan pelan pembangunan yang terdiri daripada Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) dan Pelan Tempatan Kuala Lumpur (PTKL) serta menguruskan proses perubahan Pelan Tempatan Kuala Lumpur berdasarkan Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267). Bahagian ini juga disokong oleh Seksyen Pengurusan Maklumat dan GIS bagi pengurusan maklumat dan data perancangan.

a) Seksyen Perancangan Pelan Struktur

- Di antara program / bengkel yang telah diadakan untuk Kajian PSKL 2040 sepanjang tahun 2022, antaranya adalah seperti Jadual 4 berikut :

PROGRAM /KAJIAN PSKL 2040

Januari – Jun 2022

Pindaan Draf PSKL2040 Versi Bahasa Inggeris
Pindaan Draf PSKL2040 telah dijalankan bagi versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris berdasarkan maklum balas Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam (JKPPA)





10 Mac 2022

Persidangan Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (LPPWPKL)
LPPWPKL telah bersidang bagi membincangkan Pindaan Draf PSKL2040 dan telah mencadangkan beberapa penambahbaikan perlu diambil kira dalam Draf PSKL2040 untuk dibentangkan kepada YB. Menteri untuk kelulusan muktamad.





17&19 Mei serta 14 Jun 2022

Sesi Taklimat Draf PSKL2040 dan pembentangan syor Lembaga Penasihat Perancangan WP (LPPWP) Bil 1-3 kepada Menteri Wilayah Persekutuan.





Mei – Ogos 2022

Pindaan Draf PSKL2040 telah dijalankan bagi versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris berdasarkan syor LPPWP serta cadangan Menteri Wilayah Persekutuan.





30-31 Julai 2022


Bengkel Memuktamadkan dan Kelulusan Draf PSKL 2040 Serta Pemahaman Draf Perubahan 4 PBRKL 2020.





31 Ogos 2022

Pemberitahuan Kelulusan Terhadap Draf PSKL2040 selaras dengan Seksyen 8 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267).



MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

Rujukan Kami : KWP(S):24/9/4 Jld.(52)
Tarikh : 31 Ogos 2022

YBhg. Datuk Seri Hj. Mahadi bin Che Ngah
Datuk Bandar Kuala Lumpur
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tingkat 28, Menara DBKL 1
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

YBhg. Datuk Seri,

PEMBERITAHUAN KELULUSAN TERHADAP DRAF PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR 2040 SELARAS DENGAN SEKSYEN 8 AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982 [AKTA 267]


Dengan segala hormatnya perkara yang tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Saya telah memeriksa kandungan Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (Draf PSKL 2040) bersama-sama dengan Laporan Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan (LPPWP). Sehubungan dengan ini, saya **meluluskan Draf PSKL2040 dengan ubah suaian dan pindaan** menurut subperenggan 8(ii) Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [*Akta 267*] tertakluk kepada diubah suai dan pindaan dibuat sebagaimana dinyatakan di perenggan 3 surat ini.

TERIMA
02 SEP 2022

September – Disember 2022

Membuat persediaan untuk pewartaan PSKL2040.



MINIT BEBAS

PEWARTAAN PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR 2040 (PSKL2040)

- Percetakan Laporan
- Pembelian ruangan akhbar (Notis Awam)
- Majlis Pelancaran
- Publisiti dan Promosi

Jabatan Perancangan Bandaraya

Kepada:
YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur

Melalui:
Pengarah Eksekutif Perancangan

1.0 TUJUAN

Minit bebas ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan dan mendapatkan kelulusan Datuk Bandar bagi menjalankan kerja-kerja berikut:

i. Mencetak laporan PSKL2040 versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
ii. Membeli ruangan akhbar untuk tujuan Notis Awam.
iii. Mengadakan Majlis Pelancaran PSKL2040
iv. Menjalankan aktiviti publisiti dan promosi PSKL2040

2.0 PROSES PENYEDIAAN DRAF PSKL2040

Draf PSKL2040 telah pun dipamerkan kepada orang awam selama 3 bulan bermula 18 Februari 2020 hingga 18 Mei 2020. Sepanjang tempoh tersebut, pihak jabatan telah menerima 488 borang pandangan awam diterima daripada pelbagai individu dan organisasi.

b) Seksyen Perancangan Pelan Tempatan

- Di antara aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2022 adalah seperti Jadual 8.1.2 di bawah:

PROGRAM /KAJIAN PTKL

16 Mac 2022 – 18 Mac 2022

Bengkel Kaedah -kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040





23 November 2022

Program Libat Urus Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama REHDA

- Pemahaman Pelaksanaan Dan Mekanisma Garis Panduan Pembangunan Semula di Kuala Lumpur





30 Mac 2022 – 1 April 2022

Retreat Pemurnian Laporan Draf Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040)





c) Perubahan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020

- **Perubahan 4 Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020)**

  Perubahan keempat kepada PBRKL 2020 melibatkan 37 cadangan perubahan yang terletak di enam zon strategik.

PROGRAM PERUBAHAN 4 PELAN BANDAR RAYA KUALA LUMPUR 2020

Oktober 2021 – Februari 2022

Kajian Verifikasi

Bagi menilai, menganalisis, memverifikasi seterusnya mengesyorkan kepada Datuk Bandar berkaitan kesesuaian penetapan zon guna tanah dan intensiti pembangunan sebelum cadangan ini boleh melalui proses Perubahan 4 PBRKL 2020.



Jilid 1



Jilid 2

Febuari – Mac 2023

Penyediaan Draf Perubahan 4 PBRKL 2020 pada Febuari 2022 – Mac 2022 yang melibat 37 tapak perubahan





-

Publisiti

Selaras dengan Seksyen 14, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982, Akta 267 Notis Awam telah disiarkan dalam 2 akhbar sebanyak 3 kali. Antara medium publisiti lain adalah melalui penyiaran iklan di laman web Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2040, facebook rasmi DBKL, hebahan radio, iklan di papan iklan digital serta melalui edaran risalah di pejabat cawangan DBKL bagi tujuan Sesi Penyertaan Awam Draf Perubahan 4 PBRKL 2020.



Notis Awam yang disiarkan dalam akhbar Berita Harian dan News Strait Time





Iklan di Facebook Rasmi DBKL



Temu bual di Radio KLFM pada 8 Mac 2022



Iklan di Papan Iklan Digital




Risalah untuk edaran awam

7 Mac hingga 5 April 2022.

Notis Awam dan Pameran

Sesi Penyertaan Awam Draf Perubahan 4 PBRKL 2020 telah dilaksanakan selaras dengan peruntukan Seksyen 14, Akta 267





18 April, 20 & 21 April 2022 dan 11 Mei 2022

Sesi Pendengaran Pandangan Awam, Draf Perubahan 4 PBRKL 2020





Mei 2022

Sesi Penyiasatan Tempatan Draf Perubahan 4 PBRKL 2020



Jun 2022

Pindaan Draf Perubahan 4 PBRKL 2020

Pindaan melibatkan 31 tapak perubahan telah dibuat setelah mempertimbangkan pengesyoran oleh JKPPA







Mendapat persetujuan YB Menteri Wilayah bagi Perubahan 4 PBRKL 2020 pada 7 Oktober 2022

d) Seksyen Pengurusan Maklumat & GIS

- **Di antara aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2022 adalah seperti Jadual 8.1.4 di bawah:-**

PROGRAM PENGURUSAN MAKLUMAT & GIS

Januari 2022

Perbincangan Dan Pembentangan Penggunaan Tandatangan Digital Di Dalam Kuala Lumpur Integrated System (KLIS





8 Februari 2023

Kunjungan Hormat CIDB Ke DBKL Bagi Pembentangan Program National Bim E-Submission Bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)





30 Mac 2023

Pembentangan Penggunaan Tandatangan Digital Dalam Sistem Kuala Lumpur Integrated Submission (KLIS) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Di Bengkel Pembangunan Kapasiti Tandatangan Digital Bersama Pejabat Negeri Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (MCMC)





31 Mac 2022

Lawatan Kerja DBKL Ke Planmalaysia Negeri Sembilan Berkaitan Pemantauan Pembangunan Melalui Sistem Maklumat Geografi Negeri Sembilan (GIS9).





13 April 2023

Sesi *Teach-In* Spatial Data Centre (SDC@JPRB) Kepada Para Pegawai Dan Kakitangan Jabatan Perancangan Bandara Di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB)





23 Mei 2022

Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kemaman, Terengganu Ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Perkongsian Maklumat Mengenai Sistem Kuala Lumpur Integrated Submission (KLIS)





31 Mei 2022

Sesi Memuktamadkan Kajian Keperluan Pengguna (*User Requirement Specification* - Urs) Sistem Osc 3.0 Plus Online Dewan Bandaraya Kuala Lumpur





15 Jun 2022

Siri Webinar MCMC : Penggunaan Tandatangan Digital Di Sektor Awam

Pembentangan Sistem Kuala Lumpur Integrated Submission (KLIS) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



17 Jun 2022

Taklimat Kepada Jabatan Kerja Awam (JKR)


Sistem Kuala Lumpur Integrated Submission (KLIS) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



15 Julai 2022

Pembentangan City Planning System (CPS)

Di Dalam Pertandingan Mip Planning Excellence Award (MIPPEA) 2022 Bagi Kategori *Innovative Planning.*





1 Ogos 2022

Lawatan Kerja Majlis Daerah Pekan, Pahang Ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Perkongsian Maklumat Pelaksanaan Inisiatif Digitalisasi Submission (Sistem KLIS) DBKL





17 Ogos 2022

Kursus Pemakaian Sistem Kawalan Pembangunan (SKP) Untuk Pemprosesan Permohonan Kebenaran Perancangan Kepada Bahagian Kawalan Perancangan, JPRB





19 September 2022

Pembentangan Sistem KLIS Di Dalam Pertandingan MIP Planning Excellence Award (MIPPEA) 2022 Bagi Kategori *Planning Service Excellence Award*





26 September 2022

Majlis Pelancaran Penjualan Pelan Digital Maklumat Perancangan Kuala Lumpur Secara Online Melalui Emap Cps Oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur





26-28 Ogos 2022

Pameran Penggunaan Drone Jabatan Perancangan Bandaraya Di Kuala Lumpur International Drone & RC Festival 2022 Di Taman Tasik Titiwangsa





21-22 September 2022

Ujian Amali Pengendalian Dron H512:001-2:2019 (Tahap 2) Bagi Kakitangan Pasukan Dron JPRB





5 Oktober 2022

Sesi *Teach-In City Planning System* CPS dan eMAP Kepada Para Pegawai Dan Kakitangan Jabatan Dalaman DBKL Di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB)



11-12 Oktober 2022

Penyertaan Seksyen Pengurusan Maklumat & GIS, JPRB Di MAP2 Summit – Geospatial Resilience Towards Smart Nation





13-15 Oktober 2022

Lawatan Kerja Para Pegawai Kanan JPRB, DBKL Ke Urban Redevelopment Authority (Ura), Singapura & Kawasan Perancangan Pembangunan Singapura





-

Sesi Verifikasi Bagi Memuktamadkan Maklumat Gunatanah Semasa

Bersama Bahagian Kawalan Perancangan, Unit Sektoral, Unit Tanah Kerajaan, Unit SKP Dan Unit Geospatial





Sepanjang tahun

Kajian Lapangan Menggunakan Drone






19 September 2022

Perbincangan Kerjasama Integrasi Sistem *Kludc Underground Utility Digital Data* Dan *Mapping Service*, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta (JPPH) Dengan CPS, JPRB





Sepanjang Tahun

Hebahan dan Penerangan Berkaitan Penggunaan CPS & eMaP Kepada Orang Awam/Pelajar IPT& IPTA/Agensi





8.2 SEKTOR KAWALAN PEMBANGUNAN

a) Pengeluaran Perintah Pembangunan

Sebanyak 695 Perintah Pembangunan (DO) telah dikeluarkan mengikut kategori. Daripada jumlah tersebut sebanyak 85 Notis Penolakan telah dibuat kerana tidak menepati kehendak-kehendak Perancangan. Keterangan lengkap seperti di Jadual 8.2.1 di bawah.

Jadual 8.2.1 : Perintah Pembangunan Tahun 2022

Kategori / Bulan		Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Disember	Jumlah
i.	Penukaran Zon Gunatanah	-	2	-	1	1	-	-	-	-	-	-	-	**4**
ii.	Menambah Kepadatan	-	1	3	3	1	1	-	-	-	-	-	-	**9**
iii.	Pelan Susunatur (Pecahan Sempadan dan Penyatuan Tanah/ Lot)	-	3	9	2	2	3	4	2	2	2	3	2	**34**
iv.	Pembinaan Bangunan Baru	6	4	2	9	10	9	11	6	5	6	7	5	**80**
v.	Roboh dan Bina Semula	3	1	6	4	1	2	2	1	1	3	2	3	**29**
vi.	Pindaan Pelan Lulus	8	12	1	12	6	8	9	10	6	8	9	6	**95**
vii.	Menukar Kegunaan Bangunan	1	1	1	-	-	1	3	3	-	-	1	1	**12**

samb..

Kategori / Bulan		Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Disember	Jumlah
viii.	Penukaran Sementara Kegunaan Bangunan	3	0	12	1	-	1	1	1	2	2	1	1	**25**
ix.	Tambahan dan Perubahan	7	4	8	11	7	11	4	6	9	10	8	7	**92**
x.	Tambahan dan Perubahan serta Menukar Kegunaan Bangunan	7	2	4	9	4	3	2	3	2	5	10	6	**57**
xi.	Tambahan dan Perubahan Serta menukar Sementara Kegunaan Bangunan	4	8	6	11	3	8	8	7	6	6	3	1	**71**
xii.	Bangunan Sementara	10	5	-	7	7	4	7	4	5	5	4	2	**60**
xiii.	Lanjutan Tempoh Sah Perintah Pembangunan	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	**1**
xiv.	Lanjutan Tempoh Kegunaan Sementara Bangunan/Tanah	-	-	3	-	-	-	-	-	-	-	-	-	**3**
xv.	Pembinaan Struktur Paparan Iklan Luar	-	-	-	-	-	1	4	1	1	-	3	5	**15**
xvi.	Pembinaan Struktur Pemancar Telekomunikasi	2	-	7	1	-	-	-	8	4	-	-	1	**23**
xvii.	Notis Penolakan	6	4	-	6	13	6	12	9	2	7	12	8	**85**
	Jumlah Keseluruhan	**57**	**47**	**62**	**78**	**55**	**58**	**67**	**61**	**45**	**54**	**63**	**48**	**695**

b) Tuntutan Caj Pembangunan Tahun 2022

Bagi tahun 2022, Jabatan telah membuat tuntutan Caj Pembangunan berjumlah **RM405,597,340.00** dari bulan Januari sehinggga Disember daripada pihak pemaju seperti di Jadual 8.2.2

Jadual 8.2.2 : Tuntutan Caj Pembangunan Tahun 2022

Bulan	Jumlah (RM)
Januari	RM13,605,800.00
Februari	RM20,648,900.00
Mac	RM56,459,400.00
April	RM42,918,500.00
Mei	RM19,538,800.00
Jun	RM30,810,900.00

Bulan	Jumlah (RM)
Julai	RM5,314,266.00
Ogos	RM39,569,633.00
September	RM32,358,200.00
Oktober	RM29,793,933.00
November	RM32,001,908.00
Disember	RM82,577,100.00
Jumlah	**RM405,597,340.00**

c) Tuntutan Sumbangan Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)

Sejumlah **RM21,691,880.00** telah dituntut oleh pihak Jabatan sepanjang tahun 2022 meliputi RM15,473,550.00 untuk ISF Jalan, RM413,330.00 untuk ISF Parit dan RM5,805,000.00 untuk ISF Sumbangan. Tuntutan melibatkan permohonan yang tidak menyediakan ruang tempat letak kereta yang mencukupi, tidak menyediakan ruang pusat penjaja, dan kos pembinaan jalan keluar masuk.

Jadual 8.2.3 : Tuntutan ISF dan Sumbangan bagi Tahun 2022

Bulan	Jumlah Tuntutan Dan Sumbangan (RM)		
	ISF (Jalan)	ISF (Parit)	ISF (Sumbangan)
Januari	RM584,000.00	RM40,300.00	-
Februari	RM1,259,750.00	RM25,000.00	-
Mac	RM3,552,500.00	RM109,345.00	RM2,200,000.00
April	RM2,055,000.00	RM78,350.00	-
Mei	RM776,500.00	RM42,700.00	-
Jun	RM631,800.00	-	-
Julai	RM140,750.00	-	RM45,000.00
Ogos	RM1,723,500.00	RM75,450.00	RM780,000.00
September	RM112,750.00	-	RM2,780,000.00
Oktober	RM1,309,000.00	RM5,085.00	-
November	RM209,000.00	-	-
Disember	RM3,119,000.00	RM37,100.00	-
Jumlah	**RM15,473,550.00**	**RM413,330.00**	**RM5,805,000.00**
		Jumlah Keseluruhan :	**RM21,691,880.00**

Jadual 8.2.4 : Jumlah Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (JKPS) Tahun 2022

Mesyuarat	Jumlah Mesyuarat	Jumlah Permohonan yang dipertimbangkan
JK OSC Khas	2 mesyuarat	34
JKPS 1	50 mesyuarat	1,688
JKPS 2 (manual)	55 mesyuarat	3,784
JKPS 2 (Sistem KLIS)		41
JUMLAH	**107**	**5,547**

Jadual 8.2.5 : Jumlah permohonan yang diterima di Kaunter OSC dan melalui Sistem KLIS mengikut Skala Permohonan bagi tahun 2022

Skala Permohonan	Kaedah Penerimaan Permohonan	Jumlah Permohonan
Skala Besar (B)	Kaunter OSC	1,600
Skala Sederhana (S)	Kaunter OSC	4,900
Skala Kecil (KK) *(melibatkan mesyuarat JKPS2)*	Sistem KLIS	1,173
Skala Kecil (KK) *(untuk tujuan rekod)*	Kaunter OSC	344
JUMLAH		**8,017**

Jadual 8.2.6 : Jumlah Permohonan KLIS Jawatankuasa Pusat Setempat (JKPS) bagi tahun 2021

Kaedah Penerimaan Permohonan	Jumlah Permohonan
A07 Membina Baru	81
A12A Meroboh dan Membina Semula	156
A12B Tambahan dan Perubahan Melibatkan Kerja Tanah	0
A15 Kerja Tanah	4
B1 Tambahan dan Perubahan Tiada Kerja Tanah	528
B2 Permit Untuk Pembinaan Kecil	404
JUMLAH	**1,173**

8.3 SEKTOR PENYELIDIKAN & PENYELARASAN PEMBANGUNAN

a) Unit Garis Panduan Perancangan dan Kawalan Pembangunan

Garis panduan perancangan (GPP) digunapakai sebagai rujukan utama oleh pegawai dan kakitangan semasa memproses permohonan kebenaran merancang supaya penilaian perancangan yang dibuat lebih telus dan tepat. Semakan semula dan pengemaskinian dari masa ke semasa GPP sediada dan GPP baharu agar selaras dengan perubahan dasar-dasar perancangan semasa seperti arahan-arahan dari peringkat Kementerian, perubahan pada Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) dan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2040 (PBRKL 2040) serta arahan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat DBKL dibuat secara berterusan seperti berikut:-

Jadual 8.3.1 : Garis Panduan Perancangan Kawalan Pembangunan (GPP) yang dikemaskini untuk dipaparkan ke portal rasmi DBKL

Bil	Garis Panduan
1.	GPP Dual Key
2.	GPP Lorong Belakang
3.	GPP Communication Strategy
4.	GPP Kawalan Ketinggian Kediaman Bertanah
5.	GPP Rumah Mampu Milik
6.	GPP Proses Pandangan Awam
7.	GPP Kaedah 7
8.	GPP Rumah Pekerja - CLQ
9.	GPP Format Surat Makluman Keputusan Kepada Pembantah
10.	GPP Penggunaan Ruang Legar Dalam Kompleks Membeli-Belah Untuk Kegunaan Kiosk
11.	GPP Prinsip-Prinsip Umum Strata Dalam Kawalan Perancangan
12.	GPP Penyediaan Laporan Cadangan Pembangunan
13.	GPP Caj Pembangunan Bagi Penukaran Sementara Gunatanah / Bangunan

Jadual 8.3.2 : Garis Panduan Perancangan Yang Dikemaskini Untuk dimuktamadkan

Bil	Garis Panduan
1.	Garis Panduan Pembangunan Pangsapuri Servis
2.	Garis Panduan Pembangunan SOHO
3.	Garis Panduan Pembangunan Kediaman Dual Key
4.	Garis Panduan Kawalan Ketinggian Kediaman Bertanah

Jadual 8.3.3 : GPP yang telah dibincangkan melalui Bengkel Semakan Semula Garis Panduan Perancangan (GPP) Sediada Dan Baharu Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Bil	Garis Panduan
1.	Garis Panduan Loji Pembancuh Simen (Batching Plant) di WPKL
2.	Garis Panduan Perancangan (GPP) bagi Keperluan Tempat Letak Kenderaan Edisi 2021
3.	Garis Panduan Perancangan Aspek Kawalan Perancangan Pembangunan di Kawasan Lereng Bukit Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
4.	Garis Panduan Perancangan Hotel Kapsul di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Berkuatkuasa Pada 28 Mac 2017
5.	Garis Panduan Perancangan Insentif Pembangunan Di Kawasan Rezab Melayu Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
6.	Garis Panduan Perancangan Keperluan Anjakan Bangunan untuk Kediaman Bertanah (Banglo, Berkembar dan Teres) Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
7.	Garis Panduan Perancangan Keperluan Kawasan Lapang Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
8.	Garis Panduan Perancangan Keperluan Kemudahan Awam Dalam Pembangunan Bukan Kediaman Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
9.	Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Perumahan Berkepadatan Rendah (Bukit Tunku, Taman Duta, Bukit Persekutuan dan Bukit Damansara) Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
10.	Garis Panduan Perancangan Pembinaan Pondok Pengawal Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015

samb..

Bil	Garis Panduan
11.	Garis Panduan Perancangan Penamaan Bangunan dan Taman Perumahan Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
12.	Garis Panduan Perancangan Penerapan Elemen Bandar Selamat Dalam Penilaian Perancangan Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
13.	Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kawasan Plinth Berkuatkuasa Pada 1 Januari 201
14.	Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kepadatan Penduduk Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
15.	Garis Panduan Perancangan Pengiraan Nisbah Plot Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
16.	Garis Panduan Perancangan Penubuhan Hotel Bajet Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
17.	Garis Panduan Perancangan Penubuhan Pusat Tuisyen Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
18.	Garis Panduan Perancangan Penyediaan Kemudahan Penduduk dalam Skim Pembangunan Kediaman Bertingkat Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
19.	Garis Panduan Perancangan Penyediaan Perimeter Planting Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
20.	Garis Panduan Perancangan Pusat Hiburan Berkuatkuasa Pada 1 Januari 2015
21.	Garis Panduan Perancangan "Backpackers Hotel" di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Berkuatkuasa Pada 14 Januari 2020





Menyediakan Kategori Syarat-Syarat Perintah Pembangunan.

UGPKP akan menyemak semula syarat-syarat Perintah Pembangunan (SSPP) mengikut kategori bagi memastikan syarat-syarat tersebut adalah tepat dan telus. SSPP ini merupakan syarat yang mesti dipatuhi oleh pihak PSP dan pemaju yang merupakan kepatuhan kepada kehendak-kehendak asas dan teknikal perancangan; selaras dengan perubahan dasar dan ketetapan yang terkandung di dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) dan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur (PBRKL); perubahan dasar di peringkat nasional serta kepatuhan kepada kehendak-kehendak agensi luaran yang terkandung di dalam SPPP .

Jadual 8.3.4 : Syarat Perintah Pembangunan Bagi Projek Berskala Besar (OSC 1)

Bil	Jenis Syarat
1.	Cadangan Pelan Susunatur
2.	Cadangan Pelan Pecah Sempadan
3.	Cadangan Pelan Penyatuan Tanah
4.	Cadangan Penukaran Zon Kegunaan Tanah/ Menambah Kepadatan
5.	Cadangan Pembangunan Pangsapuri @ Apartmen @ Kondominium @ Town Villa @ Town House
6.	Cadangan Pembangunan Pangsapuri Servis Atau Soho
7.	Cadangan Pembangunan Kompleks Perniagaan
8.	Cadangan Pembangunan Kompleks Pejabat @ Kedai Pejabat @ Kompleks Beli Belah
9.	Cadangan Pembangunan Bercampur

samb..

Bil	Jenis Syarat
10.	Cadangan Pembangunan Landed Strata
11.	Cadangan Masjid Surau Rumah Ibadat (Pembangunan Baru)
12.	Cadangan Pembangunan Pusat Pengajian Tinggi
13.	Pindaan Kepada Pelan Kelulusan Perintah Pembangunan
14.	Projek Kerajaan Yang Dikemukakan Oleh JKR
15.	Stesen Komuter, KTM, Terminal, Monorel, MRT
16.	Struktur Jejantas
17.	Terminal Stesen Bandar (Bas)

Jadual 8.3.5 : Syarat Perintah Pembangunan Bagi Projek Berskala Sederhana dan Kecil (OSC 2)

Bil	Jenis Syarat
1.	Cadangan Tambahan Dan Perubahan Pada Bangunan Sedia Ada.
2.	Cadangan Tambahan Dan Perubahan Serta Menukar Kegunaan Bangunan Daripada Rumah Kedai/ Kedai Pejabat Kepada Hotel Bajet.
3.	Cadangan Tambahan Dan Perubahan Serta Menukar Kegunaan Bangunan Daripada Rumah Kedai/ Kedai Pejabat Kepada Hotel Bajet.
4.	Cadangan Tambahan Dan Perubahan Serta Menukar Kegunaan Daripada Bangunan Perdagangan Kepada Pusat Tuisyen/ Sekolah Swasta/ Kolej Swasta/ Pusat Pengajian Tinggi.
5.	Cadangan Tambahan Dan Perubahan (Tambahan Satu Unit Tangki Minyak) Bawah Tanah Pada Bangunan Stesen Minyak Sedia Ada.
6.	Cadangan Membina Satu Unit Rumah Banglo/ Berkembar/ Teres.
7.	Cadangan Membina Satu Unit Bangunan Kedai Pejabat.
8.	Cadangan Membina 1 Unit Bangunan Kilang Sesebuah/ Berkembar/ Teres.
9.	Cadangan Membina Bangunan Rumah Ibadat
10.	Cadangan Membina Bangunan Institusi (Contohnya: Balai Bomba, Balai Polis, Pejabat Kerajaan).
11.	Cadangan Membina Bangunan Stesen Minyak.
12.	Cadangan Membina Struktur / Tiang Pemancar Telekomunikasi.
13.	Cadangan Membina Sebuah Bangunan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) Tenaga Nasional Berhad.

Jadual 8.3.6 : Jumlah Mesyuarat Dan Bilangan Permohonan Rayuan Insentif Caj Pembangunan Yang Diproses tahun 2022

		2022					
Bil	Bulan	Tarikh Mesyuarat	Bilangan Permohonan Yang Dipertimbangkan	L	TB	T	R
1.	Januari	10.1.2022	4	1	1	2	-
2.	Febuari	25.2.2022	13	4	7	-	2
3.	March	-	-	-	-	-	-
4.	April	27.4.2022	7	2	4	-	1
5.	Mei	31.5.2022	6	3	2	1	-
6.	Jun	-	-	-	-	-	-
7.	July	6.7.2022	3	-	1	1	1
8.	Ogos	-	-	-	-	-	-
9.	Sept	8.9.2022	9	5	4	-	-
10	Oktober	-	-	-	-	-	-
11.	November	-	-	-	-	-	-
12.	Disember	8.12.2022	9	6	-	1	2
JUMLAH PERMOHONAN		**-**	**51**	**21**	**19**	**5**	**6**

Nota: **L** (lulus), **TB** (tidak dibenarkan), **T** (tangguh) dan **R** (rujuk JKPS 1)

b) Penilaian Permohonan Tanah Kerajaan

Pada tahun 2022, Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Permohonan Tanah Kerajaan di peringkat DBKL telah diadakan sebanyak 14 kali dan telah memproses 755 permohonan seperti di Jadual 12 yang terdiri daripada kategori berikut:-

i. Pemberimilikan Tanah
ii. Perizaban Tanah
iii. Pajakan Tanah Rizab
iv. Lesen Pendudukan Sementara
v. Serah Balik dan Berimilik Semula
vi. Permit Ruang Udara & Hak Lalu Lalang

Jadual 8.3.7 : Tarikh Mesyuarat Dan Bilangan Permohonan Tanah Kerajaan Yang Diproses

Bulan	2022	
	Tarikh Mesyuarat	**Bil. Permohonan Yang Diproses**
Januari	28.01.2022	124
Februari	09.02.2022	47
Mac	14.03.2022	78
	25.03.2022	39
April	15.04.2022	36
	25.04.2022	21
Mei	23.05.2022	38
Jun	09.06.2022	63
Julai	07.07.2022	61
Ogos	03.08.2022	56
	25.08.2022	62
September	28.09.2022	64
Oktober	-	-
November	14.11.2022	45
Disember	**12.12.2022**	**21**
Jumlah Permohonan	**-**	**755**

c) Pembangunan Mampan

Bahagian Pembangunan Mampan di Jabatan ini bertanggungjawab menterjemah dasar perancangan di peringkat nasional kepada subjek khusus yang berkaitan seperti Bandar Pintar, Penjenamaan Bandar, Bandar Hijau, Bandar Berdaya Tahan dan Local Agenda 21 melalui kajian-kajian, penyelidikan dan program yang menerapkan konsep kolaborasi dan inovasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan DBKL terus kepada masyarakat seperti di bawah.

UNIT LOCAL AGENDA 21 KUALA LUMPUR

7-9 Januari 2022

Retreat Penyediaan Pelan Tindakan Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok (KLBAR)



14 – 16 Januari 2022

Retreat Komuniti Pintar Segambut



22 Januari 2022

KL Prosperity Forum with Bukit Bintang Community




23 Januari 2022

Berjalan Tanpa Asap Rokok (KL Car Free Morning)



9 Februari 2022

Ceramah Virtual: Kualiti Udara, Air & Penggunaan Nanoteknologi Bagi Pemeliharaan Alam Sekitar Oleh Dr. Nora Savage Dengan Kerjasama Kedutaan Besar USA



17-18 Februari 2022

Program Kutipan Sampah bersama Sukarelawan dan Pengumpulan Data Hasil Kutipan Sampah bersama Fuze Ecoteer @ Kg. Sg. Penchala



24 Februari 2022

Bazaar Kebun Komuniti Sempena Sambutan Hari Wilayah



27 Februari 2022

Program Bike Kitchen @ TTDI



3 – 5 Mac 2022

Retreat Pelaksanaan Sekolah Mampan LA21KL



7 Mac 2022

FGD Kebun Kejiranan Bandar LA21KL





8-10 Mac 2022

Seminar KLBAR (Penguatkuasaan) @ IDB Siri 1, Siri 2, Siri 3





11 Mac 2022

Plogging & Walkabout Bukit Bintang



17 Mac 2022

Taklimat KLBAR kepada Imam Masjid dan Surau di bawah MAIWP





20 Mac 2022

Plogging With Swedish Sempena Sambutan The Nordic Month



22 Mac 2022

Sesi Engagement KLBAR Bersama Vital Strategies sempena Partnership for Healthy Cities



22 Mac 2022

Lawatan Peserta GCoM Ke Tapak Kebun Kejiranan Bandar Sungai Bunus



23 Mac 2022

Ceramah KLBAR kepada warga JPWKL





26 Mac 2022

Program Rimba Market





27 Mac 2022

KL Car Free Morning Side Event (KLBAR) – Program GEGAR Generasi Penamat Budaya Merokok





27 Mac 2022

Program PlaceMaking Bersama Murid Sekolah "Back to School" @ Sungai Bunus



27 Mac 2022

Bike Kitchen Siri 4/2022





20 April 2022

Program Sumbangan Kurma sempena Promosi KLBAR di LRT Masjid Jamek





22 – 25 April 2022

Program Rimba Market Siri 3 (Pasar RAYA Kebun Kejiranan Bandar LA21KL





28 Mei 2022
11 Jun 2022
18 Jun 2022

Program Muzik Komuniti





29 Mei 2022

Bike Kitchen Siri 5/2022 dengan Kerjasama MRT Corp





10 Jun 2022

Sesi Walkabout & Plogging Komuniti Bukit Bintang Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia





17 Jun 2022

Kunjung Hormat Jawatankuasa Kuala Lumpur Bebas Asap Rokok LA21KL ke atas Datuk Bandar





18 Jun 2022

Sesi Libat Urus Bersama Pekebun Wangsa Maju Seksyen 1



18 Jun 2022

Sesi Libat Urus Bersama Pekebun Wangsa Maju Seksyen 1





28 – 30 Jun 2022

Retreat JK Penilaian Kebun Kejiranan Bandar LA21KL





3 Julai 2022

Sesi Taklimat Latihan Kebun Kejiranan Bandar LA21KL Kepada Kebun-kebun di bawah LA21KL





16 Julai 2022

Kursus Kebun 1 - Asas Permakultur @ UPM





20 Julai 2022

Lawatan Tapak Kebun Baru Siri 1/2022





22 Julai 2022

Program Pendedahan KLBAR Kepada Pengetua dan Guru Besar Sekolah di bawah JPWPKL





23 Julai 2022

Jom Bersih Bukit Bintang





27 Julai 2022

Program Be Safe Feel Safe Bersama Pelajar Sekolah @ Brickfields





4 – 14 Ogost 2022

Penyertaan Kebun Kejiranan Bandar dalam Festival MAHA





6 – 7 Ogos 2022

Kem EcoRanger LA21KL



9 Ogos 2022

Program Be Safe Feel Safe @ Sekolah MGSKL





13 – 15 Ogos 2022

Lawatan Berinformasi JK Kebun Kejiranan Bandar LA21KL





19 Ogos 2022

Program Be Safe Feel Safe bersama Warga OKU





20 Ogos 2022

Penyertaan Kebun Kejiranan Bandar dalam Program UNITI - Semarak Keluarga Malaysia





25 Ogos 2022

Sesi Taklimat kepada Sekolah Sesi Penarafan Sekolah Mampan Kuala Lumpur





27 Ogos 2022

Kursus Kebun 4 - Pembiakan Tanaman/ Tumbuhan





28 Ogos 2022

Bike Kitchen @ MRT TTDI



29 Ogos – 4 September 2022

Penyertaan Kebun Kejiranan Bandar dalam Program FLORIA @ PUTRAJAYA





10 Sept 2022

Program River Exploration Day



10 Sept 2022
17 Sept 2022

Program Muzik Komuniti Siri 2





17 & 18 Sept 2022

Kursus Kebun 5 - Asas Kompos Dan Pemulihan Tanah





19 Sept 2022

Sesi kunjung Hormat JK Kebun Kejiranan Bandar LA21KL ke Atas Datuk Bandar



25 Sept 2022

Sambutan Hari Sungai Sedunia @ Kebun Bandar Sungai Bunus





1 Okt 2022

Program Titipan Kasih Kebun Komuniti Bayvie Green Garden bersama KWP





2 Okt 2022

Taklimat Anugerah dan Taklimat Latihan kepada Pekebun LA21KL



5 Okt 2022

Student Placemaking Programme Anjuran MIP dan JK Sekolah Mampan





15 & 16 Okt 2022

Kursus Kebun 7 - Ancaman & Kawalan Perosak Tanaman





20 Oktober 2022

Sesi Penilaian Pembentangan Kebun Baru Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur Siri 2





26 – 28 Okt 2022

Lawatan Tapak Ke 12 Kebun Baru 2/2022





29 Okt 2022

Program Titipan Kasih oleh KSU KWP





26 Nov 2022

Program Muzik Komuniti Siri 3/2022



27 Nov 2022

Program TUPA KSU MAFI ke Kebun Bayview Court 1D




30 Nov 2022

Stakeholder Engagement - Bloomberg Initiative For Global Road Safety (BIGRS) Organised By Rakan Kongsi (Bikecommute KL) dan Global Designing Cities Initiative





3 Dis 2022

Program Muzik Komuniti Siri 3-2/2022



3 Dis 2022

Bengkel Penyediaan Laporan Penilaian Kebun Kejiranan Bandar LA21KL




4 Dis 2022

Lawatan Tapak & Kunjung Hormat Datuk Bandar Komuniti Pintar Segambut




10 & 11 Dis 2022

Kem Muzik Kanak-kanak





15 Dis 2022

Program Engagement bersama TNB bagi Pelaksanaan Kebun Kejiranan Bandar di bawah Talian Rentis





UNIT BANDAR HIJAU

22 - 25 Feb 2022

PIMRK KL 2030 –
Bengkel Pengharmonian Program Jawatankuasa Infrastruktur PIMRK KL2030





23 - 25 Mac 2022

KAJIAN INVENTORI GHG
Kursus Pemahaman Kajian Inventory GHG





18-20 Jun 2022

MURNINET
Retreat Verifikasi Data Murninet (KWP)





19 Julai 2022

KAJIAN INVENTORI GHG
Pembentangan Draf Akhir Kajian Inventori Greenhouse Gas (GHG) kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur





15 Ogos 2022

Sesi Penilaian Senarai Pendek Anugerah Kejiranan Hijau 2022 secara dalam talian bagi kategori PBT





29 Ogos 2022

Sesi Menandatangani MOU dengan SEDA di KLCC semasa International Sustainable Energy Summit (ISES)



27 - 29 September 2022


PIMRK KL 2030 –
Bengkel Persediaan Untuk Pelaksanaan Penggunaan Borang Seragam KLLCS 2030 Untuk Bangunan Baru Dan Bangunan Sedia Ada Di Kuala Lumpur





8 Disember 2022

Sesi Lawatan ke Pameran AsiaWater 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)





UNIT BANDAR HIJAU

8 Disember 2022

Sesi Perbincangan Bersama Radi Cool Sdn Bhd Berkaitan Proof Of Concept Bagi Pelaksanaan Inisiatif Pintar Iklim Dan Rendah Karbon Di Wangsa Maju





1 Mac – 15 Julai 2023

MURNINET –
Menjalankan kajian Murninet sejumlah 39 Penunjuk dan 710 borang soal selidik siap sepenuhnya dalam tempoh tersebut.

10 Mac 2022

Lounching Of UCSI-Cheras Low Carbon Innovation HUB Research Consortium

25 Mei 2022

MURNINET –
Sesi Verifikasi data murninet bersama PlanMalaysia

UNIT BANDAR BERDAYA TAHAN

-

Laporan PTIKL2050 untuk diedarkan ke seluruh PBT Semenanjung Malaysia dan Agensi-agensi Kerajaan





1 Mac – 15 Julai 2023

Bengkel Semakan Pencapaian Perlaksanaan
Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050
Hotel Primeira Kuala Lumpur





15-17 Ogos 2022)

The CGOM National Workshop on Climate Change Adaptation and Climate Finance (Kota Kinabalu,





22 Jun 2022

Lawatan Wakil C40 Rantau Asia Pasifik ke tapak-tapak projek berkaitan dengan tindakan perubahan iklim





9 September 2022


Majlis Pelancaran Kolaborasi Pelaksanaan Tindakan Iklim UKAID, Urban Climate Action Programme di Hotel Sunway Putra





19 – 21 Oktober 2022

Penyertaan Delegasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ke C40 World Mayors Summit 2022 di Buenos Aires, Argentina





5 Disember 2022

C40 CITIES FINANCE FACILITY (CFF) –
Program 'Political and Technical Kick-Off for:

i. Renewable Energy and Energy Efficiency
ii. District Cooling System in Kuala Lumpur City Hall Assets





6 Disember 2022

Mesyuarat Penilaian Kapasiti Bandar Raya Kuala Lumpur - C40 Cities Finance Facility (CFF)





22 Disember 2022

Mesyuarat Base Line Study and Analysis On The Energy and Building Landscape of Kuala Lumpur





Sektor Pengurusan

www.dbkl.gov.my

LAPORAN TAHUNAN
DBKL 2022

Jabatan Pengurusan Maklumat

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan ini ditubuhkan pada 1 Julai 2002 yang dikenali sebagai Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan pada 1 Julai 2011 jabatan ini telah ditukar nama kepada Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM).

1.2 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Kategori	Jumlah
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	21
Kumpulan Sokongan I (Gred 17- 40)	61
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	4
JUMLAH	**86**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

ICT sebagai pembolehdaya strategik ke arah merealisasikan DBKL sebagai sebuah PBT yang terunggul.

2.2 Misi

Membudaya dan memperkasa ICT melalui jaringan digital yang mapan dan mantap ke arah penyampaian perkhidmatan cemerlang.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Penyediaan dokumen tawaran bagi permohonan yang lengkap akan disiapkan dalam tempoh 3 bulan selepas mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Belanjawan Pembangunan Sistem DBKL.

3.2 Pembangunan produk multimedia akan dilaksanakan dalam tempoh 30 hari bekerja setelah mendapat maklumat lengkap dari Jabatan Pengguna.

3.3 Semua aduan, pertanyaan ICT dan masalah perkakasan, perisian, sistem serta rangkaian yang dihadapi oleh pengguna akan diberi maklumbalas awal dalam tempoh satu (1) hari bekerja.

3.4 Mengemaskini semua portal dan laman web DBKL dalam tempoh 3 hari bekerja selepas maklumat lengkap diterima.

3.5 Memastikan ketersediaan perkhidmatan server dan rangkaian pada tahap sekurang kurangnya 95%. (Tidak termasuk penyelenggaraan berkala).

3.6 Memastikan '*preventive maintenance*' untuk penyelenggaraan server, rangkaian, sistem aplikasi dan perkasasan dilaksanakan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (*CUSTOMER FOCUS*)	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan. (IDB: 2 Hari, Jabatan: 2 Hari)	100%	100%
	2.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022	100%	92%
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS *(TRANSPARENCY)*	3.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	95%	100%
	4.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023	Dis 2022	100%
	5.	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2022	Mei 2022	100%
	6.	Sistem Pengauditan dan Paparan Audit Dalam	100%	100%
MEWUJUDKAN PROGRAM PERUMAHAN YANG BERDAYA HUNI	7.	Sistem Pengurusan Maklumat Pesuruhjaya Bangunan	90%	55%
USAHA KE ARAH BANDAR RAYA PINTAR	8.	Sistem e-Lesen Versi 4.0	100%	100%
	9.	Pembangunan MOBIS 3.0	80%	100%
	10	Pelaksanaan *Security Posture Assessment* (SPA)	30%	100%
	11.	Pelantikan Juru Perunding bagi kajian Pelaksanaan Pemilikan Infrastruktur berasaskan *Fiberisation*	100%	100%
	12	Pembangunan Sistem *OSC Online 3.0 Plus*	80%	100%
	13.	Pelantikan Juru Perunding bagi Kajian Pelan Tindakan Pengenalpastian Data dan Teknologi bagi Pembangunan Sistem *Kuala Lumpur Urban Observaory(KLUO)*	100%	100%
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN *(CUSTOMER FOCUS)*	14	Pembangunan Portal Perpustakaan Kuala Lumpur	100%	95%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

5.1.1 Merancang, menyelaras, membangun dan mengawalselia pembangunan serta pekomputeran ICT di semua Jabatan di DBKL dalam meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan.

5.1.2 Menyediakan kemudahan infrastruktur rangkaian dan telekomunikasi yang *reliable* dan selamat bagi menyokong pelaksanaan pengkomputeran ICT.

5.1.3 Merancang, menyelaras dan memberi perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran server dan sokongan teknikal ICT dalam menyediakan kelengkapan ICT yang terkini.

5.1.4 Menyediakan prasarana '*internet*' dan '*e-mail*' elektronik untuk kemudahan di kalangan warga DBKL dan juga antara agensi kerajaan dengan swasta dan orang ramai dalam memudahkan dan mempercepatkan capaian maklumat dan komunikasi ke arah *paperless*.

5.1.5 Merancang, membangun dan menyelenggara portal dan laman web DBKL dalam menyalurkan informasi jabatan dan aktiviti semasa DBKL kepada warga kota dan kakitangan DBKL dengan tepat dan cepat.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/ Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Bahagian Pembangunan Aplikasi dan Sokongan

Unit Aplikasi Sokongan

- Mengkaji keperluan pembangunan sistem aplikasi ICT.
- Melaksanakan pembangunan sistem aplikasi ICT secara sumber dalaman dan luaran.
- Mengawal selia dan menyenggara sistem aplikasi ICT yang siap dibangunkan.
- Melaksanakan perancangan penambahbaikan / keperluan baru sistem aplikasi ICT.
- Memberi latihan kepada pengguna sistem.
- Memberi khidmat nasihat teknikal kepada pengguna sistem.
- Melaksanakan inisiatif-inisiatif ICT yang melibatkan peringkat kerajaan pusat.

Unit Dasar dan Kualiti ICT

- Merancang, menyedia, menyelaras, melaksana dan mengawal Dasar dan Polisi ICT DBKL.
- Merangka, menyedia, melaksana dan mengawal Garis Panduan Keselamatan ICT.
- Melaksana dan menyelaras ISP yang telah dirangka selari Pelan Strategik ICT kerajaan.
- Merancang strategi pelaksanaan pembangunan ICT mengikut prosedur dan polisi ditetapkan.
- Memastikan piawaian kualiti ISO dan ISMS dipatuhi.
- Menyelaras KPI dan Star Rating jabatan.
- Menyelaras Pelan Strategik DBKL berkaitan ICT.

5.2.2 Bahagian Pembangunan Aplikasi & Strategik

Unit Aplikasi Strategik

- Mengkaji keperluan pembangunan sistem aplikasi ICT.
- Melaksanakan pembangunan sistem aplikasi ICT secara sumber luaran.
- Mengawal selia dan menyenggara sistem aplikasi ICT yang siap dibangunkan.
- Melaksanakan perancangan penambahbaikan/keperluan baru sistem aplikasi ICT.
- Memberi latihan kepada pengguna sistem.
- Memberi khidmat nasihat teknikal kepada pengguna sistem.

Unit Perundingan ICT

- Kajian kertas cadangan yang dikemukan oleh syarikat-syarikat ICT.
- Penyediaan laporan kajian kertas cadangan / pembentangan ICT.
- Penyelarasan dan Pemantauan kesesuaian pelaksanaan teknologi baru di DBKL.

5.2.3 Bahagian Multimedia dan GIS

Unit Pembangunan Portal

- Pembangunan dan Penyelenggaraan Portal dan Laman Web
- Pengintegrasian Sistem Aplikasi dengan Portal Internet
- Menyelaras perolehan data dan maklumat di jabatan DBKL untuk pengemaskinian Portal Rasmi DBKL

Unit Perkhidmatan Intranet

- Pembangunan dan Penyelenggaraan Portal Intranet DBKL
- Pengintegrasian Sistem Aplikasi dengan Portal Intranet
- Menyelaras perolehan data dan maklumat dari jabatan DBKL untuk pengemaskinian Portal Intranet DBKL

Unit Produksi Multimedia

- Perancangan dan Pembangunan Produksi Multimedia
- Memberi khidmat rundingan mengenai Pembangunan Produksi Multimedia
- Merekabentuk dan Pengemaskinian Produksi Multimedia

Unit KL GIS

- Mengkaji keperluan pembangunan sistem aplikasi ICT berkaitan GIS untuk keperluan Jabatan Teknikal di DBKL.
- Melaksanakan pembangunan sistem aplikasi ICT berkaitan GIS berdasarkan belanjawan dan kelulusan pentadbiran DBKL.
- Mengawal selia dan menyenggara sistem aplikasi ICT yang siap dibangunkan.
- Membuat perancangan penambahbaikan sistem aplikasi ICT yang dilaksanakan.
- Mengurus dan menyelaras permohonan peruntukan di dalam belanjawan induk dan tambahan untuk setiap tahun bagi perkakasan komputer dan pembangunan sistem.
- Memberi latihan kepada pengguna sistem.
- Memberi khidmat nasihat dan khidmat teknikal kepada pengguna sistem.

5.2.4 Bahagian Pengurusan Data, Rangkaian Dan Sokongan Teknik

Unit Pengurusan Rangkaian

- Merancang, mentadbir dan mengawal selia penyelenggaraan infrastruktur rangkaian ICT di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi memastikan pengoperasian rangkaian DBKL berjalan lancar 24 jam tanpa sebarang masalah *major*.
- Melaksanakan pengurusan keselamatan rangkaian DBKL dari ancaman dalam dan luar bagi memastikan ketersediaan keselamatan rangkaian ICT DBKL adalah sepanjang masa dan berada pada tahap yang optimum.
- Merancang, mentadbir dan mengawal selia penyelenggaraan keperluan infrastruktur ICT di Pusat Data Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi memastikan pengoperasian rangkaian dan sistem-sistem DBKL berjalan lancar 24 jam tanpa sebarang masalah *major*.
- Memastikan infrastruktur rangkaian ICT DBKL beroperasi lancar 24 jam di tahap optimum tanpa sebarang masalah *major*.
- Merancang, mengurus dan mengawal selia pelaksanaan serta belanjawan projek bagi infrastruktur rangkaian ICT bagi memenuhi keperluan dan memastikan ketersediaan infrastruktur rangkaian ICT di tahap yang optimum.

Unit Pengurusan Telekomunikasi

- Merancang, mengkaji semula, menaiktaraf dan mengawalselia sistem CCTV, sistem komunikasi dan talian tanpa wayar (*wireless)*.
- Menyediakan infrastruktur komunikasi.
- Memantau dan menguruskan keselamatan komunikasi.
- Menyenggara perkakasan komunikasi.
- Mentadbir dan mengurus sistem telekomunikasi PABX, talian ISDN dan PSTN (talian terus dan faksimili).

Unit Pengurusan Server

- Merancang dan mentadbir operasi pengurusan *server* DBKL.
- Merancang, mengurus dan mengawalselia bagi memastikan server dan sistem aplikasi beroperasi dengan *down time* yang minima.
- Merancang, merangka dan mengawalselia operasi pemulihan sistem (*disaster recovery).*
- Merancang dan mentadbir operasi pengurusan *backup & restore.*
- Merancang, mentadbir dan mengawalselia pengurusan Email DBKL.

Unit Pengurusan Perkakasan

- Mentadbir perkakasan komputer, notebook, printer dan scanner di DBKL dari segi perolehan, pengagihan, penyelenggaraan, menaiktaraf dan pelupusan.
- Menyelaras dan melaksanakan urusan sebut harga, penyediaan dokumen tender dan kontrak.
- Mentadbir dan mengurus pembekalan *toner* dan *cartridge* bagi pelbagai jenis printer di DBKL.
- Merancang dan mentadbir perisian sistem operasi komputer dan memantau polisi kawalan pengguna.
- Memberi khidmat sokongan teknikal, penyelesaian masalah, bantuan, penyelenggaraan, nasihat dan latihan kepada pengguna di jabatan-jabatan DBKL.

5.2.5 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Unit Pentadbiran

- Pengurusan Pejabat
- Pengurusan Hal Ehwal Kakitangan
- Pengurusan Inventori Bekalan Pejabat
- Pengurusan Aktiviti Sosial
- Pengurusan Perolehan ICT
- Penyelaras AJK Aset Alih Dan Pelupusan

Unit Belanjawan ICT

- Pengurusan Belanjawan Tahunan ICT
- Pengurusan Belanjawan Tambahan ICT
- Pengurusan Kewangan

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM47,360,500.00	99.60%
Perbelanjaan	RM47,171,045.00	

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM33,408,240.00	98.72%
Perbelanjaan	RM32,981,978.39	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022.

7.1 HARI ICT DBKL 2022

Hari ICT DBKL telah dijalankan selama tiga hari pada 15 hingga 17 Mac 2022 dan bertempat di Lobi Menara 1, DBKL. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Jalalluddin bin Alias, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.

Pelbagai aktiviti yang dianjurkan sepanjang sambutan ini antaranya pameran daripada pelbagai agensi dan syarikat korporat seperti TM, TNB, Huawei, MIMOS, TouchNgo, KPKT dan Celcom. Turut diadakan program ilmiah seperti ICT Talk yang disampaikan oleh Ustaz Don Daniyal Don Bijayid dan Encik Shamsul Izhan bin Abdul Majid, SKMM.

Turut diadakan pertandingan *'Hackhaton, Smart City Green Technology and Revolution'*, pertandingan E-Games seperti '*Football PES2021 Mobile* dan *PUBG Mobile*'. Telah dilaksanakan juga Sesi Cabutan Bertuah pada hari penutup.

Objektif Hari ICT DBKL 2022 adalah mempromosikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara optima bagi faedah warga Bandaraya Kuala Lumpur.



Gambar 1 : Penerangan oleh jurucakap di reruai Huawei



Gambar 2 : Ucapan perasmian oleh YB Datuk Seri Jalaluddin bin Alias, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan



Gambar 3 : Penyampaian hadiah reruai terbaik pada Hari ICT



Gambar 4: Penyampaian ICT Talk dengan tajuk Manfaatkan 5G dan Pendigitalan yang disampaikan oleh Encik Shamsul Izhan Abdul Majir dari SKMM



Gambar 5: Peserta-peserta yang menghadiri ICT Talk di Dewan Megapuri Tingkat 30, Menara DBKL 1



Gambar 6 : Gambar pemenang pertandingan E-Sport



Gambar 7 : Gambar pegawai dan kakitangan Jabatan Pengurusan Maklumat bersama Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi

7.2 Sesi Penamaan Semula Pelan Strategik ICT DBKL kepada Pelan Strategik Pendigitalan DBKL 2021-2025

Majlis Sesi Penamaan Semula Pelan Strategik ICT DBKL kepada Pelan Strategik Pendigitalan DBKL 2021-2025 telah diadakan pada 22 Ogos 2022 dan bertempat di Hotel Pullman, Kuala Lumpur.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs.Tuan Khairul Anuar bin Mhd. Juri, Pengarah Eksekutif Pengurusan DBKL. Taklimat Pelan Strategik Sektor Awam: '*Big Data Era*' kepada DBKL telah disampaikan oleh Ts. Dr. Mohamed Hairul bin Othman dari MAMPU.

Pelan Strategik Pengitalan DBKL 2021-2025 ini akan kekal meneruskan penetapan gabungan 36 inisiatif yang digariskan melalui (5) lima teras pelaksanaan, yang akan dilaksanakan bagi baki 3 tahun yang akan datang:

Teras satu ialah bagi memperkukuhkan integrasi dan meningkatkan akses ke perkhidmatan digital bagi pengguna dalaman dan luaran DBKL. Teras ini bertujuan untuk memperkukuhkan lagi aplikasi DBKL secara bersepadu yang secara tidak langsung diharap dapat meningkatkan kerjasama diantara jabatan-jabatan dalaman DBKL.

Teras dua pula bertujuan untuk membina asas kepada Bandaraya Pintar dan penerapan perkhidmatan-perkhidmatan berteraskan warga awam, atau *citizen-centric* melalui inovasi teknologi dan penggunaan teknologi baru. Inisiatif ini dipandu oleh Pelan Induk Bandar Pintar DBKL 2021 – 2025 yang digunakan sebagai titik rujukan dalam mengembangkan inisiatif untuk teras ini.

Teras tiga direka untuk menyatukan dan mengukuhkan infrastruktur ICT dan memulihkan perkhidmatan dalam konteks kestabilan, kesinambungan rangkaian, pengukuhan keselamatan ICT serta pemulihan infrastruktur ICT di kala bencana.

Teras empat dan lima adalah bersaing kait dan dibentuk untuk memperkukuhkan kecekapan digital, kesedaran pengguna dan pengurusan perubahan (*change management*) melalui proses bimbingan dan pembelajaran yang berkesan serta berterusan. Teras empat (4) memberi tumpuan kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran ICT di kalangan kakitangan DBKL melalui proses pembelajaran berterusan manakala, teras lima (5) pula memberi tumpuan kepada peningkatan mekanisme tadbir urus ICT dari segi penambahbaikan dasar dan prosedur.



Gambar 1: Ucapan pembukaan dari YBrs.Tuan Khairul Anuar bin Mhd. Juri, Pengarah Eksekutif Pengurusan DBKL



Gambar 2: Kehadiran Ketua Jabatan serta Wakil Jabatan



Gambar 3: Kehadiran Ketua Jabatan serta Wakil Jabatan



Gambar 4: Taklimat Pelan Strategik Sektor Awam: 'Big Data Era' kepada DBKL telah disampaikan oleh Ts. Dr. Mohamed Hairul bin Othman dari MAMPU.



Gambar 5: Pemberian cenderahati kepada Ts. Dr. Mohamed Hairul bin Othman.

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

8.1 Majlis Pelancaran Aplikasi Mobil KLSPEF

Majlis Pelancaran Aplikasi Mobil KLSPEF telah diadakan pada 18 September 2022 dan bertempat di Dataran DBKL. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Haji Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur pada jam 8.30 pagi.

Majlis ini diadakan sempena penjenamaan semula sistem Mytempahan kepada sistem KLSPEF.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan pada majlis tersebut, diantaranya ialah senamrobik bersama Warga Kuala Lumpur. Cenderahati berupa tuala muka, baucar Restoran MCD dan cabutan bertuah juga diberikan kepada pengunjung yang hadir dan muat turun aplikasi KLSPEF.

Aplikasi KLSPEF dibangunkan bertujuan untuk memudahkan warga kota membuat tempahan dan bayaran secara atas talian untuk penyewaan majlis/acara sukan di 59 unit dewan/kompleks sukan yang terletak di Kuala Lumpur.

Aplikasi KLSEF juga berjaya dibangunkan tanpa sebarang kos (secara '*inhouse*') oleh kakitangan Jabatan Pengurusan Maklumat.



Gambar 1: Ucapan perasmian oleh YBhg.Datuk Seri Haji Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur.



Gambar 2: Gimik pelancaran Aplikasi Mobil KLSPEF



Gambar 3: Aktiviti senamrobik bersama Warga Kota



Gambar 4 : Pemberian cenderahati aplikasi KLSPEF dan pendaftaran cabutan bertuah



Gambar 5: Gambar pegawai dan kakitangan Jabatan Pengurusan Maklumat

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia

1.0 LATAR BELAKANG

1..1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Sejak ditubuhkan pada tahun 1970, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) telah mengalami beberapa perubahan dari segi status Jabatan. Walau bagaimanapun, perubahan ini tidak melibatkan perubahan fungsinya. Antara fungsi tradisi JPSM yang telah sekian lama dilaksanakan ialah perancangan guna tenaga Manusia, pelantikan dan penempatan kakitangan, perkhidmatan, pembangunan prestasi, pembangunan modal insan, Pengurusan hal ehwal kebajikan, kaunseling dan persaraan.

Kini, selaras dengan perubahan persekitaran global, JPSM menghadapi cabaran besar dalam membentuk modal insan yang berkualiti bagi memastikan DBKL menjadi sebuah organisasi yang berdaya saing. Oleh itu, JPSM menggalas tanggungjawab yang besar untuk menyediakan warga kerja yang kompeten bagi memastikan visi dan misi DBKL tercapai.

Selain melaksanakan fungsi-fungsi tradisi, JPSM telah diberi tanggungjawab sebagai urus setia kepada program-program peningkatan prestasi DBKL, program peningkatan budaya inovasi dan program peningkatan imej DBKL.

Bagi program peningkatan prestasi DBKL, JPSM bertanggungjawab melaksanakan MS ISO 9001 : 2008, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Sistem Pengurusan Kerja Melalui Amalan 5S. Program peningkatan budaya inovasi pula dilaksanakan melalui penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di setiap Jabatan/ unit dan program penjanaan idea inovasi daripada setiap Jabatan, kumpulan atau individu. Pasukan KIK diberi pengiktirafan semasa Konvensyen KIK peringkat DBKL dan idea inovasi pula diberi pengiktirafan pada Hari Inovasi peringkat DBKL.

Disamping itu, JPSM juga bertindak sebagai urus setia kepada program-program yang meningkatkan imej DBKL seperti Sistem Penggredan PBT (Star Rating) dan Anugerah Inovasi PBT dan lain-lain anugerah yang dipertandingkan.

1.2 Bahagian-Bahagian/Unit-Unit di Jabatan

i. Jabatan Pengurusan Sumber Manusia terbahagi kepada tiga (3) bahagian utama iaitu:-
- Bahagian Perkhidmatan
- Unit Prestasi dan Kenaikan Pangkat
- Unit Kemudahan dan Persaraan
- Unit Pengambilan
- Unit Penilaian Perkhidmatan dan Kompetensi

ii. Bahagian Pengurusan
- Unit Pentadbiran dan Maklumat Personel
- Unit Kebajikan dan Kaunseling

iii. Bahagian Pembangunan
- Unit Perancangan Organisasi
- Unit Inovasi dan Kualiti

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Pengurusan Sumber Manusia adalah seramai **180 orang.**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Menjadi tonggak dalam pengurusan dan pembangunan sumber manusia yang ulung.

2.1 Misi

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan ke arah menjadikan DBKL dinamik dan mampan.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Pengisian kekosongan jawatan kenaikan pangkat disebabkan bersara wajib pada tahun semasa dilaksanakan dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh :

i) Pemilihan / temuduga; ATAU

ii) Kekosongan jawatan yang akan diisi oleh calon simpanan;

3.2 Pengisian kekosongan jawatan lantikan dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh temu duga.

3.3. Memproses tuntutan bantuan kebajikan yang telah lengkap dalam tempoh 7 hari bekerja kecuali sumbangan kebajikan bencana alam.;

3.4 Mengeluarkan Surat Pengesahan Perkhidmatan dalam jawatan dalam tempoh 5 hari bekerja setelah minit mesyuarat disahkan.

3.5 Menghantar maklumat ke Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) bagi tujuan Pesaraan Pilihan 3 bulan sebelum tarikh persaraan.;

3.6 Mengeluarkan keputusan dan sijil peserta Program Transformasi Minda (PTM) dalam tempoh 30 hari selepas tarikh terakhir PTM dijalankan.;

3.7 Mengumumkan senarai calon yang diperakukan untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan DBKL sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum tarikh peperiksaan.

3.8 Pemakluman keputusan Permohonan Rumah Rehat 3 hari bekerja selepas tarikh kelulusan.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	KPI	Sasaran	Pencapaian
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (*CUSTOMER FOCUS*)	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan (IDB : 2 Hari, Jabatan : 2 Hari)	Pegawai dan Kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun	100%
	Mensasarkan 100% Penyelesaian Aduan Awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2021	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	100%

KRA	KPI	Sasaran	Pencapaian
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2022	100%
	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2022	Keseluruhan jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023 sebelum 31 Disember 2022	100%
	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2023	Memastikan pembayaran melibatkan AW58 dijelaskan pada Mei 2022	58.7%
MENGGUNAKAN SUMBER ORGANISASI SECARA OPTIMUM DAN MENINGKATKAN HASIL	Menyediakan serta mengguna pakai Garis Panduan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Garis panduan akan diguna pakai dan diedarkan kepada semua jabatan pada Oktober 2022	100%
PEMANTAPAN ORGANISASI YANG CEMERLANG	Pengisian Kekosongan Jawatan Kenaikan Pangkat	Mengisi 60 kekosongan perjawatan kenaikan pangkat. OT : 80%	100%
	Pelaksanaan Pengisian Kekosongan Jawatan a) Pengisian Jawatan Lantikan b) Pengisian Persaraan 2022	Mengisi 120 kekosongan perjawatan: OT 90 & 50 kekosongan 2021 70 untuk persaraan 2022	a) 100% b) 100%
	Pelaksanaan Penyelaras Pertukaran/ Pusingan Kerja (Job Rotation) pegawai dan kakitangan	Menyelaras semula penempatan skim perkhidmatan yang berkhidmat melebihi 5 tahun seperti berikut : Kumpulan A : 10 orang Kumpulan B : 10 orang Kumpulan C : 120 orang Kumpulan D/IMG : 40 orang Jum.Keseluruhan : 180 orang	162%
	Pengauditan Perjawatan	Pengauditan untuk skim perjawatan Pembantu Pembangunan Masyarakat S19 (29 orang)	100%
	Mengkaji Laluan Kerjaya Skim Terpencil	Mengkaji laluan kerjaya dan keperluan skim-skim terpencil di DBKL. Tujuh (7) perjawatan merujuk kepada perjawatan : 1) Juruukur 2) Pembantu Pustakawan 3) Pegawai Keselamatan 4) Penolong Pegawai Keselamatan 5) Pembantu Keselamatan 6) Pegawai Geosains 7) Pembantu Penerbitan	100&
PEMANTAPAN ORGANISASI YANG CEMERLANG	Menawarkan kepada 300 orang pegawai dan kakitangan DBKL Gred 29 dan 19 pelbagai skim berjawatan tetap yang berkelayakan untuk menduduki Peperiksaan Perkhidmatan DBKL bagi tujuan pengesahan dalam pekhidmatan	Kesemua pegawai dan kakitangan DBKL gred 29 dan 19 yang berjawatan tetap layak memohon untuk menduduki peperiksaan dalam tempoh yang ditetapkan oleh urus setia	151%

KRA	KPI	Sasaran	Pencapaian
	Menawarkan kepada 200 orang pegawai dan kakitangan DBKL pelbagai gred dan skim perjawatan tetap yang berkelayakan untuk menghadiri Program Trasformasi Minda (PTM) bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan	Memastikan senarai yang diterima dari Unit Pengambilan dan maklumbalas senarai yang belum menghadiri PTM dari pihak jabatan akan menghadiri PTM dalam tempoh percubaan 1-3 tahun sepertimana yang ditetapkan	125%
PEMBENTUKAN MODAL INSAN YANG CEMERLANG	Program motivasi kepada kakitangan : i. Prestasi rendah ii. Keberhutangan wang yang berat	1 program 1 program	100%
BANDARAYA TADBIR URUS CEKAP	Penambahbaikan Garis Panduan Pakaian dan Ketrampilan	Mengedarkan satu Garis Panduan Pakaian dan Ketrampilan yang terkini pada Jun 2022	100%

5.0 FUNGSI

5.1 FUNGSI-FUNGSI JABATAN

5.1.1 Merancang keperluan sumber manusia dan pembangunan organisasi DBKL.

5.1.2 Merancang dan menguruskan perjawatan, pengambilan, peminjaman dan penempatan pegawai DBKL

5.1.3 Menguruskan dan melaksanakan urusan peperiksaan pegawai DBKL yang merangkumi Peperiksaan Perkhidmatan dan Program Tranformasi Minda (PTM).

5.1.4 Menguruskan maklumat dan rekod perkhidmatan pegawai DBKL.

5.1.5 Menguruskan penilaian prestasi, kenaikan pangkat dan anugerah pegawai DBKL.

5.1.6 Melaksanakan urusan berkaitan pengesahan dalam perkhidmatan dan persaraan pegawai DBKL.

5.1.7 Menguruskan dan melaksanakan urusan berkaitan kemudahan pegawai DBKL yang merangkumi cuti, elaun, biasiswa, pinjaman pelajaran, kenderaan, komputer, perumahan, kuarters dan rumah rehat.

5.1.8 Merancang dan menguruskan persekitaran tempat kerja yang sihat dan selamat di DBKL.

5.1.9 Mengurus hubungan majikan dan pekerja yang harmoni melalui Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

5.1.10 Mengurus program pembangunan kendiri dan kaunseling pegawai DBKL


5.1.11 Mengurus dan melaksanakan urusan berkaitan hal-ehwal kebajikan pegawai DBKL yang merangkumi sumbangan kebajikan, insurans dan ex-gratia.

5.1.12 Melaksana dan menguruskan program pembangunan kualiti dan inovasi DBKL.

5.2 BAHAGIAN PERKHIDMATAN

UNIT PRESTASI DAN KENAIKAN PANGKAT

5.2.1 Statistik pengisian keseluruhan perjawatan gred kenaikan pangkat sehingga 31 Disember 2022 berdasarkan kekosongan perjawatan disebabkan oleh bersara wajib / bersara pilihan / meninggal dunia / rantaian kenaikan pangkat / genap tempoh perkhidmatan untuk kenaikan secara *time-based*.



5.2.2 Kenaikan pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah bermesyuarat sebanyak 17 kali pada tahun 2022. Manakala bagi Kumpulan Sokongan 1 dan Sokongan 2 kenaikan pangkat adalah melalui Jawatankuasa Pengesyoran Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana yang telah bersidang sebanyak 13 kali pada tahun 2022. Bagi kenaikan secara *time-based* pula kenaikan pangkat pula adalah melalui pengesyoran Mesyuarat Jawatankuasa *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK 1 dan TBK 2) yang telah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2022.

Kenaikan pangkat Kumpulan P&P dan Kumpulan Sokongan 1 & 2 ini telah diraikan melalui Majlis Penyerahan Watikah peringkat Datuk Bandar dan Pengarah JPSM sebanyak 27 kali berserta hebahan melalui lawan sesawang intranet DBKL.

5.3 LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUN 2022

5.3.1 Penilaian prestasi pegawai dan kaitangan bagi tahun 2022 telah dilaksanakan mulai 15 Ogos 2022 sehingga 21 November 2022 dan berikut adalah pecahan pelaksanaan penilaian berdasarkan laporan HRMIS.

Jumlah Keseluruhan Pegawai/ Kakitangan	Statistik HRMIS Laporan Penilaian Prestasi (LNPT) Tahun 2022		
	Jumlah Selesai		Jumlah Belum Selesai
	8806 orang		
8927 orang	Markah LNPT >59.99%	Markah LNPT <59.99%	121 orang
	8802 orang	4 orang	


5.3.2 Berdasarkan markah LNPT tahun 2022 tersebut, Unit ini akan menyelaraskan tindakan berikut:-

i. Pemberian pergerakan gaji tahunan (PGT) untuk tahun 2023

ii. Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022

5.4 LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUN 2022

5.4.1 Pemberian PGT tahun 2022 pula adalah berdasarkan Laporan Penilaian Prestasi Tahun 2021. Daripada 8795 jumlah pegawai dan kakitangan, sebanyak 7,702 orang sahaja telah menerima Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) yang telah diselaraskan sehingga Disember 2022 seperti berikut:



5.5 LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUN 2022

5.5.1 Berdasarkan Laporan Penilaian Prestasi (LNPT) tahun 2021, seramai 725 orang pegawai dan kakitangan telah diberi pengiktirafan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) oleh Pengurusan Tertinggi seperti berikut:-



Penerima APC tahun 2022 telah diraikan melalui Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlangan Tahun 2021 pada 29 Mac 2023 bertempat di Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA

5.6 UNIT PENGAMBILAN

5.6.1 STATISTIK PENGAMBILAN TAHUNAN 2022

Sepanjang tahun 2022, Unit Pengambilan telah menjalankan sebanyak 42 temu duga yang melibatkan pelbagai jawatan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Seramai **794 orang calon** telah berjaya dilantik. Statistik pengambilan mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti jadual di bawah:-

Bil	Jawatan Tetap	Bilangan Calon Berjaya
1.	Kumpulan Pengurusan & Profesional	24
2.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan B)	42
3.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan C)	127
4.	Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D)	104
	JUMLAH	**297**

Bil	Jawatan *Contract Of Service*	Bilangan Calon Berjaya
1.	Kumpulan Pengurusan & Profesional	04
2.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan B)	29
3.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan C)	68
4.	Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D)	133
	JUMLAH	**234**

Bil	Jawatan Pekerja Sambilan Harian	Bilangan Calon Berjaya
1.	Kumpulan Pengurusan & Profesional	04
2.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan B)	12
3.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan C)	10
4.	Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D)	-
	JUMLAH	**26**

Bil	Jawatan *Malaysia Short-Term Employment Program* (MySTEP)	Bilangan Calon Berjaya
1.	Kumpulan Pengurusan & Profesional	06
2.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan B)	36
3.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan C)	182
4.	Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D)	13
	JUMLAH	**237**

5.6.2 IKLAN JAWATAN KOSONG TAHUN 2022

Sehingga 31 Disember 2022, Unit Pengambilan telah mengiklankan sebanyak 36 iklan kekosongan pelbagai jawatan kontrak dan tetap dalam surat khabar utama dan portal DBKL. Senarai terperinci mengenai iklan tersebut seperti berikut:-

Bil.	Jawatan	Tarikh Iklan	Catatan
1	Jurutera (Elektronik) Gred J41 (Tetap)	12 Mac 2022	Iklan Dalaman Terbuka
2	Penolong Pegawai Penilaian Gred W29 (Kontrak/Tetap)		Iklan Dalaman Khas
3	Pereka (Kostum) Gred B19 (Kontrak)		Iklan Dalaman Khas
4	Jurufotografi Gred B19 (Kontrak/Tetap)		Iklan Luaran
5	Pengawal Keselamatan Gred KP11 (Tetap)		Iklan Dalaman Khas
6	Pegawai Teknologi maklumat Gred F41 (Kontrak/Tetap)	11 Jun 2022	Iklan Dalaman Terbuka
7	Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19 (Kontrak/Tetap)		Iklan Luaran
8	Pembantu Operasi Gred N11 (Tetap)		Iklan Dalaman Khas
9	Pegawai Tadbir Gred N41 (Kontrak)	16 Julai 2022	Iklan Dalaman Khas
10	Pemandu Kenderaan Gred H11 (Kontrak/Tetap)	20 Julai 2022	Iklan Luaran
11	Pembantu Awam Gred H11 (Kontrak/Tetap)	30 Ogos 2022	Iklan Luaran
12	Penolong Pegawai Undang-undang Gred L29 (Kontrak/Tetap)	10 September 2022	Iklan Dalaman Khas
13	Penerbit Rancangan Gred B41 (Kontrak)		Iklan Luaran
14	Penolong Pegawai Pertanian Gred G29 (Kontrak/Tetap)		
15	Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 (Kontrak/Tetap)		
16	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 (Kontrak/Tetap)	10 September 2022	Iklan Luaran
17	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA19 (Kontrak/Tetap)		
18	Arkitek Gred J41 (Kontrak/Tetap)	14 November 2022	Iklan Dalaman Terbuka
19	Jurutera (Mekanikal) Gred J41 (kontrak / Tetap)		
20	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N19 (Kontrak/Tetap)		
21	Pembantu Kesihatan Awam Gred U19 (Kontrak / Tetap)		
22	Artis Budaya (Pereka Tari) Gred B31 (Kontrak)		Iklan Luaran
23	Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP29 (Kontrak/Tetap)		
24	Penolong Jurutera (Elektronik) Gred JA29 (Kontrak/Tetap)		
25	Penolong Juruukur Gred JA29 (Kontrak/Tetap)		
26	Penolong Juruukur Bahan Gred JA29 (Kontrak/Tetap)		
27	Penjaga Jentera Elektrik Gred J19 (Kontrak/Tetap) (Calon Bukan Islam)		
28	Pembantu Awam Gred H11 (Kontrak/Tetap)	15 November 2022	Iklan Luaran
29	*MySTEP* Penolong Pegawai Pertanian (Inventori Pokok)	22 November 2022	Iklan Luaran
30	*MySTEP* Penolong Pegawai Tadbir		
31	*MySTEP* Penolong Jurutera (Mekanikal)		
32	*MySTEP* Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar		
33	*MySTEP* Pembantu Tadbir (Kerani Operasi)	22 November 2022	Iklan Luaran
34	*MySTEP* Pereka (Grafik)		
35	*MySTEP* Pegawai Tadbir	29 November 2022	Iklan Dalaman Khas
36	Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19 (Kontrak/Tetap)	07 Disember 2022	Iklan Luaran

5.6.3 KEDUDUKAN PEGAWAI / KAKITANGAN KONTRAK DI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR BAGI TAHUN 2022

Sehingga 31 Disember 2022, DBKL mempunyai seramai **452 orang pegawai / kakitangan kontrak** di pelbagai skim perkhidmatan manakala seramai 39 orang pegawai / kakitangan telah tamat perkhidmatan kontrak atas pelbagai sebab. Pecahan pegawai / kakitangan kontrak mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:-

Kumpulan Perkhidmatan	Kakitangan Kontrak	Tamat Perkhidmatan Kontrak
Pengurusan Tertinggi	01	-
Pengurusan dan Profesional	15	04
Sokongan I (Kumpulan B)	110	05
Sokongan I (Kumpulan C)	108	23
Sokongan II (Kumpulan D)	218	07
JUMLAH	**452**	**39**

5.6.4 STATISTIK PERTUKARAN PEGAWAI/KAKITANGAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR TAHUN 2022

Sehingga 31 Disember 2022, seramai **365 orang pegawai dan kakitangan** telah terlibat dengan pelaksanaan pertukaran. Pertukaran ini melibatkan pertukaran pegawai dan kakitangan antara jabatan di DBKL. Statistik pertukaran mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:-

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Jumlah Pertukaran
1.	Pengurusan Tertinggi	01
2.	Pengurusan dan Profesional	33
3.	Sokongan I (Kumpulan B)	42
4.	Sokongan I (Kumpulan C)	169
5.	Sokongan II (Kumpulan D)	120
	JUMLAH KESELURUHAN	**365**

5.6.5 UNIT PENILAIAN PERKHIDMATAN DAN KOMPETENSI TAKWIM UPPK

-TAKWIM UPPK

Bil	Nama Program	Siri	Tarikh	Kumpulan Sasaran (GRED)	Catitan
1	Program Transformasi Minda	1/2022	14 Mac 2022 – 18 Mac 2022	Gred 11- 41	Berjaya dilaksanakan
2	Bengkel Gubal dan Murni Soalan Perkhidmatan	1/2022	22 Mac 2022 – 25 Mac 2022	Gred 11-29	Berjaya dilaksanakan
3	Program Pemantapan Peperiksaan	1/2022	29 Mac 2022 – 31 Mac 2022	Gred 19 - 29	Berjaya dilaksanakan
4	Peperiksaan Perkhidmatan Kumpulan B	1/2022	5 April 2022 – 7 April 2022	Gred 29	Berjaya dilaksanakan
5	Peperiksaan Perkhidmatan Kumpulan C		12 April 2022 – 14 April 2022	Gred 19	Berjaya dilaksanakan
6	Program Transformasi Minda	2/2022	13 Jun 2022 – 17 Jun 2022	Gred 11- 41	Berjaya dilaksanakan
7	Program Pemantapan Peperiksaan	2/2022	3 Ogos 2022 – 5 Ogos 2022	Gred 19 - 29	Berjaya dilaksanakan
8	Peperiksaan Perkhidmatan Kumpulan B	2/2022	9 Ogos 2022 – 11 Ogos 2022	Gred 29	Berjaya dilaksanakan

Bil	Nama Program	Siri	Tarikh	Kumpulan Sasaran (GRED)	Catitan
9	Peperiksaan Perkhidmatan Kumpulan C		16 Ogos 2022 – 18 Ogos 2022	Gred 19	Berjaya dilaksanakan
10	Program Transformasi Minda	3/2022	19 Sep 2022 – 23 Sep 2022	Gred 11-41	Berjaya dilaksanakan

5.6.6 PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)

Bil	Siri	Tarikh	Kumpulan Sasaran (GRED)	Penawaran Peserta	Jumlah Kehadiran
1	1/2022	14 Mac 2022 – 18 Mac 2022	Gred 11-41	67	67
2	2/2022	13 Jun 2022 – 17 Jun 2022	Gred 11-41	172	166
3	3/2022	19 Sep 2022 – 23 Sep 2022	Gred 11-41	55	55

5.6.7 PROGRAM PEMANTAPAN PEPERIKSAAN

Bil	Siri	Subjek	Tarikh	Kumpulan Sasaran (GRED)
1	1/2022	Pentadbiran	29 Mac 2022 – 31 Mac 2022	Semua Skim Perkhidmatan Gred 29 & 19
2		Teknikal		Pen. Peg. Tadbir N29 Pen. Jurutera Awam JA29 Pen. Peg Penguatkuasa KP29 Pembantu Tadbir (P/O) N19 Peg Khidmat Pelanggan N19 Pembantu Tadbir (Kewangan) W19 Pembantu Penguatkuasa KP19
3	2/2022	Pentadbiran	3 Ogos 2022 – 5 Ogos 2022	Semua Skim Perkhidmatan Gred 29 & 19
4		Teknikal		Pen. Peg. Tadbir N29 Pen. Jurutera Awam JA29 Pen. Peg Penguatkuasa KP29 Pembantu Tadbir (P/O) N19 Peg Khidmat Pelanggan N19 Pembantu Tadbir (Kewangan) W19 Pembantu Penguatkuasa KP19

5.6.8 PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SIRI 1/2022 (KUMPULAN B)

Bil	Peperiksaan Perkhidmatan Kump. B Bil. 2/2022 (5 April 2022 – 7 April 2022)	Jumlah Calon Peperiksaan (Perkhidmatan) Bil 1Tahun 2022		
		Calon Dalaman	Hadir	Tidak Hadir
	KUMPULAN SOKONGAN I B (STPM, DIPLOMA DAN SETARAF)			
1	**PENOLONG JURUTERA AWAM J29/JA29**			
	Kertas 1 HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 29/JA29 (Seksyen I & II)	8	8	0
	Kertas 2 SUBJEK JABATAN PENOLONG JURUTERA AWAM J29/ JA29	7	7	0
2	**PENOLONG JURUTERA MEKANIKAL J29/JA29**			
	Kertas 1 HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 29/JA29 (Seksyen I & II)	3	2	1
	Kertas 2 SUBJEK JABATAN PENOLONG JURUTERA MEKANIKAL J29/JA29	4	3	1
3	**PENOLONG JURUUKUR J29 /JA29**			
	Kertas 1 HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 29/JA29 (Seksyen I & II)	2	2	0
	Kertas 2 SUBJEK JABATAN PENOLONG JURUUKUR TANAH J29/ JA29	2	2	0
	Kertas 3 AMALI PENOLONG JURUUKUR TANAH J29/JA29	2	2	0
4	**PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA GRED KP29**			
	Kertas 1 HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 29/JA29 (Seksyen I & II)	5	5	0
	Kertas 2 SUBJEK JABATAN PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA KP29	4	2	2
	Kertas 3 AMALI PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA KP29	5	4	1
5	**PENOLONG PEGAWAI SENIBINA J29/JA29**			
	Kertas 1 HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 29/JA29 (Seksyen I & II)	1	1	0
	Kertas 2 SUBJEK JABATAN PENOLONG PEGAWAI SENI BINA J29/ JA29	1	1	0
	Kertas 3 AMALI PENOLONG PEGAWAI SENIBINA J29/JA29	1	1	0
6	**PENOLONG PEGAWAI TADBIR N29**			
	Kertas 1 HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 29/JA29 (Seksyen I & II)	5	4	1
	Kertas 2 SUBJEK JABATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR N29	5	4	1

5.6.9 PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SIRI 1/2022 (KUMPULAN C)

Bil	Peperiksaan Perkhidmatan Kump. C Bil. 1/2022 (12 April 2022 – 14 April 2022)	Jumlah Calon Peperiksaan (Perkhidmatan) Bil 1 Tahun 2022		
		Calon Dalaman	Hadir	Tidak Hadir
	KUMPULAN SOKONGAN II C (SPM)			
1	**PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM) JA19**			
	Kertas 1 HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 19	2	2	0
2	**PEMBANTU PENGUATKUASA KP19**			
	Kertas 1 HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 19	155	149	6
	Kertas 2 SUBJEK JABATAN PEMBANTU PENGUATKUASA KP19 (Seksyen I & II)	134	126	6
	Kertas 3 AMALI PEMBANTU PENGUATKUSA KP19	120	117	3

Bil	Peperiksaan Perkhidmatan Kump. C Bil. 1/2022 (12 April 2022 – 14 April 2022)		Jumlah Calon Peperiksaan (Perkhidmatan) Bil 1 Tahun 2022		
			Calon Dalaman	Hadir	Tidak Hadir
3	**PEMBANTU TADBIR KEWANGAN W19**				
	Kertas 1	HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 19	12	12	0
	Kertas 2	SUBJEK JABATAN PEMBANTU TADBIR KEWANGAN W19 (Seksyen I & II)	16	15	1
4	**PEMBANTU TADBIR KEWANGAN W19**				
	Kertas 1	HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 19	89	86	3
	Kertas 2	SUBJEK JABATAN PEMBANTU TADBIR (P/O) N19 (Seksyen I & II)	107	103	4

5.6.10 PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SIRI 2/2022 (KUMPULAN B)


Bil	Peperiksaan Perkhidmatan Kump. B Bil. 2/2022 (9 Ogos 2022 – 11 Ogos 2022)		Jumlah Calon Peperiksaan (Perkhidmatan) Bil 2 Tahun 2022		
			Calon Dalaman	Hadir	Tidak Hadir
	KUMPULAN SOKONGAN I B (STPM, DIPLOMA DAN SETARAF)				
1	**PENOLONG JURUTERA AWAM J29/JA29**				
	Kertas 1	HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 29/JA29 (Seksyen I & II)	4	4	0
	Kertas 2	SUBJEK JABATAN PENOLONG JURUTERA AWAM J29/ JA29	4	4	0
2	**PENOLONG JURUTERA ELEKTRIK J29/JA29**				
	Kertas 1	HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 29/JA29 (Seksyen I & II)	2	2	0
	Kertas 2	SUBJEK JABATAN PENOLONG JURUTERA AWAM J29/ JA29	2	2	0
3	**PENOLONG JURUUKUR J29 /JA29**				
	Kertas 1	HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 29/JA29 (Seksyen I & II)	1	1	0
	Kertas 2	SUBJEK JABATAN PENOLONG JURUUKUR TANAH J29/ JA29	1	1	0
	Kertas 3	AMALI PENOLONG JURUUKUR TANAH J29/JA29	1	1	0
4	**PENOLONG PEGAWAI TADBIR N29**				
	Kertas 1	HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 29/JA29 (Seksyen I & II)	4	4	0
	Kertas 2	SUBJEK JABATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR N29	4	4	0

5.6.11 PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SIRI 2/2022 (KUMPULAN C)

Bil	Peperiksaan Perkhidmatan Kump. C Bil. 2/2022		Jumlah Calon Peperiksaan (Perkhidmatan) Bil 2 Tahun 2022		
			Calon Dalaman	Hadir	Tidak Hadir
	KUMPULAN SOKONGAN II C (SPM)				
1	**PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN N19**				
	Kertas 1	HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 19	3	3	0
	Kertas 2	SUBJEK JABATAN PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN (SEKSYEN I & II)	3	2	1
2	**PEMBANTU PENGUATKUASA KP19**				
	Kertas 1	HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 19	6	6	0
	Kertas 2	SUBJEK JABATAN PEMBANTU PENGUATKUASA KP19 (Seksyen I & II)	6	6	0
	Kertas 3	AMALI PEMBANTU PENGUATKUSA KP19	5	4	1
3	**PEMBANTU TADBIR KEWANGAN W19**				
	Kertas 1	HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 19	1	1	0
	Kertas 2	SUBJEK JABATAN PEMBANTU TADBIR KEWANGAN W19 (Seksyen I & II)	1	1	0
4	**PEMBANTU TADBIR N19**				
	Kertas 1	HAL EHWAL PENTADBIRAN GRED 19	29	28	1
	Kertas 2	SUBJEK JABATAN PEMBANTU TADBIR (P/O) N19 (Seksyen I & II)	30	28	2

5.7 UNIT KEMUDAHAN DAN PERSARAAN (SEKSYEN KEMUDAHAN & PERSARAAN)


5.7.1 Kemudahan Cuti dan Lawatan Persendirian



(Carta Bar : Permohonan Kemudahan Cuti dan Lawatan Persendirian 2022)

Nota : Hanya satu (1) permohonan bagi **Cuti Tibi, Kusta dan Barah** dan **Cuti Bencana Alam** dan tiga (3) permohonan untuk **Pengesyoran Penubuhan Lembaga Perubatan** yang direkodkan pada tahun 2022

5.7.2 Kemudahan Elaun dan Bayaran




(Carta Bar : Permohonan Kemudahan Elaun dan Bayaran 2022)

Nota : Hanya satu (1) permohonan bagi **Bayaran Pembantu Khas (PA), Tambang Percuma Ke Luar Negara (Jusa A)** dan **Bayaran Khas Jawatan Jusa** yang direkodkan pada tahun 2022.

5.7.3 Kemudahan Elaun dan Bayaran


Pada tahun 2022, seramai tujuh ratus sembilan (709) orang kakitangan telah disahkan dalam perkhidmatan manakala satu ratus dua puluh (120) orang kakitangan telah dilanjutkan tempoh percubaan dengan atau tanpa denda.



(Carta Bar : Pengesahan Dalam Perkhidmatan 2022)

5.7.4 Pemberian Taraf Berpencen (PTB), Pengeluaran KWSP dan Percantuman Perkhidmatan Lepas

Pada tahun 2022, seramai tiga ratus dua puluh satu (321) kakitangan telah diberikan taraf berpencen (PTB), tiga ratus sembilan (309) kakitangan mendapat pengesahan pengeluaran KWSP dan sembilan (9) kakitangan terlibat dengan percantuman perkhidmatan lepas



(Carta Pai : Pemberian Taraf Pekerja Berpencen (PTB), Pengeluaran KWSP 2022 dan Percantuman Perkhidmatan Lepas)

5.7.5 Persaraan Dan Penamatan Perkhidmatan


Pada tahun 2022, seramai dua ratus dua belas (212) kakitangan telah bersara wajib, empat puluh lapan (48) kakitangan bersara atas pilihan sendiri, tujuh belas (17) kakitangan meninggal dunia dalam perkhidmatan dan satu ratus empat puluh tujuh (147) kakitangan meletak dan melepas jawatan.



(Carta Pai: Persaraan dan Penamatan Perkhidmatan 2022)

5.7.6 Pinjaman dan Biasiswa


Pada tahun 2022 seramai satu ribu lima puluh satu (1051) kakitangan telah membuat Permohonan Pinjaman dan Biasiswa Datuk Bandar. Pecahan permohonan adalah seperti di carta.



(Carta Bar : Permohonan Pinjaman dan Biasiswa Tahun 2022)

Nota : Jumlah Pembayaran bagi Pinjaman Perumahan tidak dapat dinyatakan kerana ianya di bawah *Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)*

5.7.7 Pembayaran Gantian Cuti Rehat (GCR)




	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Okt	Nov	Dis
Kakitangan Tetap (Persaraan)	16	20	32	26	28	17	27	18	17	15	18	23
Kakitangan Kontrak	155	28	38	24	20	55	13	24	15	10	21	20
Kakitangan Meninggal Dunia	4	2	1	1	1	3	2	4	2	0	0	2
Pemberian Awal Award Wang Tunai (GCR) 80 Hari	0	14	190	108	23	39	23	16	17	8	7	8

(Graf : Pembayaran GCR)

5.7.8 Pembayaran Gantian Cuti Rehat (GCR)

Jumlah keseluruhan proses pemotongan, penahanan dan pemulihan gaji pada tahun 2022 adalah sebanyak 78 dan pecahannya adalah seperti di carta di bawah.




(Carta Pai : Pemotongan, Penahanan dan Pemulihan Gaji Tahun 2022)

5.8 UNIT KEMUDAHAN DAN PERSARAAN (SEKSYEN KUARTERS & RUMAH REHAT)

5.8.1 Kekosongan Unit Kuarters dan Pengisian


Sebanyak 354 unit (1 blok) kediaman (unit baru) telah diterima untuk dijadikan kuaters kakitangan di Residensi Sungai Udang, Segambut, Kuala Lumpur. Sebanyak 226 pemohon dari pelbagai gred telah ditawarkan menduduki kuarters tersebut berkuatkuasa 1 Disember 2022.



(Carta Bar : Statistik Aduan Kerosakan Dan Kerja Baikpulih)

5.8.2 Aduan Kerosakan dan Kerja Baikpulih Kuarters

Sebanyak 351 aduan kerosakan telah diterima sepanjang tahun 2022 dan 317 daripadanya telah diselesaikan manakala baki 34 aduan dibawa ke tahun 2023 untuk tindakan. Butiran kawasan dan jumlah aduan adalah seperti berikut :



(Carta Bar : Statistik Aduan Kerosakan Dan Kerja Baikpulih)

5.8.3 Pengosongan Semula Unit Kuarters DBKL


Pada tahun 2022 sebanyak 35 unit kuarters telah berjaya dikosongkan/dirampas, manakala baki 32 unit kuarters masih belum berpindah/mengosongkan unit. Butiran adalah seperti berikut :



(Carta Bar : Statistik Aduan Kerosakan Dan Kerja Baikpulih)

5.8.4 Pengeluaran Notis kepada Penyewa Kuarters DBKL


Sebanyak **314 notis** telah dikeluarkan kepada penyewa kuarters DBKL sepanjang tempoh Januari 2022 sehingga Disember 2022. Berikut adalah senarai notis yang telah dikeluarkan dan diberikan kepada penyewa Kuarters DBKL :




(Carta Bar : Statistik Aduan Kerosakan Dan Kerja Baikpulih)

5.8.5 Memproses Permohonan Rumah Rehat

Sepanjang tempoh dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022, Rumah Rehat DBKL hanya dibuka sepenuhnya 365 hari kecuali 14 hari semasa cuti perayaan Aidilfitri. Berikut adalah statistik jumlah permohonan yang diterima dan diproses mengikut bulan :



Statistik Jumlah Permohonan Mengikut Bulan



Statistik Tawaran Rumah Rehat Mengikut Gred Jawatan

5.8.6 Aduan Kerosakan dan Kerja Baikpulih Rumah Rehat DBKL

Sebanyak 27 aduan kerosakan telah diterima sepanjang tahun 2022 dan telah diselesaikan. Butiran kawasan dan jumlah aduan adalah seperti berikut :

Bil.	Lokasi	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogs	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
1	Kondominium Tanjung Biru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
2	Pangsapuri A'famosa	1	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	**3**
3	Kondominium Bukit Fraser	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	**1**
4	Jalan Yap Kwan Seng	0	0	0	0	0	0	2	0	1	0	0	0	**3**
5	Rumah Teres Johor	0	1	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	**2**
6	Pangsapuri Meridian Medini Johor	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**2**
7	Kondominium Langkawi	1	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	**3**
8	Kondominium Pulau Pinang	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	**1**
9	Kondominium By The Sea Pulau Pinang	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	**2**
10	Rumah Teres Pulau Pinang	0	0	0	0	0	0	1	0	2	0	0	0	**3**
11	Banglo Cameron Highland	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**0**
12	Villa D'lagos, A'famosa	2	1	0	0	0	1	1	0	1	0	0	0	**6**
13	Warisan Cityview	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	**1**
	Jumlah Keseluruhan	**7**	**3**	**0**	**0**	**0**	**2**	**8**	**2**	**5**	**0**	**0**	**0**	**27**

5.9 BAHAGIAN PENGURUSAN

5.9.1 UNIT PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT (SEKSYEN MAKLUMAT PERSONEL)
- SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM – HRMIS)

Objektif Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) adalah untuk membolehkan perancangan tenaga kerja dan penentuan saiz perkhidmatan awam yang berkesan melalui maklumat Pengurusan Sumber Manusia (PSM) yang lebih lengkap dan mengautomasikan proses-proses operasi PSM.

Pelaksanaan HRMIS secara menyeluruh dalam sektor awam akan dapat memberi faedah khususnya dalam aspek-aspek berikut :

i. *Electronic Guarantee Letter (eGL)* – Pelaksanaan penggunaan surat pengesahan diri dan pengakuan pegawai secara *online* (eGL) di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui aplikasi HRMIS;

ii. Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) – Ia merupakan satu *tools* bagi memudahkan capaian kepada sesuatu maklumat dalam bentuk laporan;

iii. Pangkalan Data PSM Yang Berpusat – Maklumat Rekod Peribadi serta Perisytiharan Harta boleh dicapai sekiranya Pemilik Kompetensi (CO) bertukar dari satu agensi kerajaan ke agensi kerajaan lain;

iv. Integrasi dengan Sistem POWER (Jabatan Perkhidmatan Awam – JPA) – Untuk urusan persaraan

Petunjuk Prestasi Utama bagi pelaksanaan HRMIS di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan dan Jabatan Perkhidmatan Awam juga mencapai 100% bagi penggunaan modul seperti berikut:

Jadual 1 : Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama HRMIS Tahun 2022

Bil	Kriteria	Pencapaian (%)
1	Pengemaskinian Data Perjawatan: Perbandingan Bilangan Perjawatan di Antara HRMIS dan MyPost	100
2	Pemurnian data bagi 126 elemen di Data Perjawatan, Rekod Peribadai dan Profil Perkhidmatan	92.5
3	Modul Deskripsi Tugas (MyJD)	100
4	My Portfolio	100
5	Pelaksanaan Penamatan Perkhidmatan	100

5.9.2. PENGEMASKINIAN BUKU PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2022

Pencapaian terkini buku perkhidmatan yang telah dikemas kini bagi pelbagai urusan adalah berjumlah 3,422 dan pecahannya adalah seperti berikut:.

Bil	Urusan	Jumlah
1.	KPI 2022	2,543
2.	Pemberian Taraf Berpencen	493
3.	Permohonan Kerja Luar	34
4.	Peminjaman Kakitangan	1
5.	JPA – Pinjaman Pelajaran	1
6.	Salinan Buku Perkhidmatan	5
7.	Audit	31
8.	Audit Keselamatan	13
9.	Tapisan Keselamatan	2
10.	Star Rating	31
11.	Tuntutan Bayaran Pakaian Rasmi	19
12.	Cantum Perkhidmatan Lepas	2
13.	SPRM	12
14.	Lembaga Perubatan	1
15.	Peletakan Jawatan	1
16.	Pelepasan Jawatan	4
17.	Bakal Pesara	175
18.	Bersara Pilihan Sendiri	30
19.	Bersara Wajib	4
20.	Bersara Atas Sebab Kesihatan	1
21.	Pencen Terbitan	19
	Jumlah Keseluruhan (sehingga 31.12.2022)	**3,422**

5.9.3 PENCAPAIAN SEMAKAN SEMULA DAN PEMBETULAN BUKU PERKHIDMATAN YANG DIKEMAS OLEH WAKIL JABATAN

Jumlah Sasaran Baru Buku Perkhidmatan
5,055

Jumlah Buku Perkhidmatan yang Selesai
3,223

Peratusan Buku Perkhidmatan yang Selesai
64%

5.9.4 STATISTIK SEMAKAN SEMULA DAN PEMBETULAN BUKU PERKHIDMATAN TAHUN 2021 – 2022



Tahun	Bulan	Jumlah Buku Perkhidmatan Dikemas Kini
2021	Oktober	190
	November	281
	Disember	209



Tahun	Bulan	Jumlah Buku Perkhidmatan Dikemas Kini
2022	Januari	180
	Februari	200
	Mac	228
	April	241
	Mei	146
	Jun	230
	Julai	180
	Ogos	155
	September	236
	Oktober	231
	November	236
	Disember	280

5.9.5 PENCAPAIAN PROJEK PENDIGITALAN BUKU PERKHIDMATAN



5.9.6 STATISTIK PENDIGITALAN BUKU PERKHIDMATAN



Tahun	Bulan	Jumlah Buku Perkhidmatan Dikemas Kini
2022	Januari	348
	Februari	387
	Mac	362
	April	350
	Mei	253
	Jun	380
	Julai	356
	Ogos	210
	September	289
	Oktober	270
	November	176
	Disember	200

5.9.7 PROJEK PENDIGITALAN BUKU PERKHIDMATAN



1. Projek pendigitalan buku perkhidmatan ini telah dibangunkan secara dalaman dan proses uji cuba telah dimulakan pada 1 Oktober 2021 bagi melihat keberkesanan dan pencapaian hasil akhirnya.

2. Sesi taklimat projek pendigitalan buku perkhidmatan kepada Pengarah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia telah diadakan pada 2 November 2022.

3. Sesi pembentangan projek pendigitalan buku perkhidmatan bersama Pengarah dan Ketua-Ketua Unit di bawah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia telah diadakan pada 3 November 2022 untuk mendapatkan kelulusan dan pendapat pegawai bagi menjayakan projek tersebut.

4. Pendigitalan buku perkhidmatan ini juga telah diberi kebenaran oleh pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam berdasarkan Surat Pekeliling Bilangan 15 Tahun 2008.

5. Anggaran tempoh siap untuk mendigitalkan 9,048 buku perkhidmatan tidak termasuk buku perkhidmatan bagi kakitangan lantikan baharu adalah sehingga berakhir Disember 2024 dengan bantuan tenaga Personel MySTEP yang dilantik dan disambung perkhidmatannya.

6. Pengarah telah bersetuju dan meluluskan pendigitalan buku perkhidmatan dijalankan sepenuhnya serta mengguna pakai buku perkhidmatan digital bagi segala urusan perkhidmatan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023.

5.10 UNIT KEBAJIKAN DAN KAUNSELING

Bil	Tarikh	Lokasi	Penglibatan	Program/Aktiviti	Objektif
1	Jan-Mac 2022	Sekitar Lembah Kelang, Pahang dan Negeri Sembilan	Penglibatan 10 orang kakitangan UKK	Ziarah bencana banjir	Mendapat maklumat berkaitan kakitangan yang terlibat bencana banjir sebelum pemberian sumbangan.
2	31 Mac 2022	Dalam talian	- Penceramah - 2 orang - Peserta – 51 orang	Program Webinar Pengurusan Kewangan Dan Kredit	Memberi kefahaman tentang pengurusan kewangan yang berkesan kepada kakitangan yang keterhutangan berat serta kesan keterhutangan berat kepada kerjaya.
3	27 - 29 Jun 2022	IDB	- Fasilitator -11 orang - Peserta – 32 orang	Kelompok Kecemerlangan Kerjaya 2022	Kakitangan dapat memberikan sumbangan ke arah pencapaian objektif jabatan dan khususnya mereka yang berprestasi rendah iaitu mendapat markah kurang daripada 75% berdasarkan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan masalah disiplin.

5.11 BAHAGIAN PEMBANGUNAN

- UNIT PERANCANGAN ORGANISASI

Unit Perancangan Organisasi di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berperanan dalam memastikan DBKL mempunyai skim perkhidmatan yang sesuai serta struktur organisasi yang cekap dan berkesan bagi membolehkan DBKL dapat melaksanakan objektif penubuhannya dan seterusnya merancang pelan dan dasar yang bersesuaian ke arah mengoptimumkan pengunaan sumber tenaga manusia. Dua fungsi utama Unit Perancangan Organisasi ialah:

5.11.1 Perancangan Pembangunan Organisasi

- Merancang pembangunan organisasi melalui penstrukturan organisasi dan pengukuhan perjawatan selaras dengan objektif penubuhan organisasi dan arahan serta dasar semasa Kerajaan;
- Mengkaji keperluan pewujudan perjawatan tetap/kontrak (*Contract of Service/Contract For Service*), sementara atau harian;
- Mengurus dan mengemaskini data dan Waran Perjawatan;
- Menyediakan Kamus Kompetensi DBKL;
- Menyediakan Bajet Perjawatan/ Anggaran Belanjawan Emolumen bagi pembayaran emolumen kepada kepada kakitangan tetap, kontrak (*Contract of Service*) dan sementara;
- Menyediakan Pelan Penggantian (Succession Plan) DBKL

5.11.2 Perancangan Sumber Tenaga Manusia

- Melaksana audit/ kajian perjawatan dan fungsi DBKL;
- Merancang, menyedia dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM);
- Melaksanakan penambahbaikan skim perkhidmatan;
- Melaksana Kajian Kepuasan Kakitangan (Staff Satisfaction Index- SSI);
- Menyelaras Kajian Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN).

5.12 KEDUDUKAN PERJAWATAN DI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMMPUR

5.12.1 Kedudukan Perjawatan Tetap

Kedudukan perjawatan tetap di DBKL mengikut kumpulan perkhidmatan sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:-


Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Perjawatan	Isi	Kosong
1.	Pengurusan Tertinggi	19	19	0
2.	Pengurusan & Profesional	559	546	13
3.	Pelaksana/ Sokongan	8803	8019	784
	JUMLAH	**9381**	**8584**	**797**

5.12.2 Kedudukan Perjawatan Kontrak


Manakala kedudukan perjawatan kontrak di DBKL mengikut kumpulan perkhidmatan sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:-

Bil.	Kumpulan	Jumlah Pengisian
1.	Pengurusan Profesional	17
2.	Pelaksana/ Sokongan I	275
3.	Pelaksana/ Sokongan II	347
	JUMLAH	**639**

5.12.3 Carta Kedudukan Perjawatan Tetap dan Kontrak Sehingga 31 Disember 2022



Kedudukan Dan Pengisian Perjawatan Tetap Di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Sehingga 31 Disember 2022



Kedudukan Dan Pengisian Perjawatan Kontrak Di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Sehingga 31 Disember 2022

5.13 KAJIAN MENGENAI FUNGSI BANTUAN AWAL, KECEMASAN DAN MENYELAMAT DI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR.

5.13.1 Kajian dilaksanakan susulan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif (Pengurusan) pada 30 Mac 2022, yang telah mengarahkan Jabatan Pengurusan Sumber Manusia membuat kajian fungsi dan cadangan penggabungan Skuad Penyelamat dan Skuad Kecemasan dengan mengambil kira keperluan semasa.

5.13.2 Kajian dilaksanakan dengan objektif seperti berikut:

- Mengenalpasti skop tugas bantuan awal, kecemasan dan menyelamat yang dilaksanakan oleh jabatan di DBKL;
- Mengoptimumkan sumber manusia dan mengelak pertindihan tugas dan fungsi di antara jabatan (*reduce wastage and duplication of work*);
- Mengenalpasti kesesuaian pemusatan kerja-kerja bantuan awal, kecemasan dan menyelamat di DBKL/ penggabungan unit-unit yang terlibat;
- Mengemukakan cadangan penambahbaikan dan amalan terbaik (best practise) dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

5.13.3 Beberapa siri *engagement* telah diatur bersama jabatan-jabatan yang terlibat. Sesi soal jawab/ temu bual dan pebincangan bersama jabatan diatur mengikut jadual berikut:

Bil.	Jabatan	Tarikh	Lokasi
1.	JPK	22.4.2022	Bilik Mesyuarat, Tingkat 8, Menara JPK
2.	JKAS	25.4.2022	Pejabat Bahagian Alam Sekitar, JKAS
3.	JKAWS	26.4.2022	Bilik Mesyuarat Tingkat 17, JKAWS
4.	JPB	27.4.2022	Bilik Mesyuarat, Tingkat 8, JPPB
5.	PCW	28.4.2022	Pejabat Cawangan Wangsa Maju

5.14 AUDIT PERJAWATAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN SKIM PERKHIDMATAN TERPENCIL DBKL

5.14.1 Unit Perancangan Organisasi telah menjalankan kajian perjawatan dan fungsi ke atas satu (1) skim perkhidmatan berstatus kontrak dan tujuh (7) skim perkhidmatan terpencil seperti berikut:

- Skim Perkhidmatan - Kontrak
  i. Pembantu Pembangunan Masyarakat

- Skim Perkhidmatan - Terpencil
  i. Juruukur
  ii. Pegawai Keselamatan
  iii. Penolong Pegawai Keselamatan
  iv. Pembantu Keselamatan
  v. Pegawai Geosains
  vi. Pembantu Pustakawan
  vii. Pembantu Penerbitan

5.14.2 Kajian/ audit perjawatan ke atas dua (2) kategori skim tersebut telah menjadi salah satu Key Performance Index (KPI) untuk JPSM.

5.14.3 Objektif audit ini dilaksanakan bagi mengenalpasti beberapa aspek berikut:

i. Melihat kesesuaian penempatan

ii. Mengenalpasti halangan-halangan dan cabaran

iii. Penambahbaikan ke atas laluan kerjaya terhadap skim terlibat/ mengukuh jawatan bagi memastikan fungsi dapat berjalan dengan lancar

5.14.4 Sesi audit melibatkan aktiviti pengumpulan dan analisa data melalui beberapa sumber dan aktiviti berikut:

i. Semakan dokumen

ii. Penyediaan dan edaran Borang Kaji Selidik

iii. Sesi temuduga bersama responden dan penyelia

iv. Sesi lawatan kerja ke Taska Sang Kancil (TSK) di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB) dan perbincangan bersama pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)

v. Perbincangan bersama jabatan

5.14.5 Dapatan kajian ini telah dibentangkan kepada Pengarah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia pada Januari 2023.

5.15 KAJIAN PEYELARASAN PETUGAS (KAKITANGAN) UNTUK KAWAL SELIA DAN PEMANTAUAN BANJIR DI BIT HOTSPOT BANJIR

5.15.1 Susulan daripada permasalahan banjir di sekitar Kuala Lumpur, DBKL telah mengambil tindakan segera dengan menyelaras tindakan yang perlu sebagai persediaan menghadapi banjir. Bagi tujuan tersebut, Jawatankuasa Pengurusan dan Tindakan Khas Banjir Kilat/ Banjir Jalan DBKL ditubuhkan serta penempatan beberapa lokasi *hotspot* yang telah dikenalpasti bagi memastikan DBKL sentiasa dalam keadaan siap siaga bagi menghadapi banjir kilat/ banjir jalan.

5.15.2 DBKL telah menempatkan petugas untuk siap siaga di Bit Hotspot Banjir di 23 lokasi yang telah dikenal pasti.

5.15.3 Pengurusan Bit Hotspot Banjir diselaraskan oleh 14 jabatan dan 6 Pejabat Cawangan di 23 lokasi. Pelaksanaan tugas kawalan di bit hotspot telah bermula sejak 3 Jun 2022.

5.15.4 Waktu kawalan di bit hotspot banjir bermula dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam.

5.15.5 Objektif kajian adalah bagi mendapatkan maklumat pengurusan bit hotspot sejak bermula kawalan pada awal Jun 2022 sehingga November 2022 melibatkan hal ehwal petugas di bit hotspot, status pencapaian projek naik taraf (tebatan banjir) termasuk isu dan permasalahan yang dihadapi sepanjang tempoh kawalan.

5.15.6 Kajian ini dilaksanakan secara 2 kaedah iaitu:

i. Semakan laporan status pembaikan/ naik taraf projek tebatan banjir, laporan prestasi perbelanjaan bayaran kerja lebih masa kakitangan dan laporan kos pembekalan dan pemasangan logisitik di lokasi bit hotspot banjir

ii. Sesi lawatan ke bit hotspot bagi meninjau situasi dan mendapatkan maklum balas dari petugas di lokasi yang mana telah diadakan pada 1 hingga 3 November 2022 dengan lawatan sampel ke atas 10 lokasi bit banjir.

5.15.7 Laporan kajian telah diserahkan kepada Pengarah Jabatan Pengurusan Sumber Manusia pada Disember 2022.

5.16 BENGKEL PENYEDIAAN DOKUMEN KAMUS KOMPETENSI DBKL

5.16.1 Dalam usaha meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam, pembangunan kompentensi merupakan strategi teras pengurusan sumber manusia. Kompentensi penjawat awam merupakan elemen penting dalam menentukan kapasti dan keberkesanan Perkhidmatan Awam. Selaras dengan perkara tersebut, DBKL telah mensasarkan penyediaan Kamus Kompetensi DBKL dalam memastikan warga kerja dapat melaksanakan tugas berdasarkan tahap kecekapan dan fungsi yang ditetapkan oleh organisasi dan skim perkhidmatan.

5.16.2 Sebagai permulaan, Bengkel Penyediaan Kamus Kompetensi Siri 1 pada tahun 2022 diadakan bagi menumpukan kepada pengumpulan maklumat dan proses penyediaan Kamus Kompentensi Skim Perkhidmatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

5.16.3 Bengkel Siri 1 ini melibatkan pegawai di Jabatan Pengurusan Sumber Manusia dan semua Ketua Bidang dan Penolong Ketua Bidang di Institut Latihan DBKL (IDB).

5.16.4 Bengkel Siri 1 telah diadakan pada 7 dan 8 September 2022 di IDB dengan melibatkan penceramah/ fasilitator dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang berpengalaman dalam penyediaan Kamus Kompentensi untuk agensi kerajaan

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM 20,851,000	95.20%
Perbelanjaan	RM 19,850,415	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

Bil	Tarikh	Lokasi	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
1	9-10 JAN 2022	IDB	SEMUA WAKIL JABATAN	KURSUS PELAN PENGURUSAN RISIKO ISO QMS	Kursus Pelan Pengurusan Risiko diadakan bertujuan untuk menambah baik dan mengemas kini pelan risiko sedia ada di jabatan. Meningkatkan pemahaman pegawai dan kakitangan bagi penyediaan pelan risiko jabatan.
2	10-11 JAN 2022	IDB	WAKIL JABATAN YANG TERLIBAT DENGAN ISMS	KURSUS RISK ASSESSMENT ISO ISMS	Kursus Risk Assessment (RA) diadakan bertujuan untuk menambah baik dan mengemas kini risiko sedia ada di jabatan. Meningkatkan pemahaman pegawai dan kakitangan bagi penyediaan Risk Assessment jabatan.
3	19 – 21 JAN 2022	GRAND ION DELEMEN HOTEL, GENTING HIGHLAND	MPT DAN KETUA JABATAN	RETREAT PENCAPAIAN 2021 DAN PERANCANGAN 2022 BAGI KPI & PIAGAM PELANGGAN (SESI 1)	Membentangkan Pencapaian KPI Jabatan bagi tahun 2021 dan membincangkan Perancangan KPI Jabatan bagi tahun 2022.

Bil	Tarikh	Lokasi	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
4	5-6 FEB 2022	MOVENPICK HOTEL	MPT DAN KETUA JABATAN	RETREAT PENCAPAIAN 2021 DAN PERANCANGAN 2022 BAGI KPI & PIAGAM PELANGGAN (SESI 2)	Membentangkan Pencapaian KPI Jabatan bagi tahun 2021 dan membincangkan Perancangan KPI Jabatan bagi tahun 2022.
5	14-18 FEB 2022	MENARA DBKL 1,2,3 DAN PEJABAT LUAR	SEMUA JABATAN	AUDIT PENSIJILAN SIRIM MS ISO QMS/ ISMS	Audit Pensijilan Semula oleh Pihak SIRIM perlu dilaksanakan bagi memastikan setiap Jabatan mematuhi prosedur/proses kerja yang telah ditetapkan serta memastikan pengekalan pensijilan ISO DBKL.
6	17 MEI 2022 (SELASA)	BIRO PELANCONGAN, JALAN TANGSI	SEMUA PEGAWAI JPSM	KURSUS PENGENALAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN PRESTASI PERKHIDMATAN AWAM (MyPERFORMANCE)	Memberi pendedahan kepada kakitangan JPSM berkaitan pemakaian sistem pengurusan prestasi berasaskan fungsi jabatan iaitu Myperformance dan membimbing kakitangan dalam membuat penetapan Sasaran Penghasilan Kerja (SPK) berdasarkan format yang disediakan oleh Jabatan perkhidmatan Awam (JPA)
7	15-16 JUN 2022	DORSETT HOTEL, PUTRAJAYA	SEMUA JURUAUDIT DALAMAN	KURSUS JURUAUDIT DALAM ISO ABMS	Memberi pendedahan kepada Juruaudit akan teknik-teknik pengauditan. Meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam pelaksanaan audit di DBKL.
8	21-22 JUN 2022	IDB	JURUAUDIT DALAMAN EKSA	KURSUS JURUAUDIT DALAM EKSA	Memberi pendedahan kepada Juruaudit akan teknik-teknik pengauditan. Meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam pelaksanaan audit di DBKL.
9	26 JULAI 2022	DEWAN MEGAPURI	SEMUA JABATAN	LAWATAN PENILAIAN SPB-PBT (KPKT)	Menilai dan mengukur prestasi agensi-agensi Kerajaan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan sektor awam berada pada tahap yang cemerlang. Memberi pengiktirafan kepada agensi-agensi yang telah menunjukkan tahap tadbir urus yang terbaik serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan yang unggul.
9	1-3 OGOS 2022	DORSETT HOTEL, PUTRAJAYA	SEMUA JURUAUDIT DALAMAN	KURSUS JURUAUDIT DALAM ISO ISMS	Memberi pendedahan kepada Juruaudit akan teknik-teknik pengauditan. Meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam pelaksanaan audit di DBKL.
10	8-12 OGOS 2022	DORSETT HOTEL, PUTRAJAYA	SEMUA JURUAUDIT DALAMAN	KURSUS JURUAUDIT DALAM ISO QMS	Memberi pendedahan kepada Juruaudit akan teknik-teknik pengauditan. Meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam pelaksanaan audit di DBKL.
11	22-26 OGOS 2022	MENARA DBKL 1,2,3 DAN PEJABAT LUAR	SEMUA JABATAN	AUDIT DALAM EKSA	Audit Dalam dilaksanakan bagi memastikan semua zon-zon EKSA di DBKL mengamalkan amalan EKSA serta mengekalkan imej korporat di zon-zon yang terlibat.
12	20 SEP – 4 OKT 2022	MENARA DBKL 1,2,3 DAN PEJABAT LUAR	SEMUA JABATAN	AUDIT DALAM ISO QMS/ISMS	Audit Dalam dilaksanakan bagi memastikan semua proses kerja Jabatan dipatuhi dan sebagai persediaan bagi menghadapi Audit oleh pihak SIRIM.

Bil	Tarikh	Lokasi	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
13	17 NOV 2022	BILIK LEMBAGA	SEMUA JABATAN	MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN ISO QMS DAN ISMS (SESI 1)	MKSP dilaksanakan dan melibatkan Pengurusan Atasan bertujuan untuk mengkaji semula sistem pengurusan kualiti dan sistem pengurusan keselamatan maklumat organisasi, secara berkala. Ia juga bagi memastikan kesesuaian, kecukupan, keberkesanan dan keselarasan yang berterusan dengan hala tuju strategik DBKL.
14	29-30 NOV 2022	IDB	KUMPULAN KIK DBKL	KARNIVAL INOVASI DAN KUALITI	Mengiktiraf keupayaan mencipta cara bekerja baharu atau menghasilkan inovasi serta kebolehan menyelesaikan masalah atau membuat penambahbaikan kerja. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kakitangan yang terlibat dalam KIK dengan memberi peluang kepada KIK membuat persembahan.
15	17-19 DIS 2022	DOUBLETREE BY HILTON JOHOR BAHRU	SEMUA JABATAN	MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN ISO QMS DAN ISMS (SESI 2)	MKSP dilaksanakan dan melibatkan Pengurusan Atasan bertujuan untuk mengkaji semula sistem pengurusan kualiti dan sistem pengurusan keselamatan maklumat organisasi, secara berkala. Ia juga bagi memastikan kesesuaian, kecukupan, keberkesanan dan keselarasan yang berterusan dengan hala tuju strategik DBKL.

7.1 GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI

19 – 21 Januari 202

RETREAT PENCAPAIAN KPI DAN PIAGAM PELANGGAN 2022 DAN PERANCANGAN 2023

Grand Ion Delemen Hotel, Genting Highland





14 – 18 Feb 2022

AUDIT PEMANTAUAN ISO QMS DAN ISMS OLEH PIHAK SIRIM

Bilik Lembaga, Menara DBKL 1 (melibatkan semua Jabatan)





Februari – September 2022

AUDIT PERJAWATAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN SKIM PERKHIDMATAN TERPENCIL DBKL

Pejabat jabatan terlibat dan TADIKA Sang Kancil DBKL





Mac - April 2022

KAJIAN MENGENAI FUNGSI BANTUAN AWAL, KECEMASAN DAN MENYELAMAT DI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Pejabat dan stor jabatan yang terlibat





17 Mei 2022

KURSUS PENGENALAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN PRESTASI PERKHIDMATAN AWAM (MyPERFORMANCE)

Biro Pelancongan, Jalan Tangsi





15 – 16 Jun 2022

KURSUS JURUAUDIT DALAMAN ISO ABMS 27000 : 2013

Dorsett Hotel, Putrajaya





26 Julai 2022

PENILAIAN STAR RATING OLEH KPKT
Bilik Lembaga dan Dewan Megapuri, Menara DBKL 1
(Pengauditan melibatkan semua jabatan)





22 – 26 Ogos 2022

AUDIT DALAMAN EKSA 2022
Mesyuarat pembukaan dan penutup di Dewan Megapuri, Menara DBKL 1





7- 8 September 2022

BENGKEL PENYEDIAAN DOKUMEN KAMUS KOMPETENSI DBKL
Institut Latihan DBKL





20 September – 4 Oktober 2022

AUDIT DALAMAN ISO QMS 9001 : 2015 DAN ISMS 27001:2013
Mesyuarat pembukaan dan penutup di Dewan Megapuri, Menara DBKL 1





Oktober – November 2022

KAJIAN PEYELARASAN PETUGAS (KAKITANGAN) UNTUK KAWAL SELIA DAN PEMANTAUAN BANJIR DI BIT HOTSPOT BANJIR

10 lokasi Bit Banjir melibatkan jabatan berikut:

- Dataran Maybank Jalan Maarof - Jabatan Perancangan Bandar
- Jalan Ampang Bukit Nenas – Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan
- Jalan Brunei/ Jalan Pudu – Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan
- Jalan Travers (Brickfields) – Jabatan Kebudayaan, Kesenian Pelancongan dan Sukan
- Jalan Kuching – Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal
- Jalan Changkat Thambi Dollah – Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
- Jalan Melaka (Depan LRT Masjid Jamek) – Jabatan PenguatkuasaanL
- Kampung Periuk – Pejabat Cawangan Titiwangsa
- Jalan Maharajalela (sebelah monorel) – Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- Jalan Sultan Azlan Shah – Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar





Jabatan Pentadbiran

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Ditubuhkan pada tahun 1970 dan dikenali sebagai Urusetia Bandaraya. Pada 1 Januari 1996, Bahagian Pentadbiran dan Urusetia Bandaraya bersama Jabatan Personel telah digabungkan dan diwujudkan Jabatan Pengurusan Organisasi (JPO).

Pada 15 Ogos 2003, Jabatan Pentadbiran berfungsi dengan sendirinya yang menggabungkan empat bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Perpustakaan, Bahagian Pengurusan Perolehan serta Unit Urus Bangunan dan Unit Jawatankuasa Tindakan. Pada Januari 2006, Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa telah diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran.

Selepas penstrukturan semula DBKL pada Julai 2011, Unit Komunikasi Korporat (dahulunya dikenali sebagai Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa), Unit Reprografi dan Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL) telah dipisahkan daripada Jabatan Pentadbiran. Pada Februari 2014, PKL diletakkan semula di bawah Jabatan Pentadbiran sehingga 1 Ogos 2015. Mulai tarikh tersebut, sekali lagi PKL dipisahkan daripada Jabatan Pentadbiran. Bahagian Pengurusan Rekod juga telah dipindahkan ke PKL, Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar berkuatkuasa pada 3 Disember 2018. Hanya Unit Reprografi sahaja tetap kekal di bawah Jabatan Pentadbiran sehingga sekarang. Kini Jabatan Pentadbiran mempunyai tiga bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan, Bahagian Pengurusan Aset dan Bangunan dan Bahagian Pengurusan Perolehan.

1.2 Bahagian-Bahagian/ Unit-Unit di Jabatan

Jabatan Pentadbiran mempunyai tiga bahagian utama iaitu:

i. Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan
ii. Bahagian Pengurusan Aset dan Bangunan
iii. Bahagian Pengurusan Perolehan

Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan

Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan merangkumi tiga unit utama seperti berikut:

i. Unit Pentadbiran dan Mel
ii. Unit Keurusetiaan
iii. Unit Penyelarasan Acara

Bahagian Pengurusan Aset dan Bangunan

Bahagian Pengurusan Aset dan Bangunan merangkumi dua unit utama seperti berikut:

i. Unit Urus Bangunan dan Reprografi
ii. Unit Pengurusan Aset dan Keselamatan Perlindungan

Bahagian Pengurusan Perolehan

Bahagian Pengurusan Perolehan pula merangkumi empat unit utama seperti berikut:

i. Unit Pengurusan Tender dan Rundingan Harga
ii. Unit Pengurusan Kontrak
iii. Unit Pengurusan Sebut Harga dan Pentadbiran/Kewangan
iv. Unit Perkhidmatan Perundingan dan Kerja Undi

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Jabatan diterajui oleh Pengarah Gred N54 bersama dengan 117 orang pegawai dan kakitangan. Pecahan perjawatan adalah seperti berikut :-

Kategori	Jumlah
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	12
Kumpulan Sokongan I (Gred 17- 40)	52
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	53
JUMLAH	**117**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Menjadi penanda aras yang dapat memberikan perkhidmatan dan tadbir urus yang terbaik dan berkualiti.

2.2 Misi

Memenuhi ekspektasi pelanggan melalui perkhidmatan yang berteraskan integriti dan profesionalisme.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

i. Mengesahkan pendaftaran kontraktor yang mengemukakan dokumen lengkap melalui sistem e-Perolehan dalam tempoh satu (1) hari bekerja.

ii. Memaparkan senarai petender yang berjaya di laman Web DBKL dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas Mesyuarat Sebut Harga/ Lembaga Perolehan bersidang.

iii. Mengeluarkan keputusan untuk penggunaan dan penyewaan kemudahan Dataran Merdeka, Dataran DBKL dan Auditorium DBKL dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh kelulusan Pengurusan Tertinggi.

iv. Mengeluarkan keputusan untuk penggunaan dan penyewaan kemudahan Dewan Megapuri, Bilik Gerakan, Bilik Biru dan Bilik Mesyuarat Utama dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh kelulusan diterima.

v. Mengemas kini Rekod Pengguna Sistem e-Aset dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima daripada Jabatan.

vi. Pemakluman kelulusan tuntutan Bil Panggilan Rasmi dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja setelah mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan.

vii. Pemakluman kelulusan tuntutan pembelian telefon mudah alih atas urusan rasmi dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja setelah mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan.

viii. Memproses permohonan lengkap bagi kad akses yang hilang dan rosak dalam tempoh satu (1) jam.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (*CUSTOMER FOCUS*)	1	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan (IDB: 2 Hari, Jabatan: 2 Hari)	Semua pegawai dan kakitangan jabatan berjaya menghadiri kursus 4 hari setahun.	100%
	2	Menyasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	100%

KRA	Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	3	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2022	100%
	4	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023 sebelum 31 Disember tahun 2022	100%
	5	Menyelesaikan AP58 pada bulan Mei 2022	Memastikan pembayaran melibatkan AP58 dijelaskan pada Mei 2022.	100%
MENGGERAKKAN USAHA KE ARAH BANDAR RAYA RENDAH KARBON	6	Penjimatan tenaga berkesan bagi semua Menara DBKL	Mendapatkan pengiktirafan EMGS dari *Asean Energy Management Scheme (AEMAS)* bagi semua Menara DBKL	100%
MEMPERKUKUHKAN LIBAT URUS STRATEGIK BERSAMA MASYARAKAT	7	Penyelarasan mesyuarat-mesyuarat utama dan Perhimpunan DBKL berjaya dilaksanakan.	- Mesyuarat Ketua Jabatan - Mesyuarat Lembaga Penasihat - Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan - Jawatankuasa Pengurusan Aset - Perhimpunan DBKL	79%
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS *(TRANSPARENCY)*	8	Memberi kesedaran mengenai pengurusan perolehan berdasarkan Perintah Tetap Pengurusan Perolehan dan Pentadbiran Kontrak Datuk Bandar Kuala Lumpur	Mengeluarkan pemakluman/ surat peringatan/ infografik sebanyak enam kali setahun	100%
	9	Memberi kesedaran mengenai pengurusan aset berdasarkan Perintah Tetap Aset Datuk Bandar Kuala Lumpur	- Melaksanakan kursus/ bengkel/ ceramah sekurang-kurangnya satu kali setahun - Melaksanakan pemeriksaan aset 9 Jabatan di DBKL	100% 100%
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (TRANSPARENCY)	10	Memberi pemahaman/ kesedaran berkaitan kepentingan Keselamatan Perlindungan DBKL (Dokumen dan Fizikal)	- Melaksanakan sekurang-kurangnya 3 kursus yang berkaitan dengan arahan keselamatan - Melaksanakan Inspektorat Keselamatan Perlindungan DBKL ke atas 8 lokasi	100% 100%
	11	Pelaksanaan program-program kerohanian DBKL	Berjaya melaksanakan 4 program/ ceramah/ aktiviti berkaitan keagamaan dan kerohanian	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

i. Menyelaras dan menguruskan Mesyuarat Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan.

ii. Menyelaras maklum balas Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi DBKL.

iii. Menyelaras dan menguruskan pengurusan perolehan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

iv. Menyelaras dan menguruskan proses pengurusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur.

v. Menyelaras dan menguruskan tugas-tugas yang merangkumi pelantikan, pengauditan, penyelarasan, laporan dan Kursus Keselamatan Perlindungan DBKL.

vi. Menyelaras pengurusan Menara DBKL 1, Menara DBKL 2 dan Menara DBKL 3.

vii. Menyelaras dan menguruskan permohonan penyewaan dan penggunaan venue-venue seperti Dataran Merdeka, Auditorium, Dataran DBKL, Dewan Megapuri dan bilik-bilik mesyuarat utama DBKL.

viii. Menguruskan petak letak kenderaan di Menara DBKL 1, Menara DBKL 2, Menara DBKL 3, Quill City Mall dan Jalan Sultan Sulaiman, Kampung Baru.

ix. Menyelaras acara rasmi peringkat DBKL, Wilayah Persekutuan dan Kebangsaan.

x. Menyelaras perkhidmatan panel kontraktor untuk caterer, *billboard,* bunting dan pakaian seragam (majlis keagamaan).

xi. Menyelaras penyediaan Laporan Tahunan DBKL.

xii. Mengurus penghantaran serta penerimaan surat-surat dan bungkusan.

xiii. Menguruskan hal ehwal percetakan.

xiv. Menyediakan/ mengeluarkan dan menggantikan kad e-akses kakitangan/ pelajar latihan praktikal/ pelawat/ kontraktor DBKL.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/ Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan

Bahagian ini berperanan untuk menyelaras program-program rasmi di peringkat DBKL, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kebangsaan. Bahagian ini terbahagi kepada tiga (3) unit utama iaitu Unit Pentadbiran & Mel, Unit Penyelarasan Acara dan Unit Keurusetiaan.

5.2.1.1 Unit Pentadbiran dan Mel

i. Menyelaras urusan pentadbiran dan kewangan Jabatan.

ii. Menyelaras program-program rasmi peringkat DBKL.
   a. Perhimpunan DBKL
   b. Majlis Rumah Terbuka bagi perayaan utama (Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas).

iii. Menyelaras urusan tuntutan pembelian dan pembayaran bil telefon pegawai DBKL.

iv. Menyelaras penyediaan Laporan Tahunan DBKL.

v. Menyelaras urusan mel DBKL.

vi. Menyelaras maklum balas Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi DBKL.

5.2.1.2 Unit Penyelarasan Acara

i. Menyelaras pelantikan Panel Kontraktor bagi:
   a. Perkhidmatan Pembekalan Makanan dan Minuman untuk Program Sosial DBKL.
   b. Pemasangan *Bunting* dan *Billboard*.
   c. Pembekalan bendera sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan.

ii. Menyelaras urusan jamuan/ aktiviti sosial peringkat DBKL/ KWP.

iii. Menyelaras program-program rasmi di peringkat DBKL/ KWP/ Kebangsaan/ Antarabangsa.
   a. Kempen Kibar Bendera sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan.
   b. Sambutan Istiadat Pertabalan KDYMM SPB YDP Agong.
   c. Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Rasmi KDYMM SPB YDP Agong.
   d. Sambutan Hari Kebangsaan.
   e. Lain-lain acara atau program rasmi yang diarahkan dari semasa ke semasa.

iv. Menyelaras program-program keagamaan peringkat DBKL dan kebangsaan.
   a. Mengurus dan menyelia aktiviti keagamaan di surau-surau DBKL.
   b. Ahli Jawatankuasa dalam sambutan & majlis-majlis rasmi peringkat kebangsaan seperti Tilawah Al-Quran, Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah.

v. Menyelaras pengagihan dan memantau pemasangan bendera Wilayah Persekutuan dan Jalur Gemilang.

5.2.1.3 Unit Keurusetiaan

a. Mesyuarat Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur.

- Mesyuarat dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama-sama Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur. Mesyuarat ini diadakan sebanyak 6 kali setahun. Bagi tahun 2022 jabatan telah selaraskan 2 kali mesyuarat seperti berikut:
  - Bil. 1/2022-7 April 2022
  - Bil. 2/2022-25 Julai 2022

b. Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan.

- Mesyuarat dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama-sama Ketua-Ketua Jabatan DBKL. Mesyuarat ini diadakan sebanyak 6 kali setahun. Bagi tahun 2022, jabatan telah selaraskan 6 kali mesyuarat seperti berikut:
  - Bil. 1/2022-9 Mac 2022
  - Bil. 2/2022-15 Jun 2022
  - Bil. 3/2022-17 Ogos 2022
  - Bil. 4/2022-26 September 2022
  - Bil. 5/2022-23 November 2022
  - Bil. 6/2022-21 Disember 2022

5.2.2 Bahagian Pengurusan Perolehan

i. Mengurus perolehan tender.

ii. Mengurus perolehan sebutharga dan kerja undi.

iii. Mengurus pentadbiran kontrak seperti berikut:

a. Arahan Perubahan
b. Lanjutan Masa Kontrak
c. Rundingan Harga
d. Perkhidmatan Perunding
   - Pendaftaran dan Penyenaraian Perunding
   - Pemilihan dan Pelantikan Perunding
   - Penyelarasan Yuran Perkhidmatan Perunding

iv. Mengurus hal ehwal kakitangan, pentadbiran pejabat dan pengurusan kualiti DBKL.

v. Mulai 2 Februari 2021, YBhg Datuk Bandar telah memutuskan agar fungsi mesyuarat Jawatankuasa Pandu Projek Penswastaan (PANDU) dan Jawatankuasa Pengurusan Projek Penswastaan (JPMC) yang sebelum ini di bawah Jabatan Pentadbiran (JP) dipindahkan semula ke Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP).

5.2.2.1 Prestasi Aktiviti-Aktiviti Fungsi Utama


i. Perolehan Tender, Sebut Harga, Perkhidmatan Perunding Dan Kerja Undi

Sepanjang tahun 2022, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengeluarkan sebanyak 320 tawaran merangkumi perolehan tender, sebutharga dan perkhidmatan perunding. Tawaran tersebut, merangkumi **203** perolehan **tender**, **110** perolehan **sebutharga**, 7 perolehan **perkhidmatan perunding.** Perincian mengikut kategori perolehan adalah berdasarkan **JADUAL 1** dan **GAMBAR RAJAH 1** di bawah:

JUMLAH PEROLEHAN DBKL TAHUN 2022

Jadual 1 : PERBANDINGAN JUMLAH PEROLEHAN DBKL TAHUN 2021 DAN 2022

Bil.	Kategori Perolehan	Bilangan Perolehan
i.	Tender	203
ii.	Sebut Harga	110
iii.	Perunding	7
	JUMLAH	**320**




GAMBAR RAJAH 1

NILAI PEROLEHAN DBKL TAHUN 2022


Jadual 2 : PERBANDINGAN NILAI TAWARAN (RM) TAHUN 2021 DAN 2022

Bil.	Kategori Perolehan	Bilangan Tawaran	Nilai (Rm)
i.	TENDER	209	1,570,268,186.55
ii.	SEBUT HARGA	91	45,892,993.14
iii.	PERUNDING	29	9,233,465.64
	JUMLAH	**329**	**1,625,394,645.33**



GAMBAR RAJAH 2

PERBANDINGAN BILANGAN TAWARAN TAHUN 2021 DAN 2022



GAMBAR RAJAH 3

i. KERJA UNDI

Sebanyak tiga (3) kali program Cabutan Kerja Undi telah dilaksanakan dan sebanyak 259 kontraktor telah dipilih melalui cabutan undi dengan had siling sebanyak RM200,000.00 setiap kontraktor.

ii. PENGIKLANAN DAN PENJUALAN DOKUMEN TENDER DAN SEBUTHARGA

i. Tawaran Tender yang dipelawa sepanjang tahun 2022 telah diiklankan di dalam akhbar-akhbar tempatan iaitu Berita Harian dan News Strait Times Press. Penjualan dokumen Tender dan Sebutharga dibuat secara atas talian di eperolehan.dbkl.gov.my. Transaksi pembayaran juga dibuat secara atas talian.

ii. Nilai hasil penjualan dokumen Tender dan Sebut Harga sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak **RM2,764,555.00.**

iii. Pendaftaran pihak kontraktor sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak **4,079** pendaftaran. Jumlah kutipan pendaftaran adalah **RM430,857.00.**

5.2.3 Bahagian Pengurusan Aset dan Bangunan

5.2.3.1 Unit Pengurusan Aset dan Keselamatan

i. Memantau pengurusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur yang meliputi penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira dilaksanakan mengikut peraturan.

ii. Urus Setia bagi menjalankan tugas-tugas yang merangkumi pelantikan, pengauditan, penyelarasan, dan sebagainya bagi tujuan Pengurusan Aset Alih dan Keselamatan Perlindungan DBKL.

iii. Menyediakan dan mengemukakan laporan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih (JKPA) DBKL yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif (Pengurusan).

iv. Menyediakan Laporan Aset Alih yang dikemukakan kepada Jabatan Kewangan bagi Mesyuarat Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar.

v. Menyediakan dan mengemukakan laporan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan DBKL yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif (Pengurusan).

vi. Menjadi Urus Setia kepada Inspektorat Keselamatan DBKL.

vii. Bekerjasama dengan CGSO berkaitan kawalan perlindungan dokumen dan fizikal.

viii. Merancang dan melaksanakan latihan berkaitan aset alih dan keselamatan perlindungan.

5.2.3.1 Aktiviti Unit Pengurusan Aset dan Keselamatan

i. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur

Suku Tahun	Tarikh Mesyuarat
Pertama	17 Januari 2022
Kedua	20 April 2022
Ketiga	19 Oktober 2022

ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan Pelupusan Aset Alih Datuk Bandar Kuala Lumpur

Pelupusan	Aset Alih	Aset Hidup	Aset Sitaan	Jumlah Keseluruhan Bil. Mesyuarat
Bilangan Mesyuarat	56	1	4	**61**

iii. Jadual Pemeriksaan Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan DBKL Tahun 2022

Bil.	Jabatan	Tarikh Pemeriksa
1.	Mesyuarat Pembukaan Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan	19 September 2022
2.	Jabatan Perancangan Infrastruktur	21 September 2022
3.	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan	21 September 2022
4.	Jabatan Ukur Bahan	22 September 2022
5.	Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi	22 September 2022
6.	Jabatan Pengurusan Maklumat	26 September 2022
7.	Jabatan Integriti	26 September 2022
8.	Jabatan Audit Dalam	26 September 2022
9.	Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan	26 September 2022
10.	Jabatan Perancangan Korporat	26 September 2022
11.	Pejabat Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek)	26 September 2022
12.	Pejabat Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosio Ekonomi)	26 September 2022
13.	Pejabat Pengarah Eksekutif (Perancangan)	26 September 2022
14.	Pejabat Pengarah Eksekutif (Pengurusan)	26 September 2022
15.	Jabatan Pengangkutan Bandar	3 Oktober 2022
16.	Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan	3 Oktober 2022
17.	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	4 Oktober 2022
18.	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan	4 Oktober 2022
19.	Jabatan Perancangan Bandaraya	17 Oktober 2022
20.	Jabatan Kewangan	17 Oktober 2022
21.	Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	1 November 2022
22.	Jabatan Penguatkuasaan	1 November 2022
23.	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	3 November 2022
24.	Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	3 November 2022
25.	Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	4 November 2022
26.	Jabatan Kawalan Bangunan	4 November 2022
27.	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	8 November 2022
28.	Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan	8 November 2022
29.	Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran	9 November 2022
30.	Jabatan Pentadbiran	9 November 2022
31.	Mesyuarat Penutup Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan	Hujung November 2022/ Awal Disember 2022

5.2.3.2 Unit Urus Bangunan

i. Seksyen Urus Bangunan

a. Mengawalselia kerja-kerja pembersihan di Menara DBKL 1, 2, 3, PT80 dan Countdown Clock (CDC).

b. Mengurus dan memantau penyewaan premis Menara DBKL 1, 2 dan 3.

c. Memantau pengurusan keselamatan bangunan di Menara DBKL 1, 2, 3 dan PT80.

d. Mengurus permohonan penyewaan dan pengguna venue-venue seperti Dataran Merdeka, Auditorium, Dataran DBKL, Dewan Megapuri dan bilik-bilik mesyuarat utama.

e. Menguruskan petak letak kenderaan di Menara DBKL 1, 2, 3, PT80, Quill City Mall, Jalan Raja Mahadi dan Jalan Sultan Sulaiman, Kampung Baru.

f. Memantau kerja-kerja baikpulih, ubahsuai dan penyelenggaraan bangunan di Menara DBKL 1, 2, 3, dan venue-venue utama program.

g. Menyelaras keperluan logistik di bangunan Menara DBKL 1, 2, 3 dan bilik-bilik mesyuarat utama.

h. Menyelaras kerja-kerja ubahsuai di peringkat mesyuarat dan pelaksanaan.

ii. Seksyen Reprografi

a. Mengurus hal ehwal percetakan.

b. Memberi perkhidmatan reka bentuk.

c. Menyedia/ mengeluar dan mengganti kad e-akses kakitangan/ pelajar latihan praktikal/ pelawat/ kontraktor DBKL.

5.2.3.3 Statistik Permohonan Penggunaan Venue Bagi Tahun 2021

- Bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 melalui e-Booking/ Manual

MENARA DBKL 1

Bil	Lokasi	Jumlah Permohonan	Belum Diproses	Lulus	Menunggu Muat Naik Surat	Permohonan Pembatalan	Ditolak	Dibatalkan / Catatan
1.	Bilik Mesyuarat Tingkat 3	300	12	12	194	65	0	17
2.	Bilik Gerakan Tingkat 3	184	11	11	101	39	0	22
3.	Bilik Jamuan Tingkat 3	0	0	0	0	0	0	Dijadikan Bilik Gerakan Banjir
4.	Bilik Lembaga Tingkat 29	366	24	24	210	65	0	43
5.	Bilik Putra Tingkat 29	311	26	26	201	32	0	26
6.	Bilik Jamuan Tingkat 29	73	7	7	53	1	0	5
7.	Dewan Megapuri Tingkat 30	204	18	18	112	38	0	18
8.	Bilik Biru Tingkat 30	87	3	3	48	27	1	5
9.	Auditorium DBKL	0	0	0	0	0	0	Ditutup Kerja Ubahsuai
10.	Anjung Singgahsana Tingkat 1 Auditorium	71	4	4	35	24	0	4
11.	Dataran Merdeka/ Jalan Raja	29	0	29	0			

Bil	Lokasi	Jumlah Permohonan	Belum Diproses	Lulus	Menunggu Muat Naik Surat	Permohonan Pembatalan	Ditolak	Dibatalkan / Catatan
12.	Dataran DBKL	44	0	46	0			4
13.	Lobi Menara 1	8		6				2
	JUMLAH	**1677**	**105**	**186**	**954**	**291**	**1**	**146**

MENARA DBKL 3

Bil	Lokasi	Jumlah Permohonan	Belum Diproses	Lulus	Menunggu Muat Naik Surat	Permohonan Pembatalan	Ditolak	Dibatalkan / Catatan
1.	Bilik Mesyuarat Utama (Tingkat 3)	235	9	95	78	0	0	53
2.	Bilik Mesyuarat 1 (Tingkat 3)	107	2	48	39	1	0	17
3.	Bilik Mesyuarat 2 (Tingkat 3)	66	1	31	20	0	0	14
4.	Bilik Mesyuarat Lembaga Perolehan (Tingkat 34)	0	0	0	0	0	0	0
5.	Bilik Mesyuarat Utama (Tingkat 34)	118	2	41	51	1	0	23
6.	Bilik Taklimat (Tingkat 3)	99	2	33	41	0	1	22
7.	Bilik Latihan (Tingkat 3)	50	1	16	25	0	0	8
8.	Bilik Jamuan (Tingkat 3)	51	0	19	19	0	0	13
9.	Lobi Menara DBKL 3	3	0	3	0	1	0	0
10.	Bilik Latihan 2 (Tingkat 3)	67	6	25	20	1	0	15
	JUMLAH	**797**	**23**	**311**	**293**	**4**	**1**	**165**

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM15,345,800	96.22
Perbelanjaan	RM14,766,321	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

Bil.	Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
1.	3 Februari 2022	• YB Menteri Wilayah Persekutuan • YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan • Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya • Kementerian Wilayah Persekutuan • Warga kota Kuala Lumpur	Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Tahun 2022 di Pavilion Kuala Lumpur, Suria KLCC dan Mid Valley Megamall.	Menyemarakkan lagi Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Tahun 2022 sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2022.

Bil.	Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
2.	29 Mac 2022	Penceramah Jemputan: i. Imam Muda Asyraf bin Mohd Ridzuan ii. Ustazah Asma' binti Harun Moderator: i. Encik Sufian Amrin	Majlis Pelancaran Program Imarah Ramadan 1443H/2022 di Institut Latihan DBKL (IDB).	Simbolik bagi permulaan bulan Ramadan dan aktivit-aktiviti yang akan dijalankan sepanjang bulan Ramadan.
3.	6 April 2022	• YB Menteri Wilayah Persekutuan • Kementerian Wilayah Persekutuan • Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Majlis Iftar YB Menteri Wilayah Persekutuan Bersama Kumpulan Pelaksana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Institut Latihan DBKL (IDB).	Mengeratkan lagi hubungan antara kakitangan Kumpulan Pelaksana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
4.	20 April 2022	Penceramah Jemputan: i. Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid	Ceramah Sempena Penghayatan Nuzul Al -Quran 1443H/ 2022M di Institut Latihan DBKL (IDB).	Diadakan sempena Nuzul Al-Quran 1443H/ 2022M.
5.	26 April 2022	Penceramah Jemputan: i. Ustaz Haji Muhyiddin bin Abdul Aziz (Imam Besar Masjid Wilayah) Pemimpin Khatam Al-Quran: ii. Ustaz Ehsan bin Mohd Hosni (Imam Besar Masjid Negara)	Majlis Khatam Al - Quran 1443H/ 2022M di Institut Latihan DBKL (IDB).	Meraikan kakitangan DBKL yang telah menyertai program Tadarus Al-Quran yang diadakan sepanjang bulan Ramadan.
6.	19 Mei 2022	• YB Menteri Wilayah Persekutuan • YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan • Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya • Kementerian Wilayah Persekutuan • Agensi Kerajaan di Kuala Lumpur • Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2022 di Institut Latihan DBKL (IDB).	Diadakan sempena Sambutan Hari Raya bagi mengeratkan hubungan dengan agensi-agensi Kerajaan di Kuala Lumpur.
7.	30 Julai 2022	• Dewan Bandaraya Kuala Lumpur • Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) • Polis Diraja Malaysia (PDRM) • Warga kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2022 di Dataran Merdeka.	Menyambut bulan kebangsaan dan diadakan serentak di seluruh Malaysia pada hari yang sama.
8.	29 Ogos 2022	Penceramah Jemputan: i. Prof. Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin ii. Prof. Madya Dato'Dr. Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim Moderator: i. Encik Amin bin Idris	Forum sempena Sambutan Maal Hijrah 1444H/ 2022 di Institut Latihan DBKL (IDB).	Diadakan sempena Maal Hijrah 1444H/ 2023.

Pemasangan Bendera Wilayah Persekutuan di Menara DBKL 1, 2 dan 3 sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2022

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI

Pemasangan Bendera Wilayah Persekutuan di Menara DBKL 1, 2 dan 3 sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2022





3 Februari 2022

Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Tahun 2022

Pusat beli-belah di Pavilion Kuala Lumpur, Suria KLCC dan Mid Valley Megamall





29 Mac 2022

Majlis Pelancaran Program Imarah Ramadan 1443H/ 2022M

Mayor' Courtyard, Bangunan Biro Pelancongan, Jalan Tangsi, 50480 Kuala Lumpur





6 April 2022

Majlis Iftar YB Menteri Wilayah Persekutuan Bersama Kumpulan Pelaksana DBKL

Institut Latihan DBKL (IDB), Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur





20 April 2022

Ceramah Sempena Penghayatan Nuzul Al -Quran 1443H/ 2022M

Institut Latihan DBKL (IDB), Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur





26 April 2022

Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Tahun 2022

Pusat beli-belah di Pavilion Kuala Lumpur, Suria KLCC dan Mid Valley Megamall





19 Mei 2022

Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2022

Institut Latihan DBKL (IDB), Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur





30 Julai 2022

Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2022

Dataran Merdeka, Kuala Lumpur





29 Ogos 2022

Forum sempena Sambutan Maal Hijrah 1444H/ 2022
Institut Latihan DBKL (IDB), Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur









Jabatan Kewangan

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Jabatan Kewangan diwujudkan pada tahun 1956 dan dikenali sebagai Jabatan Bendahari. Nama jabatan ini ditukar kepada Jabatan Kewangan mulai tahun 2003. Sehingga kini, Jabatan Kewangan mempunyai tenaga kerja seramai 245 orang dengan empat bahagian dan 14 unit.

1.2 Bahagian-Bahagian/ Unit-Unit di Jabatan
Jabatan ini mempunyai empat (4) bahagian dan 14 unit antaranya:-
- Bahagian Pentadbiran
- Unit Pentadbiran dan Pelaburan
- Unit Pembayaran
- Unit Emolumen

1.3 Bahagian Perancangan Kewangan
- Unit Belanjawan dan Kawalan Peruntukan
- Unit Pembiayaan Pembangunan
- Unit Penswastaan
- Unit Takaful
- Unit Stor dan Alat Tulis

1.4 Bahagian Pengurusan Kewangan Dan Perakaunan
- Unit Perakaunan
- Unit Maklumat Kewangan Berkomputer

1.5 Bahagian Pengurusan Hasil Dan Kawalan Tunggakan
- Unit Pengurusan Hasil Cukai
- Unit Kawalan dan Penguatkuasaan Tunggakan Cukai Taksiran
- Unit Pengurusan Hasil Bukan Cukai dan Kawalan Tunggakan
- Unit Pengurusan Kaunter Terimaan

1.6 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Kategori	Jumlah
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas)	24
Kumpulan Sokongan I (Gred 17- 40)	205
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	16
JUMLAH	**245**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Menguruskan kewangan DBKL secara berkualiti untuk menjadikan DBKL sebagai organisasi pengurusan sebuah bandar raya bertaraf dunia.

2.2 Misi

Bersama menyumbang ke arah menyediakan maklumat kewangan yang berkualiti.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Menyediakan Bajet Tahunan DBKL dan mendapatkan kelulusan Menteri yang bertanggungjawab kerajaan tempatan sebelum atau pada 31 Disember setiap tahun.

3.2 Memberi perkhidmatan kaunter bayaran secara efisyen dengan memastikan waktu menunggu tidak melebihi 30 minit pada waktu puncak dan tidak melebihi 15 minit pada waktu biasa.

3.3 Menyediakan bayaran dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen tuntutan yang lengkap.

3.4 Memastikan data-data cukai taksiran dihantar kepada vendor yang dilantik untuk proses cetakan dan penghantaran bil cukai taksiran tidak lewat pada 15 Januari bagi penggal pertama dan 15 Julai bagi penggal kedua.

3.5 Memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun tertunggak.

3.6 Menyediakan maklumat kewangan status akaun hasil bukan cukai untuk tindakan penguatkuasaan jabatan pelaksana setiap 3 bulan.

3.7 Memastikan semua hasil kutipan di bawah kendalian jabatan dibankkan pada hari yang sama manakala kutipan waktu malam/hari cuti dibankkan pada keesokkan hari bekerja.

3.8 Memastikan semua hasil kutipan di bawah kendalian jabatan dibankkan pada hari yang sama manakala kutipan waktu malam/hari cuti dibankkan pada keesokkan hari bekerja.

3.9 Memastikan notis tuntutan awal daripada pihak ketiga dikemukakan dalam tempoh 7 hari bekerja kepada pihak insurans yang dilantik.

3.10 Memastikan aduan penerimaan kepada aduan awam dibuat dalam tempoh 1 hari bekerja dan tindakan susulan diambil dalam tempoh 3 hari bekerja. Maklumbalas seterusnya dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

3.11 Memastikan pembayaran kepada agensi kerajaan seperti KWSP, KWAP, LHDN yang dibuat pemotongan dari gaji kakitangan dibayar dalam tempoh 7 hari dari tarikh gaji dibayar.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4.1 KPI Jabatan

KRA	Bil.	KPI	Sasaran	Pencapaian
STRATEGI 2 : MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (*CUSTOMER FOCUS*)	1	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan	Semua pegawai dan kakitangan Jabatan menghadiri kursus 4 hari setahun (IDB: 2 Hari, Jabatan: 2 Hari)	**100%** OT**:** <100%
	2	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (Berpandukan sasaran KWP)	**100%** OT: 100%

KRA	Bil.	KPI	Sasaran	Pencapaian
STRATEGI 1 : MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	3	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2022	**100%** ET**:** >95%
	4	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023	Keseluruhan Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023 sebelum 31 Disember tahun 2022	**100%** OT: 100%
	5	Menyelesaikan isu yang melibatkan AP58	Memastikan pembayaran melibatkan AP58 dijelaskan pada Mei 2022	**100%** ST: <April 2022
STRATEGI 3 : MENGGUNAKAN SUMBER ORGANISASI SECARA OPTIMUM DAN MENINGKATKAN HASIL	6	Mempertingkatkan peratusan bayaran hasil-hasil DBKL tanpa tunai (*cashless*)	Meningkatkan kutipan tanpa tunai sebanyak 80% bilangan transaksi bayaran daripada keseluruhan kutipan.	**93%** BT: < 80%
	7	Menyelaras dan memastikan kutipan keatas hasil cukai taksiran bagi tahun semasa dibuat secara berkesan.	Mengutip 90% cukai taksiran tahun semasa.	**91%** BT: < 90%
	8	Mengurangkan tunggakan hasil cukai taksiran.	Mengutip RM100 juta dari jumlah keseluruhan tunggakan terkumpul seperti pada 31 Disember 2021.	**100%** ET: < RM100 juta
	9	Memastikan peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) yang diluluskan pada tahun 2022 disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM62,741,500 yang melibatkan 2 projek baharu dan 3 projek sambungan.	100% peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan disalurkan pada tahun 2022. Tertakluk kepada kelulusan semasa Pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).	**100%** OT: < 90%
	10	Menggantikan penggunaan buku resit/tiket dengan penggunaan *eZpay mobile handheld* bagi kutipan; Suntikan Krematorium Sewaan Dewan DBKL	Menggunapakai *eZpay mobile handheld* dalam membuat kutipan selewat-lewatnya bulan November 2022	100% OT: November 2022
STRATEGI 1 : MEMPERKUKUH TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	11	Dokumen Tuntutan Bayaran yang lengkap dan teratur diproses dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penerimaan di Unit Pembayaran, Jabatan Kewangan	Semua dokumen tuntutan bayaran yang lengkap dan teratur diproses dalam tempoh 7 hari bekerja.	**100%** OT : 7 hari
	12	Membuat penambahbaikan keatas Polisi Perakaunan DBKL.	Menyediakan Polisi Perakaunan DBKL berkaitan hartanah, loji dan peralatan untuk digunapakai pada November 2022.	**100%** OT: November 2022
	13	Penyediaan dan Pelaksanaan Pelan Strategik Pengurusan Kewangan	Penyediaan dan Pelaksanaan Pelan Startegik Pengurusan Kewangan 2022-2026.	**100%** ET: <November 2022

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Fungsi Jabatan Kewangan adalah untuk mengendalikan pengurusan kewangan DBKL yang terlibat dari segi pengurusan kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan DBKL serta mempertingkatkan perancangan dan kawalan kewangan yang lebih berkualiti.

Jabatan Kewangan juga memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun tertunggak dan menyediakan maklumatmaklumat kewangan hasil bukan cukai / terimaan bukan hasil untuk tindakan penguatkuasaan kutipan hasil oleh jabatan pelaksana.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/ Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Menyediakan sistem kewangan yang sistematik selaras dengan akta-akta yang digunapakai aturcara kewangan, peraturan- peraturan kewangan kerajaan dan juga piawaian perakaunan yang diterima umum.

5.2.2 Mengutip hasil-hasil DBKL.

5.2.3 Menyediakan maklumat kewangan untuk kegunaan semua pihak yang berkepentingan.

5.2.4 Menyediakan belanjawan tahunan dengan mengutamakan kemudahan untuk pembayar cukai serta wargakota.

5.2.5 Mengendalikan sistem bayaran yang cekap dan teratur

5.2.6 Menyediakan sistem kawalan dalaman untuk memastikan pentadbiran kewangan selaras dengan akta dan peraturan yang digunapakai oleh DBKL.

5.2.7 Menguruskan skim insurans untuk melindungi harta benda

5.2.8 Menjadi ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Projek-Projek Khas dan Penswastaan oleh DBKL.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM2,046,636,100	97.82%
Perbelanjaan	RM2,002,110,058	

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM609,486,800	97.21%
Perbelanjaan	RM592,480,455	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

7.1 Pembukaan Kaunter Bersemuka Dan Bayaran Bergerak Cukai Taksiran Di Lokasi JMB/MC

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
5 Februari 2022 – 31 Julai 2022	1. Jabatan Kewangan:- Unit Hasil Cukai Dan Unit Kawalan Tunggakan Penguatkuasaan 2. Jabatan Penguatkuasaan 3. Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta (COB)	<u>Kaunter Bergerak</u> Hari Bertemu Pembayar Cukai Taksiran dengan kerjasama (*Joint Managament Body*, JMB) dilaksanakan dikawasan berikut ; 1. Kondominium Bukit OUG (5 Februari 2022) 2. Pangsapuri Jalil Damai (6 Februari 2022) 3. The Park Residensi (12 - 13 Februari 2022) 4. Seri Mas Kodominium (19 Februari 2022) 5. Residensi 8 (20 Februari 2022 & 2 Julai 2022) 6. Pantai Hillpark Phase 2 (26 Februari 2022) 7. Menara Manjalara (27 Februari 2022, 4 Jun 2022 & 16 Julai 2022) 8. Danau Permai Kondominium (21 Mei 2022) 9. Danau Idaman Kondominium (21 Mei 2022) 10. Avenue Court Apartment (22 Mei 2022) 11. Union Heights Kondominium (22 Mei 2022) 12. Amandesa Resort Kondominium (5 Jun 2022) 13. Idaman Putera Kondominium (18 Jun 2022) 14. Menara Alpha Kondominium (19 Jun 2022) 15. Pantai Hillpark (3 Julai 2022) 16. Genting Court Klang Lama (17 Julai 2022) 17. Puncak Prima Kondominium (30 Julai 2022) 18. Sri Penaga Kondominium (31 Julai 2022)	Meningkatkan Kutipan Hasil Cukai Taksiran dan Menyantuni semua Warga Kota dengan memberi perkhidamatan pertanyaan berkaitan Cukai taksiran dan Kaunter Bayaran.



7.2 Pertandingan Bowling Sambutan Jubli Emas Bandaraya Kuala Lumpur

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
19 Mac 2022 Lokasi : Wangsa Walk Mall Kuala Lumpur	Jabatan Kewangan	Pertandingan Boling antara Jabatan DBKL sempena Sambutan Jubli Emas Bandaraya Kuala Lumpur	Karnival sukan ini merupakan satu inisiatif Jabatan Kewangan bagi sambutan Jubli Emas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi mewujudkan budaya "Semangat Berpasukan dan Sihat" dalam kalangan pegawai dan kakitangan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui semangat kesukanan. Mengeratkan silaturrahim di kalangan Warga DBKL



7.3 Portal Idea Belanjawan DBKL 2023

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
1 April – 31 Mei 2022	Warga Kota	Jabatan Kewangan telah melancarkan sebuah portal yang dinamakan Idea Belanjawan DBKL 2023.	Portal ini disediakan untuk memberi peluang kepada warga kota dalam memberi idea dan cadangan dalam Belanjawan 2023. Ia seterusnya dapat membantu DBKL merangka pelbagai perancangan, strategi serta inisiatif bagi mensejahterakan warga kota. Sebanyak 142 idea / cadangan diterima daripada 58 responden melalui portal Idea Belanjawan DBKL 2023 tersebut. Idea dan pandangan telah diambil maklum oleh jabatan–jabatan berkaitan untuk diselaraskan dalam program / aktiviti / projek untuk Belanjawan DBKL 2023.



7.4 Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Kewangan

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
27 Mei 2022 Lokasi : Mayor's Courtyard, Bangunan Biro Pelancongan Kuala Lumpur	Jabatan Kewangan	Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri JKEW	Meraikan Sambutan Hari Raya bersama pegawai dan kakitangan JKEW serta pesara pada tahun 2022.





7.5 Penganjuran Perkongsian Ilmu Kewangan Dari Agensi Kerajaan dan Pihak Swasta

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
21 Jun 2022 Lokasi : AICB Centre Of Excellence (ACE)	Ketua–ketua jabatan dan pegawai-pegawai DBKL	1. Perkongsian ilmu berkaitan Analisa Kewangan Bagi Projek-Projek Pembangunan Kerajaan disampaikan oleh wakil dari Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). 2. Ceramah berkaitan Pematuhan Pengurusan Kewangan DBKL Kepada Prinsip-Prinsip Syariah disampaikan oleh wakil daripada Islamic Banking & Finance Institute Malaysia (IBFIM).	1. Bagi memastikan DBKL sentiasa komited dalam merancang, menilai, menyelaras dan merunding projek-projek tersebut, DBKL memerlukan lontaran ilmu dan kepakaran daripada pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) bagi mempertingkatkan ilmu dan pengalaman warga DBKL dalam perkara ini bagi menepati konsep *value for money*. 2. Pematuhan terhadap prinsip syariah ini akan mengukuhkan keyakinan masyarakat awam terhadap kredibiliti DBKL dalam mengamal serta melaksanakan Sistem Pengurusan Kewangan Islam.





7.6 Bengkel Pembangunan SOP Sistem DCoS Siri 3

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
26 - 29 Julai 2022 Lokasi : De Rhu Beach Resort Kuantan	Jabatan dalaman DBKL	Bengkel Pembangunan SOP Sistem DCoS Siri 3	Bengkel ini diadakan selaras dengan objektif untuk: 1. Membangunkan satu SOP yang menyeluruh ke atas semua proses kerja yang mengalami perubahan kesan daripada penggunaan sistem sepenuhnya. 2. Menyelaras dan memastikan proses kerja diambil tindakan bagi memastikan perjalanan proses kerja harian di dalam sistem akan berjalan dengan lancar. 3. Menilai dan mengemaskini proses aliran kerja dan memberi tambah baik bagi mengelakkan kelewatan ke atas pemprosesan transaksi harian di dalam sistem. 4. Menyeragamkan aliran proses antara jabatan-jabatan bagi mengelak pertindihan tugas serta kecelaruan aliran data yang akan diproses di dalam sistem. Ini bagi memastikan satu standard aliran proses diguna pakai oleh semua jabatan dalam menyeragamkan penggunaan sistem.







7.7 Retreat Belanjawan 2023

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
13 - 15 September 2022 Lokasi : Hotel Thistle Johor Bahru.	Pihak Pengurusan Tertinggi DBKL dan Ketua - Ketua Jabatan DBKL	Retreat Belanjawan 2023	Retreat ini dilaksanakan untuk memuktamadkan peruntukan Mengurus dan peruntukan Pembangunan bagi setiap jabatan serta anggaran hasil DBKL bagi tahun 2023. Penyediaan Belanjawan 2023 dirangka dengan menerapkan prinsip 'value for money' serta memenuhi keperluan warga kota secara umumnya. Di dalam Retreat ini, fokus Belanjawan 2023 masih mengekalkan kesinambungan kepada 14 program sedia ada bagi memastikan fungsi utama DBKL dapat dilaksanakan.





7.8 Bengkel Mengemaskini SOP Pembayaran by GBW Hotel, Tanjung Puteri Johor Bahru.

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
27 - 29 September 2022 Lokasi : GBW Hotel, Tanjung Puteri Johor Bahru	Kakitangan Unit Pembayaran	Pengemaskinian ke atas SOP pembayaran peringkat DBKL selari dengan ketetapan Perintah Tetap Datuk Bandar.	Meningkatkan pemahaman pegawai dan kakitangan unit pembayaran Memudahkan pegawai dan kakitangan menyediakan rujukan dan makluman diperingkat jabatan dalaman DBKL.





7.9 Bengkel Pelan Pemulihan Tunggakan Hasil DBKL Siri 2

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
8 - 9 Disember 2022 Lokasi : Dewan Megapuri Tingkat 30, Menara 1, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Seramai 33 Pegawai dari jabatan - jabatan berikut menyertai bengkel ini: 1. Jabatan Undang undang dan Pendakwaan 2. Jabatan Kewangan 3. Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan 4. Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar 5. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta 6. Jabatan Kawalan Bangunan	Bengkel penyediaan Dokumen Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Pemulihan Tunggakan Hasil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tempoh 2022-2026	Menyiapkan dokumen SOP Pelan Pemulihan Tunggakan Hasil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tempoh 2022-2026 sebelum dikemukakan kepada Pengarah Eksekutif (Pengurusan) pada Retreat yang akan diadakan di Pulau Pinang pada 14 hingga 16 Disember 2022.





7.10 Retreat Pelan Pemulihan Tunggakan Hasil DBKL

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
14 – 16 Disember 2022 Lokasi : Pulau Pinang	Seramai 57 pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan berikut menyertai bengkel ini: 1. Jabatan Undang-Undang Dan Pendakwaan 2. Jabatan Kewangan 3. Jabatan Pelesenan Dan Pembangunan Perniagaan 4. Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar 5. Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta 6. Jabatan Kawalan Bangunan	Retreat Pelan Pemulihan Tunggakan Hasil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tempoh 2022-2026	1. Membentangkan isu, punca, akibat dan cadangan penambahbaikan bagi kaedah kutipan tunggakan dan pelaksanaan penguatkuasaan. 2. Membentangkan pelan tindakan pemulihan tunggakan hasil-hasil DBKLyang berjumlah RM724.09 juta pada 1 Januari 2022. 3. Membentangkan jadual perbatuan pelan tindakan jabatan. 4. Mengenalpasti faktor kejayaan pelan pemulihan yang dirangka. 5. Menghasilkan Dokumen Perancangan Strategik Pelan Pemulihan Tunggakan hasil DBKL 2022-2026.





7.11 Sidang Media Belanjawan DBKL 2022

Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
29 Disember 2022 Lokasi : Bilik Lembaga, Tingkat 29 Menara DBKL 1.	Pengurusan Tertinggi DBKL, ketua – ketua jabatan dan beberapa wakil media dari pelbagai medium.	Sidang Media Belanjawan DBKL 2023 oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur	Hebahan Belanjawan DBKL 2023 yang memperuntukkan peruntukan sebanyak RM1.960 bilion untuk Peruntukan Mengurus dan sebanyak RM643 juta untuk Peruntukan Pembangunan dengan keseluruhan RM 2.604 bilion bertemakan ''Bandar Raya Mampan Sejahtera Bersama''.





Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mula melaksanakan kursus dan latihan untuk kakitangan DBKL sejak tahun 1979 di bawah Bahagian Latihan Jabatan Personel. Kursus- kursus yang dilaksanakan di peringkat awal adalah berkaitan dengan bidang penguatkuasaan dan sistem kerja jabatan-jabatan di DBKL. Pada 1 Jun 1982, sebuah bangunan Institut Latihan Kakitangan DBKL (IDB) telah dibina dan beroperasi di Jalan Kepong, Jinjang. Pada 1 Julai 2011 IDB telah berpindah di Jalan Yaacob Latif (Jalan Tenteram), Bandar Tun Razak Cheras.

Selaras dengan hasrat untuk mengukuhkan peranan Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) sebagai sebuah pusat kecemerlangan yang bukan sahaja menawarkan latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran modal insan warga DBKL, pentadbiran DBKL telah memutuskan agar IDB akan melapor terus kepada Pengarah Eksekutif (Pengurusan) bagi memperkasa peranan IDB dalam bidang pembangunan dan penyelidikan berkuatkuasa pada 2 Januari 2020.

1.2 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Kategori	Jumlah
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	22
Kumpulan Sokongan I (Gred 17- 40)	21
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	18
JUMLAH	**61**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Menjadi peneraju pusat latihan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia yang cemerlang dalam menyediakan khidmat latihan dan rujukan dalam bidang perkhidmatan perbandaran.

2.2 Misi

Beriltizam merancang, mengurus dan melaksana program latihan yang berkualiti, bersistematik dan responsif berteraskan amalan terbaik bagi melahirkan warga kerja yang kompeten dan berintegriti dalam memberi perkhidmatan perbandaran yang cemerlang.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Menyediakan prospektus latihan DBKL yang lengkap sebelum 15 Januari setiap tahun.

3.2 Melaksanakan latihan sebanyak 200 siri kursus dalam setahun kepada pegawai dan kakitangan DBKL.

3.3 Mengadakan perkongsian ilmu sekurang-kurangnya 2 kali setahun.

3.4 Memberi maklumbalas tawaran kepada pelajar latihan industri yang berjaya dalam tempoh 14 hari bekerja.

3.5 Memastikan fasiliti, makanan dan minuman peserta kursus mendapat skor purata tidak kurang daripada skala 4.0 berdasarkan borang penilaian kursus.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (*CUSTOMER FOCUS*)	1.	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan.	Mengadakan kursus-kursus atau program-program yang sesuai	100%
	2.	Melahirkan pegawai dan kakitangan yang kompeten, berpengetahuan dan berkemahiran	Menyemak kehadiran kursus pegawai dan kakitangan secara berkala	
	3.	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan (berpandukan sasaran KWP)	
	4.	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah.	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2022	
MEMPERKUKUH KAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	5.	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023	Keseluruhan jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023 sebelum 31 Disember tahun 2022	100%
	6.	Menyelesaikan isu yang melibatkan AP58	Memastikan pembayaran melibatkan AP58 dijelaskan pada Mei 2022	
	7.	Program Latihan Kakitangan	Memastikan pencapaian 200 kursus seperti yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan	
	8.	Mengadakan latihan perbandingan amalan terbaik di luar negara	Memastikan pencapaian 200 kursus seperti yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan	
	9.	Menawarkan latihan berteraskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)	Menguruskan sekurang-kurangnya 100 latihan TVET daripada jumlah latihan TVET dalam Prospektus Latihan 2022	
	10.	Melahirkan kumpulan tenaga pakar dalam bidang rendah karbon	Satu (1) kumpulan tenaga pakar	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

5.1.1 Perkhidmatan latihan kepada warga kerja DBKL

5.1.2 Perkhidmatan sewaan fasiliti

5.1.3 Latihan Industri/ Praktikal kepada pelajar IPT

5.2 Unit Latihan

5.2.1 Melaksanakan latihan bagi 9 bidang latihan iaitu

i. Bidang Pengurusan
ii. Bidang Kejuruteraan
iii. Bidang Perancangan Bandar
iv. Bidang Perundangan & Penguatkuasaan
v. Bidang Landsap & Holtikultur
vi. Bidang Kesihatan & Alam Sekitar
vii. Bidang Arkitek & Bangunan
viii. Bidang Teknologi Maklumat
ix. Program Antarabangsa

5.2.2 Menyediakan modul latihan yang menepati keperluan jabatan dan pegawai DBKL

5.2.3 Bekerjasama dengan jabatan-jabatan DBKL dalam program kajian dan penyelidikan

5.2.4 Latihan dasar-dasar baru latihan

5.2.5 Mengadakan kolaborasi strategik dalam bidang keilmuan bersama tenaga pakar dari institusi ilmu dan latihan dalam dan luar negara

5.2.6 Bertanggungjawab bagi mengumpul dan membangunkan bahan-bahan rujukan/ kajian kes untuk rujukan

5.2.7 Menjadikan hasil kajian sebagai input kepada program penambahbaikan di dalam bidang kerja DBKL

5.2.8 Menggalakkan pembangunan idea-idea baru

5.3 Unit Program Antarabangsa

5.3.1 Merancang dan melaksanakan program latihan *Kuala Lumpur Regional Training* Centre di peringkat DBKL

5.3.2 Mengadakan kolaborasi dengan pusat latihan antarabangsa untuk penempatan program sangkutan

5.3.3 Mengadakan kerjasama strategik dengan pertubuhan antarabangsa

5.3.4 Mengadakan perbandingan amalan terbaik dengan negara luar

5.3.5 Menggalakkan perkongsian pintar hasil penyelidikan

5.3.6 Menguruskan program latihan ke luar negara

5.4 Unit Pentadbiran dan Kewangan

5.4.1 Menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kakitangan

5.4.2 Menguruskan penempatan pelajar latihan industri

5.4.3 Mengurus dan menyenggara fasiliti pusat latihan

5.4.4 Menguruskan belanjawan tahunan

5.4.5 Menguruskan keperluan teknologi maklumat pusat latihan

5.5.6 Pusat komunikasi IDB dengan pelanggan

5.5 Unit Kemudahan dan Pengurusan Domestik

5.5.1 Mengurus termasuklah hal ehwal tempahan, penyelenggaraan dan penggunaan fasiliti IDB

5.5.2 Mengurus persiapan dan peralatan teknikal audio dan visual sistem program latihan

5.5.3 Menguruskan aduan kerosakan fasiliti bangunan serta memantau kerja pembaikan

5.5.4 Pemantauan dan seliaan kontraktor pembersihan bangunan IDB

5.6 Unit Pengurusan Latihan dan Penyelidikan

5.6.1 Memantau proses kualiti latihan IDB seperti program ISO 9000

5.6.2 Mengurus promosi dan publisiti latihan serta program yang diadakan di IDB

5.6.3 Menguruskan kolaborasi dengan badan professional dan agensi berkemahiran

5.6.4 Menyediakan pelaporan latihan

5.6.5 Menyelaras pembangunan tenaga pengajar dan jurulatih DBKL

6.0 BAJET

5.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM10,522,300.00	97.87%
Perbelanjaan	RM10,298,025.00	

5.2 Perbelanjaan Pembangunan

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM -	-
Perbelanjaan	RM -	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

No	Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
1.	21-22 Mac 2022	- Datuk Seri TPr. Haji Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur - Pegawai-pegawai DBKL	Program Global Covenant of Mayors (GCoM) National Training Workshop on Mitigation in Malaysia- Climate Change Mitigation Training : Target Setting and Develop a Plan	- Kerjasama DBKL dengan Global Covenant of Mayors (GcoM) - Mengenalpasti dan mempelajari teknik untuk penetapan sasaran dan pembangunan perancangan aktiviti mitigasi - Meningkatkan tahap kefahaman berkaitan polisi serta kerangka utama dalam tindakan mitigasi iklim - Mengukuhkan kerjasama antara PBT di Malaysia dan mewujudkan satu jaringan perhubungan yang lebih erat di antara bandar.
2.	15 April 2022	- Datuk Seri TPr. Haji Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur - Dr Bernadia Tjandradewi – Setiausaha Agung UCLG ASPAC	KLRTC 40: Majlis Menandatangani Letter of Intent (LOI) dan Majlis Berbuka Puasa bersama Setiausaha Agung UCLG ASPAC	UCLG ASPAC akan membantu dalam pembangunan modul, kursus/latihan dan penceramah berkaitan dengan tema global, trend serantau serta isu-isu yang memberi kesan kepada bandar dan pihak berkuasa tempatan.
3.	25 April – 1 Mei 2022	Datuk Seri TPr. Haji Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur	High Level Meeting: United Nations General Assembly di New York, Amerika Syarikat.	Jemputan khas kepada Datuk Bandar untuk berucap sebagai ahli panel bertajuk " Bolstering the roles of urban profeional, local and national authorities in localizing and implementing New Urban Agenda
4.	14 Jun 2022	- Datuk Seri TPr. Haji Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur - Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional	KLRTC 42: Pogram Webinar" Getting into Action Disaster Prevention for Cities Resilience	- Mengenalpasti kepentingan perkongsian di peringkat local dan antarabangsa bagi pembangunan lestari. - Mempertingkatkan jaringan perkongsian di antara UCLG ASPAC melalui kerjasama strategik

No	Tarikh	Penglibatan	Program/ Aktiviti	Objektif
5.	2 Ogos- 2 Oktober 2022	- Puan Emizul Ezani binti Zulkifli - Penolong Ketua Bidang Teknologi Maklumat	Program pautan antarabangsa dengan kerjasama UCLG ASPAC Siri 1	- Kerjasama DBKL dan UCLG ASPAC . - Memberi pendedahan kepada pegawai agar dapat membuat pemerhatian dan merangka penyediaan modul latihan dalam pembangunan system dan bandar pintar selepas pulang semula ke IDB.
6.	2 Ogos- 2 Oktober 2022	- Datuk Seri TPr. Haji Mahadi bin Che Ngah, Datuk Bandar Kuala Lumpur - Ir. Ts. Abdul Razib bin Dawood - CEO Suruhanjaya Tenaga Malaysia - Encik Md Shah bin Mahmood - GCEO KLCC Holdings Sdn. Bhd - Dr Yi Chang - Research Fellow Seoul Institute - Dr Yosik Kang - President Seoul Digital Foundation - Dr Simon Sung Eoun Lim - President Seoul Institut of Technology - Encik Muhammad Azmi bin Zulkifli - CEO Invest KL - TPr. Ts Norliza Binti Hashim - CEO Urbanice Malaysia - Dr. Ceelia Leong - Director- Think City	9th Citynet Congres Parallel Session City Talk	Bersempena ulang tahun ke 50 Kual Lumpur mencapai status bandar raya, kongres ini dapat mengetengahkan amalan-amalan terbaik bagi membolehkan Kuala Lumpur mendapat pengikirafan antarabangsa

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI

14 Jun 2022


Program Webinar Kuala Lumpur Regional Training Centre (KLRTC) 42: Getting into action : Disasters Prevention for Cities Resilience



2 Ogos – 2 Oktober 2022

Program Attachment UCLG ASPAC-DBKL





23 September 2022

9th Citynet Congress- City Talk



22 September 2022

9th Citynet Congress- Parallel Session C



9th Citynet Congress- Parallel Session B



9th Citynet Congress- Parallel Session A



Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta *ditubuhkan pada tahun 1958 dikenali sebagai Pejabat Penilaian Perbandaran. Pada tahun 1975 jabatan ini telah diberi nama baru iaitu Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur selaras dengan fungsi jabatan iaitu membuat penilaian dan pengurusan harta.* Di samping itu, jabatan juga menguruskan hal ehwal hartanah Datuk Bandar Kuala Lumpur dari segi hakmilik strata, pemilik hartanah, pengambilan balik tanah, perolehan harta dan insuran kebakaran dengan cekap dan berkualiti.

1.2 Bahagian-Bahagian/ Unit-Unit di Jabatan

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) juga berperanan melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur di bawah peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) . Terdapat enam (6) Bahagian di dalam JPPH merangkumi Bahagian Penilaian Khas dan Pembangunan, Bahagian Pengurusan Harta dan Pentadbiran, Bahagian Geomatik, Bahagian Operasi COB, Bahagian Khidmat Nasihat dan Latihan COB serta Bahagian Penilaian Kadaran dan Sistem Maklumat

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Pada tahun 2022, jumlah kakitangan di Jabatan adalah seramai 301 orang dengan penempatan di JPPH adalah seramai 293 orang manakala penempatan di luar JPPH adalah seramai 4 orang. Manakala kekosongan perjawatan yang belum diisi adalah seramai 4 orang. Senarai terperinci jawatan adalah seperti di dalam jadual berikut:-

Jadual 1 : Perjawatan Tahun 2022

Jawatan	Tetap	Kontrak	Jumlah Staff (Tetap & Kontrak)	Kekosongan & Gred	Penempatan di Luar Jabatan
P & P	30	3	33	-	W41 (1)
GRED 29 - 36	53	8	61	JA36 (1)	JA36 (1), -
GRED 19 - 26	125	3	128	W19 (2), JA19 (1)	JA19 (1), W19 (1)
GRED 11 - 12	72	7	79	-	-
JUMLAH	**280**	**21**	**301**	**4**	**4**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Memberi perkhidmatan penilaian harta yang cekap, bermutu, mesra dan tepat

2.2 Misi

Bersatu tenaga secara cekap dan produktif ke arah meningkatkan hasil pencukaian taksiran DBKL

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Meminda Senarai Nilaian bagi hartanah yang dibenarkan di bawah Seksyen 144 Akta Kerajaan Tempatan 1976 seperti bangunan baru, tambahan atau ubahsuaian dan perobohan sebanyak 4 kali setahun iaitu pada 1 Januari, 1 April, 1 Julai, dan 1 Oktober setiap tahun. Tarikh kuatkuasa pindaan Senarai Nilaian bagi bangunan baru adalah 6 bulan selepas tarikh keluaran Perakuan Menduduki Sementara Bangunan (TCF), Perakuan Menduduki Bangunan(CF), Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) atau Borang F.

3.2 Mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada pemilik harta mengenai pindaan Nilai Tahunan selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh pendengaran bantahan.

3.3 Mengeluarkan Notis Panggilan Mendengar Bantahan kepada pemilik yang mengemukakan bantahan terhadap pindaan Nilai Tahunan secara bertulis dan dalam tempoh yang dibenarkan selewat-lewatnya 3 hari sebelum tarikh pendengaran bantahan.

3.4 Mengeluarkan keputusan Pendengaran Bantahan cukai taksiran dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh pendengaran bantahan.

3.5 Menjelaskan bayaran cukai tanah tahunan bagi tanah-tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah seliaan jabatan sebelum 31 Mei setiap tahun.

3.6 Menyediakan laporan penilaian bagi maksud caj pembangunan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.7 Mengemukakan permohonan tanah bagi maksud pemberimilikan perizaban atau Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh maklumat lengkap diterima.

3.8 Mengeluarkan Sijil Perakuan Penubuhan Badan Pengurusan Bersama dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

3.9 Memastikan Notis Pemberitahuan Penubuhan Badan Pengurusan Bersama dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan Borang 25 (Notis oleh Pemaju Mengenai Niatnya untuk Menyerahkan Milikan Kosong) kepada pemaju.

3.10 Mengeluarkan keputusan permohonan penyewaan bangunan yang diurus oleh jabatan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan Tanah dan Bangunan.

3.11 Mengeluarkan Surat Tawaran Menyewa Dewan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan resit cagaran lengkap bersama dokumen berkaitan.

3.12 Menyediakan Pelan Ukur Kejuruteraan bagi keluasan pengukuran kurang 4 hektar dalam tempoh 30 hari bekerja daripada Tarikh permohonan lengkap diterima.

3.13 Menyediakan Pelan Pengambilan Tanah untuk ulasan awal kepada JKPTG dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh penerimaan maklumat hakmilik dan carian rasmi daripada Pejabat Tanah dan Galian.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

KRA	KPI	Pencapaian
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (*CUSTOMER FOCUS*)	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja jabatan.	100%
	Mensasarkan penyelesaian 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022	99.8%
MEMPERKUKUH KAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	95.06%
	Mengemukakan Perancangan Perolehan bagi tahun 2023	100%
	Menyelesaikan isu yang melibatkan AP58.	100%
MENAMBAH HASIL DBKL	Pindaan Senarai Nilaian bagi tujuan cukai taksiran	100%
PENGURUSAN HARTANAH	Kutipan caj sewaan semasa	68.9%
	Kutipan tunggakan sewa harta milik Datuk Bandar	47.5%

KRA	KPI	Pencapaian
TRANSFORMASI PENGURUSAN KOMUNITI STRATA	Soalan Lazim (FAQ) Pengurusan kewangan dan akuan bagi bangunan berstrata	100%
	Menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) berkenaan pengubahsuaian dalaman tanpa kelulusan dan pembinaan tambahan di pembangunan berstrata Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)	100%
	Menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) kacau ganggu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	100%
MELAKSANAKAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR MAMPAN	Menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) kerja Pemetaan menggunakan 'Unmanned Aerial Vehicle' (UAV@ Drone)	100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhan

Membuat penilaian cukai taksiran ke atas kira-kira 726,425 harta persendirian di WPKL yang menyumbang pendapatan sejumlah RM1.43 bilion sehingga Disember 2022. JPPH bertanggungjawab bagi memastikan semua hartanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dinilai bagi maksud kadaran dengan adilnya berpandukan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976. Di samping bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat bagi maksud nilai pasaran, sewa pasaran, caj pembangunan dan kajian kemungkinan kepada lain-lain jabatan dalaman.

5.2 Fungsi-Fungsi Unit-Unit/ Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Membuat penilaian cukai taksiran ke atas hartanah persendirian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5.2.2 Membuat penilaian caruman membantu kadar ke atas harta milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaaan Negeri dan Badan Berkanun.

5.2.3 Membuat penilaian nilai pasaran, nilai pampasan, nilai sewa, nilai pajakan, nilai insuran dan kajian kemungkinan bagi harta-harta milik DBKL atau yang dicadang dibeli/disewa/diambil balik oleh DBKL.

5.2.4 Membuat penilaian caj pembangunan mengikut permintaan dari Jabatan Perancang Bandar DBKL.

5.2.5 Mengurus permohonan tanah, sewaan tanah dan bayaran cukai tahunan bagi tanah-tanah milik DBKL.

5.2.6 Mengurus dan menyelenggara bangunan pejabat, kilang, pangsapuri dan kondominium milik DBKL.

5.2.7 Mengurus permohonan hakmilik strata bagi perumahan awam milik DBKL.

5.2.8 Mengawal selia pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur.

5.2.9 Menjalankan kerja pengukuran untuk kejuruteraan, ortofoto, pengambilan tanah, permohonan tanah, pengesanan utiliti bawah tanah dan geospatial serta membantu pasukan bangunan untuk khidmat nasihat bagi projek-projek yang dijalankan oleh DBKL.

5.3 Aktiviti-Aktiviti Unit

5.3.1 Unit Pembangunan Tanah Dan Pengambilan Balik Tanah

Unit ini bertanggungjawab mengurus dan mentadbir segala perkara yang berkaitan dengan hal ehwal tanah seperti permohonan tanah kerajaan, rekod dan kawalan tanah-tanah Datuk Bandar Kuala Lumpur, tanah kerajaan yang diluluskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada DBKL serta lain-lain urusan tanah kepentingan DBKL.

5.3.2 Butir-Butir Permohonan Tanah Bagi Tahun 2022

Sejumlah permohonan tanah bagi maksud hakmilik, rizab dan LPS telah dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTG, WPKL) bagi tahun 2022 adalah seperti berikut :

Bil.	Jenis Permohonan	2021	2022
1.	Hakmilik	15	3
2.	Lesen Pendudukan Sementara (LPS)	429	37
3.	Perizaban	18	35
	JUMLAH KESELURUHAN	462	75

5.3.3 Butir-Butir Kelulusan Permohonan Tanah Tahun 2022

Maklumat 315 permohonan yang telah menerima kelulusan pemilikan, pewartaan dan Lesen Pendudukan Sementara daripada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKTWPKL) bagi tahun 2022 adalah seperti berikut :

Bil.	Jenis Permohonan	2021	2022
1.	Hakmilik	13	3
2.	Lesen Pendudukan Sementara (LPS)	5	293
3.	Perizaban	34	19
	JUMLAH KESELURUHAN	**52**	**315**

5.4 Maklumat Pemilikan Tanah Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur

Bahagian ini juga bertanggungjawab merekod, mengemaskini dan menyimpan maklumat tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur termasuk butiran pemilikan. Selain itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam mengawal selia hakmilik asal bagi tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Sejajar dengan fungsi dan tugasnya yang utama, aktiviti bahagian ini sepanjang tahun 2022 tertumpu kepada penyelarasan maklumat dan hakmilik asal bagi kira-kira 639 tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Daripada 639 tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur tersebut, 101 tapak merupakan tanah kosong dan Unit ini bertanggungjawab untuk memastikan tapak-tapak tersebut tidak diceroboh.

5.4.1 Maklumat Pemilikan Tanah Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah seperti berikut:-

Bil	Seksyen / Mukim	Jumlah
1.	SEKSYEN	127
2.	KUALA LUMPUR	233
3.	SETAPAK	123
4.	BATU	74
5.	PETALING	54
6.	AMPANG/ULU KELANG	28
	JUMLAH KESELURUHAN	**639**

5.4.2 Pengambilan Balik Tanah

Bahagian ini juga menyediakan laporan dan anggaran awal penilaian dalam menentukan pampasan bagi tanah milik persendirian dan tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur yang terlibat dengan kes Pengambilan Balik Tanah. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 51 penilaian direkodkan berbanding tahun 2021 sebanyak 5 sahaja.

5.5 Penyelidikan Dan Pembangunan

5.5.1 Transaksi Hartanah

Sepanjang tempoh **Januari hingga Disember 2022**, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menerima data daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kuala Lumpur, Kementerian Kewangan Malaysia.

Jadual 1 : Jumlah penerimaan data adalah seperti berikut:-

Bulan	Jumlah Data	
	Tanah & Bangunan	Tanah Kosong
Januari - Jun	8,483	46
Julai – Disember	5,831	27
Jumlah Keseluruhan	**14,314**	**73**

Nota : (Data Transaksi daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kuala Lumpur, Kementerian Kewangan Malaysia)

5.6 Senarai Nilaian

Bahagian ini bertanggungjawab merekod, mengemaskini dan menyimpan kesemua maklumat harta persendirian yang dinilai dan dikenakan cukai taksiran di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah harta yang dinilai sehingga 31 Disember 2022 ialah 726,425 harta. Jumlah nilai tahunan pada tahun 2022 ialah RM 20,448,221,440.75 berbanding RM 19,683,817,056.75 pada tahun 2021 iaitu pertambahan sebanyak RM 764,404,384.00 atau bersamaan 3.88%.

Maklumat harta ini atau pegangan berkadar direkodkan ke dalam sistem penilaian mengikut seksyen, mukim, jalan dan taman perumahan. Maklumat penting yang direkodkan ialah Nilai Tahunan setiap pegangan dimana nama, alamat surat menyurat pemilik serta butir-butir pegangan telah dikemaskini.

5.6.1 Pertambahan Nilai Tahunan

Perbandingan jumlah Nilai Tahunan serta pertambahannya di antara tahun 2014 (Penilaian Semula) hingga tahun 2022 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Nilai Tahunan (RM)	Pertambahan Nilai Tahunan (RM)	Peratusan Kenaikan (%)
2014	14,998,570,101.00	5,170,658,857.02	52.98%
2015	15,698,646,801.00	700,076,700.00	4.67%
2016	16,220,177,997.00	521,531,196.00	3.32%
2017	17,143,237,842.00	923,059,844.91	5.69%
2018	17,853,466,003.50	710,228,161.59	4.14%
2019	18,559,453,448.50	705,987,445.00	3.95%
2020	19,234,277,775.50	674,824,326.00	3.64%
2021	19,683,817,056.75	449,539,281.25	2.37%
2022	20,448,221,440.75	764,404,384.00	3.88%

Jumlah nilai tahunan pada tahun 2022 ialah RM20,448,221,440.75 berbanding RM19,683,817,056.75 pada tahun 2021 iaitu pertambahan sebanyak RM764,404,384.00 atau bersamaan 3.88%.



Carta 1 : Peratusan Kenaikan Nilai Tahunan Harta-Harta Persendirian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi Tahun 2014 sehingga 2022.

5.6.2 Bilangan Bantahan

Bilangan bantahan terhadap Senarai Nilaian bagi tahun 2014 hingga tahun 2022 dapat diringkaskan seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Pindaan	Jumlah Bantahan	Peratus Bantahan (%)
2014	12,249	2,216	18.09%
2015	40,842	2,464	6.03%
2016	34,915	2,061	5.90%
2017	49,697	6,218	12.51%
2018	59,519	13,917	23.40%
2019	55,843	7,605	13.62%
2020	47,669	6,047	12.68%
2021	35,842	8,886	24.79%
2022	43,382	3,526	8.13%

Jumlah pegangan yang terlibat dengan pindaan pada tahun 2021 ialah 35,842 pindaan, manakala pada tahun 2022 ialah 43,382 pindaan. Jumlah bantahan pada tahun 2021 dan tahun 2022 masing-masing berjumlah 8,886 dan 3,526 di mana peratusan bantahan berbanding jumlah pindaan didapati menurun daripada 24.79% pada tahun 2021 kepada 8.13% pada tahun 2022. Bilangan bantahan ini adalah bagi kes-kes pindaan (*current work*) sahaja.

Sesi Pendengaran Bantahan Cukai Taksiran bagi penggal pindaan 1.4.2022 dan 1.7.2022 telah diadakan pada 14 hingga 16 Jun 2022 manakala bagi penggal pindaan 1.10.2022 dan 1.1.2023 pula telah diadakan pada 6 hingga 8 Disember 2022. Sesi pendengaran bantahan telah diadakan secara hibrid dimana kehadiran pembantah adalah secara fizikal dan secara dalam talian yang dipengerusikan oleh Ahli Lembaga Penasihat DBKL, Ketua Jabatan DBKL dan wakil Jabatan Wilayah Persekutuan.

5.7 Unit Strata

Unit Strata dan Penswastaan secara umumnya bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir hal ehwal permohonan hakmilik strata serta menyelaras penyediaan hal ehwal penilaian tanah dan bangunan bagi projek-projek penswastaan DBKL.

Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Penilaian Gred W41 serta dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Penilaian Gred W29, seorang Pembantu Penilaian Gred W19 dan seorang Pembantu Tadbir Gred N19.

5.7.1 Fungsi Unit Strata

i. Menguruskan hal ehwal permohonan hakmilik bagi strata bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

ii. Menyelaraskan bayaran permohona tanah, bayaran jurukur, bayaran kelulusan tanah dan lain-lain yang berkaitan dengan permohonan hakmilik strata.

iii. Menguruskan kutipan sokumen hakmilik strata di Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL) serta merekod dan mendaftar maklumat hakmilik strata.

iv. Menguruskan serahan hakmilik strata kepada jabatan yang berkenaan bagi tujuan urusan pindah milik kepada pembeli.

v. Menyediakan dan menguruskan permohonan penilaian dan kajian pulangan serta daya maju bagi projek-projek penswastaan DBKL.

vi. Menyelaraskan maklumbalas dan khidmat nasihat kepada Jawatankuasa yang berkenaan bagi projek-projek penswastaan dan usahasama DBKL.

vii. Menyelaraskan pengumpulan dan penyediaan maklumat bagi mesyuarat berikut :-

   a. Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Projek-Projek Penswastaan
   b. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Projek- Projek Penswastaan (JPPP)
   c. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Projek Bersama Projek-Projek Penswastaan (JPMC)
   d. Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Teknikal Projek-Projek Penswastaan (JTEK)

viii. Menyelaraskan pengumpulan dan penyediaan maklumat bagi mesyuarat berikut:

   a. Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Projek-Projek Penswastaan
   b. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Projek- Projek Penswastaan (JPPP)
   c. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Projek Bersama Projek-Projek Penswastaan (JPMC)
   d. Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Teknikal Projek-Projek Penswastaan (JTEK)

ix. Menyediakan dan mengemaskini laporan serta maklumat terkini bagi projek-projek penswastaan.

x. Menyediakan input bagi Modul Permohonan Hakmilik Strata dan Projek Usahasama/Penswastaan untuk projek pembangunan Sistem eHarta DB.

xi. Mengurus tadbir dan mengemaskini fail-fail strata dan projek usahasama/penswastaan.

xii. Menguruskan dan menyelaraskan penyediaan minit mesyuarat dan maklum balas bagi Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pembelian Hartanah (JKPPH) DBKL.

xiii. Mewakili jabatan dalam menyelaraskan urusan berkaitan Jawatankuasa Ekonomi Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030.

xiv. Menyediakan input dan menyertai mesyuarat dan aktiviti bagi projek Kajian Pelaksanaan Model Amalan Terbaik Pengurusan Penyewaan Hartanah Datuk Bandar

5.8 Skop Strata


Unit ini telah mengawal selia kerja-kerja ukur untuk penyediaan hakmilik tanah meliputi penyediaan pelan pra-hitungan serta lain-lain keperluan pengeluaran hakmilik sementara dan hakmilik tetap sebelum permohonan bagi pengeluaran hakmilik strata dapat dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL) selaras dengan peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985.

Sepanjang tahun 2022, tiada sebarang permohonan serah balik dan beri milik semula tanah bagi tujuan persempadanan Perbadanan Pengurusan (MC) serta permohonan Sijil Formula Unit Syer (SiFUS) yang dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL).


Seterusnya, statistik permohonan hakmilik strata sehingga Disember 2022, adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah Skim
1.	Telah ada hakmilik strata (PA & PPR)	41
2.	Telah kemukakan Permohonan Strata ke PTGWPKL	10
3.	Dalam tindakan permohonan Sijil Cadangan Pelan Strata (CPSP)	2
4.	Dalam tindakan permohonan Sijil Formula Unit Syer (SiFUS)	2
5.	Dalam tindakan penyediaan Pelan Akui (PA) atau/dan penyediaan Pelan QT oleh Jurukur	4
6.	Dalam tindakan permohonan serah balik dan beri milik semula tanah	1
7.	Dalam tindakan kelulusan pelan Pra-Hitungan	0
8.	Dalam tindakan penyediaan pelan pra-hitungan bagi pemohonan serah balik dan beri milik semula tanah	0
9.	Dalam tindakan pelantikan Jurukur	2
	Jumlah	**62**

Kelulusan keseluruhan yang diperolehi bagi permohonan memecah bahagi bangunan sehingga Disember 2022 adalah berjumlah 39,649 unit sebagaimana yang dipaparkan pada Carta 1.1 dan Carta 1.2 di bawah :-



Carta 1.1 : Pecahan dan peratusan permohonan hakmilik strata di bawah tanggungjawab JPPH DBKL sehingga tahun 2022



Carta 1.2 : Jumlah kelulusan hakmilik strata yang telah diperolehi oleh DBKL dari tahun 1998 sehingga 2022

5.9 Skop Penswastaan

Unit ini bertanggungjawab untuk menyelaras hal ehwal penyediaan dan pengemaskinian maklumat bagi projek-projek penswastaan dari semasa ke semasa.

Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab untuk menyediakan laporan penilaian bagi nilai pasaran yang merangkumi aspek berkaitan pulangan dan daya maju sesebuah projek.

5.10 Caj Pembangunan

5.10.1 Bilangan Kes Penilaian Caj Pembangunan

Sepanjang tahun 2022, sejumlah 217 kes penilaian caj pembangunan telah dilaksanakan dan dikemukakan kepada Jabatan Perancangan Bandaraya berbanding 187 kes yang dilaksanakan pada tahun 2021. Hal ini menunjukkan bahawa bilangan kes pada tahun 2022 telah meningkat sebanyak 30 kes (16%) berbanding tahun 2021.

Jadual 1 : Bilangan Kes Penilaian Caj Pembangunan Bagi Tahun 2022

Bulan	Bilangan Kes Penilaian Caj Pembangunan					Jumlah
	Tambahan Kepadatan Penduduk	Penukaran Zon Kegunaan Tanah	Lebihan Luas Lantai	Sumbangan Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja	Penukaran Zon Kegunaan Tanah Sementara	
JANUARI	1	3	6	0	9	**19**
FEBRUARI	1	2	5	1	11	**20**
MAC	3	3	6	0	7	**19**
APRIL	3	1	4	0	6	**14**
MEI	0	1	3	0	7	**11**
JUN	0	3	1	1	13	**18**
JULAI	1	3	2	0	4	**10**
OGOS	2	7	3	0	4	**16**
SEPTEMBER	3	3	2	0	11	**19**
OKTOBER	2	3	5	0	5	**15**
NOVEMBER	2	1	5	0	19	**27**
DISEMBER	1	3	6	0	19	**29**
Jumlah Keseluruhan	**19**	**33**	**48**	**2**	**115**	**217**

Jadual 2 : Perbandingan Bilangan Kes Penilaian Caj Pembangunan Antara Tahun 2020 Hingga 2022

Bil.	Bulan	Bilangan Kes Penilaian Caj Pembangunan		
		Tahun 2020	Tahun 2021	Tahun 2022
1	TAMBAHAN KEPADATAN PENDUDUK	41	37	19
2	PENUKARAN ZON KEGUNAAN TANAH	47	45	33
3	LEBIHAN LUAS LANTAI	62	61	48
4	SUMBANGAN PENGECUALIAN PENYEDIAAN RUANG PENJAJA	7	1	2
5	PENUKARAN ZON KEGUNAAN TANAH SEMENTARA	67	43	115
	JUMLAH KESELURUHAN	**224**	**187**	**217**

Daripada keseluruhan bilangan kes penilaian caj pembangunan tersebut, penilaian kes yang melebihi RM1 juta adalah sebanyak 34 kes (15.7%) manakala baki 183 kes (84.3%) adalah melibatkan penilaian caj pembangunan yang tidak melebihi RM1 juta.

Jadual 3 : Bilangan Kes Penilaian Caj Pembangunan Yang Melebihi RM1Juta Bagi Tahun 2022

Bulan	Bilangan Kes Penilaian Caj Pembangunan					Jumlah
	Tambahan Kepadatan Penduduk	Penukaran Zon Kegunaan Tanah	Lebihan Luas Lantai	Sumbangan Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja	Penukaran Zon Kegunaan Tanah Sementara	
JANUARI	1	2	1	0	0	**4**
FEBRUARI	1	2	0	0	0	**3**
MAC	1	3	1	0	0	**5**
APRIL	2	1	1	0	0	**4**
MEI	0	1	0	0	0	**1**
JUN	0	2	0	0	0	**2**
JULAI	1	1	0	0	0	**2**
OGOS	0	2	0	0	0	**2**
SEPTEMBER	0	1	1	0	0	**2**
OKTOBER	0	2	1	0	0	**3**
NOVEMBER	2	1	0	0	0	**3**
DISEMBER	1	2	0	0	0	**3**
Jumlah Keseluruhan	**9**	**20**	**5**	**0**	**0**	**34**

5.10.2 AMAUN PENILAIAN CAJ PEMBANGUNAN

Amaun penilaian caj pembangunan bagi tahun 2022 telah mencatatkan sebanyak RM588,125,700. Pengurangan amaun penilaian caj pembangunan berbanding tahun 2021 adalah sebanyak RM268,731,300 iaitu daripada RM856,857,000 kepada RM588,125,700 bersamaan 31.36%. Hal ini adalah disebabkan oleh kebanyakan permohonan yang diterima melibatkan cadangan pembangunan berskala kecil.

Jadual 4 : Amaun Penilaian Caj Pembangunan Bagi Tahun 2022

Bulan	Amaun Penilaian Caj Pembangunan (RM)					Jumlah
	Tambahan Kepadatan Penduduk (RM)	Penukaran Zon Kegunaan Tanah (RM)	Lebihan Luas Lantai (RM)	Sumbangan Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja (RM)	Penukaran Zon Kegunaan Tanah Sementara (RM)	
JANUARI	RM6,572,000	RM19,174,000	RM16,119,000	0	RM83,300	**RM41,948,300**
FEBRUARI	RM6,210,000	RM32,130,000	RM494,500	RM45,000	RM144,100	**RM39,023,600**
MAC	RM3,572,000	RM24,377,000	RM1,895,000	0	RM89,400	**RM29,933,400**
APRIL	RM23,208,000	RM18,735,000	RM10,486,000	0	RM85,400	**RM52,514,400**
MEI	0	RM13,193,000	RM312,000	0	RM69,500	**RM13,574,500**
JUN	0	RM22,362,000	RM18,000	RM780,000	RM324,100	**RM23,484,100**
JULAI	RM6,050,000	RM17,605,900	RM428,000	0	RM29,900	**RM24,113,800**
OGOS	RM35,000	RM227,700,200	RM1,474,000	0	RM24,300	**RM229,233,500**
SEPTEMBER	RM954,000	RM29,108,500	RM10,210,000	0	RM137,800	**RM40,410,300**
OKTOBER	RM505,000	RM24,622,000	RM21,694,000	0	RM63,600	**RM46,884,600**
NOVEMBER	RM12,798,000	RM7,146,000	RM646,000	0	RM225,800	**RM20,815,800**
DISEMBER	RM2,559,000	RM22,679,000	RM789,000	0	RM162,400	**RM26,189,400**
JUMLAH KESELURUHAN	**RM62,463,000**	**RM458,832,600**	**RM64,565,500**	**RM825,000**	**RM1,439,600**	**RM588,125,700**

Jadual 5 : Perbandingan Amaun Penilaian Caj Pembangunan Antara Tahun 2020 Hingga 2022

Bil.	Bulan	Amaun Penilaian Caj Pembangunan (RM)		
		Tahun 2020	Tahun 2021	Tahun 2022
1	TAMBAHAN KEPADATAN PENDUDUK	276,481,000	419,622,000	RM62,463,000
2	PENUKARAN ZON KEGUNAAN TANAH	861,792,000	338,102,500	RM458,832,600
3	LEBIHAN LUAS LANTAI	138,885,500	97,316,700	RM64,565,500
4	SUMBANGAN PENGECUALIAN PENYEDIAAN RUANG PENJAJA	4,915,500	1,140,000	RM825,000
5	PENUKARAN ZON KEGUNAAN TANAH SEMENTARA	1,011,800	675,800	RM1,439,600
	JUMLAH KESELURUHAN	**1,283,085,800**	**856,857,000**	**RM588,125,700**

5.11 Bahagian Geomatik

Terdiri daripada enam (6) unit utama seperti berikut:

a. Unit Pengurusan Aset Ukur
b. Unit Pengambilan Hartanah
c. Unit Perundingan Jurukur Berlesen
d. Unit Geospatial Dan Land Bank
e. Unit Pemetaan Utiliti
f. Unit Pengukuran Kejuruteraan

5.11.1 Fungsi Bahagian Geomatik

a) Unit Pengurusan Aset Ukur

i. Pembelian peralatan ukur
ii. Penyelenggaraan peralatan ukur
iii. Inventori peralatan ukur
iv. Mengurus/mengawal penggunaan peralatan ukur
v. Menyediakan spesifikasi perisian ukur kepada unit sistem maklumat JPPH
vi. Menyediakan spesifikasi Komputer yang memenuhi kehendak perisian dan peralatan ukur kepada unit sistem maklumat JPPH
vii. Menyediakan spesifikasi keperluan untuk pembangunan sistem berkaitan ukur
viii. Mengurus/ mengawal penggunaan peralatan pelotan
ix. Menguruskan peruntukan belanjawan pembangunan dan mengurus untuk peralatan dan perisian ukur
x. Membantu pelupusan alat ukur

b) Unit Pengambilan Hartanah

i. Mengemaskini rekod pengambilan tanah persendirian oleh DBKL
ii. Menguruskan peruntukan Belanjawan Pembangunan untuk Pengambilan Tanah
iii. Menguruskan proses permohonan pengambilan tanah untuk pembangunan projek DBKL sehingga pengeluaran hakmilik sambungan
iv. Menyediakan pelan pra-hitungan bagi tujuan pelupusan tanah di bawah seksyen 42 KTN

c) Unit Perundingan Jurukur Berlesen

i. Pelantikan Jurukur Berlesen
ii. Mengawalselia kerja Jurukur Berlesen (naziran)
iii. Menguruskan peruntukan Belanjawan Pembangunan (Pelantikan Jurukur Berlesen)

iv. Memastikan Pelan Akui dihantar ke PTG untuk Pewartaan /Pemberimilikan bagi kerja yang telah selesai.

v. Memberi khidmat nasihat kepada jabatan/jabatan terlibat lain tentang kerja ukur.

vi. Mendepositkan upah ukur untuk kerja Ukuran Hakmilik bagi Jurukur Berlesen yang dilantik kepada ke Lembaga Juruukur Malaysia.

vii. Membuat bayaran ukur selain Ukur Hakmilik kepada Jurukur Berlesen

viii. Menghantar maklumat ukuran yang telah siap kepada jabatan pemohon dan sesalinan rekod kepada Unit Geospatial & Land Bank untuk di arkibkan.

d) Unit Geospatial Dan Land Bank

i. Penawanan data GIS untuk mengemaskini data bagi *layer* yang diwujudkan

ii. Menguruskan pembelian dan penyimpanan data fotoudara/ *orthofoto/ satelite image*

iii. Penghasilan peta tematik/ panduan.

iv. Mengemaskini rekod hakmilik

v. Mengemaskini data/ maklumat geospatial bagi rujukan teknikal info tanah

vi. Pembelian dan pengawalan rekod Pelan Akui (PA), nilai tanda aras (BM), data RTK JUPEM dan transformasi kodinit *(GDM transformation)*

vii. Semakan status tanah, carian persendirian, carian rasmi & Permohonan Salinan Hakmilik Diakui Sah (CTC) di PTG

viii. Semakan pewartaan di PNMB

ix. Pengurusan dan pembangunan data-data kawasan lapang yang diserahkan pemaju untuk tujuan perizaban sebagai kawasan lapang

x. Mengenalpasti tanah-tanah kosong untuk dibeli oleh DBKL bagi tujuan pelaburan akan datang

xi. Pengumpulan data tanah untuk berbagai keperluan pembangunan di masa hadapan

xii. Penyimpanan peta / pelan akhir kedalam sistem kerja ukur

xiii. Menguruskan peruntukan Belanjawan Mengurus

e) Unit Pemetaan Utiliti

i. Sebagai One Stop Center data-data utiliti bawah tanah dengan adanya Sistem Kuala Lumpur Underground Utility Data Centre (KLUDC). Data-data Utiliti bawah tanah diintegrasikan kepada format GIS dan mewujudkan Aliran Kerja Baru di DBKL.

ii. Menganalisis data daripada sistem pangkalan data utiliti berpusat yang berkemampuan untuk menghasilkan data utiliti yang berkualiti.

iii. Tempat rujukan bagi segala permohonan seperti:
   - Permohonan Perintah Pembangunan (DO)
   - Permohonan Permit Korekan Jalan (JKAWS)
   - Permohonan Perancangan
   - Pembangunan Baru
   - Panduan permohonan untuk kelulusan OSC

iv. Mengatasi masalah ketiadaan data utiliti.

v. Mengawalselia data utiliti yang dibekalkan mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

vi. Kerja-kerja di lapangan untuk:
   - Pengumpulan maklumat (utiliti bawah tanah dan butiran)
   - Pengesahan pemetaan utiliti bawah tanah
   - Pengesanan dan penandaan utiliti bawah tanah
   - Penghasilan pelan/peta

vii. Mengumpul dan menyelaras maklumat-maklumat pemetaan utiliti bawah tanah.

viii. Membekalkan data untuk projek DBKL

ix. Menjalankan penyelidikan & pembangunan teknologi dan prosidur terbaru berkaitan pemetaan utiliti bawah tanah

x. Menguruskan peruntukan Belanjawan Pembangunan (Projek KLUDC)

f) Unit Pengukuran Kejuruteraan

i. Penyediaan Pelan Ukur Kejuruteraan

ii. Pemantauan kerja dan penyemakan pelan kejuruteraan yang dihantar oleh Jurukur Berlesen.

iii. Kerja-kerja pemantauan tanah runtuh dan pergerakan struktur

iv. Penggunaan 'GNSS' untuk menentu kedudukan titik kawalan bersepadu

v. Pengambilan data di lapangan menggunakan kaedah pengukuran berkoordinat dan diintegrasikan didalam format GIS untuk dimasukkan di dalam sistem G-aset.

vi. Penyelesaiaan penentuan sempadan antara negeri & lot tanah bagi isu-isu semasa (penyelenggaraan, pencerobohan)

vii. Penawanan data menggunakan UAV *(Unmanned Aerial Vehicle @ drone)* bagi menghasilkan pelan ortofoto.

viii. Menyelaras, menyelenggara, membangun dan mengemaskini Pangkalan Data menggunakan imej fotoudara.

ix. Menjalankan penyelidikan, pembangunan teknologi dan prosedur terbaru berkaitan kerja pemetaan udara.

x. Memohon permit penggambaran foto udara daripada JUPEM

xi. Memohon permit penerbangan daripada CAAM

xii. Tinjauan untuk kerja kecemasan (Tanah runtuh, kemalangan dan lain-lain)

5.12 Statistik Pelan Ukur

Statistik yang hanya dikeluarkan pelan akhir adalah:

Statistik Kerja Ukur dan Penghasilan Pelan Tahun 2022

Bil	Jenis Pelan	Jumlah
1.	Kejuruteraan	197
2.	Utiliti	12
3.	Pra-Hitungan	27
4.	Pengambilan Tanah	1
	JUMLAH KESELURUHAN	**237**

5.13 Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)

Jadual 1 : Pecahan Status dan Jumlah Pihak Pengurusan Bangunan Berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

	JUMLAH
Pemaju (DBKL)	47
Pemaju (Swasta)	817
Badan Pengurusan Bersama (JMB)	456
Perbadanan Pengurusan (MC)	1,524
Ejen Pengurusan	29
Pentadbir	8
Lain-Lain	2,597
JUMLAH KESELURUHAN	**5,479**

(Nota : Kemaskini data pada 1.12.2022)



Anggaran purata 70% penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tinggal di bangunan berstrata

Jadual 2 : Statistik Aduan Berkenaan Bangunan Berstrata Yang Diterima Dan Diselesaikan Oleh COB Kuala Lumpur Bagi Tahun 2022

Bil	Aduan Awam	Terima
1	Mesyuarat	4,767
2	Pentadbiran dan Pengurusan	836
3	Penyenggaraan dan Kerosakan	2,351
4	Isu Kewangan	802
5	Khidmat Nasihat	511
6	Penguatkuasaan COB	43
7	Lain-lain (penubuhan JMB/MC, penyalahgunaan harta bersama, kecurian kabel, deposit air/elektrik, ejen pengurusan)	398
	Jumlah Keseluruhan Tahun 2022	**9,708**

Jadual 3 : Program Anjuran Bahagian COB Kuala Lumpur Sepanjang Tahun 2022

Bil.	Nama Program	Bil. Program	Tarikh	Tempat	Sasaran Peserta	Anggaran Jumlah Peserta
1.	Kursus Pendidikan Pengurusan Strata Melalui Kaedah Mediasi	10 siri	5/9/2022 – 20/9/2022	Pusat Mediasi Komuniti Strata	JMB / MC	300 orang
2.	Kursus Pemantapan dan Pemahaman Pengurusan Strata	10 siri	21/9/2022 – 6/10/2022	Pusat Mediasi Komuniti Strata	JMB / MC	300 orang
3.	Kursus Pengurusan Strata Secara Atas Talian – Pengurusan Perolehan di Bangunan Berstrata	1 siri	21/8/2022	Secara Atas Talian	Pemaju / JMB / MC	
4.	Kursus Pengurusan Strata Secara Atas Talian – Illegal Extension & Kacau Ganggu	1 siri	26/9/2022	Secara Atas Talian	Pemaju / JMB / MC	
5.	Program Bual Bicara Coffee Talk COBKL	10 siri	15/8/2022 – 19/12/2022	Rakaman Siaran Langsung – FB DBKL	Pemaju / JMB / MC	1,000 orang

Jadual 4 : Program Turun Padang (TUPA) Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Bersama Pemaju/JMB/MC Sepanjang Tahun 2022

Bil.	Nama Program	Bil. Program
1.	Program Turun Padang – Sesi Townhall / Operasi / Taklimat	12
2.	Program Turun Padang – AGM / EGM	8
3.	Program Turun Padang – Anugerah Pengiktirafan Bintang JMB / MC Skim Pemajuan Kos Rendah & Kos Sederhana Rendah	10
4.	Program Turun Padang – Hari Bertemu Pelanggan	8
5.	Program Hebahan Media Massa	6
6.	Program Bual Bicara Coffee Talk COBKL	10
7.	Program Taklimat Secara Atas Talian	2

5.14 Pembelian

Sepanjang tahun 2022 aktiviti pembelian aset Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah seperti berikut:-

Jadual 1 : Aktiviti Pembelian Aset Datuk Bandar Kuala Lumpur

Bil.	Perkara	Harga Seunit	Catatan
1.	Pembelian bangunan pejabat berstrata "*En-Bloc*" di atas Plot 7B (2) KL Metropolis - Naza TTDI	RM292,500,000.00 (kos projek)	Pembinaan hampir siap. Serahan pemilikan kosong dijangka pada Mei 2023
2.	Pembelian 21 unit Pangsapuri Pandan Mas 2	RM 40,000.00 (harga seunit)	Telah selesai bayaran. Serahan pemilikan kosong telah dibuat pada 1 Disember 2022
3.	Pembelian 843 Unit Pangsapuri, Kedai, Klinik Dan Pejabat Di Atas Sebahagian Lot 365, Lorong Maarof (Fasa 1A) Daripada Bangsar Hillpark Development Sdn Bhd	RM187,790,580.00 (kos projek)	Dalam Pembinaan
4.	Pembelian 395 Unit Residensi Razakmas 2, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur	RM150,000.00 (harga seunit)	Dalam tindakan. Serahan pemilikan kosong dijangka pada Mac 2021
5.	Pembelian 700 Unit Council Home Di Atas Lot 481111 (PN 52738), Sungai Besi, Mukim Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di antara DBKL dan Wayfield Construction Sdn Bhd	RM214,900,000.00 (kos projek)	Perjanjian Jual Beli telah ditandatangani pada 30 Disember 2022. Pembinaan dijangka bermula pada tahun 2023

5.15 Penyewaan Bangunan

Jadual 1 : Maklumat Penyewaan Ruang/ Premis di Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul adalah seperti berikut:

Bil.	Alamat Premis	Nama Penyewa	Luas Lantai (KP)
1.	Lot T1-47, Tingkat 1	Polis DiRaja Malaysia	605
2.	Lot T1-54, Tingkat 1	Jabatan Imigresen Malaysia	6,839
3.	Lot T3-05, Tingkat 3	Jabatan Pengangkutan Jalan	1,026
4.	Lot T3-04, Tingkat 3	Pos Malaysia Berhad	388
5.	Lot T3-06, Tingkat 3	Jabatan Pendaftaran Negara	4,581
6.	Lot T3-08, Tingkat 3	Kementerian Kesihatan Malaysia	1,456

Jadual 2 : Maklumat Penyewaan Ruang/ Premis di Kompleks Perniagaan Keramat Mall adalah seperti berikut:

Bil.	Alamat Premis	Nama Penyewa	Luas Lantai (KP)
1	Bilik Pejabat, Tingkat 1	N/A	100
2	Bilik NGO 1, Tingkat UG	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI)	190

Bil.	Alamat Premis	Nama Penyewa	Luas Lantai (KP)
3	Bilik NGO 2, Tingkat UG	Puan Puspa Suria (Pesuruhjaya Sumpah)	170
4	Bilik NGO 3, Tingkat UG	Stor Klinik Pergigian 1 Malaysia	190
5	Bilik NGO 4, Tingkat UG	N/A	144
6	Bilik Pejabat, Tingkat UG	N/A	300
7	Lot 1, Tingkat UG	Perpustakaan Negara Malaysia	2,788
8	Lot 2, Tingkat UG	Jabatan Pengangkutan Jalan	2,443
9	Lot 3, Tingkat UG	Kementerian Kesihatan Malaysia	4,047
10	Lot 4, Tingkat UG	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	1,722
11	Lot 5, Tingkat UG	Polis DiRaja Malaysia	1,173
12	Lot 6, Tingkat UG	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	2,788
13	Lot 7, Tingkat UG	Jabatan Imigresen Malaysia	3,014
14	Lot 8, Tingkat UG	Jabatan Pendaftaran Negara	3,014
15	Lot 9, Tingkat UG	N/A	2,217
16	Stor, Tingkat LG	N/A	100
17	Bilik Kaca 1, Besmen	Kegunaan Persatuan	378
18	Bilik Kaca 2, Besmen	Wiraten Services	378

Jadual 3 : Maklumat Penyewaan Premis di bangunan Plaza Sungai Mulia, Gombak adalah seperti berikut:

Bil.	Alamat Premis	Nama Penyewa	Luas Lantai (KP)
1	Lot A4-27	N/A	2,469

Jadual 4 : Maklumat Penyewaan Premis di Lain-lain kawasan adalah seperti berikut:

Bil.	Alamat Premis	Nama Penyewa	Luas Lantai (KP)
1.	Kedai Cenderamata, Taman Botani Perdana	Kia Klemenz Gifts & Souvenirs Sdn Bhd	2,010
2.	Kafeteria 1, Taman Botani Perdana	RKKM Cartoon & Comic Gallery	1,176
3.	Lot 5-1, Aras 5, Ruang Letak Kereta Bertingkat, Taman Botani Perdana	KL Seafood Market Sdn Bhd	10,760
4.	Lot 5-2, Aras 5, Ruang Letak Kereta Bertingkat, Taman Botani Perdana	Food Parcel Sdn Bhd	12,033
5.	Lot 10, Jalan Tangsi	IKATAN	16,323
6.	Kafe Jalan Bandar, Leboh Pudu (Segitiga Bangkok Bank)	N/A	1,834
7.	Guiding Gallery, (Menara 1 & 3)	N/A	1,398
8.	Guiding Gallery (Menara 2)	Makan Buzz Sdn Bhd	530
9.	Ruang Bumbung TLK bertingkat, Eco City (Infrastruktur Telco)	Pancar Bakti	53.82
10.	Kafe Tepian Tasik, Taman Tasik Titiwangsa KL	Rimbunan Alam Enterprise	2,563.00
11.	Rumah Sampan, Taman Tasik Titiwangsa KL	Rimbunan Alam Enterprise	4,512.00

5.16 Statistik Penyewaan Dewan Perdana Keramat Mall seperti berikut:

Sejumlah **33 penyewa** yang terdiri daripada orang awam, kakitangan, pesara dan agensi kerajaan telah menyewa dewan untuk kegunaan majlis bagi sepanjang tahun 2022. Jumlah pendapatan sewaan dewan termasuk bayaran komisen panel katerer adalah sebanyak **RM 112,660.00**.

6.0 BAJET

6.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM38,696,100.00	89%
Perbelanjaan	RM34,439,529.00	

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM96,946,875.00	99%
Perbelanjaan	RM96,357,863.00	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN TAHUN 2022

7.1 Program Di Bawah Seliaan Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta (JPPH)

Jadual 1 : Program Pengurusan dan Penyelenggaraan di bawah seliaan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH)

Bil.	Bangunan	Lokasi	Program
1.	Kuala Lumpur Citywalk (KLCW)	Jalan P Ramlee / Jalan Pinang Kuala Lumpur	Penyerahan Bangunan Bagi Tujuan Penyewaan Untuk Pengurusan dan Penyelenggaraan di Kuala Lumpur Citywalk (KLCW) kepada Tetuan Yayasan Wilayah Persekutuan pada 1 Januari 2022.
2.	Kompleks Arena Sukan Kuala Lumpur	Lot 201209, Jalan Air Jernih, 53200 Setapak, Kuala Lumpur	Penyerahan Bangunan Bagi Tujuan Penyewaan Untuk Pengurusan dan Penyelenggaraan di Kompleks Arena Sukan Kuala Lumpur kepada Tetuan Yayasan Wilayah Persekutuan pada 1 April 2022.
3.	Residensi Sungai Udang, Kuala Lumpur	No.8, Pintasan Segambut, Segambut, 52000 Kuala Lumpur	Penerimaan Bangunan daripada Tetuan RSM Builders Sdn Bhd kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 November 2023.

Jadual 2 : Program di bawah seliaan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH)

Bil.	Tarikh	Program
1.	7.3.2022 – 9.3.2022	Bengkel Pelaksanaan Tabung *Endowmen* di Pihak Berkuasa Tempatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
2.	25.3.2022 – 27.3.2022	Bengkel Penyediaan Dasar dan Peraturan Kediaman "*Council Home*" di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
3.	30.5.2022 – 1.6.2022	Bengkel Penyeragaman dan Pemurnian Keputusan Kes-Kes Mahkamah Melibatkan Penilaian Cukai Taksiran.
4.	18.6.2022 – 26.6.2022	Lawatan Teknikal "*Council Home*" di Bandar Raya Metropolitan Milan, Itali dan *XXVII European Real Estate Society Annual Conference 2022*.

GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI


BIT Banjir



Kursus ZwCAD



Kursus KQGIS



Praktikal GNSS



Kursus GNSS



Kursus Skop Kerja Pengukuran (PEJUTA)



Kursus Pekerja Awam



Kursus TMO (CIDB)



Kursus TMO (CIDB)



Demo Peralatan Ukur (TOPCON)



Pameran Drone



Pencerapan Utiliti



Jamuan Perpisahan Kakitangan



Penerimaan Bangunan daripada Tetuan RSM Builders Sdn Bhd kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 November 2022



8.0 PENCAPAIAN JABATAN

Tarikh	Acara	Keputusan
26 Jun 2022	Dataran DBKL	Urusetia Treasure Hunt DBKL Bersempena Sambutan Jubli Emas Tahun 2022
30 November 2022	Institut Latihan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB)	Tempat Ke- 3 Pertandingan KIK Peringkat DBKL sempena Hari Inovasi dan Kreativiti Jabatan Pengurusan Sumber Manusia





Sektor Pembangunan Sosio-Ekonomi

www.dbkl.gov.my

LAPORAN TAHUNAN
DBKL 2022

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar pada awal penubuhannya menjalankan fungsi berkaitan dengan hal-hal kesihatan dan dikenali sebagai Jabatan Kesihatan. Pada 1 Julai 2011, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membuat perubahan dalam struktur organisasi yang di mana Bahagian Kawalan Pembersihan Bandar telah digabungkan dengan Jabatan Kesihatan dan dikenali sebagai Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS).

1.2 Bahagian-Bahagian/Unit-Unit di Jabatan

JKAS terbahagi kepada 4 bahagian utama iaitu Bahagian Kesihatan Awam, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Alam Sekitar dan Bahagian Kesihatan Persekitaran. Bahagian-bahagian utama ini disokong oleh beberapa unit dan pejabat kesihatan parlimen bagi memastikan fungsi jabatan berjalan dengan lancar.

Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Kategori	Jumlah (Orang)
Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Gred 41-Jusa C)	30
Kumpulan Sokongan I (Gred 17-40)	330
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	834
Jumlah	**1,193**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur Sihat Dan Sejahtera.

2.2 Misi

Bersatu Tenaga Bagi Menyediakan Perkhidmatan Kesihatan Yang Cemerlang.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

3.1 Piagam Pelanggan Jabatan

Bil.	Janji	Menepati Standard		Tidak Menepati Standard		Jumlah Perkhidmatan
		Jumlah Menepati Standard	Peratus Menepati Standard	Jumlah Tidak Menepati Standard	Peratus Tidak Menepati Standard	
1.	Memastikan 100% premis makanan (kedai makan/ restoran/ gerai) yang diperiksa mendapat keputusan penarafan kategori dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Jumlah premis : 6,725	6,725	100%	-	-	6,725
2.	Memastikan maklumbalas awal terhadap aduan diberikan dalam tempoh 3 hari bekerja.	3,020	100%	-	-	3,020

Bil.	Janji	Menepati Standard		Tidak Menepati Standard		Jumlah Perkhidmatan
		Jumlah Menepati Standard	Peratus Menepati Standard	Jumlah Tidak Menepati Standard	Peratus Tidak Menepati Standard	
3.	Memastikan kes denggi yang dilaporkan diambil tindakan kawalan dalam tempoh 24 jam daripada masa notifikasi diterima.	6,256	100%	-	-	6,256
4.	Memastikan tindakan aduan kes gigitan anjing diambil tindakan dalam tempoh 24 jam daripada tarikh aduan diterima.	30	100%	-	-	30
5.	Memastikan kad suntikan dikeluarkan pada hari yang sama pengendali makanan menerima suntikan.	14,141	100%	-	-	14,141
	2	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022	Menyelesaikan 100% aduan yang diterima pada setiap bulan. (berpandukan sasaran KWP)	ET 100%

KRA	Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	3	Pengurusan peruntukan perbelanjaan yang berhemah	Mencapai sekurang-kurangnya 95% perbelanjaan daripada peruntukan tahun 2022.	OT 100%
	4	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023	Jabatan hendaklah mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023 sebelum 31 Disember 2022.	ET 100%
	5	Menyelesaikan AP58 pada bulan Mei 2022	Memastikan pembayaran melibatkan AP58 dijelaskan pada Mei 2022	OT 100%
BANDAR RAYA MILIK WARGA KOTA – PROGRAM KEBUDAYAAN, KESENIAN, PELANCONGAN DAN SUKAN	6.	Berkolaborasi bersama badan-badan NGO dan agensi lain bagi aktiviti kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan	3 kolaborasi dengan NGO dan lain-lain agensi baharu yang tidak pernah berkolabarasi dengan DBKL.	ST 100%
	7.	Berkolaborasi bersama badan-badan NGO berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU) bagi melaksanakan aktiviti kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan.	3 kolaborasi dengan badan NGO atau Agensi Orang Kurang Upaya (OKU)	OT 100%
BANDAR RAYA MILIK WARGA KOTA- PROGRAM BERPRESTIJ	8.	Melaksanakan satu (1) program bertaraf antarabangsa dan berprestij	Program sasaran mengikut tema:- Kebudayaan Kesenian / Muzik Pelancongan Sukan	ST 100%
	9.	Melaksanakan promosi produk pelancongan Kuala Lumpur	Membuat tiga (3) inisiatif promosi produk pelancongan Kuala Lumpur berdasarkan 3 kategori iaitu :- a) Media Masa b) Media Cetak c) Media Sosial	ST 100%
BANDAR RAYA MILIK WARGA KOTA – PEMBANGUNAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN SUKAN	10.	Mencipta lagu baharu melambangkan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai produk jabatan	Menciptakan 3 buah lagu setahun.	OT 100%
	11.	Mereka cipta 3 koreografi tarian baharu berasaskan budaya Melayu, Cina dan India.	Mereka cipta 3 koreografi tarian baharu setahun.	ST 100%
	12.	Melaksanakan tiga (3) program pembangunan sukan	Program Sasaran :- a) 2 sukan teras b) 1 sukan bukan teras	ST 100%

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan

5.1.1 Menyediakan dan menguruskan fasiliti yang berkualiti dan mesra rakyat.

5.1.2 Mempelbagai produk kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan yang berkualiti bagi menyemarakkan suasana kehidupan yang sihat dan kondusif di Kuala Lumpur.

5.1.3 Memberi kerjasama dengan pihak berkepentingan (NGO), badan kerajaan, swasta) bagi menjayakan program dan aktiviti berkaitan kebudayaan, kesenian, pelancongan, sukan dan rekreasi.

5.2 Fungsi Unit-Unit Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan.

5.2.1 UNIT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

i) Menyediakan mekanisma di dalam pembentukan pembangunan seni dan budaya pelbagai kaum;

ii) Mengkaji kualiti program kebudayaan dan kesenian menepati peranan merakyatkan dan menyemarakkan seni budaya;

iii) Menyediakan, menggalakkan dan mempertingkatkan aktiviti kebudayaan dan kesenian khususnya di dalam seni pementasan teater, tarian, nyanyian dan muzik;

iv) Menyediakan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti seni persembahan kebudayaan yang berkaitan dengan acara sambutan perayaan awam dan acara festival-festival kesenian;

v) Menyedia, menyelaras dan memberi kerjasama di dalam menganjurkan aktiviti seni persembahan kebudayaan bersama agensi-agensi kerajaan pihak NGO dan agensi-agensi swasta;

vi) Menyelaraskan permohonan sumbangan kepada agensi untuk pertimbangan Datuk Bandar dan Jabatan Kewangan.

5.2.2 UNIT MUZIK

i) Memberikan khidmat persembahan orkestra / kombo muzik kepada DBKL / agensi;

ii) Menyediakan dan melaksanakan program muzik kepada wargakota dan agensi;

iii) Mengubah lagu mengikut keperluan;

iv) Menjadi sumber rujukan IPT agensi yang berkaitan untuk persembahan orkestra / kombo;

v) Merancang pembangunan tahap kompetensi Ahli Muzik DBKL;

vi) Menyelaraskan permohonan sumbangan kepada agensi untuk pertimbangan Datuk Bandar dan Jabatan Kewangan;

vii) Menjalinkan hubungan baik dengan agensi dan penggiat muzik.

5.2.3 UNIT ACARA

i) Mengenal pasti acara/program sebagai aktiviti tahunan Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan;

ii) Mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan acara /program tahunan jabatan (perayaan / kebudayaan / muzik / sukan / karnival / festival / aktiviti);

iii) Menyelaras bantuan / sumbangan bagi pelaksanaan acara / program anjuran jabatan dalaman DBKL / kementerian / Agensi (Kerajaan / Swasta) pertubuhan / persatuan / kelab / NGO dan lain-lain.

iv) Mengurus dan menyelaras permohonan peruntukan tahunan bagi sumbangan / bantuan, aset serta acara / program tahunan jabatan;

v) Menjalin kerjasama dengan agensi / kementerian yang berkaitan bagi pelaksana acara / program berprestasi tinggi di Peringkat Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Kebangsaan dan Antarabangsa;

vi) Mengurus dan menyelaras pelaksanaan aktiviti promosi bagi acara / program anjuran jabatan dengan kerjasama agensi kementerian yang berkaitan;

vii) Menyediakan belanjawan dan laporan pelaksanaan acara / program;

viii) Mendapatkan kelulusan acara / program tahunan jabatan melalui proses kelulusan minit bebas / lantikan terus.

5.2.4 UNIT PELANCONGAN

i) Menambahbaik penjenamaan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia;

ii) Merancang dan melaksanakan pelbagai program, aktiviti dan kempen bagi mempromosikan produk pelancongan yang terdapat di Kuala Lumpur;

iii) Mempelbagai produk pelancongan bagi menyemarakkan sektor pelancongan di Kuala Lumpur;

iv) Melaksanakan pelan promosi dan pemasaran Kuala Lumpur menerusi pengiklanan di pelbagai platform bersesuaian termasuklah media cetak, media elektronik dan media massa;

v) Menyediakan kaunter informasi pelancongan Kuala Lumpur bagi membolehkan pelancong mendapatkan maklumat pelancongan dengan lebih mudah;
vi) Menyertai pameran pelancongan di peringkat antarabangsa dan domestik;
vii) Mengenalpasti dan mengemaskini informasi pelancongan sebagai bahan promosi Kuala Lumpur;
viii) Memastikan laman web Visit KL dikemaskini untuk menjadikannya lebih global dan interaktif;
ix) Melaksanakan kerjasama dengan penggiat industri pelancongan dan pengamal media;
x) Melaksana inisiatif Pelan Induk Pelancongan Kuala Lumpur 2015 2025;
xi) Menyertai pertubuhan pelancongan antarabangsa seperti Council Tourism for Asia (CPTA) dan UCLG ASPAC Tourism Committee.

5.2.5 UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

i) Melaksanakan fungsi pengurusan sumber manusia di peringkat jabatan;
ii) Menguruskan Hal Ehwal Pentadbiran dan Pengurusan Keselamatan Jabatan;
iii) Pengurusan Kualiti dan Integriti Jabatan;
iv) Menguruskan Aduan Awam, mesyuarat dan surat-menyurat Jabatan;
v) Memberi kerjasama, bantuan logistik, bantuan kewangan serta khidmat nasihat dalam penganjuran program;
vi) Menyelia dan menyelaras Perolehan Jabatan, Inventori dan Aset Jabatan;
vii) Pengurusan ICT Jabatan;
viii) Urusetia kepada Jawatankuasa Penasihat Warisan Kesenian, Kebudayaan dan Sukan;
ix) Penyelaras kepada Pelan Strategik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2021-2030 bagi JKKPS;
x) Urusetia bagi Mobiliti Hijau – ***Establish Bike Rental Program – KL Cycle Hire Scheme*** di bawah Jawatankuasa Infrastruktur **PIMRK KL 2030**;
xi) Penyelaras kepada Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manuasi **2021-2030** bagi JKKPS.

5.2.5 UNIT SUKAN

i) Merancang penyediaan prasarana kemudahan sukan;
ii) Menyediakan kemudahan bagi memberi ruang kepada masyarakat untuk melibatkan dalam sukan;
iii) Menyelaraskan aduan kerosakan untuk penyelenggaraan fasiliti sukan kepada Unit Pengurusan Bangunan (UPB);
iv) Mempromosikan kemudahan sukan untuk kegunaan wargakota;
v) Membantu Persatuan Sukan, NGO, Agensi Kerajaan untuk penganjuran program sukan / sosial di venue kemudahan sukan;
vi) Menyelaraskan permohonan tempahan dan penggunaan kemudahan sukan;
vii) Memastikan kemudahan sukan mengikut spesifikasi dan berada dalam keadaan baik;
viii) Urusetia Program Kuala Lumpur Pagi Bebas Kenderaan (***Kuala Lumpur Car Free Morning***);
ix) Urusetia Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran (**MKSP**);
x) Merancang dan melaksanakan program-program sukan dengan kolaborasi strategik bersama Kementerian / Persatuan / Badan-Badan NGO sukan selaras dengan Dasar Sukan Negara.

5.3 Fasiliti-Fasiliti Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan

5.3.1 UNIT PELANCONGAN

Jadual 2 : Fasiliti Pelancongan Di Bawah Pengurusan Unit Pelancongan JKKP

Bil	Fasiliti Pelancongan
1.	Mayor's Courtyard, Lot 11, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur
2.	The Hall, Lot 11, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur

5.3.2 UNIT KEBUDAYAAN

Jadual 3 : Fasiliti Kebudayaan Di Bawah Pengurusan Unit Kebudayaan JKKPS

Bil	Fasiliti Kebudayaan
1.	Panggung Anniversari, Taman Botani Kuala Lumpur
2.	Dataran Medan Pasar, Kuala Lumpur
3.	Panggung Bandaraya, Jalan Raja, Kuala Lumpur

5.3.3 UNIT SUKAN

i) Senarai Kategori Fasiliti Sukan

Jadual 4 : Fasiliti Sukan Di Bawah Pengurusan Unit Sukan JKKPS

Bil	Fasiliti Sukan	Bilangan
1.	Stadium / Kompleks Bertaraf Antarabangsa	6
2.	Pusat Komuniti / Dewan Komuniti	13
3.	Kompleks Sukan	9
4.	Dewan Serbaguna / Dewan PT 80	22
5.	Gelanggang Futsal UTC Sentul Perdana	1
	JUMLAH	**51**

ii) Senarai Kategori Fasiliti Sukan Bertaraf Antarabangsa

Jadual 5 : Fasiliti Sukan Bertaraf Antarabangsa

Bil	Kategori	Bilangan
1.	Stadium Bolasepak Kuala Lumpur	1
2.	Stadium Hoki Kuala Lumpur	1
3.	Stadium Titiwangsa Kuala Lumpur	1
4.	Kompleks Renang Kuala Lumpur	1
5.	Kuala Lumpur International Radio Control Circuit (KLIRCC)	1
6.	Arena Petanque Kuala Lumpur	1
	JUMLAH	**6**

iii) Senarai Jenis Sukan Yang Terdapat di Fasiliti Sukan JKKPS

Jadual 6 : Jumlah Gelanggang Mengikut Jenis Sukan

Bil	Fasiliti Sukan	Bilangan
1.	Badminton	97
2.	Tenis	20
3.	Kolam Renang	5
4.	Gimnasium	7
5.	Skuasy	9
6.	Ping Pong	15
7.	Sepaktakraw	8
8.	Gelanggang Futsal	24
9.	Padang Bolasepak	27
10.	Bola Tampar	2
	JUMLAH	**215**

6.0 BAJET

6.1 PERBELANJAAN MENGURUS

Secara keseluruhan Jabatan telah membelanjakan sebanyak **97.85%** iaitu **RM25,468,881.00** daripada Jumlah Peruntukan Tahunan 2022 yang telah diluluskan iaitu sebanyak **RM29,926,600.00**.

Jadual 6 : Perbelanjaan Mengurus Tahun 2022

Bil	Butiran	Tahun 2022	Peratus (%)
1.	Peruntukan Yang Diluluskan	RM29,926,600.00	97.85%
2.	Perbelanjaan	RM25,468,881.00	
	JUMLAH BAKI SERAH SEMULA	**RM3,813,000.00**	

6.2 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Secara keseluruhan Jabatan telah membelanjakan sebanyak **33.07%** iaitu **RM276,457.00** daripada Jumlah Peruntukan Tahunan 2022 yang telah diluluskan iaitu sebanyak **RM835,900.00**.

JADUAL 7 : Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2022

Bil	Butiran	Tahun 2022	Peratus (%)
1.	Peruntukan Yang Diluluskan	RM835,900.00	33.07%
2.	Perbelanjaan	RM276,457.00	
	JUMLAH BAKI SERAH SEMULA	**RM559,443.00**	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

Sepanjang Tahun 2022, Jabatan telah melaksanakan program dan aktiviti yang merangkumi program-program berkaitan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Pembangunan Sukan seperti berikut:-

7.1 PROGRAM DAN AKTIVITI KEBUDAYAAN DAN MUZIK

Jadual 8 : Jadual Program dan Aktiviti Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan Yang Telah Dilaksanakan dari Januari hingga Disember Tahun 2022

Bil	Tarikh	Program Dan Aktiviti	Objektif
1.	25 Januari 2022 - 28 Januari 2022	Rakaman Program Orkestra dan Kumpulan Kecil	Membentuk wargakota kreatif melalui aktiviti kebudayaan dan kesenian
2.	2 Februari 2022 - 7 Februari 2022	Festival Gendang dan Tari Kuala Lumpur 2022 (KL Genta 2022)	
3.	1 April 2022 - 2 April 2022	KL Big Band : Tribute To Kuala Lumpur	
4.	1 Mei 2022	Program Muzik Komuniti	
	4 Jun 2022		
	11 Jun 2022		
	18 Jun 2022		
	25 Jun 2022		
5.	4 Jun 2022	Persembahan Konsert KL Big Band	
6.	11 Jun 2022	KL Ceria 2022	
7.	18 Jun 2022		
8.	4 Jun 2022	Festival Gema Qasidah 2022	
9.	16 Julai 2022	Program KL Cultural Nitez 2022	
	13 Ogos 2022		
	10 September 2022		

Bil	Tarikh	Program Dan Aktiviti	Objektif
	15 Oktober 2022		
	12 November 2022		
	10 Disember 2022		
10.	16 September 2022	Konsert Festival Hari Malaysia 2022	
11.	30 Ogos 2022	Sambutan Ambang Merdeka 2022	
12.	12 - 13 March 2022	Karnival KL DULU	
13.	12 April 2022	Majlis Iftar Jalinan Kasih Bersama Artis Veteran	
14.	25 Julai 2022	KL Street Jam 2022	Membentuk wargakota kreatif melalui aktiviti kebudayaan dan kesenian
	30 Julai 2022		
	24 September 2022		
	27 Ogos 2022		
	22 Oktober 2022		
	26 November 2022		
15.	28 -29 Jun 2022	Pemantapan KL Street Artist 2022	
16.	22-24 Julai 2022	Pementasan Teater Elyas Emas	
17.	28 Ogos 2022	Konsert Jundai Nusantara	
18.	9-18 September 2022	Program Amboi Lakar Seni Malaysia	
19.	23-24 Oktober 2022	Pementasan Teater Bangsawan- Titah Menusuk Retak	
20.	28 Ogos 2022 - 31 Disember 2022	Santai Seni @ Tar	

7.2 PROGRAM DAN AKTIVITI PELANCONGAN

Jadual 9 : Jadual Program dan Aktiviti Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan Yang Telah Dilaksanakan dari Januari hingga Disember Tahun 2022

Bil	Tarikh	Program Dan Aktiviti	Objektif
1.	26 Januari 2022	Rakaman Video Ucapan *Chinese Lunar New Year* Untuk Bandar Xi'an kerjasama dengan UCLG ASPAC *Tourism Committee*	
2.	15 Februari 2022	*Kuala Lumpur Chinese New Year Celebration* 2022	
3.	15 Februari 2022	*Kuala Lumpur Prosperity Walk*	
4.	1 March 2022	Perasmian Ruang Niaga D'Tebing Dan Jejak Pahlawan	
5.	23 March 2022	*Workshop on Culture& Tourism Development - The* UCLG ASPAC *Tourism Committee*	
6.	8 April 2022	Perasmian *The "Eid in Harmony" Malaysia -Iran*	Melaksanakan program pelancongan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan berprestij
7.	23 April 2022	Iftar @ KL 2022	
8.	27 Mei 2022	Kuala Lumpur Aidilfitri *Celebration 2022*	
9.	10 Jun 2022	*The First Congress of UCLG ASPAC Tourism Committee*	
10.	24 Jun 2022	*Launching Islamic Tourism Week* 2022	
11.	29 Jun 2022	Lawatan Berpandu Sekitar Kuala Lumpur Bersama media; Akhbar Wilayahku, Gaya *Travel Magazine* dan *Hop-On Hop-Off.*	
12.	20 - 21 Ogos 2022	Pameran Pelancongan MATTA *Fair Penang*	
13.	26 - 28 Ogos 2022	*Kuala Lumpur International Drone & RC Festival* (KLIRDC)	

Bil	Tarikh	Program Dan Aktiviti	Objektif
14.	3 November 2022	*Kuala Lumpur Deepavali Celebration* 2022	Melaksanakan program pelancongan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan berprestij
15.	2 - 4 September 2022	Pameran Pelancongan MATTA *Fair Kuala Lumpur*	
16.	20 September 2022	*Social Tour for 9th CityNet Congress*	
17.	23 - 25 September 2022	Pameran Pelancongan Festival Permainan Malaysia 2022	
18.	25 September 2022	*The 13th Latin American Festival* 2022	
19.	27 September - 3 Oktober 2022	*Isfahan Tourism & Handicrafts Exhibition* 2022	
21.	26 November 2022- 27 November 2022	*Kuala Lumpur River Jazz Festival*	
22.	30 November 2022	*Embracing The Future: Culture and Tourism Innovative Development Training Program (Council Meeting of* UATC*)*	
23.	14 Disember 2022	*The 19th Council for Promotion of Tourism in Asia* (CPTA) *Meeting*	
24	16 Disember 2022	*Malaysia Tourism Industry Award*	

7.3 PROGRAM DAN AKTIVITI SUKAN

Jadual 10 : Jadual Program dan Aktiviti Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan Yang Telah Dilaksanakan dari Januari hingga Disember Tahun 2022

Bil	Tarikh	Program Dan Aktiviti	Objektif
1.	Setiap Ahad Januari – Disember 2022	KL Pagi Bebas Kenderaan @ *KL Car Free Morning*	Membentuk wargakota yang aktif dan sihat
	23 Januari 2022	Program KLBAR 2022	
	6 Februari 2022	Larian Puspanita DBKL	
	20 Februari 2022	Kayuhan Santai KBS 2022	
	8 Mei 2022	Plogging Bersama Wargakota	
	15 Mei 2022	Larian Decathlon 2022	
	29 Mei 2022	Larian Wilayahku 2022	
	19 Jun 2022	Larian Hari Anti Dadah Kebangsaan 2022	
	3 Julai 2022	*Walk* KPDNHEP 2022	
	17 Julai 2022	Larian MKN 2022	
	31 Julai 2022	Larian Sinar Harian	
	4 November 2022	Zakat Run 1 & 2	
	18 Disember 2022	GFNY *Fun Ride*	
2.	19 Februari 2022 – 20 Februari 2022	Karnival Ohh Kuala Lumpur	
3.	9 Disember 2022 – 18 Disember 2022	Tayangan Skrin Besar – Kejohanan Bolasepak Piala Dunia 2022	

8.0 PENCAPAIAN JABATAN

8.1 PENCAPAIAN JABATAN

Bil	Tarikh	Acara	Keputusan
1.	7 Februari 2022	Pertandingan Video Pendek Sempena Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur	Naib Johan
2.	25 Mei 2022 hingga 29 Mei 2022	Festival Kesenian Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia 2022 – Lagu Asli	Johan
3.		Festival Kesenian Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia 2022 – Tarian	Naib Johan
4.	16 Disember 2022	*Malaysia Tourism Industry Award*	Best Shopping Destination 2022

8.2 HASIL KUTIPAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2022

8.2.1 HASIL KUTIPAN KEMUDAHAN

Jabatan mempunyai kutipan hasil daripada sewaan melalui kemudahan - kemudahan di bawah pengurusan Jabatan adalah seperti berikut:-

i) Kemudahan Sukan
ii) Kemudahan Kebudayaan dan Kesenian
iii) Kemudahan Pelancongan

8.2.2 HASIL KUTIPAN PERKHIDMATAN

i) Perkhidmatan Muzik
ii) Perkhidmatan Kebudayaan

Kutipan Hasil Pendapatan bagi Tahun 2022 ialah sebanyak **RM3,305,694.73** daripada **51** kemudahan di bawah Pengurusan Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan.

Jadual 11 : Jadual Kutipan Hasil Kemudahan dari Januari hingga Disember Tahun 2022

Bil	Butiran	Tahun 2022	Catatan
1.	Kemudahan Sukan	RM3,163,194.73	Kutipan untuk 47 Kemudahan
2.	Kemudahan Kebudayaan	RM139,000.00	Kutipan untuk 3 kemudahan
3.	Kemudahan Pelancongan	RM3,500.00	Kutipan untuk 1 kemudahan
	JUMLAH KUTIPAN HASIL	**RM3,305,694.73**	

Kutipan Hasil Perkhidmatan bagi Tahun 2022 ialah sebanyak **RM 160,000.00**

Jadual 12 : Jadual Kutipan Hasil Perkhidmatan dari Januari hingga Disember Tahun 2022

Bil	Butiran	Tahun 2022	Catatan
1.	Perkhidmatan Muzik	RM155,000.00	Kutipan untuk Persembahan
2.	Perkhidmatan Kebudayaan	RM 5,000.00	Kutipan untuk Persembahan Kumpulan Kesenian
	JUMLAH KUTIPAN HASIL	**RM 160,000.00**	

PROGRAM SUKAN

SETIAP HARI AHAD

PROGRAM KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING 2022









9 DISEMBER 2022 – 18 DISEMBER 2022

TAYANGAN SKRIN BESAR PIALA DUNIA 2022









PROGRAM PELANCONGAN

27 MEI 2022

SAMBUTAN PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 2022









26 OGOS 2022 HINGGA 28 OGOS 2022

KUALA LUMPUR INTERNATIONAL DRONE & REMOTE CONTROL FESTIVAL (KLIDRC)









20 OGOS 2022 HINGGA 21 OGOS 2022

NATIONAL MATTA FAIR PULAU PINANG









KUALA LUMPUR RIVER JAZZ FESTIVAL 2022









PROGRAM PELANCONGAN

20 SEPTEMBER 2022

SOCIAL TOUR FOR 9TH CITYNET CONGRESS





27 SEPTEMBER - 3 OKTOBER 2022

ISFAHAN TOURISM & HANDICRAFTS EXHIBITION 2022









PENCAPAIAN JABATAN

25 Mei 2022 – 29 Mei 2022

MAKSAK GAMES 2022 & FESTIVAL KESENIAN







16 DISEMBER 2022

MALAYSIA TOURISM INDUSTRY AWARD





Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB) terhasil dari penggabungan beberapa Jabatan dan Bahagian asal iaitu Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Perkhidmatan Kawasan, Perpustakaan Kuala Lumpur dan Bahagian Pengurusan Rekod.

Penggabungan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran komuniti bandar yang berdaya maju dan sejahtera melalui jalinan kolaborasi dengan agensi kerajaan, swasta dan NGO yang seterusnya memperkukuh peranan Pejabat Cawangan dalam memberi perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat setempat terutama dalam usaha membangunkan sebuah masyarakat yang berilmu dan berdaya saing selaras dengan visi DBKL iaitu "Bandar Raya Sejahtera untuk semua menjelang Tahun 2030".

Penggabungan ini juga bagi memperkasakan serta memantapkan peranan dan tanggungjawab Jabatan dalam memenuhi mencapai aspirasi pengurusan tertinggi DBKL.

1.2 Bahagian-Bahagian/ Unit-Unit di Jabatan

Pentadbiran jabatan telah dibahagikan kepada dua (2) bahagian utama iaitu Bahagian Pengurusan Perumahan dan Kesejahteraan Bandar dan Bahagian Kejuruteraan, serta enam (6) unit iaitu Unit Pentadbiran, Dasar dan Pembangunan, Unit Pembangunan Komuniti, Unit Perkhidmatan Kawasan, Unit Kewangan dan Akaun, Unit Pengurusan Perumahan dan Unit Perpustakaan bagi menggerakkan fungsi utama jabatan (Rujuk struktur Jabatan di Lampiran).

1.3 Bilangan Pegawai dan kakitangan Jabatan

Bilangan pegawai dan kakitangan jabatan mengikut kumpulan perjawatan bagi tahun 2022 diperkemaskan dari semasa ke semasa seperti jadual di bawah:

Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Mengikut Kumpulan Perjawatan bagi Tahun 2022

Kategori	Jumlah
Pengurusan Tertinggi	1
Kumpulan Pengurusan dan Pengurusan (Gred 41-54)	48
Kumpulan Sokongan I (Gred 17-40)	565
Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	467
Jumlah	**1,081**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

2.1.1 Memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan ke arah mensejahterakan bandar.

2.1.2 Menjadikan komuniti bandar yang terunggul dan sejahtera.

2.2 Misi

2.2.1 Mewujudkan komuniti bandar yang terunggul menerusi penyampaian perkhidmatan perbandaran yang cemerlang dan berkualiti.

2.2.2 Mewujudkan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti melalui perancangan dan pelaksanaan yang bersepadu antara organisasi bersama warga kota.

3.0 PIAGAM PELANGAN

3.1 Pengesahan dokumen pendaftaran penyewaan yang lengkap akan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh pendaftaran.

3.2 Memastikan pengisian unit kosong di Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi kategori awam sedia diduduki dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh surat tawaran penyewaan.

3.3 Keputusan permohonan memperbaharui kontrak penyewaan akan dimaklumkan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Sambung Tempoh Unit selesai dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

3.4 Memaklumkan keputusan permohonan gotong-royong/ program sosial dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima.

3.5 Memaklumkan keputusan permohonan permit khemah sementara untuk aktiviti penduduk setempat di Pejabat Cawangan dalam tempoh 3 hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima.

3.6 Menyediakan Kelas Tuisyen kepada golongan berpendapatan rendah bagi sekolah yang memohon selama tujuh (7) bulan sebelum peperiksaan SPM bermula.

3.7 Menyediakan Kelas Tambahan kepada golongan berpendapatan rendah bagi sekolah yang memohon untuk pelajar Tahun 6 dan Tingkatan 3 selama dua (2) bulan sebelum peperiksaan akhir tahun.

3.8 Menyediakan perkhidmatan kaunter bayaran yang cekap dan berkesan di Menara DBKL 3 serta tempoh waktu menunggu tidak melebihi 15 minit.

3.9 Memberi maklumbalas awal terhadap aduan-aduan pelanggan dalam tempoh 1 hari bekerja dan mengambil tindakan susulan/ penguatkuasaan dalam tempoh 3 hari bekerja. Maklumbalas seterusnya dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

3.10 Memastikan penambahan koleksi perpustakaan sekurang-kurangnya sebanyak 5% setiap tahun.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Jabatan telah menetapkan sebanyak lapan (8) *Key Result Areas* (KRA) dan lima belas (15) *Key Performance Indicators* (KPI) dengan pencapaian keseluruhan sebanyak 95% bagi tahun 2022.

KRA	Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian
MENINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN (*CUSTOMER FOCUS*)	1	Kehadiran 4 hari berkursus setahun kepada semua warga kerja Jabatan IDB : 2 hari Jabatan : 2 hari	100% (1,177 kakitangan)	95% (1,120 kakitangan)
	2	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 12 hari pada tahun 2022	100%	100%
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	3	Menguruskan peruntukan perbelanjaan dengan berhemah	95% (RM277,444,365)	100% (RM282,844,563)
	4	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023	Disember 2022	100% (Oktober 2022)
MEMPERKUKUHKAN TAHAP INTEGRITI, AKAUNTABILITI DAN TELUS (*TRANSPARENCY*)	5	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2022	Jun 2022	99.40% (2,147 invois, RM19,414,492)
MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN	6	Meningkatkan kutipan hasil caj sewa semasa PA/PPR yang aktif tahun 2022	90% (RM51,553,250.10)	78% (RM40,268,350)
	7	Mengutip tunggakan sewa PA/ PPR bagi penyewa individu yang masih menyewa seperti pada 31 Disember 2021 berjumlah RM22,881,937.00	70% (RM16,017,355.90)	54% (RM8,777,963)

KRA	Bil	KPI	Sasaran	Pencapaian
MEMUPUK PEMBANGUNAN KOMUNITI KE ARAH KEHIDUPAN SEJAHTERA DAN HARMONI	8	Pelaksanaan program bersama komuniti.	100% (1,500 program)	100% (1,750 program)
PERKHIDMATAN DAN PENGUATKUASAAN	9	Bancian di 48 lokasi PA/ PPR DBKL bagi memastikan Ketua Penyewa yang sah.	100% (Disember 2022)	100%
MEMPERTINGKATKAN KUALITI KESEJAHTERAAN HIDUP	10	Tempoh operasi "Uptime" 66 lif berusia lebih 10 tahun di 6 kawasan PA/PPR	100%	96.54%
	11	Penyelarasan permohonan projek kecil (bekalan)	100% (90 hari)	100%
BANDAR RAYA MILIK WARGA KOTA	12	Melaksanakan program Out Reach " Membudayakan Wargakota Berilmu"	100% (4 program)	100% (4 program)
KEUPAYAAN TADBIR URUS SERTA SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN	13	Sesi libat urus 'sesi engagement' bersama masyarakat bersama warga kota atau NGO berhubung isu-isu setempat di setiap kawasan Parlimen.	24 sesi bagi setiap kawasan Parlimen (264 sesi)	100% (958 sesi)
	14	Memperluaskan penggunaan Digital Document Management System (DDMS) kepada jabatan-jabatan DBKL.	10 Jabatan	100% (10 jabatan)
	15	Melaksanakan tindakan penguatkuasaan rampasan 350 unit rumah sewa DBKL yang melakukan kesalahan pelanggaran syarat penyewaan rumah pangsa DBKL.	350 unit	100% (511 unit)

5.0 FUNGSI

5.1 Fungsi JPKKB mencakupi 6 aspek utama iaitu Pengurusan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Pengurusan Rumah Jual, Penyelenggaraan PA dan PPR (Awam, Elektrik dan Mekanikal), Keselamatan, Pembangunan Komuniti, Pengurusan dan Pemantauan sebelas (11) kawasan parlimen iaitu Parlimen Bandar Tun Razak, Batu, Bukit Bintang, Cheras, Kepong, Lembah Pantai, Segambut, Seputeh, Setiawangsa, Titiwangsa dan Wangsa Maju dan disokong oleh Unit Pentadbiran, Dasar dan Pembangunan serta Unit Kewangan.

5.1.1 Mengurus dan menyelenggara Perumahan Awam (PA) dan Program Perumahan Rakyat (PPR).

5.1.2 Mengurus pendaftaran permohonan rumah sewa melalui Sistem e-Perumahan secara *online*.

5.1.3 Mengurus pemilihan dan tawaran kemasukan penyewa yang layak.

5.1.4 Mengurus hal berkaitan penjualan rumah kos rendah dan sederhana DBKL dan bertindak sebagai pemaju sebelum penubuhan *Joint Management Body (JMB)/ Management Corporation (MC)* di PA/PPR sebelum Hakmilik Strata dikeluarkan.

5.1.5 Mewujudkan suasana harmoni di kalangan penghuni dengan menyediakan kemudahan dan bantuan program-program sosial dan keagamaan untuk dimanfaatkan oleh warga bandar.

5.1.6 Membangunkan komuniti dari pelbagai lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merangkumi aspek pendidikan, pembangunan modal insan, perkhidmatan sosial dan membasmi kemiskinan bandar.

5.1.7 Melaksanakan penyampaian perkhidmatan secara langsung kepada penduduk setempat dengan efisyen dan berkesan.

5.2 Bahagian/ Unit di Jabatan bagi mengerakkan fungsi utama adalah seperti berikut:

5.2.1 Bahagian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar

Bahagian ini dibahagikan kepada empat (4) unit seperti di bawah :

5.2.1.1 Unit Pengurusan Perumahan

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Sewa Rumah dan Kedai, Seksyen Jualan, Seksyen Kawalan Perumahan serta Seksyen Pengurusan Zon.

i. **Seksyen Sewa Rumah dan Kedai** bertanggungjawab memastikan permohonan sewa diproses dan dipertimbangkan untuk keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peruntukan Perumahan Awam. Selain itu, seksyen ini juga memastikan permohonan sewa kedai atau gerai diproses dan dipertimbangkan untuk keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Kedai/Gerai berdasarkan garis panduan yang ditetapkan. Di samping itu, seksyen ini juga bertanggungjawab menyelaras program Perumahan Bandar @ Jalan TAR. Program ini adalah untuk memberi kemudahan penyewaan bilik kepada golongan B40 yang berstatus bujang dan baru pertama kali bekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kadar sewaan sebanyak RM 100.00 sebulan.

ii. **Seksyen Jualan** ditugaskan untuk menyelaras dan melaksanakan urusan pindahmilik hakmilik strata dan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) di kawasan perumahan DBKL.

iii. **Seksyen Kawalan Perumahan** bertangunggjawab untuk memantau dan menyelaras kerja-kerja penguatkuasaan di peringkat jabatan bagi keseluruhan kawasan PA/PPR bagi mewujudkan suasana kemasyarakatan yang harmoni, toleransi dan selamat untuk didiami.

iv. **Seksyen Pengurusan Zon** telah dibahagikan kepada empat (4) zon perumahan PA/PPR dan setiap zon diketuai oleh Pengurus Zon. Seksyen ini bertanggungjawab untuk mengawal selia kawasan PA/PPR seperti daripada aspek kebersihan dan aktiviti kemasyarakatan.

5.2.1.2 Unit Perkhidmatan Kawasan

Unit ini terdiri daripada pengurusan sebelas (11) kawasan parlimen oleh Pejabat Cawangan. Terdapat 11 kawasan parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Bandar Tun Razak, Batu, Bukit Bintang, Cheras, Kepong, Lembah Pantai, Segambut, Seputeh, Setiawangsa, Titiwangsa dan Wangsa Maju.

Setiap pejabat cawangan daripada sebelas (11) parlimen ini diketuai oleh Pengurus Kawasan dengan peranan dan fungsi sebagai medium perantaraan di antara DBKL dan penduduk setempat.

5.2.1.3 Unit Pembangunan Komuniti

Unit ini terdiri daripada dua (3) seksyen iaitu Seksyen Pembangunan Pendidikan dan Ekonomi, Seksyen Pembangunan Sosial dan Seksyen Program Khas.

i. **Seksyen Pembangunan Pendidikan dan Ekonomi** membantu dalam melaksanakan aktiviti atau program sosial kepada warga PA/PPR bagi meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan warga kota. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti kursus berbentuk menjana ekonomi, seminar pendidikan, sumbangan perayaan, kem motivasi, khidmat kemasyarakatan (gelandangan) serta khidmat kaunseling.

ii. **Seksyen Pembangunan Sosial** bertanggungjawab untuk menyelaras perancangan dan pelaksanaan program tahunan untuk pembangunan belia khususnya bagi belia PA/PPR dan belia Kuala Lumpur amnya. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti karnival, pertandingan, sukan dan riadah, keagamaan, perayaan, kem motivasi atau kem bina semangat serta kempen.

iii. **Seksyen Program Khas** bertanggungjawan untuk menyelaras hal ehwal Persatuan Penduduk PA/PPR dan Persatuan Penduduk Swasta, program anjuran Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Pelaksanaan Program Wilayah Prihatin serta Sekretariat Star Rating PA/PPR.

5.2.1.4 Unit Perpustakaan

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Perolehan dan Pendokumentasian, Seksyen Program dan Aktiviti, Seksyen Perkhidmatan Perpustakaan dan Seksyen Khidmat Pengurusan.

i. **Seksyen Perolehan dan Pendokumentasian** bertanggungjawab sepenuhnya dalam perolehan bahan bacaan seperti pembangunan koleksi bahan perpustakaan serta mengurus perolehan dan pemprosesan bahan bacaan dan lain-lain bahan perpustakkan yang dijadikan koleksi. Seksyen ini juga terlibat dalam merancang serta mengurus penyediaa dasar dan garis panduan pengurusan rekod. Pengurusan repositori turut diuruskan oleh Seksyen ini.

ii. **Seksyen Perkhidmatan Perpustakaan** berperanan untuk menyampaikan perkhidmatan pinjaman dan rujukan buku-buku untuk seluruh warga kota Kuala Lumpur. Seksyen ini juga menjalankan program galakan membaca dan literasi maklumat di setiap hentian atau saluran perkhidmatan melalui Bas Bergerak.

iii. **Seksyen Program dan Aktiviti** merancang program dan aktiviti penataran (*out reach)* bagi memastikan penglibatan rakyat dan kumpulan sasaran secara inklusif.

iv. **Seksyen Khidmat Pengurusan** berperanan merancang pembangunan perpustakaan di bawah pentadbiran DBKL di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta memantau projek-projek perpustakaan yang telah diluluskan.

5.2.2 Bahagian Kejuruteraan

Bahagian ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Penyelenggaraan Awam, Seksyen Penyelenggaraan Elektrikal, Seksyen Penyelenggaraan Mekanikal dan Bilik Gerakan.

Bahagian ini secara umum adalah memastikan segala kemudahan di PA/PPR berfungsi dalam keadaan baik dengan melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan daripada aspek awam, elektrikal dan mekanikal seperti lif, rumah sampah, wakaf, dewan, lampu limpah, lampu kaki lima unit rumah, pendawaian dan sebagainya. Bilik Gerakan berfungsi sebagai penerima aduan awam sekiranya terdapat kerosakan berlaku selepas tamat waktu pejabat.

5.2.3 Unit Pentadbiran, Dasar dan Pembangunan

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Pentadbiran, Seksyen Dasar dan Pembangunan, Seksyen Aduan dan Keurusetiaan serta Seksyen Teknologi Maklumat.

i. **Seksyen Pentadbiran** bertanggungjawab menyelaras kerja-kerja berkaitan perkhidmatan personel serta memastikan pengurusan pentadbiran pejabat dilaksanakan mengikut peraturan, pekeliling, arahan semasa dan akta-akta yang telah ditetapkan.

ii. **Seksyen Dasar dan Pembangunan** bertanggungjawab untuk memantau dan menyelaras dasar-dasar dan halatuju jabatan yang baharu demi memastikan taraf hidup warga kota khususnya yang tinggal di dalam kawasan PA/PPR berada dalam keadaan terbaik, selesa dan selamat.

iii. **Seksyen Aduan dan Keurusetiaan** bertanggungjawab untuk memantau dan melaksanakan pengurusan aduan jabatan yang diterima menerusi pelbagai medium seperti e-Perumahan, ADUKL, aduan bersemuka secara atas talian, borang aduan pelanggan, emel serta panggilan telefon. Selain itu, seksyen ditugaskan untuk mengumpul maklumat dalam menyediakan maklumbalas dan mesyuarat-mesyuarat khas berkaitan Jabatan.

iv. **Seksyen Teknologi Maklumat** ditugaskan untuk merancang, mengkaji keperluan, merekabentuk, membangunkan, menguji dan menyelenggara portal serta laman web yang bakal digunakan oleh jabatan. Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk merangka keperluan infrastruktur teknologi jabatan.

5.2.4 Unit Kewangan dan Akaun

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Kewangan dan Bajet, Seksyen Akaun Sewa dan Air, Seksyen Akaun Jualan dan JMB/MC serta Seksyen Kaunter Terimaan.

i. **Seksyen Kewangan dan Bajet** bertanggungjawab untuk menyediakan belanjawan tahunan jabatan dan mengawal serta menguruskan perbelanjaan jabatan mengikut bajet yang telah diluluskan.

ii. **Seksyen Akaun Sewa dan Air** ditugaskan untuk menyediakan pengurusan kewangan bagi akaun-akaun penyewa PA/PPR dan akaun air PA/PPR supaya dapat diurus dengan baik.

iii. **Seksyen Akaun Jualan dan JMB/MC** bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal kewangan bagi perbadanan pengurusan (sementara) bagi PA/PPR dan Perumahan Rumah Jual DBKL.

iv. **Seksyen Kaunter Terimaan** menyediakan pengurusan kaunter terimaan bagi hasil-hasil jabatan supaya dapat diurus dengan baik. Seksyen menempatkan beberapa kakitangan untuk bertugas di kaunter bagi penerimaan bayaran tunai bil-bil yang dikeluarkan oleh DBKL.

6.0 BAJET

Pengurusan bajet adalah salah satu elemen penting dalam pengurusan kewangan bagi memastikan perbelanjaan adalah berteraskan kepada prinsip memberi nilai untuk wang (*value for money*). Pengurusan bajet Jabatan ini diuruskan oleh Unit Kewangan dan Akaun. Ia melibatkan penyediaan belanjawan tahunan pada setiap tahun dan pemantauan prestasi perbelanjaan yang diperuntukkan bagi semua bahagian di sepanjang tahun 2022.

6.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM292,046,700	96.85%
Perbelanjaan	RM282,844,563	

6.2 Perbelanjaan Pembangunan

Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM35,852,000	85.17%
Perbelanjaan	RM30,535,331	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

Jabatan ini telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2022 bagi menggerakkan fungsi serta objektif tercapai.

7.1 Program Khas Perumahan Awam

7.1.1 Program Bas Sekolah Percuma

Program ini bertujuan untuk membantu golongan B40 daripada dibebani perbelanjaan persekolohan anak- anak disamping memastikan keselamatan mereka terjamin serta tidak tercicir dalam pelajaran. **Bas percuma** yang disediakan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah bukan sahaja mengurangkan kos sara hidup bahkan membantu merancang perbelanjaan keluarga.

Jumlah penglibatan bagi tahun 2022

Penglibatan	Jumlah
Kawasan	63
Pengendali bas	89
Kenderaan (bas/ van)	143
Pelajar (orang)	8,099
Sekolah	295

7.1.2 Program *My School Bus*

Perkhidmatan bas sekolah percuma kepada pelajar-pelajar daripada perumahan swasta kos rendah bagi mengurangkan kos perbelanjaan keluarga yang perlu ditangggung.

Jumlah penglibatan bagi tahun 2022

Penglibatan	Jumlah
Kawasan	140
Pengendali bas	46
Kenderaan (bas/ van)	52
Pelajar (orang)	2,856
Sekolah	295

7.1.3 Penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB)

Jabatan dipertanggungjawabkan untuk menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (JMB) bagi kawasan perumahan yang telah dijual selepas satu (1) tahun surat pemilikan kosong yang pertama telah dikeluarkan di sesuatu kawasan pemajuan perumahan. Pada tahun 2022, satu (1) kawasan telah ditubuhkan JMB iaitu PPR Seri Semarak.

15 Oktober 2022

Mesyuarat JMB, PPR Seri Semarak





7.1.4 Operasi Kawalan Perumahan

Operasi penguatkuasaan bagi keseluruhan kawasan PA/PPR juga telah dijalankan bagi mewujudkan suasana kemasyarakatan yang harmoni, toleransi dan selamat untuk didiami. Operasi ini turut melibatkan beberapa agensi luar seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Pada tahun 2022, sebanyak lima puluh empat (54) siri operasi telah dilaksanakan.

Laporan tindakan penguatkuasaan mengikut kategori bagi tahun 2022

Bil.	Kategori Kesalahan	Notis	Rampas
1	Tidak menetap	1595	546
2	Penyewa tidak sah	194	35
3	Warga Asing	3	3
4	Dadah	6	3
5	Membela haiwan	4	1
6	Vandalisme	1	1
7	Halangan	2	-
8	Buang sampah	1	-
9	2 unit	-	-
10	Kacau ganggu	-	-
11	Pelacuran	-	-
12	Ubahsuai unit	-	-
13	Bawa motosikal	-	-
14	Tunggakan sewa	-	-
15	Sambung tempoh	-	-
16	Transit	2	-
17	Lain-lain	7	3
18	Kedai	42	18
	Jumlah	**1856**	**610**

26 Ogos 2022

Rampasan unit penghuni tidak menetap di PPR Perkasa





7.1.5 Pembukaan Kaunter Bergerak Dan Sesi Semuka

Perkhidmatan kaunter secara terus di kawasan-kawasan PA/ PPR yang terpilih secara bersasar bagi memudahkan penyampaian perkhidmatan pengurusan bayaran sewa rumah di kalangan penyewa terutama warga emas dan orang kelainan upaya (OKU). Aktiviti ini juga memberi kemudahan kepada penyewa untuk menyemak status bayaran dan tunggakan sewa rumah. Pada tahun 2022, sebanyak enam belas (16) siri turun padang telah diadakan.

- 26 April 2022

Sesi bersemuka bersama penyewa di PPR Kerinchi yang turut dihadiri oleh Pengarah Jabatan



7.1.6 Penubuhan Pasukan *Task Force* Tunggakan Sewa PA/ PPR Oleh Persatuan Penduduk Tahun 2022

Penubuhan ini bertujuan untuk membantu Jabatan dalam melaksanakan tindakan mengutip tunggakan dengan menghantar bil-bil dan notis-notis bagi unit-unit yang tertunggak seterusnya dapat mengurangkan tunggakan dan meningkatkan kutipan caj sewa semasa PA/ PPR. Tindakan task force ini melibatkan sebelas (11) persatuan penduduk di sebelas (11) kawasan PA/ PPR.

- 20 September 2022

Mesyuarat Pelantikan dan Penyerahan Fail *Task Force* Tunggakan Sewa oleh Persatuan Penduduk di Bilik Mesyuarat, Menara DBKL 3



7.2 Program Komuniti dan Masyarakat

7.2.1 Program Menjana Ekonomi

Program ini bertujuan untuk memberi kemahiran kepada golongan miskin bandar yang layak disamping meningkatkan pendapatan peserta secara berterusan. Konsultan serta tenaga pengajar yang dilantik adalah berdasarkan pengalaman dan kemahiran yang ditawarkan mengikut skop keperluan jabatan. Sebanyak dua (2) siri program jana ekonomi telah diadakan pada tahun 2022.

08 – 10 Jun 2022

Program Pemerkasaan Usahawanita di Hotel Cititel, Pulau Pinang



7.2.2 Program Pembangunan Kanak-Kanak Pra Sekolah

Tadika Sang Kancil DBKL adalah satu perkhidmatan pendidikan pra-persekolahan dalam usaha DBKL untuk memastikan anak-anak warga Kuala Lumpur tidak ketinggalan dalam persediaan memasuki alam pendidikan persekolahan. Golongan sasar tadika ini adalah B40 dan penghuni di PA/ PPR. Pada tahun 2022, terdapat 24 buah kelas Tadika Sang Kancil yang melibatkan 368 orang murid.

15 Mac 2022

Bengkel Penambahbaikan Teknik Mengajar Guru-Guru Tadika Sang Kancil 2022



19, 21 dan 22 September 2022

Lawatan sambil belajar ke Sunway Wilife, Sunway Lagoon





7.2.3 Program Pembangunan untuk Pelajar Peringkat Rendah dan Menengah

Program ini berbentuk perkhidmatan pendidikan kepada para pelajar sekolah rendah dan menengah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur daripada golongan keluarga berpendapatan rendah yang akan menduduki peperiksaan dengan menyediakan kelas bimbingan pelajaran. Program ini melibatkan 990 orang pelajar seperti berikut:

Jumlah penglibatan bagi tahun 2022

Peringkat	Sekolah Kebangsaan	Sekolah Menengah
Jumlah Sekolah	36 buah	9 buah
Jumlah Guru	119 orang	48 orang
Jumlah Murid	784 orang	206 orang

7.2.4 Program Pembangunan Sosial untuk Belia

Objektif program ini adalah sebagai inisiatif untuk membawa keluar belia dari kelompok B40 dan status miskin bandar dengan mewujudkan peluang kerjaya kepada belia di Kuala Lumpur. Selain itu, program juga menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti kepimpinan dan usahawan khusunya belia di PA/ PPR.

- 03 September hingga 02 Oktober 2022

Eksplorasi Belia – Kerjaya Tentera di Kem Terendak Melaka



7.2.5 Sumbangan Kepada Persatuan Penduduk

Persatuan Penduduk diiktiraf oleh Jabatan untuk mewakili penduduk kawasan kediaman PA/PPR dalam semua aspek kehidupan. Pengiktirafan ini merupakan dasar jabatan kepada setiap persatuan di kawasan terlibat. Datuk Bandar Kuala Lumpur menyumbangkan RM 10,000 setahun kepada persatuan yang layak. Pada tahun 2022, sebanyak enam puluh lima (65) buah persatuan penduduk telah menerima sumbangan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 650,000.00.

- 01 hingga 03 Julai 2022

Bengkel Pemerkasaan Persatuan Penduduk PA/PPR DBKL 2022



7.2.6 Sumbangan Bermusim Sempena Perayaan

Pada setiap tahun menjelang perayaan utama bagi etnik Melayu, Cina dan India seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina serta Deepavali, DBKL akan menyampaikan sumbangan kepada golongan B40 berbentuk wang tunai dan cenderahati. Mereka yang layak adalah golongan yang berdaftar dan disahkan di bawah sistem e-Kasih. Pada tahun 2022, buat pertama kalinya majlis sumbangan perayaan ini telah diperluaskan melibatkan para penerima di setiap kawasan Parlimen (11 kawasan). Pecahan para penerima adalah seperti berikut:

Bil.	Perayaan	Penerima dan Sumbangan			
		Induk (Orang)	RM	10 Parlimen (Orang)	RM
1	Tahun Baru Cina	300	150/ orang	1,000	1000/ orang
2	Hari Raya Aidilfitri	350	150/ orang	1,000	1000/ orang
3	Deepavali	300	150/ orang	1,000	1000/ orang
	Jumlah	950	142,500	3,000	3,000,000

12 April 2022

Majlis Sumbangan Hari Raya Aidilfitri 2022 di Pusat Komuniti Sentul Perdana



19 Oktober 2022

Majlis Sumbangan Deepavali Komuniti Kuala Lumpur di Pusat Komuniti Sentul Perdana



7.2.7 Program Operasi Menyelamatkan Gelandangan

Program ini dilaksanakan dalam usaha menangani peningkatan jumlah gelandangan di sekitar Kuala Lumpur dengan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Yayasan Kebajikan Negara. Sebanyak empat (4) siri Ops Menyelamat telah dijalankan pada tahun 2022.

Jadual operasi menyelamat bagi tahun 2022

Operasi Menyelamat	Tarikh	Bil. Diselamatkan
Bil. 1/2022	15 April 2022	17 orang
Bil. 2/2022	25 Jun 2022	41 orang
Bil. 3/2022	06 Ogos 2022	49 orang
Bil. 4/2022	09 Disember 2022	77 orang

15 April 2022

Operasi Menyelamat Gelandangan di beberapa lokasi *hot spot* sekitar Kualaa Lumpur





7.3 Perkhidmatan Perpustakaan Awam

Perpustakaan Kuala Lumpur memberikan perkhidmatan perpustakaan kepada seluruh warga kota dalam menyediakan pelbagai bahan bacaan sama ada secara fizikal mahupun elektronik. Pada tahun 2022, terdapat enam belas (16) Perpustakan Kuala Lumpur dan Cawangan Perpustakaan Kuala Lumpur beroperasi. Selain itu, sebuah perpustakaan digital sedang dibina di Bandar Seri Permaisuri yang dijangka siap pada tahun 2023. Rangkaian perpustakaan telah menjalankan pelbagai jenis aktiviti dengan melibatkan ramai penyertaan orang awam.

21 April 2022

Perasmian Pelancaran Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Mayors Courtyard, Jalan Tangsi



02 Jun 2022

Majlis Pelancaran buku 'Baca' sempena KLWBC 2020 di Mayors Courtyard, Jalan Tangsi



26 April 2022

Pelancaran Program World Quran Hour Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Dewan Mestika, Institut Latihan DBKL



29 – 30 Jun 2022

Program Bimbingan Penulisan Penulisan Skrip Teater Kanak-Kanak di D' Studio, Perpustakaan Kuala Lumpur



7.4 Bahagian Kejuruteraan

Bahagian ini secara umum adalah memastikan segala kemudahan di PA/PPR berfungsi dalam keadaan baik dengan melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan daripada aspek awam, elektrikal dan mekanikal seperti lif, rumah sampah, wakaf, dewan, lampu limpah, lampu kaki lima unit rumah, pendawaian dan sebagainya. Bagi tahun 2022, Program Penggantian Lif telah dilaksanakan di tujuh (7) lokasi PA/ PPR seperti di bawah:

Jadual Program Penggantian Lif bagi tahun 2022

No.	Kawasan PA/PPR	Bil. Unit	Kos (RM)	Tarikh siap
1	PA Seri Kota	12	6,934,000.00	24 Ogos 2022
2	PA Seri Sabah 3A	8	4,616,000.00	01 Jun 2022
3	PA Seri Sabah 3B	10	5,770,000.00	05 Julai 2022
4	PPR Desa Petaling	6	3,106,600.00	01 Mei 2022
5	PPR Salak Selatan	6	3,088,000.00	01 Mei 2022
6	PPR Seri Anggerik	3	1,575,000.00	12 Jun 2022
7	PPR Sg. Bonus	6	3,167,980.00	01 Mei 2022

7.5 Pengurusan dan Pemantauan 11 Kawasan Parlimen

11 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur turut meriah dengan pelbagai aktiviti dan program komuniti yang dianjurkan secara bersama dengan masyarakat setempat. Pejabat Cawangan bertindak untuk melaksanakan penyampaian perkhidmatan secara langsung kepada penduduk setempat dengan efisyen serta berkesan melalui bantuan logistik dan sajian makanan.

15 Februari 2022

Program Prosperity Walk Sempena Sambutan Tahun Baru sekitar Parlimen Bukit Bintang yang dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan kerjasama Pejabat Cawangan Bukit Bintang



28 Mac 2022

Program Gotong- Royong Pasar Pagi Terbuka Kepong Baru anjuran Persatuan Penjaja Pasar Pagi Kawasan C Kepong Baru dengan kerjasama Pejabat Cawangan Kepong



30 Mac 2022

Program Transformasi Keindahan Dan Keceriaan (Grand 1st 2021) Sebagai Inisiatif Alam Flora Di Sekitar Jejantas Jalan Kuchai Lama Berdekatan S.M.K Seri Sentosa Dalam Kawasan WPKL 15 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kerjasama Pejabat Cawangan Seputeh



13 April 2022

Sambutan Iftar Ramadhan bersama Menteri Wilayah anjuran Koperasi Kipidap Malaysia Berhad dengan kerjasama Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak



25 Jun 2022

Program Sambutan Hari Bapa Peringkat Wilayah Persekutuan di Muzium Negara, Kuala Lumpur dengan kerjasama Pejabat Cawangan Lembah Pantai



24 Julai 2022

Program Bantuan Khas Persekolahan Yayasan Wilayah Persekutuan Parlimen Cheras di Pusat Rekreasi Cheras Jalan Peel Kuala Lumpur dengan kerjasama Pejabat Cawangan Cheras



17 Disember 2022

Program Sumbangan Krismas Tahun 2022 di Dewan Yayasan Bena Nusa, Jalan Wirawati 6, Taman Maluri dengan kerjasama Pejabat Cawangan Titiwangsa



Ringkasan Program dan Aktiviti Jabatan Tahun 2022

Bil.	Tarikh	Tempat	Program/ Aktiviti
		Bulan: Januari	
1	01 Januari 2022	Masjid Ar Rahah	Majlis Khatam Al-Quran
2	02 Januari 2022	Masjid Al Ikhlasiah	Majlis Khatam Al-Quran
3	02 Januari 2022	Apartment Sri Rakyat	Program Gotong-Royong Perdana
4	02 Januari 2022	Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Sg Pencala	Program Taklimat Sesi Libat Urus Berkenaan Tanah Runtuh Di Kampung Palimbayan, Sg Penchala, Kuala Lumpur
5	03 Januari 2022	Dewan Masyarakat Taman Midah Cheras	Majlis Penyampaian Sumbangan Cermin Mata Bagi Pelajar Miskin Tegar Parlimen Cheras
6	04 Januari 2022	Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Sg Pencala Ke Rumah Masing-Masing/PPR/PA	Program Perpindahan Mangsa Kejadian Tanah Runtuh Dari PPS Sungai Pencala
7	07 Januari 2022	Dewan Kompleks Komuniti Muhibbah, Jalan 4/155 Bukit OUG, Kuala Lumpur	Program Penyampaian Bantuan Persekolahan Anak Yatim Majlis Perwakilan Penduduk (MPPWP) Sub Zon 6 Seputeh
8	07 Januari 2022	Pemindahan Sementara(PPS) Sekolah Kebangsaan Sg Pencala	Program Pemindahan Mangsa Kejadian Tanah Runtuh Kg.Palimbayan
9	08 Januari 2022	Dewan UMNO Taman Sri Sentosa Jalan Klang Lama Kuala Lumpur	Program Bacaan Yasin, Tahlil Arwah Dan Doa Kesyukuran Semperna Sambutan Tahun Baru 2022
10	09 Januari 2022	Dewan KRT Perumahan Awam Sri Kota	Program Sulam Warga Emas
11	09 Januari 2022	Perpustakaan KL @Lembah Pantai	Program Bacaan Yasin, Tahlil Arwah Dan Doa Kesyukuran Semperna Sambutan Tahun Baru 2022
12	09 Januari 2022	Dewan Seberguna Blok D, Perumahan Pantai	Kejohanan Karom Terbuka Pantai Permai
13	09 Januari 2022	Sri Desa Entrepreneurs Park, Jalan Kuchai Maju, Off Jalan Klang Lama	Program Bantuan Tahun Baru Cina
Cadangan Menaik Taraf Dan Pengindahan Bandar Di Kampung Attap Enclave - Cadangan Menaik Taraf Jalan Rotan, Kampung Attap Dan Kawasan Sekitarnya (Fasa 1 Dan Fasa 3)



Fasa 1 | **Fasa 2**

7.1.23 Naik Taraf Dan Pengindahan Bandar Bagi Lorong Belakang Lorong Petaling.

MAKLUMAT PROJEK

Tarikh Mula : **13 APRIL 2022** | Tarikh Siap : **30 SEPTEMBER 2022** | Kos Projek : **RM 242,607.87**

Cadangan Pengindahan Bandar Bagi Naik Taraf Lorong Belakang, Lorong Petaling.






7.1.24 Pagar Berangkai Di Depoh Kenderaan Buruk/Tersadai Taman Connaught.

MAKLUMAT PROJEK

Tarikh Mula : **15 DISEMBER 2022** | Tarikh Siap : **12 JANUARI 2023** | Kos Projek : **RM 237,237.30**

Kerja-Kerja Memasang Pagar Berangkai (Anti-Climb) Di Depoh Kenderaan Buruk/Tersadai Taman Connaught Jabatan Penguatkuasaan





7.1.25 Pembinaan Bumbung Di Dataran Ilmu S.M.K Bandar Tun Razak.

MAKLUMAT PROJEK

Tarikh Mula : **27 OKTOBER 2021**	Tarikh Siap : **4 JANUARI 2022**	Kos Projek : **RM 199,995.32**

Cadangan Kerja-Kerja Pembinaan Sebuah Bumbung Di Dataran Ilmu S.M.K Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur






7.1.26 Pengindahan Ruang Podium Di Tingkat 2, Menara DBKL 1.

MAKLUMAT PROJEK

Tarikh Mula :	Tarikh Siap :	Kos Projek :
04 APRIL 2022 (FASA 1) **10 MEI 2022 (FASA 2)**	**09 MEI 2022 (FASA 1)** **03 JUN 2022 (FASA 2)**	**RM 98,069.13 (FASA 1)** **RM 99,539.51 (FASA 2)**

Cadangan Kerja-Kerja Pengindahan Ruang Podium Di Tingkat 2, Menara DBKL 1






7.1.27 Pembinaan Bumbung Tapak Perhimpunan Di S.K. Datuk Keramat 1.

MAKLUMAT PROJEK

Tarikh Mula : **27 OKTOBER 2021** | Tarikh Siap : **4 JANUARI 2022** | Kos Projek : **RM 197,116.24**

Cadangan Kerja-Kerja Pembinaan Bumbung Tapak Perhimpunan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di S.K. Datuk Keramat 1, Kuala Lumpur





7.1.28 Longkang Baru Bersambung Ke Longkang Utama Di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang.

MAKLUMAT PROJEK

Tarikh Mula : **15 FEBRUARI 2022** | Tarikh Siap : **14 JUN 2022** | Kos Projek : **RM 166,912.94**

Cadangan Kerja-Kerja Pemuliharaan Imej Reka Bentuk Bandar, Selenggara, Ubahsuai Dan Baikpulih Bangunan Serta Aset Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur Secara Kontraktor Berpenggal Untuk Jabatan Pelaksanaan Projek Dan Penyelenggaraan Bangunan Bagi Tempoh (3) Tahun (2021-2024)

Kerja-Kerja Pembinaan Longkang Baru Bersambung Ke Longkang Utama Di Kawasan Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, Kuala Lumpur









7.1.29 Baikpulih Struktur Bumbung Dan Pemasangan Papan Tanda Di Pasar Pudu.

MAKLUMAT PROJEK

Tarikh Mula : **24 JUN 2022** | Tarikh Siap : **18 JULAI 2022** | Kos Projek : **RM 147,899.34**

Kerja-Kerja Baikpulih Keseluruhan Struktur Bumbung Medan Selera Dan Pemasangan Papan Tanda Serta Kerja-Kerja Awam Yang Berkaitan Di Pasar Pudu







7.2.30 KL 50 Jubli Emas Di Dataran ROL P7 (Bersebelahan Bangunan Sultan Abdul Samad).

MAKLUMAT PROJEK

Tarikh Mula : **1 MEI 2022** | Tarikh Siap : **13 SEPTEMBER 2022** | Kos Projek : **RM 129,919.50**

Cadangan Kerja-Kerja Membinan KL 50 Jubli Emas Di Dataran ROL P7 (Bersebelahan Bangunan Sultan Abdul Samad) Untuk Tetuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur







7.1.31 Membina Dinding Dan Mengecat Mural Di Kawasan Sungai Bunus, Seksyen 1, Wangsa Maju.

MAKLUMAT PROJEK		
Tarikh Mula : **15 DISEMBER 2021**	Tarikh Siap : **15 MAC 2022**	Kos Projek : **RM 100,000.00**

Cadangan Pemuliharaan Imej Reka Bentuk Bandar Di Sekitar Pusat Bandar Kuala Lumpur Untuk Jabatan Pelaksanaan Projek Dan Penyelenggaraan Bangunan Bagi Tempoh 3 (Tiga) Tahun (2019 – 2022)




7.1.32 Stor Simpanan Kayu Dan Kebuk Sampah Di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang.

MAKLUMAT PROJEK		
Tarikh Mula : **29 JUN 2022**	Tarikh Siap : **22 OGOS 2022**	Kos Projek : **RM 90,272.39**

Cadangan Kerja-Kerja Pemuliharaan Imej Reka Bentuk Bandar, Selenggara, Ubahsuai Dan Baikpulih Bangunan Serta Aset Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur Secara Kontraktor Berpenggal Untuk Jabatan Pelaksanaan Projek Dan Penyelenggaraan Bangunan Bagi Tempoh (3) Tahun (2021-2024)

Kerja-Kerja Membina Stor Simpanan Kayu Dan Kebuk Sampah Di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, Kuala Lumpur






7.1.33 Membaiki Longkang Dan Kebuk Sampah Serta Menaik Taraf Ruang Medan Selera Di Pasar Pudu.

MAKLUMAT PROJEK		
Tarikh Mula : **20 APRIL 2022**	Tarikh Siap : **5 JULAI 2022**	Kos Projek : **RM 86,932.26**

Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Kebuk Sampah Serta Menaik Taraf Ruang Medan Selera Di Pasar Pudu





7.1.34 Bilik Pemandu Menara DBKL 3.

MAKLUMAT PROJEK		
Tarikh Mula : **24 JUN 2022**	Tarikh Siap : **30 SEPTEMBER 2022**	Kos Projek : **RM 82,485.14**

Naik Taraf Kiosk Tingkat 1 Menara DBKL 3 Kepada Bilik Pemandu Di Menara DBKL 3







7.1.35 Membekal Dan Memasang Trail Marker Jubli Emas Di Sekitar Dataran Merdeka.

MAKLUMAT PROJEK		
Tarikh Mula : **1 OKTOBER 2021**	Tarikh Siap : **31 JANUARI 2022**	Kos Projek : **RM 59,850.00**

Cadangan Kerja Kerja Membekal Dan Memasang Trail Marker Jubli Emas Di Sekitar Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.









7.1.36 Naik Taraf Kerja Pemuliharaan Reka Bentuk Bandar Di Lorong Kamunting.

MAKLUMAT PROJEK		
Tarikh Mula : **9 MEI 2022**	Tarikh Siap : **7 JULAI 2022**	Kos Projek : **RM 50,000.00**

Cadangan Naik Taraf Kerja Pemuliharaan Reka Bentuk Bandar Di Lorong Kamunting, Kuala Lumpur







7.1.37 Penambahbaikan Ruang Awam Di Lorong Sisi Yap Ah Loy.

MAKLUMAT PROJEK		
Tarikh Mula : **11 APRIL 2022**	Tarikh Siap : **31 MEI 2022**	Kos Projek : **RM 44,987.40**

Cadangan Kerja Kerja Penambahbaikan Ruang Awam Di Lorong Sisi Yap Ah Loy.







7.1.38 Kabin Pejabat Opersi & Ruang Rehat Pekerja Alam Flora Di Pasar Harian Selayang.


MAKLUMAT PROJEK		
Tarikh Mula : **20 JUN 2022**	Tarikh Siap : **11 JULAI 2022**	Kos Projek : **RM 37,937.00**

Cadangan Membina Sebuah Kabin Pejabat Operasi & Ruang Rehat Pekerja Alam Flora Di Pasar Harian Selayang









7.1.39 Papan Tanda Baru Pada Sebahagian Papan Tanda Sedia Ada Sempena Jubli Emas KL 50 Di Lot 10 & 11, Jalan Tangsi.

MAKLUMAT PROJEK		
Tarikh Mula : **22 MAC 2022**	Tarikh Siap : **22 APRIL 2022**	Kos Projek : **RM 32,522.82**

Kerja-Kerja Pemasangan Papan Tanda Baru Pada Sebahagian Papan Tanda Sedia Ada Semena Jubli Emas KL 50 Di Lot 10 & 11, Jalan Tangsi, KL







7.1.40 Ruang Solat Sementara Di Basement, Dataran Merdeka.

MAKLUMAT PROJEK		
Tarikh Mula : **14 APRIL 2022**	Tarikh Siap : **21 APRIL 2022**	Kos Projek : **RM 29,804.80**

Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang Sekatan Dinding Serta Platform Untuk Membina Ruang Solat Sementara Di *Basement*, Dataran Merdeka, Kuala Lumpur









7.1.41 Pemasangan Papan Tanda Sustainability Development Goals (SDG).

MAKLUMAT PROJEK



Tarikh Mula :	Tarikh Siap :	Kos Projek :
SEPANJANG TAHUN 2022	**1 MAC 2022**	• **RM 1,330.00 (LOBI MENARA DBKL 3)** • **RM 1,330.00 (PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR (PKL)** • **RM 1,245.00 (JEJAK WARISAN 5)** • **RM 1,245.00 (RUANG NIAGA ROL: D'TEBING)**

Projek Pemasangan Papan Tanda 'Sustainable Development Goals' (S.D.G.)

i. **Pemasangan Bollard Anti-Vandalisma (Jenis Batu)**
ii. **Penyediaan Ramp Di Lorong Tengah Berhampiran Kiosk**





Lobi Menara DBKL 3

Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL)



Jejak Warisan 5





Ruang Niaga ROL: D'Tebing


7.2 Aktiviti Jabatan Sepanjang Tahun 2022


MAKLUMAT AKTIVITI

24 MAC 2022

Lawatan ke Pustaka KL @ TTID dan Pustaka KL @ Gombak Setia

Lawatan NGO 'Red Bubbles' dan MYCorps Alumni






29 MAC 2022

Lawatan Rasmi ke *River of Life* (ROL) Presint 7

Lawatan Rasmi Majlis Bandaraya Ipoh





1 APRIL 2022

Lawatan ke Rumah Tangsi

Lawatan MYCorps Alumni





9 JUN 2022

Lawatan Rasmi ke *River of Life* (ROL) Presint 7

Program Lawatan Turun Padang (TUPA) Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan





4 OGOS 2022

Lawatan Rasmi ke *River of Life* (ROL) Presint 7

Lawatan CEO CityNet







9 SEPTEMBER 2022

Lawatan Rasmi ke *River of Life* (ROL) Presint 7

Lawatan Kongres IBBY





23 SEPTEMBER 2022

Lawatan Rasmi ke *River of Life* (ROL) Presint 7

Lawatan Kongres CityNet







29 SEPTEMBER 2022

Penutupan Pertama Jalan Tuanku Abdul Rahman – Jalan Esfahan

Penutupan Pertama Jalan Tuanku Abdul Rahman – Jalan Esfahan









8.0 PENCAPAIAN JABATAN

8.1 Kumpulan *Sensory Global* : *Bollard* Penghalang Kenderaan Bermotor

- **29 – 30 NOVEMBER 2022**

Acara : **Konvensyen KIK Peringkat DBKL**
Pencapaian : **Tempat Kedua, Peringkat DBKL**







8.2 Tajuk: *The Rejuvenation Of Titiwangsa Lake Garden*

- **6 OKTOBER 2022**

Acara : ***MIP Planning Excellence Awards 2022***
Pencapaian : **Emas - Kategori '*Design Excellence (Medium Scale Category*'**





8.3 Tajuk: *The Conservation Of Rumah Tangsi* (Lot 10) & K.L.T.B (Lot 11), Jalan Tangsi

- **6 OKTOBER 2022**

Acara : *MIP Planning Excellence Awards 2022*
Pencapaian : **Emas** - *KATEGORI 'HERITAGE & CONSERVATION (PROJECT BASED CATEGORY)*





8.4 Tajuk: Rumah Tangsi: *A Sustainable Heritage Placemaking For All*

- **6 OKTOBER 2022**

Acara : *MIP Planning Excellence Awards 2022*
Pencapaian : **Perak** - **KATEGORI '***PLACEMAKING & PUBLIC SPACE (GOVERNMENT INITIATIVE – CITYHALL/CITY COUNCIL CATEGORY)***'**





8.5 Tajuk: *The Conservation & Activation Of Lot 10 & Lot 11, Jalan Tangsi*

- **6 OKTOBER 2022**

Acara : *MIP Planning Excellence Awards 2022*
Pencapaian : **Perak** - **KATEGORI '***PLACEMAKING & PUBLIC SPACE (GOVERNMENT INITIATIVE – CITYHALL/CITY COUNCIL CATEGORY)***'**





Jabatan Ukur Bahan

1.0 LATARBELAKANG

1.1 Sejarah Penubuhan Jabatan

Perkhidmatan Ukur Bahan di DBKL bermula pada 1 Oktober 1976 di bawah Jabatan Arkitek. Pada tahun 1977 ia telah dikembangkan menjadi satu bahagian dibawah Unit Penyelarasan Pembangunan sebelum dengan rasminya menjadi sebuah jabatan pada 1 Oktober 1981.

Dalam proses penyusunan semula organisasi DBKL, pada tahun 1995 Bahagian Pengurusan Perolehan telah diletakkan di bawah Jabatan Ukur Bahan dan dikenali sebagai Jabatan Pengurusan Perolehan dan Ukur Bahan. Walaubagaimanapun bermula pada tahun 2003 Bahagian Pengurusan Perolehan telah dikeluarkan semula dari Jabatan Ukur Bahan untuk diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran.

1.2 Bahagian-Bahagian/Unit-Unit di Jabatan

Struktur Jabatan Ukur Bahan mengandungi 5 Bahagian dan 1 Unit seperti berikut:-

i. Bahagian Bangunan
ii. Bahagian Kejuruteraan
iii. Bahagian Penswastaan dan Teknologi Maklumat
iv. Bahagian Landskap dan Rekreasi
v. Bahagian Infrastruktur Bandar dan Pembangunan Kompetensi
vi. Unit Pentadbiran dan Kewangan

1.3 Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Kategori	Jumlah
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54)	16
Kumpulan Sokongan 1 (Gred 17 – 40)	27
Kumpulan Sokongan 11 (Gred 1-16)	8
JUMLAH	**51**

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Menyediakan Perkhidmatan Ukur Bahan Yang Sistematik, Efisyen dan Cemerlang.

2.2 Misi

Komited Dalam Memberi Perkhidmatan Pentadbiran Kontrak, Kawalan Kos dan Pengurusan Projek Dengan Cekap dan Telus.

3.0 PIAGAM PELANGGAN JABATAN

3.1 Memberi perkhidmatan kepakaran Ukur Bahan di peringkat Pra-Kontrak yang meliputi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:-

3.1.1 Menyediakan Dokumen Tender Perolehan Kerja dan Perunding dalam tempoh 1 bulan selepas menerima dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

3.1.2 Menyemak Dokumen Tender Perolehan Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan yang dikemukakan oleh jabatan pelaksana serta memberi khidmat nasihat prosidur kontrak dalam tempoh 2 minggu untuk semakan kali pertama dan 1 minggu untuk semakan kali kedua selepas penerimaan dokumen daripada Jabatan Pelaksana.

3.1.3 Menyemak Dokumen Kerja Undi yang dikemukakan oleh jabatan pelaksana dalam tempoh 3 hari selepas penerimaan dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

3.1.4 Menyediakan Anggaran Kos Projek dalam tempoh 3 minggu selepas menerima dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

3.2 Memberi perkhidmatan kepakaran Ukur Bahan di peringkat Pasca-Kontrak yang meliputi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:-

3.2.1 Menyelaras Kadar Harga dan Pecahan Harga Tender dalam tempoh 6 minggu selepas penerimaan dokumen tender yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

3.2.2 Menyediakan Sijil Bayaran Kemajuan dalam tempoh 4 hari dari mengisi maklumat bayaran yang lengkap di dalam sistem bayaran.

3.2.3 Menyediakan Arahan Perubahan (Kelulusan Perubahan Kerja (KPK), Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS) dan Perubahan Wang Peruntukan Sementara (WPS)) bagi setiap kerja-kerja perubahan dalam tempoh 1 bulan selepas penerimaan dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana/ pengesyoran Perunding.

3.2.4 Menyediakan Penyata Perakuan Muktamad Kontraktor dikeluarkan dalam tempoh

a. Projek Konvensional – 3 bulan selepas tamat Temph Liabiliti Kecacatan (DLP) atau 3 bulan selepas keluar Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) mengikut mana yang kemudian tertakluk kepada kelulusan perubahan kerja terakhir.

b. Projek Reka dan Bina – 6 bulan selepas keluar Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) tertakluk kepada kelulusan perubahan kerja terakhir.

3.2.5 Menyediakan Penyata Perakuan Muktamad Perunding dalam tempoh 3 bulan selepas Penyata Perakuan Muktamad kontraktor ditandatangani tertakluk kepada kelulusan pelarasan fi terakhir perunding.

3.3 Mengkaji dan menganalisa Kos Pembangunan Projek bagi projek-projek penswastaan dalam tempoh 3 minggu dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana.

4.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JABATAN

4.1 KPI Jabatan Tahun 2022

Jadual 4.1 : Bilangan KPI Jabatan adalah 14 dan Pencapaian Keseluruhan KPI Jabatan adalah 99% Bagi Tahun 2022

Bil.	KPI	Sasaran	Pencapaian
1	Memastikan kehadiran 4 hari berkursus setahun bagi semua pegawai dan kakitangan jabatan.	100%	100%
2	Mensasarkan 100% penyelesaian aduan awam dalam tempoh 14 hari pada tahun 2022	100%	-
3	Menguruskan perbelanjaan secara berhemah dengan memastikan perbelanjaan melebihi 95% daripada peruntukan tahun 2022	100%	100%
4	Mengemukakan perancangan perolehan bagi tahun 2023	100%	-
5	Menyelesaikan AW58 pada bulan Mei 2022	100%	100%

Bil.	KPI	Sasaran	Pencapaian
6	Memastikan 100% Bayaran Interim disediakan dalam tempoh 4 hari bekerja dari tarikh penilaian tapak/tarikh pengesyoran diterima	100%	100%
7	Memastikan 100% Sijil Perakuan Muktamad Kontraktor dikeluarkan dalam tempoh Liabiliti Kecacatan (DLP) atau 3 bulan selepas keluar Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) mengikut mana yang kemudian	100%	100%
8	Memastikan 100% Sijil Perakuan Muktamad Perunding dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan selepas Sijil Perakuan Muktamad Kontraktor dikeluarkan	100%	100%
9	Memastikan Jadual Cut-Off bagi penilaian tawaran disediakan tidak melebihi 3 hari dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana	100%	100%
10.	Memastikan 100% Dokumen Tender Perolehan Kerja dan Perunding disediakan dalam tempoh 1 bulan selepas menerima dokumen yang lengkap daripada Jabatan Pelaksana	100%	100%
11.	Memastikan 100% Draf Dokumen Tender yang disemak kali Pertama tidak melebihi 14 hari dan semakan kali Kedua tidak melebihi 7 hari	100%	96%
12.	Memastikan perisian Build Space digunakan bagi tujuan penyediaan Senarai Kuantiti (BQ), anggaran kos dan arahan perubahan kerja untuk sekurang-kurangnya 20 senarai projek	100%	100%
13	Anggaraan Kos Projek disediakan dalam tempoh 3 minggu selepas menerima dokumen yang lengkap dari Jabatan Pelaksana	100%	100%
14	Memastikan Garis Panduan Arahan Perubahan bagi Kelulusan Perubahan Kerja (KPK), Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS) dan Perubahan Wang Peruntukan Sementara (WPS) siap dikemaskini selewat-lewatnya pada Oktober 2022	100%	100%

5.0 FUNGSI JABATAN

5.1 Fungsi-Fungsi Jabatan Secara Keseluruhannya

5.1.1 Menyediakan dan menyelaras perancangan kos bagi projek-projek pembangunan DBKL mengikut tatacara yang ditetapkan bagi kerja-kerja bangunan, kejuruteraan, infrastruktur, landskap, pengangkutan bandar, penyelenggaraan dan teknologi maklumat

5.1.2 Menyelaras dan mengurus dokumen perolehan kerja

5.1.3 Mengurus dan melaksana pentadbiran kontrak bagi kawalan kontrak kerja

5.1.4 Menilai dan memberi khidmat nasihat berkaitan tuntutan pentadbiran kontrak

5.1.5 Mengurus dan memberi khidmat nasihat pentadbiran kontrak bagi projek penswastaan dan aset ICT

5.2 Fungsi Bahagian-Bahagian Jabatan

5.2.1 Menyedia dan Menyelaras Perancangan Kos Bagi Projek-Projek DBKL:-

a. Penyediaan Anggaran Kos Awalan (PDA) Untuk Peruntukan Projek
b. Penyediaan Anggaran Kos Berdasarkan Rekabentuk Awalan
c. Penyediaan Anggaran Kos Pra-Tender
d. Penyediaan ATDA Bagi Kontrakor Yang Berjaya
e. Penyediaan ACDA Bagi Penyata Akaun Muktamad

5.2.2 Penyediaan/Semakan Dokumen Perolehan:-

a. Penyediaan Dokumen Perolehan Kerja dan Perunding
b. Menyemak Dokumen Perolehan Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan

5.2.3 Pentadbiran Kontrak Bagi Kawalan Kos Kontrak Kerja:-

a. Menyelaras Kadar Harga dan Pecahan Harga Tender
b. Penyediaan Sijil Bayaran Kemajuan
c. Penyediaan Arahan Perubahan Kerja
d. Penyediaan Penyata Perakuan Muktamad Kontraktor

5.2.4 Pentadbiran Kontrak Bagi Tuntutan Kontrak:-

a. Menyemak dan Menilai Tuntutan 'Loss and Expense'
b. Menyemak dan Menilai Fi Abortif Bagi Perunding
c. Menyemak dan Menilai Tuntutan Kontraktor Disebabkan Penamatan Bersama (mutual Termination)
d. Menilai Gantirugi Datuk Bandar Disebabkan Penamatan Kontrak

6.0 BAJET JABATAN

6.1 Perbelanjaan Mengurus

Bil.	Perkara	Tahun 2022	Peratus (%)
1.1	Jumlah Peruntukan Yang Diluluskan	RM144,700.00	86.32%
1.2	Jumlah Perbelanjaan	RM124,911.00	

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

7.1 Menyediakan Anggaran Kos Dan Perancangan Kos

Bagi sepanjang tahun 2022 jabatan telah terlibat di dalam menyediakan anggaran-anggaran kos bagi 23 projek yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara tender dan sebutharga. Anggaran kos tersebut adalah bagi perolehan secara tender dan sebutharga dengan nilai anggaran kos keseluruhan berjumlah RM150 juta.

7.2 Menyediakan Dokumen Tender Dan Sebutharga

Sebanyak 29 Dokumen Tawaran telah disediakan bagi perolehan secara Tender dan Sebutharga di sepanjang tahun 2022. Perincian bilangan dan peratusan berdasarkan kategori dokumen perolehan adalah seperti berikut:

Jadual 7.2 : Statistik Penyediaan Dokumen Tender Dan Sebutharga Tahun 2022

Kategori Penyediaan Dokumen	Jumlah	Peratusan
Dokumen Tender	24	83%
Dokumen Sebutharga	5	17%
JUMLAH	**29**	**100%**

7.3 Menyemak Dokumen Tender / Sebutharga Dan Kerja Undi


Deraf-deraf dokumen bagi perolehan tender dan sebutharga yang disediakan oleh Jabatan Pelaksana, ianya perlu melalui proses semakan oleh Jabatan Ukur Bahan bagi memastikan ianya sempurna dan teratur bagi tujuan tender.

Selain daripada dokumen tender dan sebutharga, dokumen-dokumen perolehan secara kerja undi juga perlu melalui proses semakan oleh Jabatan Ukur Bahan sebelum proses undi dilaksanakan.

Pecahan dan peratusan semakan dokumen 2022 mengikut kategori adalah seperti berikut:

Jadual 7.3.1: Statistik Penyemakan Dokumen Tender/ Sebutharga Dan Kerja Undi Untuk Tahun 2022

Kategori Semakan Dokumen	Jumlah	Peratusan
Semakan Dokumen Tender/ Sebut Harga	412	72%
Dokumen Kerja Undi	159	28%
JUMLAH	**571**	**100%**



Carta Pie 7.3.2 : Pecahan Penyemakan Dokumen Tender/ Sebutharga Dan Kerja Undi Tahun 2022

7.4 Menyediakan Sijil Bayaran Interim Projek

Penilaian ke atas kemajuan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor perlu dibuat secara progresif bagi memastikan pembayaran yang dibuat adalah bersesuaian dan tepat.

Jabatan Ukur Bahan bertanggungjawab di dalam menilai kemajuan kerja di tapak bina dan seterusnya membuat pengesyoran pembayaran melalui Sijil Bayaran Interim Projek. Bagi tahun 2022 sebanyak 192 sijil telah disyorkan oleh Jabatan Ukur Bahan di mana melibatkan keseluruhan pengesyoran bayaran lebih kurang RM123 juta.

7.5 Menyediakan Perakuan Muktamad Projek

Di dalam memuktamadkan akaun sesuatu projek, satu komitmen yang tinggi diperlukan oleh Juruukur Bahan Projek. Ini adalah bagi memastikan ianya dapat disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan di samping perlu memastikan segala tuntutan-tuntutan yang dikemukakan kontraktor seperti kerja-kerja pengukuran semula, arahan perubahan, tuntutan bagi kerugian & perbelanjaan *(loss & expenses)* dan lain-lain lagi adalah sah serta teratur.

Bagi tahun 2022 sebanyak 30 Perakuan Muktamad projek telah berjaya dimuktamadkan dan 6 projek telah dinilaikan bagi tuntutan kerugian dan perbelanjaan *(loss & expenses)* oleh Jabatan Ukur Bahan.

8.0 PENCAPAIAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2022

8.1 Penghasilan Garis Panduan Penyediaan Arahan Perubahan

Menurut Arahan Perbendaharaan (AP) klausa 202.2 memperuntukkan bahawa kelulusan hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Melulus (PBM) sebelum perubahan kerja dilaksanakan berdasarakan had nilai kewangan sejajar dengan Perintah Tetap Pengurusan Perolehan dan Pentadbiran Kontrak Datuk Bandar Kuala Lumpur Tahun 2020 (PDB).

Garis Panduan ini merupakan garis panduan baru kepada DBKL dengan merujuk kepada Arahan Datuk Bandar No. Ruj (21)DBKL/JIT/6-25 bertarikh 18hb Oktober 2018 mengenai Permohonan Kelulusan Arahan Perubahan dan Lanjutan Masa Kontrak Kerja dimana **KELULUSAN PIHAK BERKUASA MELULUS** hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum kerja dilaksanakan sejajar dengan PDB tersebut.

Garis Panduan ini juga bertujuan untuk memaklumkan mengenai tatacara permohonan Arahan Perubahan (AP) yang merangkumi **Kelulusan Perubahan Kerja (KPK), Perubahan Wang Peruntukan Sementara (WPS), Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS) dan Pelarasan Harga Kontrak (PKH).**

8.2 Skop keperluan Arahan Perubahan adalah:-


i. Perubahan skop kontrak kerja seperti perubahan kepada pelan, spesifikasi dan/atau senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurang.

ii. Perubahan kuantiti pertambahan/pengurangan dalam kerja-kerja kuantiti sementara.

iii. Perubahan kepada kehendak Datuk Bandar yang memerlukan pindaan dan ubah suaian terhadap rekabentuk, mutu kerja atau kuantiti kerja yang terlibat bagi kontrak secara Reka dan Bina.

iv. Kerja-kerja dan bekalan yang tidak dapat dikenalpasti, diramal atau

v. Keperluan statutory, Agensi, Pihak Berkuasa Tempatan dan pembekal utiliti.



Gambar 8.1 : Garis Panduan Penyediaan Arahan Perubahan

Penyata Kewangan

www.dbkl.gov.my

LAPORAN TAHUNAN
DBKL 2022

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 53.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Penasihat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Penasihat Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Penasihat bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Lembaga Penasihat juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Lembaga Penasihat bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga disyorkan membuat penyesuaian baki peruntukan geran dengan Jabatan Wilayah Persekutuan pada penghujung setiap tahun bagi memastikan baki peruntukan dibelanjakan adalah tepat.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Penasihat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berdasarkan keperluan Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
11 JANUARI 2024

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PERAKUAN PENGURUSAN KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Saya, **DATUK SR. HAJI KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH,** Datuk Bandar **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR** yang menjalankan tugas-tugas Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan ini, mengatakan bahawa pada pendapat saya, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR** pada 31 Disember 2022 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

DATUK SR. HAJI KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH
DATUK BANDAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Bertarikh : 20 DEC 2023

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

AKUAN BERKANUN

Saya, **NOR AZLINA BINTI MOHD SAAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**, dengan ikhlas mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa perkara ini adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diperakui oleh }
yang tersebut di atas, }
NOR AZLINA BINTI MOHD SAAD C.A. (M), AIIA}
di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur}
pada 20 Disember 2023 }

Dihadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 853
UMI KALSOM BINTI NOH
JABATAN PENGUATKUASAAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
01 MEI 2021 - 31 DISEMBER 2023
MALAYSIA

PESURUHJAYA SUMPAH

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	31.12.2022 RM	31.12.2021 RM *Seperti dinyatakan semula*	1.1.2021 RM *Seperti dinyatakan semula*
ASET				
Aset semasa				
Baki bank dan wang tunai		106,825,603	115,563,162	106,986,002
Deposit tetap di institusi kewangan		6,006,883,349	6,459,011,765	6,400,140,546
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	4	659,142,278	563,558,638	410,312,575
Urusniaga pertukaran belum terima	5	280,576,320	447,996,473	435,242,753
Inventori	6	3,628,148	4,054,192	4,442,408
		7,057,055,698	7,590,184,230	7,357,124,284
Aset bukan semasa				
Hartanah, loji dan peralatan	7	11,295,047,209	11,248,920,117	11,116,293,434
Aset tak ketara	8	81,833,753	92,759,245	83,115,604
Aset kewangan lain	9	37,533,173	40,269,945	84,466,198
Aset hartanah untuk dijual	10	125,390,306	105,354,544	141,718,291
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	4	425,190,033	399,841,666	481,564,230
Urusniaga pertukaran belum terima	5	238,912,445	237,765,319	254,299,862
		12,203,906,919	12,124,910,836	12,161,457,619
JUMLAH ASET		19,260,962,617	19,715,095,066	19,518,581,903
LIABILITI				
Liabiliti semasa				
Urusniaga pertukaran belum bayar	11	953,140,271	952,612,149	950,308,629
Pendapatan tertunda	12	671,438,681	688,231,943	571,613,959
Pinjaman	13	-	2,880,530	3,329,837
Penerimaan terdahulu	14	1,268,340	1,268,340	1,268,340
Peruntukan manfaat kakitangan	15	5,661,054	3,980,555	4,232,912
		1,631,508,346	1,648,973,517	1,530,753,677
Liabiliti bukan semasa				
Geran tertunda	16	760,902,170	811,518,228	772,297,444
Pinjaman	13	-	100,121,262	103,001,790
Penerimaan terdahulu	14	102,927,743	103,424,165	104,674,840
Peruntukan manfaat kakitangan	15	54,967,477	37,394,613	37,968,009
		918,797,390	1,052,458,268	1,017,942,083
JUMLAH LIABILITI		2,550,305,736	2,701,431,785	2,548,695,760
ASET BERSIH		16,710,656,881	17,013,663,281	16,969,886,143
EKUITI/ASET BERSIH				
Lebihan terkumpul		1,623,412,391	2,024,215,797	2,396,908,577
Rizab		15,087,244,490	14,989,447,484	14,572,977,566
JUMLAH EKUITI/ASET BERSIH		16,710,656,881	17,013,663,281	16,969,886,143

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM *Seperti dinyatakan semula*
		RM	
HASIL			
Urusniaga bukan pertukaran			
Cukai taksiran		1,393,658,231	1,372,768,021
Bantuan daripada kerajaan		39,900,554	56,850,122
Peruntukan projek pembangunan direalisasi	16	132,414,340	121,650,869
Terimaan luar direalisasi	16	18,130,543	11,811,185
Denda		36,649,302	25,963,906
Lesen		66,252,547	58,068,052
		1,687,005,517	1,647,112,155
Urusniaga pertukaran			
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan		383,966,240	240,154,356
Perolehan jualan barang-barang		3,342,484	4,686,435
Keuntungan daripada pelaburan		159,696,040	151,983,498
Sewaan perumahan		56,975,853	33,833,891
Sewaan lain		70,199,286	62,205,537
Hasil dari projek penswastaan		20,001,705	15,435,585
Keuntungan dari pelupusan aset		17,308,233	146,199,991
Pendapatan operasi perbadanan pengurusan		27,713,994	26,682,372
Lain-lain hasil	17	82,435,948	86,651,830
		821,639,783	767,833,495
JUMLAH HASIL		2,508,645,300	2,414,945,650
BELANJA			
Belanja mengurus			
Kos kakitangan	18	527,789,560	489,978,483
Perkhidmatan dan bekalan	19	1,355,145,386	1,087,815,798
Pemberian dan kenaan tetap		86,265,091	84,230,396
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan		309,749,764	363,897,472
Kerugian daripada pelupusan aset		58,461,134	10,213,395
Kos kewangan		38,064,957	21,799,267
Perbelanjaan operasi perbadanan pengurusan		29,707,450	26,595,974
Perbelanjaan mengurus lain	20	96,837,545	75,035,562
Belanja pembangunan dan penyelenggaraan	21	289,600,273	211,602,165
JUMLAH PERBELANJAAN		2,791,621,160	2,371,168,512
(KURANGAN)/LEBIHAN TAHUN SEMASA		(282,975,860)	43,777,138

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

	Nota	Rizab pembangunan RM	Rizab modal RM	Rizab penjualan rumah RM	Tabung pinjaman RM	Tabung amanah RM	Tabung Manfaat Kakitangan RM	Kumpulan wang perumahan RM	Lebihan terkumpul RM	2021 Jumlah RM
Pada 1 Januari 2021, *Sebelum dinyatakan semula*		633,889,560	13,423,301,618	445,340,375	17,861,704	2,424,309	-	50,160,000	2,377,641,118	16,950,618,684
Pelarasan tahun lalu	28	-	-	-	-	-	-	-	19,267,459	19,267,459
Pada 1 Januari 2021, *Selepas dinyatakan semula*		633,889,560	13,423,301,618	445,340,375	17,861,704	2,424,309	-	50,160,000	2,396,908,577	16,969,886,143
Lebihan tahun semasa		-	-	-	-	-	-	-	43,777,138	43,777,138
Belanja pembangunan		(381,211,574)	367,041,747	-	-	-	-	(30,190,030)	44,359,857	-
Pelupusan aset		-	(126,545,367)	-	-	-	-	-	126,545,367	-
Pindahan lain		349,912,474	193,404,723	(391,748)	(667)	23,620	-	32,882,030	(575,830,432)	-
Pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan*		-	-	11,544,710	-	-	-	-	(11,544,710)	-
Pada 31 Disember 2021		602,590,460	13,857,202,721	456,493,337	17,861,037	2,447,929	-	52,852,000	2,024,215,797	17,013,663,281

*Merujuk kepada pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan bagi penjualan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat, DBKL.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

	Rizab pembangunan RM	Rizab modal RM	Rizab penjualan rumah RM	Tabung pinjaman RM	Tabung amanah RM	Tabung Manfaat Kakitangan RM	Kumpulan wang perumahan RM	Lebihan terkumpul RM	2022 Jumlah RM
Pada 1 Januari 2022,	602,590,460	13,857,202,721	456,493,337	17,861,037	2,447,929	-	52,852,000	2,024,215,797	17,013,663,281
Lebihan tahun semasa		-	-	-	-	-	-	(282,975,860)	(282,975,860)
Belanja pembangunan	(403,648,652)	429,491,566	-	-	-	-	(53,226,973)	27,384,059	-
Pelupusan aset	-	(412,210,610)	-	-	-	-	-	412,210,610	-
Pindahan lain	327,532,153	152,120,741	11,363,739	4,132,550	13,947	(20,030,542)	74,903,271	(570,066,399)	(20,030,540)
Pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan*	-	(14,825,174)	2,180,990	-	-	-	-	12,644,184	-
Pada 31 Disember 2022	526,473,961	14,011,779,244	470,038,066	21,993,587	2,461,876	(20,030,542)	74,528,298	1,623,412,391	16,710,656,881

*Merujuk kepada pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan bagi penjualan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat, DBKL.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2022

	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
(Kurangan)/Lebihan tahun semasa	(282,975,860)	43,777,138
Pelarasan untuk:		
Peruntukan hutang ragu	(9,778,015)	2,691,196
Jualan aset tetap	41,152,900	(154,294,346)
Keuntungan ke atas jualan saham	-	(10,824,116)
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	279,920,569	331,499,961
Pelunasan aset tak ketara	29,829,195	32,397,509
Perubahan nilai saksama aset kewangan lain	4,559,672	17,176,751
Rosotnilai aset hartanah untuk dijual	4,156,659	23,648
Peruntukan manfaat kakitangan	8,541,123	4,351,037
Geran pembangunan direalisasi	(145,891,483)	(128,586,753)
Keuntungan dari pelaburan	(157,194,547)	(147,856,575)
Pendapatan bonus	(1,822,899)	(3,200,000)
Keuntungan penjualan rumah	-	(1,055,143)
Keuntungan penghutang pajakan	(8,230,106)	(8,548,856)
Kos kewangan	3,370,909	299,860
Hapuskira penghutang	10,213,402	-
Pendapatan dividen	(369,000)	(545,400)
Kerugian dari kendalian sebelum perubahan kepada modal kerja	(224,517,481)	(22,694,089)
Perubahan dalam:		
Penghutang	77,523,717	242,198,355
Inventori	426,043	388,216
Pemiutang	(44,639,098)	(286,950,749)
Tunai digunakan dari aktiviti operasi	(191,206,819)	(67,058,267)
Bayaran manfaat kakitangan	(9,318,302)	(5,176,790)
Keuntungan diterima	158,000,353	161,866,768
Tunai bersih (digunakan)/dijana dari aktiviti operasi	(42,524,768)	89,631,711
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Penerimaan daripada:		
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	180,717,224	244,315,320
Pelupusan aset untuk dijual	13,847,826	8,636,137
Pelupusan aset kewangan	-	41,043,618
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(562,708,426)	(526,393,146)
Pembelian aset tak ketara	(18,903,880)	(42,091,661)
Dividen diterima	369,000	545,400
Tunai bersih digunakan dari aktiviti pelaburan	(386,678,256)	(273,944,332)

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Bayaran balik pinjaman jangka panjang	(103,001,790)	(2,490,956)
Terimaan pembiayaan projek kerajaan dan swasta	130,640,810	285,092,172
Bayaran pembiayaan projek kerajaan dan swasta	(55,960,265)	(30,686,770)
Kos Kewangan	(3,341,706)	(153,446)
Tunai bersih (digunakan)/dijana dari aktiviti pembiayaan	(31,662,951)	251,761,000
(PENURUNAN)/PERTAMBAHAN BERSIH DALAM ALIRAN TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	(460,865,975)	67,448,379
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	6,574,574,927	6,507,126,548
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	6,113,708,952	6,574,574,927
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
Wang tunai dan dana jangka pendek	106,825,603	115,563,162
Deposit tetap	6,006,883,349	6,459,011,765
	6,113,708,952	6,574,574,927

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Bajet asal RM	Bajet akhir RM	Amaun sebenar pada asas setanding RM	Perbezaan bajet akhir dan amaun sebenar RM
TERIMAAN				
Cukai taksiran	1,360,000,000	1,280,000,000	1,294,849,746	14,849,746
Lesen	61,094,000	51,952,000	66,262,294	14,310,294
Denda	26,947,000	14,678,000	24,040,619	9,362,619
Bantuan daripada kerajaan	8,000,000	26,000,000	44,080,400	18,080,400
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan	445,549,200	327,191,200	398,492,135	71,300,935
Sewaan perumahan	49,656,000	49,656,000	51,975,662	2,319,662
Sewaan lain	69,597,000	50,722,000	58,727,305	8,005,305
Keuntungan daripada pelaburan	172,350,000	172,350,000	160,192,252	(12,157,748)
Hasil dari projek penswastaan	5,900,000	3,000,000	2,140,491	(859,509)
Penjualan aset	58,001,000	43,000,000	54,018,464	11,018,464
Pendapatan operasi perbadanan pengurusan	20,760,000	20,760,000	24,276,241	3,516,241
Lain-lain hasil	20,145,800	28,290,800	43,815,401	15,524,601
JUMLAH TERIMAAN	2,298,000,000	2,067,600,000	2,222,871,010	155,271,010
BELANJA MENGURUS				
Emolumen	485,312,300	461,035,700	448,940,847	(12,094,853)
Elaun lebih masa	65,435,700	81,106,000	78,848,714	(2,257,286)
Perkhidmatan dan Bekalan				
Pengurusan dan Pentadbiran	205,755,500	196,402,000	187,642,212	(8,759,788)
Pembersihan Bandar	231,408,000	241,411,600	240,595,923	(815,677)
Penghijauan, Penyelenggaraan Taman, Tanah Lapang dan Kemudahan Rekreasi	95,537,200	89,725,400	84,125,557	(5,599,843)
Jalan Raya dan Saliran	154,376,000	267,804,200	258,343,566	(9,460,634)
Lampu Jalan dan Kemudahan Sistem Lalulintas	141,038,800	127,282,300	125,467,368	(1,814,932)
Tempat Letak Kereta, Hentian Bas dan Siarkaki	10,887,500	15,004,500	14,842,875	(161,625)
Penyelenggaraan, Naik Taraf dan Ubahsuai Bangunan	55,870,800	50,329,100	45,589,982	(4,739,118)
Penjaja dan Peniaga Kecil	25,771,000	26,228,600	25,594,142	(634,458)
Penguatkuasaan	42,683,900	40,617,300	38,697,718	(1,919,582)
Perumahan Awam dan Rakyat	179,836,000	220,872,200	214,302,902	(6,569,298)
Kesihatan	8,146,500	6,901,300	6,709,042	(192,258)
Pembangunan Komuniti	76,392,900	66,324,600	63,292,658	(3,031,942)
Kebudayaan, Kesenian dan Sukan	12,623,000	11,032,000	10,734,730	(297,270)
Pelancongan	3,806,000	3,928,800	3,513,317	(415,483)
Bayaran Pekerja Kontrak, Sambilan dan Separuh Masa	32,452,000	39,273,200	37,073,635	(2,199,565)
Pemberian dan kenaan tetap	93,621,800	94,207,600	120,524,054	26,316,454
Perbelanjaan lain	21,881,200	7,149,700	6,548,771	(600,929)
	1,942,836,100	2,046,636,100	2,011,388,013	(35,248,087)

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)

	Bajet asal RM	Bajet akhir RM	Amaun sebenar pada asas setanding RM	Perbezaan bajet akhir dan amaun sebenar RM
BELANJA PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN				
Tanah	90,360,000	62,993,900	62,547,429	(446,471)
Bangunan	220,710,900	216,139,000	214,314,119	(1,824,881)
Kemudahan	60,470,300	25,088,100	23,994,229	(1,093,871)
Kelengkapan dan Peralatan	68,373,200	38,894,800	37,897,815	(996,985)
Aset infrastruktur	295,942,100	252,198,500	243,011,507	(9,186,993)
Aset-aset lain	25,450,300	14,172,500	14,007,616	(164,884)
	761,306,800	609,486,800	595,772,715	(13,714,085)
JUMLAH PERBELANJAAN	2,704,142,900	2,656,122,900	2,607,160,728	(48,962,172)
TERIMAAN BERSIH	**(406,142,900)**	**(588,522,900)**	**(384,289,718)**	**106,308,838**

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

1. MAKLUMAT AM

1.1 Maklumat Am

Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir Bandaraya Kuala Lumpur. Datuk Bandar adalah perbadanan tunggal di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960. Semua kuasa pentadbiran Datuk Bandar Kuala Lumpur digariskan di dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Kedua-dua akta di atas dibaca bersama.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur selaku pihak yang berkuasa untuk meluluskan Penyata Kewangan berdasarkan Seksyen 54(3) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 di Mesyuarat Khas Pembentangan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 31 Mei 2023. Penyata Kewangan yang telah diaudit telah dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur pada 20 Disember 2023.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Keterangan Pematuhan

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960 dan Piawaian Perakaunan untuk Sektor Awam Malaysia (MPSAS – *Malaysian Public Sector Accounting Standards*).

2.2 Asas Pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

2.3 Matawang Persembahan dan Fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia ("RM"), iaitu matawang fungsian untuk DBKL.

2.4 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terlibat.

Tiada bahagian signifikan dalam ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

2.5 Pindaan yang dikeluarkan tetapi belum dikuatkuasa

Penambahbaikan MPSAS disebabkan oleh Kerangka Konseptual IPSAS untuk Pelaporan Kewangan Tujuan Am oleh Entiti Sektor Awam

Ciri kualitatif di dalam piawaian MPSAS telah digantikan supaya selaras dengan ciri kualitatif di dalam Kerangka Konseptual Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (*International Public Sector Accounting Standards*).

Penambahbaikan Am kepada MPSAS

i. Penyingkiran rujukan di dalam MPSAS kepada piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan berkaitan aset bukan semasa dipegang untuk dijual dan operasi dihentikan.

Penambahbaikan ini menyingkirkan rujukan kepada IFRS 5 dan MFRS 5, Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Dijual dan Operasi Dihentikan disebabkan rujukan tersebut tidak sesuai untuk digunapakai sepenuhnya untuk sektor awam.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2.5 Pindaan yang dikeluarkan tetapi belum dikuatkuasa (Sambungan)

ii. Pengecilan skop MPSAS 27, Pertanian

Tumbuhan penghasil telah dikeluarkan daripada skop MPSAS 27, Pertanian dan dipindahkan di bawah skop MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan selaras dengan keperluan yang sama oleh IPSAS dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards*).

iii. Penjelasan kaedah boleh diterima untuk susutnilai dan pelunasan

Penjelasan bahawa kaedah susutnilai dan pelunasan berdasarkan janaan hasil oleh aktiviti yang menggunakan aset tersebut adalah tidak sesuai disebabkan komponen harga untuk hasil dijana mungkin disebabkan inflasi, yang mana tidak berkait dengan cara aset tersebut digunakan.

iv. Persembahan aset konsesi perkhidmatan

Perubahan melibatkan MPSAS 32, Aturan Perkhidmatan Konsesi di mana kelas aset untuk aset perkhidmatan konsesi tidak perlu ditunjukkan sebagai satu kelas berasingan. Sebaliknya, ia perlu diagregatkan di dalam kelas yang bersifat serupa selaras dengan keperluan MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan atau MPSAS 31, Aset Tak Ketara.

Keperluan MPSAS 32 sebelum ini yang memerlukan aset konsesi perkhidmatan perlu dikelaskan sebagai satu kelas walaupun sifat dan fungsi aset adalah berbeza, dilihat bercanggah dengan keperluan MPSAS 17 dan MPSAS 31.

Kesan daripada perubahan ini, amaun bawaan aset perkhidmatan konsesi pada akhir tahun pelaporan hendaklah didedahkan sebagai nota tambahan. Sebarang perubahan pengukuran daripada reklasifikasi semula kelas aset ini hendaklah dibuat secara retrospektif.

v. Penambahbaikan am lain

Penambahbaikan am lain ini adalah tidak ketara kerana ia dibuat bagi mengambilkira penambahbaikan yang dipinda di dalam Piawaian Kewangan Antarabangsa (*International Accounting Standards*). Tujuan penambahbaikan am lain ini dibuat adalah untuk memberi pemahaman yang lebih selain daripada bertujuan untuk mengekalkan konsep-konsep di dalam MPSAS. Penambahbaikan am lain ini telah memberi kesan kepada MPSAS 1, MPSAS 21 dan MPSAS 29.

Penambahbaikan MPSAS berdasarkan Panduan Pelaporan Statistik Kewangan Kerajaan

Penambahbaikan adalah bagi meningkatkan konsistensi terminologi digunapakai oleh MPSAS (MPSAS 12, Inventori dan MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan) dengan Government Finance Statistics (“GFS”) Reporting Guidelines yang dikeluarkan oleh International Monetary Fund (“IMF”).

Rosotnilai Penilaian Semula Aset

Penambahbaikan bagi menjelaskan bahawa aset diukur pada amaun dinilaikan semula berdasarkan MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan dan MPSAS 31, Aset Tak Ketara, adalah termasuk di dalam skop MPSAS 21, Rosotnilai Aset Tidak-Menjana-Tunai dan MPSAS 26, Rosotnilai Aset Menjana-Tunai selaras dengan penambahbaikan yang sama oleh IPSAS.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2.5 Pindaan yang dikeluarkan tetapi belum dikuatkuasa (Sambungan)

Pemakaian MPSAS

Penambahbaikan dengan menyingkirkan definisi Perusahaan Perniagaan Kerajaan (Government Business Enterprise ("GBE")) di MPSAS 1, Persembahan Penyata Kewangan. Terma GBE di dalam MPSAS yang lain juga disingkirkan. MPSAS menjelaskan bahawa semua sektor entiti awam perlu menggunapakai MPSAS kecuali sektor entiti awam komersial dan entiti yang diwajibkan oleh undang-undang untuk menggunapakai piawaian selain MPSAS.

Pindaan-pindaan di atas akan berkuatkuasa bagi tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024 di mana pemakaian awal adalah digalakkan. DBKL akan menggunapakai pindaan-pindaan di atas sekiranya relevan apabila ia telah berkuatkuasa.

Pindaan-pindaan di atas juga tidak akan memberi kesan kewangan yang ketara kepada penyata kewangan DBKL apabila ia telah berkuatkuasa kelak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1 Instrumen Kewangan

3.1.1 Aset Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila DBKL menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen berkenaan.

Aset-aset kewangan dikelaskan seperti berikut:

- Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.
- Pinjaman dan penghutang;
- Aset pelaburan dipegang sehingga matang; dan
- Aset kewangan sedia dijual.

Pengkelasan aset kewangan adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkenaan diperolehi. Pembelian atau jualan aset kewangan yang memerlukan serahan aset dalam rangka masa yang ditetapkan oleh pasaran adalah diiktiraf di waktu komitmen pembelian dibuat.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali untuk kiraan awal bagi aset atau liabiliti kewangan yang saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dikira pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan). Pengiktirafan secara ini tidak termasuk transaksi pembiayaan.

Sekiranya urusan berkenaan melibatkan transaksi pembiayaan, aset atau liabiliti kewangan dikira pada nilai semasa bayaran hadapan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrumen hutang yang serupa.

(b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutan untuk aset-aset kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

i. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Kurangan

Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui lebihan atau kurangan termasuk aset kewangan dipegang untuk diniagakan dan aset kewangan yang ditetapkan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperolehi bagi tujuan jualan atau belian semula di masa terdekat. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan dinyatakan ke Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama yang mana perubahan diiktiraf ke lebihan atau kurangan.

ii. Pinjaman dan Penghutang

Instrumen Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan adalah aset kewangan yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, selepas penjejasan nilai.

Instrumen pinjaman yang dikelaskan sebagai aset atau liabiliti semasa dinyatakan pada jumlah tunai tanpa didiskaunkan atau jumlah balasan yang akan diterima atau dibayar kecuali jika urusan berkenaan sebenarnya adalah transaksi pembiayaan.

iii. Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang

Aset kewangan yang mempunyai ketetapan matang dan bayaran tetap (atau boleh ditentukan ketetapannya) dikelaskan sebagai dipegang sehingga matang apabila DBKL berhasrat positif dan berkemampuan untuk memegang aset berkenaan sehingga matang. Selepas taksiran awal, aset berklasifikasi begini akan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif selepas penjejasan nilai. Kos terlunas ditentukan dengan mengambil kira sebarang premium atau diskaun pada tarikh perolehan termasuk fi dan kos yang bersepadu sebagai faedah efektif. Kerugian penjejasan nilai diiktiraf ke lebihan atau kurangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

iv. Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset Kewangan Sedia Dijual merupakan aset bukan derivatif yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasi sebagai pinjaman dan penghutang, aset pelaburan dipegang sehingga matang atau aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.

Selepas taksiran awal, aset kewangan sedia dijual akan ditaksir pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke aset bersih melalui Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti sehinggalah aset berkenaan dinyahiktiraf. Penyahiktirafan ini dibuat melalui lebihan atau kurangan.

(c) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) diiktiraf ke lebihan atau kurangan.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf ke lebihan atau kurangan.

(d) Penjejasan Nilai untuk Aset Kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami penjejasan nilai. Aset kewangan dianggap mengalami penjejasan nilai apabila terdapat bukti objektif tentang penjejasan nilai disebabkan kejadian selepas tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian penjejasan nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

i. Aset Kewangan dinyatakan Pada Kos Terlunas

Untuk aset kewangan dinyatakan pada kos terlunas, semakan awal dibuat untuk menentukan samada terdapat secara individual, bukti objektif tentang penjejasan nilai untuk aset kewangan yang signifikan secara individual, atau secara kolektif untuk aset yang tidak signifikan bila berdiri secara individual.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai ditaksir sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Kerugian penjejasan nilai tersebut diiktiraf ke lebihan atau kurangan.

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira menerusi akaun peruntukan tersebut. Kerugian penjejasan nilai diiktiraf ke lebihan atau kurangan.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian penjejasan nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas penjejasan nilai tersebut diiktiraf, kerugian penjejasan nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf ke lebihan atau kurangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

ii. Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan sedia untuk dijual dijejasnilai.

'Signifikan' bermaksud bandingan kepada kos asal manakala 'berpanjangan' bermaksud bandingan kepada tempoh nilai saksama jatuh dari paras kos asal.

Jika aset kewangan sedia untuk dijual dijejasnilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian penjejasan nilai diiktiraf sebelum ini di dalam lebihan atau kurangan, dipindah daripada rizab di dalam ekuiti ke lebihan atau kurangan.

Untuk instrumen hutang yang diklasifikasi sebagai sedia untuk dijual, semakan penjejasan nilai menggunakan asas yang sama dengan aset kewangan dinyatakan pada kos terlunas. Walau bagaimanapun, amaun yang dinyatakan untuk penjejasan nilai ialah kerugian kumulatif ditaksir sebagai perbezaan di antara kos terlunas dan nilai saksama selepas sebarang kerugian ke atas pelaburan yang dahulunya pernah diiktiraf ke lebihan atau kurangan.

3.1.2 Liabiliti Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Liabiliti kewangan yang terkandung di dalam skop MPSAS 29 diklasifikasikan mengikut kesesuaian sebagai: -

- liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, atau
- pinjaman dan pembiayaan.

Klasifikasi ini ditentukan semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan termasuk pemiutang dagangan dan pemiutang lain, overdraf bank, pinjaman dan pembiayaan, dan kontrak jaminan kewangan.

Semua liabiliti kewangan asalnya diiktiraf pada nilai saksama dan, untuk pinjaman dan pembiayaan, dicampur kos transaksi langsung berkaitan.

(b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutan untuk liabiliti kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

i. Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Kurangan

Liabiliti ini termasuk liabiliti kewangan dipegang untuk diniagakan dan liabiliti kewangan ditentukan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperoleh dengan tujuan untuk dijual dalam tempoh terdekat.

Keuntungan atau kerugian dari liabiliti dipegang untuk diniagakan diiktiraf ke lebihan atau kurangan.

ii. Pinjaman dan Pembiayaan

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman mengandungi faedah dan pembiayaan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf ke lebihan atau kurangan apabila liabiliti dinyahiktiraf dan juga melalui proses pelunasan berkaedah faedah efektif.

Kos pelunasan dibuat dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium semasa pengambilan dan fi atau kos yang berhubung dengan kadar faedah efektif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi telah dipisah keluar, dibatal atau tamat.

Apabila liabiliti kewangan sedia ada ditukar dengan yang lain oleh pemiutang yang sama pada terma yang ketara perbezaannya, atau terma liabiliti sedia ada dimodifikasi secara ketara, pertukaran atau modifikasi berkenaan dikaedahkan sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan di antara nilai bawa diiktiraf ke lebihan atau kurangan.

(d) Hapus silang (Offsetting) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dihapus silang dan nilai bersih dilaporkan di dalam penyata kedudukan kewangan sekiranya terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk menghapus silang amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan secara asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

3.2 Tunai dan Tunai Setara

Tunai dan tunai setara adalah tunai di tangan, baki dalam bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan jangka pendek cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.3 Inventori

Inventori dinyatakan pada kos lebih rendah dan nilai terealisasi bersih selepas ditolak kos penyiapan dan pengedaran. Walaubagaimanapun, untuk kelas inventori yang diedarkan atau digunakan tanpa sebarang bayaran atau dengan bayaran yang nominal, kelas inventori tersebut dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan kos penggantian semula.

Kos barangan ditentukan berdasarkan asas purata wajaran. Kos termasuk harga pembelian sebenar dan kos sampingan yang ditanggung dalam membawa inventori ke lokasi kini.

3.4 Hartanah, loji dan peralatan

(a) Pengiktirafan dan ukuran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai dan penjejasan nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Perisian komputer yang bersepadu dengan fungsi peralatan berkenaan dikaedahkan sebagai sebahagian aset yang berkenaan. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikaedahkan sebagai aset berasingan.

Sekiranya aset diperolehi melalui transaksi bukan pertukaran, tanpa sebarang kos atau balasan nominal, dan di mana nilai saksama boleh ditentukan, aset tersebut pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan sebagai pendapatan di dalam penyata prestasi kewangan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan boleh diperolehi dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai dibawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke lebihan atau kurangan, di mana berkenaan.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh diukur dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke lebihan atau kurangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.4 Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

(a) Pengiktirafan dan ukuran (sambungan)

Kerja dalam proses merujuk kepada kos perbelanjaan yang belum lagi disempurnakan pada akhir tempoh kewangan yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan termasuk pengambilan tanah. Setelah projek siap dan mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja, pengkelasan ke kategori aset yang berkenaan akan dilakukan.

(b) Susut Nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusutnilaikan secara berasingan.

Tanah milik bebas dan kerja dalam proses tidak disusutnilaikan.

Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan berikut:-

Tanah pajakan	Sepanjang jangka pajak
Bangunan	50 tahun
Kenderaan dan Jentera	5 tahun
Peralatan dan Kompter	5 tahun
Gerai perniagaan	10 tahun
Taman dan Rekreasi	50 tahun
Rumah panjang	10 tahun
Infrastruktur	50 tahun

Nilai bawa aset akan dikaji semula apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Hartanah, loji dan peralatan akan dinyatakan ke nilai pulih semula kurang dari nilai bawa. Nilai pulih semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai bersih boleh direalisasikan dan nilai penggunaannya.

3.5 Aset Tak Ketara

(a) Pengiktirafan dan ukuran

Aset tak ketara terdiri daripada sistem aplikasi dan pembangunan sistem aplikasi dinyatakan pada harga kos setelah ditolak pelunasan dan penjejasan nilai terkumpul. Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut.

Sekiranya aset diperolehi melalui transaksi bukan pertukaran, tanpa sebarang kos atau balasan nominal, dan di mana nilai saksama boleh ditentukan, aset tersebut pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan sebagai pendapatan di dalam penyata prestasi kewangan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan boleh diperolehi dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Apabila aset tak ketara dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai dibawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke lebihan atau kurangan, di mana berkenaan.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh diukur dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke lebihan atau kurangan.

Kerja dalam proses aset tak ketara merujuk kepada kos perbelanjaan yang belum lagi disempurnakan pada akhir tempoh kewangan yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan sistem aplikasi tersebut. Setelah projek siap dan Ujian Penerimaan Akhir *(Final Acceptance Test)* ditandatangani dan dikeluarkan, pengkelasan ke kategori aset yang berkenaan akan dilakukan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Pelunasan Nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusutnilaikan secara berasingan. Aset Tak Ketara dilunaskan berdasarkan anggaran usia guna selama 5 tahun.

3.6 Aset Hartanah untuk Dijual

Aset hartanah untuk dijual terdiri daripada unit-unit bangunan siap yang dikenalpasti dalam program jualan DBKL dan dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah.

3.7 Manfaat Pekerja

Manfaat pekerja berkenaan upah, gaji, bonus dan gantian cuti rehat dikira atas dasar tanpa diskaun dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja.

Bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan Tahun Semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf secara akruan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai peruntukan manfaat kakitangan.

Jenis peruntukan manfaat kakitangan yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat. Pengiraan peruntukan gantian cuti rehat adalah berdasarkan kaedah penilaian aktuari yang dijalankan pada setiap (5) tahun.

Keuntungan atau kerugian atas penilaian aktuari diiktiraf dalam Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku sepenuhnya.

3.8 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila DBKL mempunyai obligasi semasa (secara konstruktif dan perundangan), kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk membayangkan anggaran semasa terbaik. Jika tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi berkenaan, peruntukan tersebut akan dibalikkan.

(a) Liabiliti Rehabilitasi

Kos rehabilitasi diperuntukkan pada nilai semasa kos jangkaan untuk menyelesaikan obligasi, menggunakan anggaran aliran tunai sebagai sebahagian kos aset berkenaan. Aliran tunai didiskaunkan pada kadar sebelum cukai semasa yang menggambarkan risiko spesifik untuk liabiliti rehabilitiasi berkenaan. Perungkaian diskaun dicaj sebagai kos kewangan di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Anggaran kos di masa hadapan untuk pemberhentian dikaji secara tahunan dan diselaraskan sebagaimana yang sesuai. Perubahan kepada anggaran kos di masa hadapan atau kadar diskaun yang digunakan akan dicampur atau ditolak dari kos asal aset berkenaan.

(b) Liabiliti Kontingen

DBKL tidak mengiktiraf liabiliti kontingen, tetapi memberi penerangan tentang kontingensi di dalam nota kepada penyata kewangan, kecuali kemungkinan aliran sumber ekonomi adalah terpencil.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.9 Sifat dan tujuan rizab

Rizab Pembangunan dan Rizab Modal

Untuk pembiayaan projek penyelenggaraan, infrastruktur dan aset hartanah, loji dan peralatan menggunakan dana dalaman, DBKL mewujudkan Rizab Pembangunan sebagai sebahagian dari ekuiti. Kewujudan dan penggunaan dana khas untuk setiap projek berkenaan adalah seperti berikut:-

i. Perbelanjaan modal

- Jumlah bersamaan dengan bajet dipindahkan dari Lebihan Terkumpul ke Rizab Pembangunan;
- Pindahan dari Rizab Pembangunan ke Rizab Modal dibuat mengikut jumlah perbelanjaan.

ii. Perbelanjaan lain

- Jumlah bersamaan dengan bajet dipindahkan dari Lebihan Terkumpul ke Rizab Pembangunan;
- Pindahan dari Rizab Pembangunan ke Lebihan Terkumpul dibuat mengikut jumlah perbelanjaan.

iii. Penjualan aset dan hapuskira

Rizab Modal akan direalisasi secara pindahan ke Lebihan Terkumpul apabila aset berkenaan dijual atau dihapuskira.

Rizab Nilai Saksama

Merujuk kepada untung atau rugi nilai saksama yang tidak direalisasi bagi aset kewangan sedia dijual.

Tabung Pinjaman

(a) Tabung Pinjaman Pelajaran

Tabung ini bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pegawai dan kakitangan DBKL serta anak pegawai dan kakitangan DBKL untuk melanjutkan pelajaran.

(b) Tabung Pinjaman Peribadi

Tabung ini bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pegawai dan kakitangan DBKL yang berhadapan dengan keberhutangan wang yang berat.

(c) Tabung Pinjaman Kenderaan

Tabung ini bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pegawai dan kakitangan DBKL untuk membeli kenderaan.

(d) Tabung Pinjaman Komputer

Tabung ini bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pegawai dan kakitangan DBKL untuk membeli komputer dan telefon bimbit.

(e) Tabung Pinjaman Datuk Bandar

Tabung ini bertujuan untuk membantu kawasan perumahan rumah jual yang masih dibawah seliaan DBKL yang menghadapi aliran tunai yang tenat dalam menyelenggara kawasan rumah tersebut. Di antara kerja-kerja penyelenggaraan yang dibenarkan untuk mendapatkan pinjaman ini hanya untuk kerja-kerja kritikal dan kecemasan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Rizab Penjualan Rumah

Memorandum Jemaah Menteri, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mengenai *"mekanisma dan prosedur pelaksanaan Skim Pembiayaan Khas bagi penjualan rumah Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Perumahan Awam DBKL"* bertarikh Januari 2012 telah menetapkan penyediaan peruntukan khas daripada terimaan hasil penjualan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat sebagai Rizab Penjualan Rumah seperti berikut:

3.9.1 Peruntukan 20% bagi tujuan pembelian semula
3.9.2 Peruntukan 20% bagi tujuan pembangunan projek perumahan awam dan pembelian perumahan swasta
3.9.3 Peruntukan 10% bagi tujuan bantuan sewa rumah
3.9.4 Peruntukan 50% bagi tujuan pembaikan dan penyelenggaraan

Rizab Manfaat Kakitangan

Rizab manfaat kakitangan adalah bertujuan untuk mengiktiraf untung atau rugi aktuari di mana sebarang perubahan pada nilai semasa pelan perlu diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti.

Tabung Amanah

(a) Tabung Amanah Bencana Alam

Tabung ini bertujuan untuk memberi bantuan kewangan kerana kemusnahan rumah kediaman di Kuala Lumpur akibat banjir, kebakaran dan tanah runtuh.

3.10 Geran Tertunda (Kumpulan Wang)

Untuk pembiayaan projek infrastruktur dan aset hartanah, loji dan peralatan menggunakan dana sumbangan pihak luar, DBKL mewujudkan geran tertunda sebagai liabiliti bukan semasa. Kewujudan dan penggunaan dana khas untuk setiap projek berkenaan adalah seperti berikut:-

i. Penerimaan dana

Dana yang diterima akan dikredit kepada geran tertunda.

ii. Perbelanjaan modal

- Jumlah bersamaan perbelanjaan yang diasetkan dibuat pindahan dari Lebihan Terkumpul ke Rizab Modal;
- Jumlah perbelanjaan yang diasetkan direalisasi sebagai pendapatan.

iii. Perbelanjaan lain

Jumlah bersamaan perbelanjaan direalisasi sebagai pendapatan.

3.11 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan transaksi bukan tukaran

i. Geran Kerajaan tanpa syarat perlaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila geran berkenaan dapat dipastikan penerimaannya.
ii. Geran Kerajaan dengan syarat perlaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila terlaksana syarat-syarat berkenaan.
iii. Kawalan binaan dan perancangan, pengeluaran lesen dan denda diiktiraf mengikut asas tunai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Pendapatan transaksi tukaran

i. Pendapatan keuntungan dari simpanan dan deposit tetap mengikut asas akruan.
ii. Pendapatan dari kutipan sewaan adalah diiktiraf mengikut asas akruan.
iii. Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditetapkan.
iv. Hasil jualan aset diiktiraf apabila risiko dan ganjaran signifikan telah beralih kepada pembeli.

3.12 Penjejasan nilai untuk Aset Bukan Kewangan

Semakan dibuat sama ada terdapat petanda bahawa nilai dibawa aset bukan kewangan mengalami penjejasan nilai. Sekiranya ada, anggaran nilai boleh diperolehi aset berkenaan akan dilakukan.

Bagi tujuan menyemak penjejasan nilai, aset bukan kewangan dikumpulkan pada unit penjanaan tunai ("UPT"), iaitu tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan.

Nilai aset boleh diperolehi semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama selepas kos untuk jualan dan nilai gunaan. Untuk mentafsir nilai gunaan, unjuran aliran tunai didiskaunkan pada kadar diskaun sebelum cukai yang berpandukan kepada taksiran pasaran semasa untuk aset atau UPT berkenaan.

Penjejasan nilai akan diiktiraf apabila nilai bawa untuk aset atau UPT yang berkenaan melebihi jumlah boleh diperolehi.

Pertambahan seterusnya ke atas jumlah yang boleh diperolehi oleh sesuatu aset dikira sebagai pembalikkan kerugian atas sebab pengurangan kekal terdahulu dan diambilkira setakat nilai aset yang dibawa tersebut yang sepatutnya dikira (jumlah bersih perlunasan dan susutnilai) jika kerugian atas sebab pengurangan kekal tidak diambilkira. Nilai yang diterbalikkan ini diambilkira ke lebihan atau kurangan bagi tahun semasa.

3.13 Kos Pinjaman

Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan ke dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh perbelanjaan berkenaan digunakan.

3.14 Pajakan

i. Sebagai pemajak

Pajakan-pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada DBKL secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, atau sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj ke lebihan atau kurangan. Sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana ianya ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah tentang perolehan pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut. Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut.

Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

ii. Sebagai pemberi pajak

Pajakan-pajakan di mana DBKL secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.15 Transaksi Matawang Asing

Transaksi matawang asing dinyatakan asalnya menggunakan kadar tukaran terpakai pada tarikh transaksi berkenaan. Pemiutang atau penghutang dagangan berdominasikan matawang asing pada tarikh berakhir tahun kewangan dilaporkan dengan menggunakan kadar tukaran pada hari tersebut. Perbezaan tukaran hasil dari penyelesaian dengan pemiutang, atau dari pelaporan semula pemiutang pada kadar yang berbeza dari apa yang dilaporkan sebelumnya, diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam tempoh perbezaan berkenaan timbul.

3.16 Maklumat Bajet

Bajet tahunan merujuk kepada perbelanjaan dan pendapatan dirancang untuk menentukan keperluan DBKL yang didedahkan di dalam satu penyata.

3.17 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun anggaran dan pandangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian mendasari disemak secara berterusan. Perbezaan akibat semakan kepada anggaran perakaunan diikitiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

(a) Pertimbangan

Dalam proses mengguna pakai polisi perakaunan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan yang berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan:-

i. Penjejasan Nilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual

Semakan dibuat ke atas Aset Kewangan Sedia Dijual pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada wujudnya bukti yang objektif bahawa penjejasan nilai telah dialami. Sekiranya terdapat petunjuk-petunjuk atau bukti yang objektif, pelaburan berkenaan tertakluk kepada semakan penjejasan nilai. Dalam menjalankan semakan penjejasan nilai, pertimbangan adalah diperlukan. Penentuan sama ada pelaburan mengalami penjejasan nilai adalah berdasarkan petunjuk tertentu seperti, antara lain, penurunan berpanjangan dalam nilai saksama, masalah kewangan yang ketara oleh penerbit atau penanggung terbitan, kehilangan pasaran dagangan yang aktif dan kemerosotan kualiti kredit penerbit atau penanggung terbitan.

ii. Penjejasan Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Semakan dibuat ke atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan secara individu pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada penjejasan nilai perlu direkodkan ke lebihan atau kurangan. Anggaran-anggaran yang perlu dipertimbangkan adalah kualiti kredit, tahap tunggakkan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, nilai cagaran dan sebagainya.

iii. Perubahan anggaran jangka hayat bagi hartanah, loji dan peralatan, hartanah pelaburan dan aset tak ketara

Kos bagi hartanah, loji dan peralatan, hartanah pelaburan dan aset tak ketara disusutnilaikan menggunakan kaedah garis lurus atau kaedah sistematik lain yang menggambarkan penggunaan manfaat ekonomi aset berbanding jangka hayat. Anggaran adalah digunakan di dalam pemilihan kaedah susutnilai yang digunakan, jangka hayat dan nilai baki sesuatu aset. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini boleh membawa kesan yang signifikan kepada kedudukan kewangan dan hasil DBKL.

iv. Pengukuran peruntukan

DBKL menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur peruntukan. Pihak pengurusan menilai anggaran berdasarkan kepada sejarah dan input atau andaian lain, perkembangan semasa dan peristiwa akan datang yang munasabah dalam keadaan tertentu. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini boleh membawa kesan yang signifikan kepada kedudukan kewangan dan hasil DBKL.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Anggaran dan Andaian

Andaian utama mengenai masa hadapan dan sumber utama terhadap ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan material kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang, diterangkan di bawah. Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan andaian dan menganggarkan pada parameter yang tersedia. Anggaran dan andaian yang digunakan dibuat semakan sepanjang masa. Keadaan dan andaian yang ada tentang perkembangan masa hadapan, bagaimanapun, mungkin berubah. Perubahan kepada anggaran tersebut diiktiraf dalam tempoh kewangan kajian semula dibuat dan juga mana-mana tempoh kewangan hadapan yang terlibat.

i. Penjejasan Nilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual

Nilai Atas Ekuiti

Bagi pelaburan ekuiti, penjejasan nilai terbit kerana wujud penurunan ketara dalam nilai saksama sekuriti di bawah kos asal atau penurunan nilai saksama yang berlanjutan bagi sekuriti yang berada di bawah kos asal.

ii. Penjejasan Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Dalam menentukan penjejasan nilai ke atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, anggaran dibuat ke atas jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan. Dalam menganggarkan aliran tunai ini, pertimbangan dibuat mengenai peminjam atau keadaan kewangan pelanggan dan nilai boleh direalisi bersih cagaran.

iii. Rosotnilai aset bukan kewangan

Apabila amaun bolehpulih aset ditentukan berdasarkan anggaran nilai kegunaan bagi setiap unit janaan tunai yang mana aset diagihkan, DBKL adalah diperlukan untuk membuat anggaran aliran tunai masa depan dijangka daripada unit janaan tunai dan juga untuk menggunakan kadar diskaun yang sesuai untuk menentukan nilai kini aliran tunai tersebut.

3.18 Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di kalangan peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

(i) Dalam keadaan pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau
(ii) Dalam ketiadaan keadaan pasaran utama, dalam keadaan pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan dan yang mana data yang mencukupi boleh didapati, digunakan untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input berkaitan yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

Tahap 1 - Tersiar harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa
Tahap 2 - Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung yang boleh diperhatikan
Tahap 3 - Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan)

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf secara berulang di dalam penyata kewangan, DBKL menentukan sama ada pemindahan telah berlaku di antara tahap hierarki dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan input tahap terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

4. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2022 RM	2021 RM
Penghutang cukai taksiran	683,392,583	589,063,166
Penghutang lain	430,094,922	404,746,555
	1,113,487,505	993,809,721
Tolak: Peruntukan penjejasan nilai	(29,155,194)	(30,409,417)
	1,084,332,311	963,400,304
Diterakan sebagai:-		
Aset semasa	659,142,278	563,558,638
Aset bukan semasa	425,190,033	399,841,666
	1,084,332,311	963,400,304

4(a) Analisis pengumuran

Analisis pengumuran adalah seperti berikut:-

	2022 RM	2021 RM
Belum tertunggak dan tidak dijejasnilai	265,831,338	251,456,637
1 hingga 3 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	431,410,331	430,570,969
3 hingga 6 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	176,745,014	93,507,576
Lebih dari 6 tahun dan tidak dijejasnilai	239,500,822	218,274,539
	1,113,487,505	993,809,721
Dijejasnilai (Nota 4(a)(iii))	(29,155,194)	(30,409,417)
	1,084,332,311	963,400,304

(i) *Penghutang yang belum tertunggak dan tidak djejasnilai*
Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan DBKL.

(ii) *Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai*
Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, DBKL yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk penjejasan nilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

4. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA (SAMBUNGAN)

(iii) *Penghutang yang dijejasnilai*

Penghutang yang dijejasnilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian penjejasan nilai penghutang adalah seperti berikut:-

	2022	2021
	RM	RM
Pada 1 Januari	30,409,417	29,179,942
(Pembalikan caj) / caj pada tahun kewangan semasa	(1,254,223)	1,229,475
Pada 31 Disember	29,155,194	30,409,417

Penghutang ini telah dikenalpasti secara individu untuk dijejasnilai, kerana berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, DBKL menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

5. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2022	2021
	RM	RM
Penghutang sewaan (Nota 5(b))	382,003,558	374,022,084
Penghutang jualan	40,812,423	85,815,653
Penghutang perkhidmatan dan utiliti	76,572,411	78,473,581
Penghutang projek penswastaan	40,893,228	179,212,749
Penghutang kakitangan	9,049,607	9,136,710
Penghutang pelbagai	31,997,492	42,155,498
Hasil faedah terakru	69,239,327	70,089,530
Cagaran	3,213,259	3,756,141
Bayaran terdahulu	57,713,382	42,865,369
	711,494,687	885,527,315
Tolak: Peruntukan penjejasan nilai	(192,005,922)	(199,765,523)
	519,488,765	685,761,792
Diterakan sebagai:-		
Aset semasa	280,576,320	447,996,473
Aset bukan semasa	238,912,445	237,765,319
	519,488,765	685,761,792

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

5. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA (SAMBUNGAN)

5 (a) Analisis pengumuran

Analisis pengumuran adalah seperti berikut:-

	2022 RM	2021 RM
Belum tertunggak dan tidak dijejasnilai	361,029,638	308,835,248
1 hingga 3 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	90,337,207	339,409,294
3 hingga 6 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	99,224,137	142,646,239
Lebih dari 6 tahun dan tidak dijejasnilai	160,903,705	94,636,534
	711,494,687	885,527,315
Dijejasnilai (Nota 5(a)(iii))	(192,005,922)	(199,765,523)
	519,488,765	685,761,792

(i) *Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai*
Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan DBKL.

(ii) *Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai*
Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, DBKL yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk penjejasan nilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.

(iii) *Penghutang yang dijejasnilai*
Penghutang yang dijejasnilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian penjejasan nilai penghutang adalah seperti berikut:-

	2022 RM	2021 RM
Pada 1 Januari	199,765,523	226,812,233
Caj pada tahun kewangan semasa	14,767,661	11,968,439
Hapuskira kerugian penjejasan nilai	(22,527,262)	(39,015,149)
Pada 31 Disember	192,005,922	199,765,523

Penghutang ini telah dikenalpasti secara individu untuk dijejasnilai kerana, berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, DBKL menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

5. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA (SAMBUNGAN)

5 (b) Penghutang sewaan

Termasuk di dalam penghutang sewaan adalah transaksi pajakan kewangan di mana pihak DBKL bertindak sebagai pemberi pajak. Bayaran pajakan kewangan belum terima adalah seperti berikut:-

	2022 RM	2021 RM
Dalam masa setahun	190,139,010	182,157,536
Selepas 2 tahun	191,864,548	191,864,548
	382,003,558	374,022,084

6. INVENTORI

	2022 RM	2021 RM
Peralatan Bengkel	776,133	509,599
Alat Ganti	2,551,808	3,196,409
Petrol	12,927	59,847
Alat Tulis	126,866	114,892
Buku Resit	160,414	173,445
	3,628,148	4,054,192

Inventori dinyatakan pada kos dan diiktiraf di dalam lebihan dan kurangan pada tahun semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah dan bangunan*	Infrastruktur^	Kenderaan dan jentera	Peralatan dan komputer	Taman dan rekreasi	Kerja dalam proses	Jumlah 2021
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos							
Pada awal tahun	3,783,901,574	6,298,190,142	253,051,556	214,828,792	139,997,566	2,339,790,544	13,029,760,174
Pembelian	179,857,741	-	19,378,847	2,206,472	-	324,950,085	526,393,145
Permodalan	511,556,909	93,388,263	-	-	22,023,221	(626,968,393)	-
Pelupusan	(22,279,843)	-	(11,117,403)	(9,458,871)	-	(43,279,710)	(86,135,827)
Reklasifikasi	(43,929,207)	-	-		-	33,749,905	(10,179,302)
Pelarasan	-	-	-	-	-	(151,463)	(151,463)
Pada akhir tahun	4,409,107,174	6,391,578,405	261,313,000	207,576,393	162,020,787	2,028,090,968	13,459,686,727
Susutnilai terkumpul							
Pada awal tahun	868,810,428	590,891,194	229,295,663	199,218,269	25,251,186	-	1,913,466,740
Susutnilai bagi tahun kewangan	128,399,921	180,975,229	10,677,784	7,760,612	3,686,415	-	331,499,961
Pelupusan	(1,074)	184,713	-	(9,458,795)	-		(9,275,156)
Reklasifikasi	(939,473)	(235,197)	-	-	-	-	(1,174,670)
Pelarasan	(12,789,859)	-	(10,960,406)	-	-	-	(23,750,265)
Pada akhir tahun	983,479,943	771,815,939	229,013,041	197,520,086	28,937,601	-	2,210,766,610
Nilai bawa bersih							
